The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

AZLIN NAMILI BINTI MOHD ALI @ RAMLI

Universiti Utara Malaysia

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2023

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

Universiti Utara Malaysia

AZLIN NAMILI BT. MOHD ALI @ RAMLI (94489)

Tesis ini dikemukakan ke Ghazali Shafie Graduate School of Government bagi memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah
Universiti Utara Malaysia

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

AZLIN NAMILI MOHD ALI @ RAMLI (94489)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) **DOKTOR FALSAFAH (UNDANG-UNDANG)**

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

Universiti Utara Malaysia

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **6 APRIL 2022**
That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: ***APRIL 6, 2022***

Pengerusi Viva *(Chairman for Viva)*	: **PROF. MADYA DR. CHE THALBI MD. ISMAIL**	Tandatangan *(Signature)*	
Pemeriksa Luar *(External Examiner)*	: **PROF. DR. HASANI ALI**	Tandatangan *(Signature)*	
Pemeriksa Luar *(External Examiner)*	: **PROF. DR. ZUHAIRAH ARIFF ABD GHADAS**	Tandatangan *(Signature)*	
Tarikh Date	: **6 APRIL 2022**		

Nama Pelajar *(Name of Student)*	:	**AZLIN NAMILI MOHD ALI @ RAMLI (94489)**
Tajuk Tesis *(Title of the Thesis)*	:	**UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS**
Program Pengajian *(Programme of Study)*	:	**DOKTOR FALSAFAH (UNDANG-UNDANG)**
Penyelia Pertama (*First Supervisor*)	:	**PROF. MADYA DR. ASPALELLA A. RAHMAN**

Tandatangan
(Signature)

Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah (PhD), Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan siapa sahaja untuk memeriksa. Saya bersetuju bahawa penyelia saya atau jiga ketiadaannya, Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tises ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah di alamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)

UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah, Darul Aman

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Malaysia telah menggubal Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010) bagi menyahut seruan United Nations Convention Against Corruption 2003 walaupun telah terdapat peruntukan-peruntukan berkaitan perlindungan pemberi maklumat pada akta-akta lain yang memberikan skala perlindungan yang berbeza. Pertindanan antara perlindungan yang diberikan oleh pelbagai akta ini boleh membuka ruang kepada penguatkuasa untuk memilih peruntukan yang mereka inginkan tanpa mengambilkira perlindungan yang lebih baik kepada pemberi maklumat. Walaupun APPM 2010 telah lama digubal, namun terdapat satu kes saja berjaya memihak kepada pemberi maklumat di bawah akta ini yang mungkin menunjukkan APPM 2010 masih perlu ditambah baik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pertindanan peruntukan–peruntukan undang-undang berkaitan perlindungan pemberian maklumat antara akta-akta yang ada. Ia juga mengenal pasti peruntukan-peruntukan di bawah APPM 2010 yang perlu di tambah baik denga membuat perbandingan dengan perundangan perlindungan pemberi maklumat di Amerika dan England kerana APPM 2010 banyak diambil dari negara tersebut tetapi mereka telah banyak membuat penambahbaikan padanya. Malah kajian ini turut melihat sejauh mana pemakaian akta ini oleh agensi-agensi penguatkuasaan.

Kajian ini adalah kajian sosio perundangan yang mana menggunakan pendekatan kajian analitis dan kritis serta kajian perbandingan. Ia sesuai digunakan untuk menganalisis dan mengkonsepkan isu undang-undang yang berkaitan dengan mekanisme penguatkuasaan dan implikasi peraturan dan prinsip undang-undang. Data sekunder yang berkaitan dikaji dan temubual diadakan dengan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah pemantauan Bahagian Hal-Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri untuk melihat pemakaian APPM 2010.

Hasil dapatan dari kajian menunjukkan perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah APPM 2010 secara umumnya adalah lebih baik berbanding dengan peruntukan-peruntukan pada akta-akta lain kecuali pada beberapa akta tertentu. Namun terdapat juga banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap APPM 2010 bagi meningkatkan keberkesanannya seperti mewujudkan saluran pemberian maklumat yang lebih bebas selain dari kepada agensi penguatkuasaan yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan, definisi pemberi maklumat hendaklah diluaskan skopnya, perlu diwujudkan satu organisasi yang memantau perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat bagi memastikan kebajikan pemberi maklumat terjaga, tindakan drastik dan segera perlu diambil terhadap seseorang yang melakukan tindakan balas terhadap pemberi maklumat.

Kesimpulannya, Malaysia perlukan satu akta yang berkesan untuk melindungi pemberi maklumat bagi menggalakkan lagi pemberian maklumat kerana ia adalah alat yang sangat penting terutamanya bagi membanteras rasuah. Dari sudut pemakaian APPM 2010 pula, boleh dikatakan semua agensi mengguna pakai akta tersebut walaupun mempunyai prosedur-prosedur yang berbeza mengikut agensi masing-masing.

Kata kunci: Perundangan Perlindungan Pemberi Maklumat, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Malaysia, Amerika, England.

ABSTRACT

Malaysia has enacted Whistleblower Protection Act 2010 (APPM 2010) in response to the call of the United Nations Convention Against Corruption 2003 even though there have been provisions related to the protection of whistleblowers in other acts that provide a different scale of protection. The overlap between the protections provided by these various acts can open up space for the enforcement agencies to choose the provisions they want without taking into consideration the better protection of whistleblowers. Although APPM 2010 has been enacted for quite a long time, there is only one successful case for in favour of whistleblowers under this act which may indicate that APPM 2010 still need to be improved.

This study aims to identify the overlap of legal provisions for protection of whistleblowers between the acts. It also identifies the provisions under APPM 2010 that need to be improved by making a comparison with whistleblowers protection legislation in America and England because APPM 2010 is based on those countries but they have made many improvements to it. In fact, this study also looks at the extent to which this act was applied by the enforcement agencies.

This study is a social legal study which uses the analytical and critical approach as well as comparative study. It is suitable for analysing and conceptualising legal issues related to enforcement mechanisms and implications of legal rules and principles. Relevant secondary data were studied and interviews were conducted with enforcement agencies monitored by the Legal Affairs Division in the Prime Minister's Department to observe the application of APPM 2010.

The results of the study show that the protection of whistleblowers under APPM 2010 is generally better compared to the provisions of other acts excepts for a few. However, there are many improvements that need to be made to APPM 2010 in order to increase its effectiveness such as creating a more independent channel for providing information apart from enforcement agencies that under the jurisdictions of the government, the definition of whistleblower should be broadened in scope, it is important to create an organization that monitors the protection given to whistleblowers to ensure the welfare of whistleblowers and also drastic and immediate action should be taken against someone who retaliates against the whistleblower.

In conclusion, Malaysia needs an effective act to protect whistleblowers to further encourage the provision of information as it is an important tool to specially to combat corruption. From the perspective of application, all enforcement agencies adopt APPM 2010, however with different procedures according to the perspective agencies.

Keywords: Whistleblower Protection Legislations, Whistleblower Protection Act 2010, Malaysia, America, England.

Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya, dapatlah saya menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Undang-undang di Universiti Utara Malaysia.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada PM Dr Aspalella Abdul Rahman dan Allahyarhamah PM Dr Nurli Yaacob selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang menjalankan kajian ini.

Selain itu setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada keluarga tercinta Mohd Ali @ Ramli Mohd Salleh (ayahanda), Allahyarhamah Nik Amnah Nik Ismail (ibunda), Wan Mohd Razif Hj. Wan Daud (suami) dan semua anak-anak (Wan Muhammad Azfar, Wan Muhammad Afiq, Wan Muhammad Haziq dan Wan Muhammad Danish) yang memberi dorongan dan semangat sepanjang penyelidikan ini.

Akhirnya, saya juga ingin menujukan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua yang telah menolong sepanjang pengajian sehingga selesai tesis ini.

Universiti Utara Malaysia

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA i

ABSTRAK ii

ABSTRACT iii

PENGHARGAAN iv

ISI KANDUNGAN v

SENARAI JADUAL xi

SENARAI STATUT xii

SENARAI KES xv

SENARAI LAMPIRAN xvii

SENARAI SINGKATAN xviii

BAB SATU PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA: SATU ANALISIS PERUNDANGAN 1

1.1 Latar Belakang Kajian 1

1.2 Penyataan Masalah 9

1.3 Persoalan Kajian 23

1.4 Objektif Kajian 23

1.5 Kepentingan Kajian 24

1.6 Metodologi Kajian 26

1.6.1 Rekabentuk Kajian 26

1.6.1.1 Kajian Sosio Perundangan 26

1.6.2 Skop kajian 27

1.6.3 Jenis Data 28

1.6.4 Kaedah Pengumpulan Data 29

1.6.5 Analisis Data 31

1.6.5.1 Kajian Analitis dan Kritis 31

1.6.5.2 Kajian Perbandingan 33

Universiti Utara Malaysia

1.6.6 Kaedah Tafsiran 34
1.7 Kekangan Kajian 35
1.8 Ulasan Karya 35
1.8.1 Definisi Konsep 35
1.8.2 Latar Belakang Pemberian Maklumat 37
1.8.3 Peruntukan-peruntukan yang memberi perlindungan di bawah APPM 39
1.8.4 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (APPM 2010) 41
1.8.5. Remedi-remedi di bawah APPM 2010 45
1.9 Ringkasan Bab 47

BAB DUA LATAR BELAKANG DAN KONSEP PEMBERIAN MAKLUMAT 50
2.1 Pengenalan 50
2.2 Konsep Pemberian Maklumat 51
2.2.1 Kuasa Budibicara 54
2.2.2 Penyertaan oleh masyarakat 61
2.2.3 Budaya Etika Organisasi 63
2.2.4 Definisi dan kategori pemberian maklumat 72
2.2.5 Skop pemberian maklumat 80
2.2.6 Kepentingan pemberian maklumat 84
2.2.7 Sebab pemberian maklumat 86
2.2.8 Akibat dari pemberian maklumat 87
2.3 Latar Belakang Pemberian Maklumat 89
2.3.1 Hak Asasi Manusia 89
2.3.2 Hak Untuk Bersuara 91
2.3.2.1 Hak bersuara di England 93
2.3.2.2 Hak bersuara di Amerika 96
2.3.2.3 Hak bersuara di Malaysia 100
2.4 Perjanjian Antarabangsa 104
2.4.1 United Nations Convention Against Corruption 2003 (UNCAC) 104
2.4.2 Konvensyen International Labour Organisation (ILO) 106

2.4.3 Konvensyen OECD 1960 (Organization for Economic Cooperation & Development) 107
2.4.4 International Covenant on Civil and Political Rights 1976 (ICCPR 1976) 108
2.4.5 Laporan G20 109
2.5 Kesimpulan 110

BAB TIGA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA SELAIN APPM 2010 111
3.1 Pengenalan 111
3.2 Peruntukan –peruntukan Di Dalam Akta-Akta Lain Selain APPM 2010 112
3.2.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 113
3.2.2 Suruhanjaya Syarikat Malaysia 120
3.2.3 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 122
3.2.4 Jabatan Kastam Diraja Malaysia 123
3.2.5 Polis Diraja Malaysia 125
3.2.6 Jabatan Imigresen 125
3.2.7 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia 126
3.2.8 Akta-akta Lain 126
3.3 Analisa Peruntukan-Peruntukan Pemberi Maklumat Di Malaysia 131
3.4 Kesimpulan 139

BAB EMPAT APPM 2010 141
4.1 Pengenalan 141
4.2 Latar Belakang 143
4.2.1 Persidangan Menentang Rasuah Bangsa-bangsa Bersatu (UNCAC) 143
4.2.2 Penggubalan APPM 2010 di Malaysia 148
4.3 Pemakaian APPM 2010 150
4.3.1 Definisi penting APPM 2010 150
4.3.2 Prosedur Pendedahan Maklumat Yang Perlu Dipatuhi oleh Pemberi Maklumat 155
4.3.3 Perlindungan dan remedi 157

Universiti Utara Malaysia

4.3.3.1 Jenis-Jenis Perlindungan 157

4.3.3.1.1 Had Perlindungan Pemberi Maklumat Dan Pembatalan Di Bawah APPM 2010 159

4.3.3.2 Remedi yang boleh diperolehi 162

4.3.4 Ganjaran 166

4.4 Tanggungjawab agensi penguatkuasaan 167

4.5 Bahagian APPM 2010 yang selari dengan UNCAC 167

4.6 Bahagian Yang Tidak Selari Dengan UNCAC 168

4.7 Kajian Kes 171

4.7.1 Kes pemberi maklumat yang dilindungi oleh APPM 2010 177

4.7.2 Kes Pemberi Maklumat Yang Tidak Dilindungi Oleh APPM 2010 178

4.7.2.1 Dr Milton Lum Siew Wah lwn. Majlis Perubatan Malaysia 179

4.7.2.2 Rokiah Mhd Noor lwn. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll 179

4.7.2.3 Mohd Rafizi Ramli 182

4.7.2.4 Dato'Nor Salwani Muhammad 189

4.7.2.5 Mohd Asri Hamid 190

4.7.2.6 Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer 191

4.7.2.7 Xavier Andre Justo 193

4.7.3 Kes tindakan balas di bawah APPM 2010 194

4.8 Pemberi maklumat tanpa nama 196

4.9 Kesimpulan 199

BAB LIMA PEMAKAIAN APPM 2010 OLEH AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN 202

5.1 Pengenalan 202

5.2 BHEUU 203

5.3 Tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantau oleh BHEUU 205

5.4 Temuramah Dengan BHEUU Dan Agensi-agensi Penguatkuasaan 214

5.4.1 Maklumat Demografi Responden 215

5.4.2 Undang-undang berkaitan pemberian maklumat. 216

Universiti Utara Malaysia

5.5 Kesimpulan 240

BAB ENAM PERBANDINGAN FAKTA-FAKTA PENTING AKTA PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA, ENGLAND DAN AMERIKA 243

6.1 Pengenalan 243

6.2 Perundangan Pemberi Maklumat Amerika 243

6.2.1 Akta False Claim 1683 243

6.2.2 Akta Llyod La Follete 1912 248

6.2.3 Akta Civil Service Reform 1978 250

6.2.4 Akta Ethics in Government 1978 252

6.2.5 WPA 1989 & WPEA 2012 253

6.2.6 ICWPA 1988 256

6.2.7 Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation Act of 2002/ Akta No Fear (NFA 2002) 263

6.2.8 SOX 2002 264

6.2.9 Akta Foreign Corrupt Practices 1977 267

6.2.10 Akta Dodd Frank 2010 269

6.2.11 Pengecualian - Akta Espionage 275

6.3 England 282

6.4 Perbandingan 312

6.5 Kesimpulan 337

BAB TUJUH KESIMPULAN DAN CADANGAN 339

7.1 Pengenalan 339

7.2 Kesimpulan spesifik 341

7.2.1 Objektif 1 341

7.2.2 Objektif 2 342

7.2.3 Objektif 3 345

7.2.4 Objektif 4 346

7.3 Cadangan 347

7.3.1 Definisi pemberi maklumat 347

7.3.2 Pemberi maklumat tanpa nama 349

Universiti Utara Malaysia

7.3.3 Kelakuan tidak wajar 350
7.3.4 Saluran pemberi maklumat 351
7.3.4.1 Pusat sehenti 351
7.3.4.2 Pelbagai saluran pemberi maklumat 354
7.3.4.3 Pemberian maklumat dalaman 356
7.3.5 Elemen suci hati 358
7.3.6 Pemberian maklumat yang dilarang secara khusus oleh undang-undang bertulis lain 359
7.3.7 Pemberian maklumat berkaitan dasar atau merit kerajaan 361
7.3.8 Politik mempengaruhi pemberian maklumat 361
7.3.9 Sistem ganjaran terhadap pemberian maklumat. 362
7.3.10 Organisasi yang memantau perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat 364
7.3.11 Unit pemberian maklumat di semua institusi awam dan institusi swasta tertentu 365
7.3.12 Latihan 366
7.3.13 Tindakan drastik terhadap orang yang melakukan tindakan balas 367
7.4 Kesimpulan 368
RUJUKAN **370**

Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Pemberi Maklumat dan Perlindungan	132
Jadual 4.1	Kajian Kes	171
Jadual 5.1	Statistik Pemberian Maklumat	205
Jadual 5.2	Perundangan Pemberian Maklumat 1	216
Jadual 5.3	Perundangan Pemberian Maklumat 2	225
Jadual 5.4	Halangan dan Motivasi Pemberian Maklumat	227
Jadual 6.1	Amerika: Pemberi Maklumat dan Perundangan	272
Jadual 6.2	Senarai Orang yang Dinyatakan	286
Jadual 6.3	Perbandingan Perundangan Pemberi Maklumat antara Negara	312

Universiti Utara Malaysia

SENARAI STATUT

Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989

Akta Cukai Jualan 2018

Akta Cukai Pendapatan 1967

Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Akta Eksais 1976

Akta Fitnah 1957

Akta Hasutan1948

Akta Imigresen 1959

Akta Kastam 1967

Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

Akta Passport 1966

Akta Perindustrian Sekuriti 1993

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001

Akta Pencegahan Rasuah 2009

Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008

Akta Pengangkutan Jalan 1987

Akta Perkhidmatan kewangan 2013

Akta PerlindunganSaksi 2009

Akta Polis 1967

Universiti Utara Malaysia

Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta Syarikat 1965

Akta Syarikat 2016

Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993

Akta Tafsiran 1948 dan 1967

Child Pornography Protection Act 1996

Conservancy and Hygiene, By-laws 1984

Civil Service Reform Act 1978

Dodd-Frank Wall Street Reform and Consumer Protection Act 2010

Employment Rights Act 1996

Enterprise and Regulatory Reform Act 2013

Espionage Act 1917

Ethics in Government Act 1978

False Claim Act 1683

Foreign Corrupt Practices Act 1977

Human Rights Act 1998

Intelligence Authorization Act for Fiscal Year 2014

Intelligence Community Whistleblower Protection Act 1998

Llyod-La Follete Act 1912

Ordinan Kerajaan Tempatan 1961

Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation Act of 2002 (No Fear Act)

Press Act 2004

PROTECT Act 2003

Public Information Disclosure Act 1998

Racial and Religious Hatred Act 2006

Sarbanes-Oxley Act 2002

Universiti Utara Malaysia

Serious Organised Crime and Police Act 2005

Trade Union Reform and Employment Right Act 1993

Terrorism Act 2006

Uniform (Anti-litter) By-laws 2010

Whistleblower Protection Act 1989

Whistleblower Protection Enhancement Act 20

Universiti Utara Malaysia

SENARAI KES

A.K. Gopalan lwn State of Madras AIR (1950) SC 27

Antonio Jose Jemenez Perez lwn Citigroup, Inc., https://www.oalj.dol.gov/PUBLIC/ARB/DECISIONS/ARB_DECISIONS/SOX/17_031.SOXP_SLIP_OP.PDF

Ashcroft v. Free Speech Coalition, 435 US 234 (2002)

Blanchard lwn Exelis Systems Corp, ARB No. 15-031, ALJ No. 2014-SOX-20 (ARB Aug. 29, 2017)

Campbell v. MGN Ltd (2004) UHKL 22

Chaplinsky v. New Hampshire (194)315 US 568

Chesterton Global & Verman v. Nurmohamed & Anor [2017] EWCA Civ 979, https://www.employmentcasesupdate.co.uk/site.aspx?i=ed35613

Cohen v Calfornia (1971) 403 US 15

Cream Holdings Ltd v.Banerjee (2004) UKHL 44, (2005) 1 AU 253

Datuk Dr Hj Hamid Sultan Abu Backer lwn Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim-hakim & Anor (2021) 8 CLJ 708

Dato' Seri Diraja Hj Adnan Hj Yaacob lwn Utusan Melayu (2015) 7 CLJ 960

Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail lwn Mohd Rafizi Ramli (2017) 7 MLJ 150

Digital Realty Trust, Inc. V. Somers (2017) https://www.supremecourt.gov/opinions/17pdf/16-1276_b0nd.pdf

Dr Milton Lum Siew Wah lwn. Majlis Perubatan Malaysia (2020) 1 CLJ 270

Ghazali lwn Public Prosecutor (1969) MLJ 156

Jameel v. Wall Street Journal Europe (2007) 1 AC 359

Khairul Azwan Harun V. Mohd Rafizi Ramli (2016) 9 CLJ 858

Li Tao Hu lwn PTC, Inc., https://www.oalj.dol.gov/PUBLIC/ARB/DECISIONS/ARB_DECISIONS/SOX/17_068.SOXP_SLIP_OP.PDF

Miller v. California 413, US 15 (1973)

Minister of Home Affairs lwn Persatuan Aliran Kesedaran Negara (1990) MLJ 351

Mohd Rafizi Ramli v. Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor (2020) 1 CLJ 498

Mohd Rafizi Ramli lwn PP (2014) 3 MLJ 114

Mohd Rafizi Ramli & Anor v. PP (2020) 1CLJ 439

Osborne v. Ohio 495 US 103 (1990)

PP lwn Ooi Kee Saik (1971) 2 MLJ 108

Rokiah Mhd Noor lwn. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll (2018) 5 CLJ 162

Schenck V. United States. Baer V. Same (1919)https://www.law.cornell.edu/supremecourt/text/249/47

Sable Communication of California Inc v. Federal Communication Commission (1989) 492 US 115

Stanley v. Georgia 394 US 557 (1969)

Silkin v Beaver Brook Newspapers Ltd (1958)1 W.L.R.

Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd (2018) 6 CLJ 397

The Florida Star v. BJF (1989) 491 US 524

Timis & Anor lwn. Osipov & Anor [2018] EWCA Civ 2321, https://www.employmentcasesupdate.co.uk/site.aspx?i=ed37824

Venebles v. News Group Newspapers Ltd (2001) 1 All ER 908

Vigneswaran Jayakody lwn Safeguards G4S Sdn Bhd (2020) 2LNS 0837

Ward v Rock against Racism (1989) 491 US 781

Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

ACFE	Association of Certified Fraud Examiners
ACWG	Anti-Corruption Working Group
AIR	All India Report
ALJ	Administrative Law Judge
APPM 2010	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
ARB	Administrative Review Board
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BKUN	Bidang Keberhasilan Utama Nasional
CEV	Corporate Ethical Virtue Model
CFTC	Commodity Futures Trading Commission
CLJ	Current Law Journal
ECHR	Europian Convention on Human Rights
EWCA	England and Wales Court of Appeal
ICCPR	International Covenant on Civil & Political Right
ILO	International Labour Organisation
IRG	IMPLEMENTATION Review Group and Conference of State Parties
ISDAFIX	International Swaps and Derivatives Association Fix
MLJ	Malayan Law Journal
PCAW	Public Concern at Work
PHPTK	Pelan Halatuju Program Transformasi Kerajaan
PROTECT	Prosecutorial Remedies and Other Tools to End the Exploitation of Children Today
SC	Supreme Court

Universiti Utara Malaysia

SOX	Sarbanes Oxley Act 2002
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TI-CPI	Transparency International Corruption Perception Index
UDHR	Universal Declaration on Human Right
UKHL	United Kingdom House of Lord
UNCAC	United Nation Convention against Corruption

Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

"*To see a wrong and not to expose it, is to become a silent partner to its continuance*." – Dr. John Raymond Baker.

Kos pengelakan cukai negara-negara membangun, kecurian dan rasuah adalah sekitar USD 1.26 trilion setiap tahun. Jumlah wang tersebut boleh digunakan untuk meningkatkan pendapatan golongan yang termiskin di dunia dan juga perbelanjaan pembangunan.[1] Rasuah, penipuan dan wang sogokan adalah perkara biasa di Malaysia di mana tinjauan sebuah firma penasihat audit dan cukai yang terkenal, Klynveld Peat Marwick Goerdeler (KPMG) mendapati kes penipuan telah meningkat seratus peratus sejak tiga tahun kebelakangan ini di Malaysia.[2] Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan rasuah melibatkan ketirisan perolehan kerajaan yang melibatkan penjawat awam adalah semakin kritikal. Katanya hampir lima puluh peratus kes ketirisan perolehan kerajaan banyak melibatkan agensi-agensi kerajaan di mana pihak pimpinan tertinggi agensi kerajaan yang berkuasa

[1] Sean Flamming,"Corruption costs developing countries $1.26 trillion every year - yet half of EMEA thinks its acceptable," World Economic Forum, 9 Desember 2019, https://www.weforum.org/agenda/2019/12/corruption-global-problem-statistics-cost/ (diakses pada 1 Januari 2020)

[2] BK Sidhu, "Corruption, fraud and scandals are common in Malaysian business these days," The Star Online, 17 Januari 2014, http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2014/01/17/Corruption-fraud-and-scandals-are-common-these-days/ (diakses pada 20 Mac 2018)

terlibat dengan penyelewengan dan salah kuasa. SPRM telah menahan dua orang pengarah yang terlibat rasuah dan mengemukakan tuntutan palsu yang bernilai puluhan juta ringgit berkaitan pelaksanaan sepuluh projek menaik taraf jalan bernilai RM 800 juta di Sarawak.[3]Malah Institut Demokrasi dan Hal-Ehwal Ekonomi berpendapat, negara boleh berjimat sehingga RM 2.3 bilion jika ketelusan dalam perolehan bertambah baik.[4]

Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengadakan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah 2003 (UNCAC) untuk mengatasi gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Malaysia telah menandatanganinya sebagai ahli pada 20 September 2008.[5] UNCAC mewajibkan negara ahli mempertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam sistem perundangan negara masing-masing berkaitan perlindungan dan layanan yang tidak adil yang diberikan kepada "orang yang membuat laporan."[6] Artikel 37 UNCAC menyarankan negara penandatangan supaya mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menggalakkan sesiapa yang terlibat dengan kesalahan supaya memberikan maklumat-maklumat berguna kepada autoriti-autoriti yang berkenaan untuk tujuan penyiasatan dan pembuktian bagi menyekat pesalah mendapat hasil dari kesalahan tersebut. Malah ia juga memperuntukkan supaya meringankan hukuman atau memberi imuniti pendakwaan terhadap orang yang dituduh yang memberikan kerjasama dalam penyiasatan pendakwaan kesalahan. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri telahj melaporkan satu bab khas berkaitan

[3] Bernama, "Kes rasuah ketirisan perolehan kerajaan semakin kritikal - Azam Baki," Oktober 2020, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rasuah-ketirisan-perolehan-kerajaan-semakin-kritikal-azam-baki-261641?utm_source=insider&utm_medium=web_push&utm_campaign=01102020-kes_rasuah_ketirisan_perolehan_&webPushId=ODMyMQ (diakses pada 1 November 2020)
[4] Supra 2
[5] Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 2010, Bil 22, 38
[6] Artikel 33 UNCAC

membanteras rasuah di bawah Pelan Halatuju Program Transformasi Kerajaan (PHPTK)[7] kerana rasuah boleh menyebabkan masalah sosial dan juga merompak kekayaan dan sumber negara. Sebuah pasukan petugas khas peringkat atasan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara pada waktu itu, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, diwujudkan untuk mengkaji laporan Ketua Audit Negara 2008 dan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap penyelewengan kewangan yang didedahkan oleh laporan itu. Meskipun begitu, prestasi Malaysia telah jatuh merudum di mana kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah, Transparency International (TI-CPI)[8] yang berada pada tangga ke-23 pada tahun 1995 telah jatuh ke-56 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, Malaysia memperbaiki kedudukannya pada tahun 2014 dengan menduduki tangga ke-50 daripada 175 negara.[9] Namun Indeks Persepsi Rasuah 2015 menunjukkan kemerosotan di mana Malaysia menduduki tangga ke 55 dan semakin jatuh pada tahun 2017 iaitu ditangga yang ke 62.[10] Indeks Persepsi Rasuah terkini pada tahun 2020 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke 57, turun enam anak tangga dari tahun 2019 di mana ia berada pada tangga ke 51.[11]

Tinjauan juga menunjukkan bahawa persepsi rakyat Malaysia berkaitan keberkesanan kerajaan untuk menentang rasuah telah menurun dan kejadian rasuah dalam perkhidmatan awam semakin teruk.[12]

Universiti Utara Malaysia

[7] Pelan Halatuju Transformasi Kerajaan, Bab 7, 141, Unit Pengurusan Prestasi & Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, 2010, PNMB Kuala Lumpur

[8] Satu badan yang cuba menyekat rasuah dan mempromosi ketelusan, integriti dan akauntabiliti pada setiap peringkat di semua sektor masyarakat di seluruh dunia, Transparency International, http://www.transparency.org/whoweare/organisation/mission_vision_and_values (diakses pada 21 Mac 2018)

[9]Transparency International, "Corruption Perceptions Index 2014: Results", https://www.transparency.org/cpi2014/results (diakses pada 1 Jun 2018)

[10]Transparency International, "Corruption preceptions Index 2017", https://www.transparency.org/news/feature/corruption_perceptions_index_2017 (diakses pada 5 Ogos 2018)

11 "Indeks rasuah negara jatuh! Bantuan anda ditagih, jadilah 'Rasuah Busters'," Astro Awani,31 Januari 2021, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-rasuah-negara-jatuh-bantuan-anda-ditagih-jadilah-rasuahbusters-280592 (diakses pada 1 Februari 2021)

[12] Transparency International Malaysia, Perceptions of corruption and incidences of bribery, one year after GE 1-Transparency International–Malaysian launches the 2014 Malaysian Corruption Barometer Results

Oleh itu, kerajaan sekarang memberi tumpuan yang banyak kepada tiga bidang yang paling mudah terdedah kepada rasuah dan amat penting kepada rakyat dan mempunyai impak yang terbesar terhadap kebersaingan sebuah negara. Tiga bidang tersebut adalah agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan, perolehan kerajaan dan rasuah besar (rasuah politik). Statistik menunjukkan jarang berlaku pendakwaan yang berjaya terhadap ahli politik, iaitu hanya sebelas peratus ahli politik sahaja disabitkan kesalahan dari tahun 2005 hingga 2009.[13]

Di antara halangan dalam memerangi rasuah untuk tiga bidang di atas adalah individu-individu merasa takut atau terancam untuk memberitahu berkaitan perlakuan rasuah kepada pihak-pihak yang boleh membendung rasuah kerana mereka tidak dilindungi oleh undang-undang. Individu yang mendedahkan berkaitan pembuat dan perlakuan rasuah ini dipanggil sebagai pemberi maklumat atau dalam bahasa Inggerisnya *whistleblower* dan ada juga penyelidik yang memanggilnya sebagai penggerak etika. Perbuatan mereka memberi maklumat itu dipanggil sebagai pemberian maklumat atau pendedahan maklumat. Istilah '*whistleblower*' diambil dari aksi pegawai polis Inggeris atau '*bobbies*' yang akan meniup wisel apabila mereka terserempak dengan perlakuan jenayah untuk memberi amaran atau menyedarkan orang awam dan pegawai polis lain berkenaan dengan bahaya yang sedang berlaku.[14] Analogi juga didapati dari tindakan pengadil dalam permainan bola sepak yang akan meniup wisel apabila melihat perlanggaran undang-undang yang dilakukan oleh pemain dalam perlawanan

Universiti Utara Malaysia

"http://transparency.org.my/what-we-do/indexes/global-corruption-barometer/ti-m-2014-malaysia-corruption-barometer-mcb-results/(diakses pada 25 Jun 2018)

[13] Supra n.7

[14] Rusniah Ahmad and Roos Niza Mohd Shariff," Protection and Freedom Of Speech: Finding Respect At The Workplace" (paper presentation, International Conference on Corporate Law (ICCL), 1- 3 Jun 2009)

bola sepak. Tindakan meniup wisel itu sebenarnya adalah analogi bagi memberi amaran bahawa tindakan salah laku ditemui dan ia harus dibetulkan.[15] Menurut Near dan Miceli, pemberi maklumat adalah seseorang ahli organisasi yang mendedahkan berkenaan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang, tidak bermoral atau yang bercanggah dengan amalan organisasi tersebut.[16]

Ada negara yang mempunyai akta perlindungan pemberi maklumat secara spesifik dan ada juga yang mempunyai perundangan pemberian maklumat melalui peruntukan-peruntukan di dalam banyak akta-akta yang berbeza. Negara yang mempunyai akta perlindungan pemberi maklumat yang spesifik memberikan definisi pemberi maklumat yang tidak sama kerana ia bergantung kepada apa yang difahami sebagai pendedahan maklumat berdasarkan kebudayaan dan sosial masyarakat yang berkaitan.[17] Pemberi maklumat boleh ditakrifkan sebagai seorang yang mendedahkan salah laku, ketidakjujuran atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam sesebuah organisasi. Tuduhan salah laku boleh jadi disebabkan pelanggaran undang-undang, peraturan atau ancaman secara langsung kepada kepentingan awam seperti penipuan dan rasuah.

Konsep pemberian maklumat muncul pada abad ke-21 di mana pekerja tidak berpuas hati dengan majikan atau orang atasannya. Pada awalnya, pemberian maklumat dianggap sebagai tidak bermoral dan satu pengkhianatan kepada organisasi terbabit. Walau bagaimanapun, pada masa kini, ia dianggap sebagai satu perbuatan baik kerana

[15] Ibid
[16] Near J.P. dan Miceli M.P., "Organizational Dissidence: The Case of Whistle-Blowing," Journal of Business Ethics 4 (1985) 2.
[17] Hazlina Bt Shaik Md Noor Alam, "Public Interest Paradigm: Quo Vadis? Whistleblower Protection Act 2010," 6 MLJ (2010): xlii

berani mendedahkan perbuatan tidak bermoral dan tidak baik yang berlaku dalam sesebuah organisasi.[18] Peningkatan dalam gejala yang tidak bermoral dalam organisasi seluruh dunia telah mendorong banyak negara melakukan tindakan pencegahan. Tuntutan penerapan tadbir urus yang baik diperkenalkan di sektor awam dan swasta. Banyak organisasi di seluruh dunia menggunakan tadbir urus korporat yang berdasarkan prinsip dan strategi terbaik. Bahkan banyak negara yang telah menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah perlakuan tidak bermoral ini seperti Akta *Sarbanes- Oxley* 2002 (SOX 2002) di Amerika.[19]

Pemberi maklumat boleh dikategorikan kepada dua iaitu pemberi maklumat dalaman dan pemberi maklumat luaran. Pemberi maklumat dalaman adalah bila seseorang memberi maklumat berkenaan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang, tidak bermoral atau yang bercanggah dengan amalan organisasi tersebut kepada pihak pengurusan organisasi tersebut.[20] Pemberi maklumat luaran pula adalah seseorang yang memberi maklumat salah laku dalam sesebuah organisasi kepada pihak luar organisasi.[21] Contohnya, pendedahan dengan melaporkan kepada media atau badan-badan lain di luar organisasi.[22] Pemberi maklumat boleh jadi pemberi maklumat dalaman atau pemberi maklumat luaran atau pada masa yang sama, mereka adalah

[18] Mohd Shahrizal, "Konsep Pendedahan Maklumat", http://www.scribd.com/doc/60182970/Konsep-Pendedahan maklumat (diakses pada 20 Mac 2018)
[19] Yousef Jahmani, & William A. Dowling, "The Impact Of Sarbanes-Oxley Act" Journal of Business & Economics Research –Vol 6, No 10(2008): 57
[20] Syahrul Ahmar Ahmad, Malcolm Smith and Zubaidah Ismail, "Internal Whistleblowing Intentions By Internal auditors: a Prosocial Behaviour Perspective," Malaysian Accounting Review, volume 12 no. 1, 2013,147
[21] Abraham Mansbach dan Yaacov G Bachner, 2010 Internal or external: Nurses' willingness to report wrongdoing, dimuat turun daripada http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0969733010364898 ; Marcia Parmerlee Miceli and Janet P. Near, "The Relationships among Beliefs, Organizational Position, and Whistle-Blowing Status: A Discriminant Analysis", The Academy of Management Journal Vol. 27, No. 4 (Dec., 1984), pp. 687-705 , 689, http://www.jstor.org/stable/255873?seq=3#page_scan_tab_contents (diakses pada 20 September 2018)
[22] Marcia Parmerlee Miceli and Janet P. Near, "The Relationships among Beliefs, Organizational Position, and Whistle-Blowing Status: A Discriminant Analysis", The Academy of Management Journal Vol. 27, No. 4 (Dec., 1984), 689.

kedua-duanya sekali dengan memberi maklumat kepada organisasi dan juga di luar organisasi terbabit.

Pemberian maklumat adalah satu alat yang penting untuk menyekat dan mengenal pasti serta memerangi rasuah dan salah laku. Dengan memberitahu salah laku dalam sesebuah organisasi, pemberi maklumat mungkin dapat melindungi hak kemanusiaan, menyelamatkan nyawa dan melindungi kedaulatan undang-undang.[23]

Di Malaysia, bagi mengatasi masalah agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan, perolehan kerajaan dan rasuah besar iaitu rasuah politik yang dilaporkan dalam PHPTK dan mengambilkira kepentingan pemberian maklumat, kerajaan Malaysia mengumumkan dasar toleransi sifar yang disokong oleh rangka kerja perlindungan pemberi maklumat yang kukuh yang mempunyai tiga mesej utama iaitu:

(a) Tidak ada sesiapa pun mengatasi undang-undang dan semua kes rasuah yang dilaporkan akan disiasat sepenuhnya tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat.

(b) Butiran tentang pesalah yang disabitkan kesalahan akan didedahkan sepenuhnya kepada orang ramai sebagai tindakan pencegahan.

(c) Hukuman yang cepat dan keras akan dijatuhkan terhadap mereka yang didapati bersalah kerana rasuah[24]

Berdasarkan perkara di atas, kerajaan Malaysia mewujudkan rangka kerja yang komprehensif bagi melindungi pemberi maklumat iaitu perundangan yang kukuh dan mekanisme yang berkesan. Maka Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM

[23] Transparency National, "Whistle Blowing is an Effective Tool in Combacting Corruption" http://cism.my/cismv2/uploads/articles/article/201106151722010.TI__PolicyPosition_Pendedahan maklumat_17_Nov_2010.pdf (diakses pada 30 Mei 2018)
[24] Supra 7

2010) pun digubal pada tahun 2010 dan berkuatkuasa pada 15 Disember 2010, walaupun sebelum dari itu terdapat beberapa peruntukan di dalam beberapa akta yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat seperti seksyen 65 Akta Pencegahan Rasuah 2009; seksyen 368B dan 174 Akta Syarikat 1965 yang telah dibatalkan dan diganti dengan seksyen 266, 286 dan 587 Akta Syarikat 2016; seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan seksyen 128 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. APPM 2010 menggunakan istilah pemberi maklumat dan bukan penggerak etika. Antara sebab lain APPM 2010 perlu digubal adalah kerana undang-undang yang memberikan perlindungan kepada *informer* atau saksi adalah tidak mencukupi kerana undang-undang yang sedia ada hanya melindungi maklumat yang diberikan beserta dengan identiti sahaja.[25]

Isu berkaitan pemberi maklumat telah lama mendapat perhatian di seluruh dunia. Sejarah telah menunjukkan pemberian maklumat telah lama berlaku dan undang-undang yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat yang terawal adalah Akta *False Claims* 1683 di Amerika pada zaman pentadbiran Presiden Abraham Lincoln. Ia disasarkan untuk menangkap pembekal kuda, senjata dan peluru yang tidak jujur kepada *Military Union* semasa Perang Sivil Amerika.[26] Manakala akta pemberi maklumat yang spesifik yang pertama digubal di Amerika ialah Akta *Whistleblower Protection* 1989 (WPA 1989). Walau bagaimanapun, Amerika menggubal pula SOX 2002 setelah kes Enron dan WorldCom yang melibatkan penipuan besar penyata kewangan yang mana pihak pengurusan juga bersubahat dalam penipuan tersebut.

[25] Supra 5
[26] Phillips & Cohen, "False Claims Act," https://www.phillipsandcohen.com/false-claims-act-history/ (diakses pada 30 Oktober 2018)

Dalam kes Enron,[27] dengan menggunakan amalan perakaunan dan laporan kewangan yang dimanipulasikan, Ketua Pegawai Kewangan dan eksekutif yang lain telah berjaya menyembunyikan hutang berjumlah jutaan dolar Amerika dari projek yang gagal dan memperdayakan lembaga pengarah Enron dan jawatankuasa audit. Di England, pemberi maklumat tidak dilindungi sehinggalah Akta *Public Interest Disclosure* 1998 (PIDA 1998) digubal. Malaysia pula menggubal APPM 2010 selepas PHPTK dibentangkan. Sebanyak 73,545 aduan yang diterima oleh agensi-agensi penguatkuasa di bawah APPM 2010, namun hanya 527 pengadu yang mendapat perlindungan.[28]

Walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah dalam perundangan berkaitan perlindungan pemberi maklumat, antaranya APPM 2010 hanya membenarkan pendedahan maklumat dilaporkan kepada agensi-agensi tertentu sahaja serta maklumat yang didedahkan mestilah maklumat-maklumat yang tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis lain di Malaysia. Oleh itu, permasalahan dalam perundangan pemberi maklumat perlu diatasi untuk memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pemberi maklumat.

1.2 Penyataan Masalah

Pemberi maklumat dan orang-orang terdekat dengannya adalah patut dilindungi supaya mereka tidak takut dan berasa terancam untuk mendedahkan salah laku yang terjadi lebih-lebih lagi bila ia melibatkan kepentingan negara. Kekurangan

[27] C. William Thomas, "The Rise and Fall of Enron," Journal of Accounting,(April 2002) http://www.journalofaccountancy.com/Issues/2002/Apr/TheRiseAndFallOfEnron.htm (diakses pada 30 Oktober 2018)
[28] Zanariah Abdul Mutalib, "Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Akan Dipinda," Berita Harian Online, 2021, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/887993/akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2020-akan-dipinda (diakses pada 1 Mac 2022)

perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat boleh menyebabkan masyarakat takut untuk mendedahkan maklumat. Tiadanya pendedahan ini akan merugikan negara lebih-lebih lagi bila ia melibatkan kerugian harta negara atau hilangnya nyawa seseorang dalam negara. Oleh itu, penyelidik telah mengenalpasti tiga masalah yang wujud dalam perundangan yang berkaitan dengan perlindungan pemberi maklumat. Masalah pertama adalah terdapat banyak peruntukan perlindungan pemberi maklumat dalam akta-akta lain selain APPM 2010 yang menyebabkan berlakunya pertindihan di mana pihak yang terbabit boleh memilih peruntukan akta mana yang perlu digunakan. Masalah kedua adalah peruntukan-peruntukan yang mungkin boleh menyebabkan orang kurang bermotivasi memberikan maklumat yang di bawah APPM 2010 dan masalah yang ketiga adalah peruntukan-peruntukan yang boleh ditambah baik dalam APPM 2010 jika dibuat perbandingan dengan negara-negara lain.

Universiti Utara Malaysia

Masalah yang pertama berkaitan kewujudan peruntukan-peruntukan dalam akta-akta selain APPM 2010 yang memberi juga perlindungan kepada pemberi maklumat berbanding APPM 2010. Sebelum APPM 2010 digubal, terdapat banyak peruntukan-peruntukan[29] dalam berbagai akta seperti Akta Pencegahan Rasuah 2009, Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Peruntukan–peruntukan ini adalah bertindih antara satu sama lain dan memberi perlindungan yang berbeza kepada pemberi maklumat. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan ini masih dikekalkan dan diguna pakai walaupun selepas

[29] Tan Pei Meng & Ong Seng Fook, "Comparative Analysis of Whistleblower Protection Legislations in England, USA and Malaysia," African Journal of Business Management, no 5, (2011):11249

adanya APPM 2010. Ini menunjukkan berlakunya pertindihan peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta tersebut. Pertindihan ini juga boleh membawa persoalan sama ada APPM 2010 masih tidak lengkap dalam memberi perlindungan kepada pemberi maklumat secara menyeluruh sehingga peruntukan-peruntukan tersebut masih perlu dikekalkan untuk diguna pakai dalam industri-industri yang berbeza. Jika APPM 2010 sudah lengkap, maka peruntukan -peruntukan lain di bawah akta-akta yang tidak sebaik APPM 2010 perlu dimansuhkan. Ini kerana ia boleh membawa ketidakadilan jika agensi penguatkuasaan menggunakannya kepada pemberi maklumat.

Jika dibandingkan peruntukan di bawah akta-akta lain dengan APPM 2010, peruntukan di bawah akta-akta lain (i) tidak menyatakan dengan jelas prosedur pemberian maklumat seperti maklumat apa dan kepada siapa maklumat harus disalurkan; (ii)hanya melindungi maklumat dan identiti pemberi maklumat sahaja; (iii) tiada peruntukan berkaitan ganjaran; (iv) remedi-remedi yang boleh diperolehi pemberi maklumat. Seseorang pemberi maklumat yang dilindungi di bawah peruntukan akta selain APPM 2010 juga mendapat kurang perlindungan yang mana boleh menyebabkan ketidakadilan jika peruntukan itu digunapakai. Ini menjadikan perlindungan yang diberikan kurang efektif. Contohnya, peruntukan akta-akta lain hanya melindungi pemberi maklumat sahaja dan tidak melindungi orang yang ada hubungan dengan pemberi maklumat sedangkan seksyen 10 APPM 2010 memperuntukkan tiada siapa boleh mengambil tindakan memudaratkan kepada pemberi maklumat dan mereka yang ada hubungan dengan pemberi maklumat.

Permasalahan kedua adalah walaupun APPM 2010 memberi perlindungan yang lebih baik kepada pemberi maklumat dari akta-akta lain, namun masih ada penambahbaikan

Universiti Utara Malaysia

yang boleh dilakukan dalam peruntukan APPM 2010. Dengan adanya APPM 2010, ia telah menggalakkan pemberian maklumat tetapi peruntukannya terhad dan keberkesanannya dalam beberapa aspek masih boleh dipersoalkan.[30] Terdapat beberapa peruntukan dalam APPM 2010 yang kurang menggalakkan pemberian maklumat. Peruntukan yang dimaksudkan ialah:

(i) Seorang pemberi maklumat didefinisikan sebagai seorang yang membuat pendedahan kelakuan tak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 APPM 2010. Malah sewaktu bacaan kedua dan ketiga rang undang-undang APPM 2010[31], dinyatakan asas kepada undang-undang pemberian maklumat adalah kerana tiada undang-undang khusus untuk melindungi *informer* selain maklumat kerahsiaan *informer*. Oleh itu perundangan ini tidak membezakan antara pemberi maklumat dan *informer* asalkan pendedahan dibuat berkaitan kelakuan tak wajar pihak awam atau swasta. Namun melalui temubual yang dilakukan, beberapa agensi penguatkuasaan memberi perlindungan yang berbeza antara pemberi maklumat, pengadu dan *informer*. Ini berkemungkinan akan mengurangkan perlindungan yang didapati oleh mereka kerana dilindungi di bawah perundangan yang berbeza.

(ii) Di alaf baru ini, terdapat ramai pemberi maklumat tanpa nama iaitu yang tidak mendedahkan identitinya walaupun kepada mana-mana agensi penguatkuasaan. Pendedahan maklumat dilakukan melalui teknologi terkini seperti telefon pintar dan ditularkan melalui pelbagai aplikasi di laman web seperti *Whatsapp, Instagram*, muka buku dan lain-lain.

[30]International Defence & Security Programme: Malaysia, http://government.defenceindex.org/sites/default/files/documents/GI-assessment-Malaysia.pdf (diakses pada 20 Mac 2018)
[31] Supra 5,38.

Pendedahan ini boleh mendatangkan kekecohan kepada orang awam dan mungkin juga kemudaratan, apatah lagi apabila berita yang ditularkan adalah tidak benar. Antara contoh berita tular yang tidak benar adalah berkaitan bantuan wang covid 19 yang dikreditkan ke dalam akaun netizen apabila netizen menekan pautan yang diberi melalui sistem pesanan ringkas mereka, pegawai-pegawai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Sekuriti Siber yang meminta netizen untuk memasukkan wang dalam akaun tertentu kerana akaunnya terlibat dengan jenayah dan sebagainya. Oleh itu kerajaan telah menyediakan satu laman web https://sebenarnya.my/ supaya rakyat Malaysia boleh menyemak sama ada sesuatu berita tular itu adalah benar atau palsu sebelum mempercayainya atau berkongsi dengan orang lain kerana tidak tahu identiti orang yang pertama menghantar berita tersebut.. Semua penipuan yang dinyatakan tadi boleh diakses melalui portal ini.[32]

Universiti Utara Malaysia

(iii) Kelakuan tidak wajar

APPM 2010 memberikan definisi yang terlalu luas kepada kelakuan tidak wajar iaitu kelakuan yang menjadi kesalahan tatatertib atau jenayah. Di dalam akta yang sama, kesalahan tatatertib adalah apa-apa saja tindakan atau peninggalan yang menjadi pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam tatalaku, kod etika, pekeliling atau suatu kontrak kerja. Manakala kesalahan jenayah pula adalah kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Seksyen 11(c) akta yang sama menyatakan agensi penguatkuasaan

[32] https://sebenarnya.my/ (dikses pada 29 November 2022)

hendaklah membatalkan perlindungan pemberi maklumat jika mendapati bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar itu menyusahkan atau meremehkan. Dengan kekangan dari sudut sumber manusia yang ada, pegawai agensi penguatkuasaan berkemungkinan tidak mampu menangani semua maklumat kelakuan tidak wajar dari agensi awam dan swasta terutamanya laporan yang remeh seperti tidak ada di pejabat waktu kerja, mengambil barangan pejabat yang bernilai rendah seperti alat tulis dan sebagainya. hasil daripada temubual yang dijalankan dengan agensi penguatkuasaan mendapati jika terlalu banyak laporan kelakuan tak wajar, maka agensi akan memberi keutamaan kepada yang lebih serius dahulu.

(iv) APPM 2010 menyatakan seorang pemberi maklumat hanya boleh mendedahkan maklumat sulit kepada agensi-agensi penguatkuasaan tertentu sahaja seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Ini mungkin tidak menggalakkan pemberian maklumat kerana terdapat kajian menunjukkan ada di antara agensi penguatkuasaan di atas tidak dipercayai oleh pemberi maklumat. Kajian *Malaysian Transparency Perception* 2014[33] mendapati orang ramai dan komuniti perniagaan meletakkan parti politik, Polis Diraja Malaysia dan penjawat awam sebagai mempunyai persepsi integriti terendah. Tiga agensi yang menerima rasuah sepanjang tahun 2013 adalah Polis Diraja Malaysia, perkhidmatan pendaftaran/permit dan perkhidmatan berkaitan dengan tanah. Berdasarkan rekod di atas, kemungkinan seorang pemberi maklumat tidak

[33] Supra 12

berminat untuk mendedahkan maklumat sulit terutamanya kepada agensi-agensi di atas, apatah lagi jika salah laku tersebut membabitkan penjawat di agensi-agensi tersebut. Ini kerana ditakuti agensi–agensi tersebut tidak akan memberi kerjasama dan membuat penyiasatan walaupun maklumat berkaitan salah laku pihak atasan yang diterima oleh mereka kerana takut tindakan balas akan diambil terhadap mereka. Mungkin juga agensi-agensi tersebut ada kepentingan lain yang perlu dilindungi atau mereka dikawal oleh pihak atasan kerajaan.

(v) Rentetan daripada perkara di atas, maka sebarang pemberian maklumat secara dalaman iaitu kepada saluran organisasi yang terbabit dengan kesalahan akan menyebabkan pemberi maklumat itu tidak akan dilindungi di bawah APPM 2010. Contohnya kes Dr Milton Lum Siew Wah lwn Majlis Perubatan Malaysia [34] di mana pemberi maklumat tidak dilindungi di bawah APPM 2010 apabila membuat pendedahannya berkaitan kelakuan tidak wajar kepada Majlis Perubatan Malaysia iaitu satu majlis yang ditubuhkan bagi memastikan standard tertinggi etika perubatan, pendidikan dan amalan untuk kepentingan pesakit, orang awam dan profesion melalui pentadbiran Akta Perubatan 1971 yang adil dan berkesan. Sebagai seorang pekerja, tentunya ia akan lebih memudahkan jika laporan berkaitan kelakuan tidak wajar di tempat kerja disalurkan kepada organisasi terbabit. Didapati banyak organisasi di Malaysia menubuhkan saluran untuk pendedahan kelakuan tidak wajar di organisasi

[34] (2020) 1 CLJ 270

masing-masing seperti Tenaga Nasional Berhad(TNB)[35], PETRONAS[36] dan lain-lain.

(vi) Niat pemberi maklumat di bawah APPM 2010 juga diambil kira di mana seksyen 11(a) akta ada menyatakan jika didapati pemberi maklumat telah menyertai kelakuan tidak wajar yang dilaporkan dan seksyen 11(e) yang jika laporan berkaitan kelakuan tidak wajar dibuat semata-mata atau motif utamanya untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain, maka dalam kedua-dua keadaan tersebut, agensi penguatkuasaan hendaklah membatalkan perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat tersebut. Secara tidak langsung APPM 2010 memerlukan seorang pemberi maklumat yang mempunyai niat suci hati dalam pemberian maklumat. Terdapat pemberi maklumat yang terlibat dalam kelakuan tidak wajar dan memberi maklumat semata-mata untuk mengelakkan tindakan yang akan dikenakan padanya namun maklumat yang diberikan adalah penting untuk mensabitkan kesalahan pembuat kelakuan tidak wajar di mahkamah dan perlakuan tidak wajar itu melibatkan kemudaratan yang besar kepada masyarakat. Pemberi maklumat mungkin tidak akan memberikan maklumat yang berkaitan jika dia tidak dilindungi, namun akibatnya akan menyebabkan kemudaratan yang besar pada masyarakat malah negara. Contohnya dalam kes rasuah Datin Rosmah Mansor, pembantunya Datuk Rizal Mansor yang terlibat juga dalam rasuah tersebut telah menjadi saksi penting dan utama kes tersebut. Datuk Rizal sebelumnya telah didakwa atas rasuah yang lebih

[35]Polisi Pemberian Maklumat TNB, https://www.tnb.com.my/assets/files/TCIMS-004_POLISI_PEMBERIAN_MAKLUMAT.pdf (Diakses pada 21 Oktober 2021)
[36] Petronas Whistleblowing, https://www.petronas.com/whistleblowing(Diakses pada 21 Oktober 2021)

kecil nilainya dari kes yang sama, namun dakwaan telah digugurkan dan dia diberi perlindungan sebagai saksi.[37] Dalam keadaan-keadaan tertentu, jika pemberi maklumat yang terlibat dengan kelakuan tidak wajar telah insaf dengan perbuatan mereka, harus diberi peluang untuk memberi maklumat demi menyelamatkan kemudaratan yang lebih besar berlaku seperti peruntukan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 yang membenarkan perlindungan diberi kepada pemberi maklumat berkenaan. Maka dirasakan perlu supaya seksyen 11(a) dan (e) ini dilihat balik demi menjaga kepentingan awam dan menyekat mudarat yang lebih besar dari berlaku.

(vii) seorang pemberi maklumat juga tidak boleh mendedahkan maklumat yang dilarang oleh undang-undang bertulis[38] seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perlindungan Saksi 2009 yang melarang maklumat tertentu didedahkan walaupun maklumat tersebut mendedahkan salah laku, ketidakjujuran atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam sesebuah organisasi dan merupakan ancaman secara langsung kepada kepentingan awam dan negara seperti penipuan dan rasuah. Seorang pemberi maklumat perlu mengetahui bahawa maklumat yang hendak didedahkan tidak termasuk dalam undang-undang bertulis yang melarang maklumat didedahkan. Risikonya adalah pemberi maklumat

[37] Rosmah's Solar Trial: D-day for Rosmah as Corruption Verdict Due on Thursday, EdgeInvest, Ogos 2022, https://klse.i3investor.com/web/blog/detail/ceomorningbrief/2022-08-31-story-h1628847750-Rosmah_39_s_Solar_Trial_D_day_for_Rosmah_as_Corruption_Verdict_Due_on_T (diakses pada 30 Oktober 2022)

[38] APPM 2010, seksyen 6

yang membuat pendedahan salah laku di bawah undang-undang tersebut mungkin akan didakwa walaupun dia berniat baik untuk mendedahkan salah laku demi kepentingan umum.

Di dalam kes Mohd Rafizi Ramli lwn PP[39], Mohd Rafizi seorang pemberi maklumat telah memberi maklumat kemungkinan berlakunya penyelewengan wang kerajaan yang dilakukan oleh Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, pengerusi syarikat National Feedlot Corporation dengan memberi salinan penyata akaun bank syarikat tersebut kepada media tetapi sebaliknya beliau telah didakwa oleh kerajaan kerana kesalahan melanggar kerahsiaan bank di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989, oleh itu tidak mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 disebabkan tidak menyalurkan maklumat tersebut mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh APPM 2010. Dalam kes tersebut, Mohd Rafizi Ramli telah didakwa di bawah seksyen 97, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 di Mahkamah Sesyen yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda RM 3 juta atau kedua-duanya sekali kerana mendedahkan empat dokumen profil pelanggan Public Bank berkaitan penyata baki akaun syarikat "National Feedlot Corporation (NFCorp), National Meat and Livestock Sdn Bhd, Agroscience Industries Sdn Bhd dan pengerusi NFCorp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail. Mohd Rafizi Ramli telah dituduh menunjukkan dokumen-dokumen tersebut kepada konsultan media Yusuf Abdul Alim dan wartawan The Star, Erle Martin Carvalho

[39] 2014, 3MLJ 114

di ibu pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR)[40]. Johari Mohamad, seorang bekas kerani bahagian kredit Public Bank juga telah didakwa di bawah seksyen 112(1)(c) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 kerana bersubahat dengan Mohd Rafizi Ramli. Mereka berdua telah didenda 30 bulan penjara oleh Mahkamah Sesyen[41] walaupun kemudiannya dibebaskan oleh mahkamah Tinggi.

Mengikut Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, APPM 2010 tidak akan melindungi mana-mana individu yang mendedahkan rahsia secara terbuka apatah lagi jika pihak yang sama turut didakwa melanggar undang-undang negara.[42]Persoalannya adalah jika tujuan APPM 2010 ingin menggalakkan pemberian maklumat untuk membendung salah laku yang boleh menyebabkan rasuah yang berleluasa terutamanya berkaitan politik, maka mengapa peruntukan-peruntukan APPM 2010 tidak melindungi pemberi maklumat tersebut. Sepatutnya peruntukan-peruntukan APPM 2010 membantu kerajaan mendapatkan maklumat berkaitan rasuah dan penyelewengan wang negara yang berlaku dan ia mungkin boleh menghalang dari berlakunya penyelewengan yang seterusnya.

Universiti Utara Malaysia

[40] V Anbalagan, "PKR's Rafizi to stand trial for Bafia charge," New Straits Times, Mei 2013, Online.http://www.nst.com.my/latest/pkr-s-rafizi-to-stand-trial-for-bafia-charge-1.284897 (diakses pada 30 Jun 2018)

[41] Nurbaiti Hamdan, "Rafizi gets 30 month's jail for exposing NFC banking details," T he Star, 7 Feb 2018, https://thestar.com.my/news/nation/2018/02/07/rafizi-gets-30-months-jail/ (diakses pada 30 Julai 2019)

[42] Utusan Online, "Akta Perlindungan Pemberi Maklumat tidak melindungi trumpetblower," 31 Oktober/2012, http://www.utusan.com.my/utusan/Parlimen/20121031/pa_03/Akta-Perlindungan-Pemberi-Maklumat-tidak-melindungi-trumpetblower (diakses pada 13 Disember 2018)

Seksyen 11(d) APPM 2010 pula tidak akan melindungi pemberi maklumat yang mendedahkan berkaitan dasar dan merit kerajaan walaupun ianya mendatangkan kemudaratan bagi masyarakat atau negara. Ada masanya dasar atau merit kerajaan adalah bertentangan dengan kepentingan awam. Contohnya di Amerika, Edward Snowden telah mendedahkan berkenaan aktiviti kerajaan Amerika yang mengambil maklumat daripada syarikat yang menawarkan perkhidmatan pelanggan di sana dan telah menggodam komputer di China daripada tahun 2009 lagi. Ianya adalah sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan awam dunia namun dia telah dihukum di bawah Akta *Espionage* 1917 kerana mendedahkan rahsia kerajaan.[43]

(viii) Ganjaran yang diberikan kepada pemberi maklumat di bawah APPM 2010 adalah tertakluk kepada kuasa budi bicara agensi penguatkuasaan. Statistik pemberian maklumat tahun 2019 yang diberikan oleh pegawai Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) menunjukkan terdapat hanya 13 orang sahaja pemberi maklumat.[44]Faktor ini mungkin disebabkan prosedur pemberian maklumat yang tidak menggalakkan seseorang untuk memberi maklumat. Antara faktor yang boleh memotivasikan pemberian maklumat adalah ganjaran yang diberikan. Contohnya, kerajaan Amerika memperkenalkan tuntutan *qui tam* di bawah Akta *False Claim* 1683 yang memberikan ganjaran kepada pemberi maklumat warga negara beberapa

[43]Glenn Greenwld, "Edward Snowden: the whistleblower behind the NSA surveillance revelations"Jun 2013, The Guardian, https://www.theguardian.com/world/2013/jun/09/edward-snowden-nsa-whistleblower-surveillance (diakses pada 1 Januari 2018)

[44] Bahagian Dasar, Bahagian Hal Ehwal Uundang-Undang, Jabatan Perdana Menteri

peratus daripada tuntutan yang berjaya di bawa bagi pihak kerajaan. Ini lebih memotivasikan pemberi maklumat kerana mendapat ganjaran yang besar jika memberi maklumat dan memenangi kes tersebut. Mungkin dengan memberikan peruntukan ganjaran yang banyak boleh menambahkan motivasi kepada pemberian maklumat.

(ix) Seksyen 15, 16 dan 17 APPM 2010 memperuntukkan tindakan yang boleh diambil terhadap orang yang melakukan sesuatu kemudaratan sebagai tindakan balas kepada pemberi maklumat, maka agensi penguatkuasaan hendaklah membawa tindakan guaman ke atasnya bagi menuntut remedi, ganti rugi atau pampasan jika ia telah berlaku, injunksi untuk menahan atau memberhentikan tindakan yang masih belum atau sedang berlaku dan apa-apa yang mahkamah fikirkan patut. Namun penyelidik berpendapat orang yang melakukan kemudaratan itu perlu dikenakan tindakan yang lebih drastik supaya menjadi pengajaran kepadanya dan orang lain serta meyakinkan pemberi maklumat yang mereka dilindungi dengan lebih sempurna. Orang yang pertama didakwa di mahkamah atas tindakan balas yang memudaratkan pemberi maklumat di Malaysia adalah Wafiy Abdul Aziz, bekas timbalan pengarah EMGS. Namun dia telah dibebaskan dari tuduhan tersebut kerana pihak pendakwa raya tidak dapat membuktikan kes *prima facie* terhadapnya.[45]

[45] Rahmat Khairulrijal, "Former EMGS deputy director freed from charge of causing a whistleblower to be sacked," New Straits Time, 20 Mei 2022, https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/05/797768/former-emgs-deputy-director-freed-charge-causing-whistleblower-bevhttps://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/05/797768/former-emgs-deputy-director-freed-charge-causing-whistleblower-be (diakses pada31 Ogos 2022)

Permasalahan ketiga adalah berkaitan dengan faktor politik di Malaysia. Sewaktu draf Perlindungan Pemberi Maklumat ini dibahaskan di Parlimen, seorang wakil rakyat ada mempersoalkan berkaitan kemahuan politik di Malaysia, sama ada ikhlas untuk melindungi pemberi maklumat atau hanya memenuhi cadangan UNCAC. Dia mengutarakan berkenaan beberapa pemberi maklumat seperti PI Bala, Irene Fernandez, Dr Silva Vathani dan lain-lain yang memberi maklumat berkaitan kerajaan lalu ada yang didakwa di mahkamah atas kesalahan jenayah dan juga dipindahkan serta merta ke kawasan pedalaman.[46]Walau bagaimana baik pun sesuatu akta tetapi jika pelaksanaannya gagal terutama disebabkan oleh faktor politik, maka akta itu tidak akan dapat berfungsi dengan baik.

Permasalahan yang terakhir adalah berkenaan pemakaian APPM 2010 oleh agensi-agensi penguatkuasaan. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, ada antara agensi-agensi penguatkuasaan ini yang dinyatakan oleh orang awam mempunyai integriti yang rendah yang memungkinkan pengurangan motivasi untuk pemberian maklumat. Walaupun APPM 2010 telah digubal selama dua belas tahun yang lalu, namun hanya terdapat dua kes di bawah akta ini. Kes yang pertama adalah Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd[47] yang mana seorang pemberi maklumat berjaya membawa kesnya melalui peguam ke mahkamah memohon mahkamah membatalkan notis penyiasatan dalaman terhadapnya iaitu memohon supaya tindakan balas yang diambil terhadapnya dihentikan. Kes yang kedua adalah pendakwaan ke atas Wafiy Abdul Aziz kerana tindakan balas yang dilakukan terhadap seorang pemberi maklumat, namun dia dibebaskan.[48] Kemungkinan terdapat masalah pada

[46] Supra 5, ms.50-51
[47] (2018) 6 CLJ 397
[48] Supra 45

peruntukan akta yang menyebabkan hanya terdapat dua kes di bawah akta ini sepanjang ia diperkenalkan sejak tahun 2010.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah berlaku pertindanan antara APPM 2010 dengan peruntukan undang-undang pemberian maklumat di bawah akta-akta lain di Malaysia?
2. Apakah permasalahan yang ada pada peruntukan-peruntukan APPM 2010?
3. Adakah agensi-agensi penguatkuasaan menggunapakai peruntukan-peruntukan APPM 2010?
4. Apakah APPM 2010 memberi perlindungan yang baik jika dibandingkan dengan peruntukan–peruntukan yang berkaitan di negara Amerika dan England?

Universiti Utara Malaysia

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti pertindanan antara APPM 2010 dan peruntukan undang-undang berkaitan pemberi maklumat di bawah peruntukan akta-akta lain.
2. Mengkaji permasalahan peruntukan undang-undang pemberi maklumat di bawah APPM 2010.
3. Mengenalpasti pengaplikasian APPM 2010 oleh agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia.
4. Menganalisis peruntukan-peruntukan APPM 2010 dengan membandingkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di negara Amerika dan England.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk tiga pihak utama iaitu kerajaan Malaysia, agensi-agensi penguatkuasaan dan pemberi maklumat. Ia juga penting untuk bidang kehakiman, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi swasta dan pelajar-pelajar.

Pihak kerajaan akan dapat mengurangkan masalah rasuah sepertimana yang dikehendaki oleh PHPTK 2010 kerana pendedahan maklumat adalah satu alat yang penting dalam membanteras rasuah. Program Transformasi Kerajaan adalah instrumen penting untuk Program Transformasi Nasional 2010 dalam mencapai matlamat sosio ekonomi dan memperolehi status negara maju menjelang tahun 2020.[49] Ia adalah antara yang diperkenalkan bagi mencapai enam Bidang Keberhasilan Negara. Penambahbaikan terhadap perlindungan kepada pemberi maklumat akan menggalakkan lebih ramai pemberi maklumat tampil ke depan untuk mendedahkan salah laku di pihak swasta atau kerajaan demi kepentingan negara.

Universiti Utara Malaysia

Agensi-agensi penguatkuasaan seperti SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan dapat mengenal pasti jika ada kelemahan-kelemahan yang ada pada prosedur pelaksanaan APPM 2010 yang mereka gunakan. Oleh itu, mereka dapat membuat penambahbaikan terhadap prosedur pelaksanaan tersebut bagi keadilan kepada pemberi maklumat.

[49] Government Transformation Programme Report 2013,ms 8-9, https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/NTP-Report-2013/GTP_2013_ENG_Report.pdf (Diakses pada 1 Oktober 2018)

Pada masa yang sama, pemberi maklumat juga akan berasa dilindungi dan tidak takut untuk memberi maklumat kerana perlindungan yang diberikan oleh perundangan adalah memuaskan.

Badan kehakiman dapat membuat keputusan penghakiman dengan lebih tepat dan peguam-peguam dapat mengeluarkan hujah yang tepat dengan memahami konsep pemberian maklumat dan mengetahui kekuatan dan kelemahan yang ada pada APPM 2010. Malah hakim boleh memilih peruntukan yang sesuai di bawah akta-akta yang ada di Malaysia semasa membuat penghakiman dan peguam pula dapat membantu anak guaman dengan memilih peruntukan dalam akta yang bersesuaian dengan kes yang di bawa.

Agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi swasta serta pelajar juga akan banyak mendapat manfaat kerana ia akan menyedarkan kepada mereka betapa pentingnya pendedahan maklumat dalam menjaga etika pekerjaan atau pembelajaran. Mereka harus sedar bahawa mereka perlu memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang di tempat kerja atau institusi pengajian mengikut saluran yang betul dan mereka akan dilindungi.

Akhirnya, kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada bidang penyelidikan yang berkaitan dengan perlindungan pemberi maklumat di Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

1.6 Metodologi Kajian

1.6.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian sosio perundangan yang berbentuk kualitatif bagi melihat permasalahan perlindungan undang-undang pemberian maklumat terutamanya di bawah APPM 2010. Data kualitatif melibatkan analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian.[50]Kajian ini menumpukan kepada analisis dokumen dan dibantu dengan temu bual semi berstruktur. Temu bual dijalankan terhadap dua belas orang responden dari tujuh agensi penguatkuasaan iaitu SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan BHEUU yang memantau agensi-agensi tersebut.

1.6.1.1 Kajian Sosio Perundangan

Kajian sosio perundangan adalah perhubungan antara undang-undang dan masyarakat yang berkaitan dengan sejarah, sosiologi, falsafah, ekonomi, sains politik, antropologi dan psikologi. Ia juga melihat bagaimana norma undang-undang sebenarnya berfungsi dalam realiti dan apakah yang dibentuk oleh pelaksanaan undang-undang tersebut.[51] Malah kajian sosio perundangan juga boleh merujuk kepada apa-apa saja di luar perspektif dalaman metodologi doktrin.[52]

[50] Kamarul Azmi, "Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif,"Researchgate, 2012, file:///C:/Users/LenovoV14/Downloads/3MetodologiPenyelidikanKualitatitif.pdf (diakses pada 1 Mei 2020)

[51] Darren O Donovon, (2016) *Social Legal Methodology: Contractual Underpinnings, Justifications and Practical Pitfalls*, Researchgate, file:///C:/Users/LenovoV14/Downloads/Socio-Legal_Methodology_Conceptual_Under.pdf (diakses pada 25 Februari 2018)

[52] Christopher McCrudden. (2006). Legal Research and the Social Sciences, 122 *Law Q Rev*, 632

Untuk kajian sosio perundangan ini, penyelidik menggunakan pendekatan (a) kajian analitis dan kritis dan (b) kajian perbandingan. Mahdi Zahraa[53] menyatakan penyelidikan undang-undang adalah sesuatu yang terkini, teliti, sistematik, pertanyaan atau siasatan kepada fakta, menganalisis dan mengkonsepkan isu undang-undang yang berkaitan dengan mekanisme penguatkuasaan dan implikasi peraturan dan prinsip undang-undang. Oleh itu kajian perundangan ini akan melihat peruntukan berkaitan perlindungan pemberi maklumat dengan menganalisa perundangan dan prinsip undang-undang pemberi maklumat yang ada pada APPM 2010 dan peruntukan-peruntukan yang sebelumnya.

Menurut David Silverman[54] dan R.K.Yin[55], kaedah kualitatif adalah lebih sesuai digunakan berbanding kuantitatif bilamana ia merupakan kajian untuk mengetahui kehidupan manusia, sejarah atau cara bertindak atau perlakuan seharian di mana kaedah kuantitatif tidak mampu melaksanakannya. Justeru itu, penyelidik memilih kaedah kualitatif kerana penyelidikan ini tertumpu kepada memahami perundangan perlindungan pemberi maklumat.

1.6.2 Skop Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada peruntukan-peruntukan perundangan yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat seperti yang ada pada APPM 2010, Akta Pencegahan Rasuah 2009, Akta Syarikat 1965; Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993

[53] Mahdi Zahraa, *Research Methods for Law Postgraduate Overseas Students*, (Kuala Lumpur: Stilglow Sdn. Bhd, 1998) 57.
[54] David Silverman, *Doing Qualitative Research, A Practical Handbook*, (London: Sage Publications, 2000) 89.
[55] Robert K.Yin, *Case Study Research, Design and Method* (United States of America: Sage Publications Ltd , 2003)edisi 3, 5

dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat.

Bagi kajian lapangan pula, temu bual dijalankan dengan tujuh agensi penguatkuasaan iaitu SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang menggunapakai APPM 2010 dalam pekerjaan mereka. Temubual dijalankan dengan pegawai Jabatan Penguatkuasaan di setiap agensi tersebut. Penyelidik juga menemu bual BHEUU yang memantau APPM 2010.

Seterusnya, penyelidik membuat perbandingan antara APPM 2010 dengan akta-akta Amerika dan England yang berkaitan perlindungan pemberi maklumat kerana APPM 2010 adalah dari model perlindungan pemberi maklumat negara tersebut dan juga mereka adalah negara yang lebih maju dari aspek perlindungan kepada pemberi maklumat. Hasil yang diperolehi akan digunakan untuk mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada APPM 2010.

Universiti Utara Malaysia

1.6.3 Jenis Data

Data yang akan digunakan adalah data primer dan data sekunder. Data primer adalah dari dokumen utama perundangan seperti APPM 2010 dan akta-akta lain yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat, keputusan kes-kes mahkamah dan temubual dengan agensi-agensi penguatkuasaan iaitu SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta temubual dengan jabatan yang memantau APPM 2010 iaitu BHEUU. Data sekunder

didapati dari kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara, laporan-laporan dari agensi-agensi penguatkuasaan, buku-buku, artikel dari jurnal-jurnal ilmiah, majalah undang-undang, kertas kerja seminar, keratan suratkhabar dan dokumen lain yang berkaitan.

1.6.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dibuat melalui dua kaedah iaitu kaedah analisis data melalui kajian perpustakaan dan kaedah temu bual.

(a) Kaedah analisis data melalui kajian perpustakaan

Pengumpulan data seperti kes-kes mahkamah, dokumen perundangan, jurnal perundangan, artikel dan buku teks dari perpustakaan atau pusat sumber berikut:

a) Perpustakaan Universiti Utara Malaysia
b) Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
c) Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.
d) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.
e) Arkib Negara Malaysia

Selain itu, sumber dari internet yang diperolehi dari laman web jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dari dalam dan luar negara juga digunakan.

(b) Kaedah temu bual

Bagi kaedah temu bual, penyelidik menemu bual responden 12 orang responden dari Bahagian Dasar, Audit Dalam, Jabatan Pematuhan Dalaman, Jabatan Pengaduan Pengguna, Bahagian Pemberi Maklumat, Bahagian Integriti dan Disiplin, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Siasatan dari agensi-agensi SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia,

Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang melaksanakan APPM 2010 serta di BHEUU yang memantau agensi-agensi tersebut. Seramai sembilan orang lelaki dan tiga orang perempuan yang mempunyai kepakaran dalam bidang pekerjaan masing-masing ditemu bual. Namun Agensi 2 yang diwakili responden utama dari Bahagian Audit Dalam dibantu enam orang stafnya yang terlibat sama dalam sesi tersebut. Kaedah temu bual semi-struktur digunakan oleh penyelidik terhadap maklumat-maklumat yang telah dikenal pasti sebagai maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.[56] Satu set soalan dirangka bersama beberapa orang pensyarah undang-undang, ditunjukkan pula kepada beberapa orang pensyarah undang-undang yang lain dan mendapat balasan yang baik untuk digunakan sebagai instrumen kajian. Soalan ini dibuat berdasarkan maklumat yang diperlukan dan ia berbentuk terbuka, diberikan kepada responden lebih awal. Ini bertujuan supaya responden boleh membuat persiapan awal dan mengutarakan kepada bahagian tertentu jabatan sama ada ia boleh diteruskan. Responden terdiri daripada seorang dari Agensi 1, seorang ketua bahagian dibantu bersama enam orang staf lain dari Agensi 2, dua orang dari Agensi 3, seorang dari Agensi 4, dua orang dari Agensi 5, tiga orang dari Agensi 6, seorang dari Agensi 7 dan seorang dari Agensi 8. Penyelidik membuat senarai yang terperinci bagi tujuan sendiri sebagai panduan bila temu bual diadakan dengan responden untuk melihat skop persoalan yang menyeluruh. Namun soalan yang diberikan kepada responden adalah berbentuk terbuka supaya memberi ruang kepada responden untuk menjawab berdasarkan pengetahuan, perasaan dan pemahaman mereka yang lengkap. Ia boleh menyelidiki jawapan responden secara mendalam, terperinci dan deskriptif.

Universiti Utara Malaysia

[56] Uma Sakaran, Research Methods for Business: A Skill Building Approach (United States of America: John Wiley & Sons, Inc. 2003).

Temu bual dijalankan secara bersemuka bagi mengelakkan sebarang salah faham atau salah tafsir responden terhadap soalan. Soalan-soalan yang ditemu bual adalah bagi mengumpul maklumat melalui jawapan lisan bagi objektif satu, dua dan tiga iaitu berkaitan pertindanan undang-undang, potensi serta kesukaran yang ada pada APPM 2010 dan setakat mana agensi-agensi tersebut mengguna pakai APPM 2010. Sewaktu temu bual dilakukan, ada beberapa agensi tidak membenarkan penyelidik mengguna bantuan alat perakam suara kerana maklumat-maklumat yang disampaikan adalah rahsia dan responden-responden keberatan untuk merakam percakapan mereka. Oleh itu penyelidik membuat catatan secara deskriptif dan mengulangi soalan yang sama maksud dalam bentuk yang berlainan bagi memastikan maksud sebenar responden agar maklumat yang akan dianalisis adalah tepat dan maklumat-maklumat yang diperolehi tidak tercicir sewaktu analisis dibuat. Terdapat beberapa orang responden yang memberitahu mereka tidak boleh menjawab soalan-soalan tertentu yang diajukan atas sebab rahsia dan mengikut peraturan jabatan.

Universiti Utara Malaysia

1.6.5 Analisis Data

Analisis data akan mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang diperoleh bagi mendapat gambaran dan persepsi sebenar responden.[57] Penyelidik menggunakan pendekatan (a) kajian analitis dan kritis dan (b) kajian perbandingan.

1.6.5.1 Kajian Analitis dan Kritis

Kajian ini menggunakan analisa kandungan deskriptif. Analitis dan kritis adalah berkaitan penilaian dan pemeriksaan sesuatu perkara untuk memahami, menjelaskan

[57] Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison, Research Methods in education (London: Routledge Taylor & Francis group, 2011)

dan membuat kesimpulan mengenai perkara tersebut.[58]Oleh itu, penyelidik menggunakan pendekatan ini untuk memahami, menjelaskan dan membuat kesimpulan mengenai undang-undang di Malaysia dalam memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Pendekatan ini akan menggunakan dua kaedah iaitu interpretasi statut untuk menganalisa statut dan "*ratio decidendi*" dengan cara menganalisa kes-kes yang diputuskan mahkamah. Penyelidik menggunakan kaedah ini untuk mencapai objektif pertama, kedua, ketiga dan keempat.

Bagi objektif pertama, peruntukan dari akta-akta selain APPM 2010 yang berkaitan undang-undang pemberian maklumat yang diguna pakai oleh tujuh agensi-agensi penguatkuasaan dikumpulkan bagi melihat pertindanan dan sebab APPM 2010 digubal. Ianya dibuat dalam bentuk jadual mengikut tema tertentu di bawah perlindungan pemberi maklumat.

Temu bual juga diadakan dengan agensi-agensi penguatkuasaan dari pelbagai bidang yang mengguna pakai undang-undang perlindungan pemberian maklumat sebelum APPM 2010 digubal lagi. Kaedah deskriptif yang mendalam dan analisis kandungan digunakan untuk menganalisa data temu bual. Kaedah deskriptif adalah di mana data mentah temu bual ditukar ke bentuk yang mudah difahami dan diinterpretasi.[59] Manakala analisis kandungan ialah penyelidik membuat andaian secara sistematik dan mengenal pasti secara objektif ciri-ciri utama mesej yang diambil dari hasil temu bual.[60] Analisis dibuat secara manual dengan cara membuat pemeriksaan, ringkasan

[58] Anwarul Yaqin, *Legal Research Writing (*Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd., 2007)
[59]Shaukat Ali, "Research Methodology: Data Analysis,1999, " ABAC Journal(January 1999) , http://www.journal.au.edu/abac_journal/jan99/article4_f.html (diakses pada 20 Januari 2018)
[60] An Introduction to Content Analysis, 240, http://depts.washington.edu/uwmcnair/chapter11.content.analysis.pdf (diakses pada 30 Mac 2018)

dan membuat kesimpulan dari data mentah yang diperolehi. Matlamat utama adalah untuk mengenal pasti agar beberapa persoalan kajian telah terjawab dan apakah dapatan kajian atau keputusan yang diperolehi dari data tersebut.[61] Data-data dari kajian ini dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Bagi data sekunder pula, kajian analisis deskriptif juga digunakan bagi mencapai objektif kedua dan keempat. Data-data dikumpulkan dan dianalisa mengikut tema tertentu dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

1.6.5.2 Kajian Perbandingan

T.J.Scott pula menyatakan kajian perbandingan dalam kajian perundangan adalah satu cara membandingkan undang-undang untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan sistem perundangan.[62] Kaedah analisis deskriptif juga digunakan untuk kajian perbandingan ini. Kajian perbandingan ini penting untuk melihat prinsip undang-undang yang biasa digunakan oleh banyak negara dan supaya dapat bergerak selari dengan undang-undang antarabangsa yang ada. Ia juga penting untuk bersedia dengan masalah yang bakal dihadapi kerana negara lain mungkin telah mengalami masalah tersebut. Penyelidik menggunakan kaedah ini pada objektif satu, tiga dan empat dimana penyelidik membandingkan pertindanan antara APPM 2010 dan peruntukan akta-akta lain yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat di Malaysia, perbandingan pemakaian APPM 2010 antara agensi-agensi penguatkuasaan dan perbandingan APPM 2010 dan undang-undang perlindungan pemberi maklumat di

[61] Supra 58, 252
[62] T.J. Scott, The Comparative Method of Legal Research, https://web.up.ac.za/sitefiles/file/47/J%20Scott%20-%20Comparative%20research%20perspectives%20_Private%20law_.pdf (diakses pada 21 Januari 2018)

Malaysia, Amerika dan England. Semua data-data dikumpul mengikut tema-tema tertentu dan dipersembahkan juga dalam bentuk jadual.

1.6.6 Kaedah Tafsiran

Bagi data primer yang terdiri dari statut, penyelidik akan menggunakan kaedah-kaedah tafsiran undang-undang seperti berikut:[63]

(i) Kaedah harafiah: tafsiran adalah berdasarkan kepada perkataan sebenar yang digunakan dalam sesebuah akta atau enakmen yang diintepretasikan kerana ianya memang niat badan perundangan bahawa perkataan-perkataan itu memang memberi kesan yang sewajarnya

(ii) Kaedah tujuan: tafsiran ini adalah untuk menentukan objektif atau tujuan kenapa sesebuah statut itu dibentuk. Secara amnya, ia berdasarkan tujuan umum dari konteks sosial, ekonomi dan politik.

(iii) Kaedah keemasan: tafsiran ini digunakan untuk menghindari ketidakpastian atau keraguan perkataan dalam sesuatu akta kerana mungkin terdapat percanggahan dengan niat penggubal undang-undang yang didapati dari statut itu sendiri atau berlaku ketidak munasabahan yang nyata. Kaedah ini digunakan dalam dua situasi iaitu pandangan sempit dan pandangan luas. Dalam pandangan sempit, interpretasi pandangan samar adalah dengan mengelak keputusan yang tidak masuk akal. Dalam pandangan luas pula, kaedah keemasan digunakan bila ia mempunyai satu makna.

[63] Supra 58

(iv) Kaedah kemudaratan: bila peruntukan dalam statut adalah tidak jelas atau kabur, maka perlu dilihat pada niat badan perundangan secara keseluruhan yang boleh dikenal pasti bila membaca keseluruhan statut tersebut.

Bagi data primer yang merupakan kes-kes mahkamah, penyelidik akan menggunakan konsep *ratio decidendi* iaitu prinsip undang-undang secara nyata atau tersirat yang mahkamah pertimbangkan untuk mencapai keputusan dalam sesuatu kes.

1.7 Kekangan Kajian

APPM 2010 masih baru dan tidak banyak kes serta penyelidikan dilakukan terutamanya di Malaysia. Maklumat-maklumat yang diperlukan dari agensi-agensi penguatkuasaan tidak semuanya dapat diberikan kepada penyelidik kerana ia adalah sulit dan dianggap sebagai rahsia rasmi kerajaan. Keadaan ini menyebabkan penyelidik sukar mendapatkan maklumat lengkap. Oleh itu, penyelidik cuba seberapa boleh mendapatkan sebanyak mungkin maklumat untuk menjawab objektif kajian menerusi temu bual yang akan dibuat dengan agensi-agensi penguatkuasaan.

1.8 Ulasan Karya

1.8.1 Definisi Konsep

Pendedahan maklumat didefinisi sebagai pendedahan yang dibuat oleh ahli sedang berkhidmat atau bekas ahli sesebuah organisasi mengenai kesalahan undang-undang, perbuatan tidak bermoral atau amalan yang tidak mengikut undang-undang di bawah kawalan majikan atau organisasi yang boleh di ambil tindakan.[64] Walau bagaimanapun, dalam konteks penyelidikan ini pendedahan maklumat berlaku bila

[64] Supra 16, 4.

seseorang memaklumkan kepada pihak berkuasa atau sesiapa saja mengenai kelakuan tak wajar, salah laku atau pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Ia boleh berlaku secara dalaman atau luaran iaitu sesiapa saja sama ada ahli dalam organisasi atau orang luar dari organisasi yang mendedahkan tentang salah laku seseorang dalam sesebuah organisasi.

Pemberi maklumat mempunyai banyak definisi, ianya berbeza mengikut penulis yang berbeza dan negara yang berbeza. Mengikut George dan Punch, pemberi maklumat ialah seseorang dalam organisasi yang mendedahkan maklumat negatif berkenaan organisasi tersebut, amalannya atau ahli organisasi tersebut. Maklumat yang didedahkan adalah berkaitan penyalahgunaan kuasa, frod, salah urus, pembaziran, rasuah, perkauman, gangguan seksual atau ancaman kesihatan dan keselamatan.[65]Dalam penyelidikan ini, pemberi maklumat didefinisikan sebagaimana dalam APPM 2010 iaitu mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tak wajar kepada agensi penguatkuasaan. Agensi penguatkuasaan pula adalah:

"(a) mana-mana kementerian, jabatan dan agensi yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk satu unit, seksyen, jabatan, bahagian atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penguatkuasaan dan penyiasatan;

(b) satu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan

[65] James George & Maurice Punch, "Whistleblowers, the Public Interest and the Public Disclosure Act 1998," The Modern Law Review, 63(1)(2000): 27

penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang yang lain atau satu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi satu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan atau penguatkuasaan."[66]

Kajian ini akan memfokuskan kepada maksud pemberi maklumat dan agensi penguatkuasaan seperti yang dinyatakan oleh APPM 2010 dan ada tujuh agensi iaitu SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang dikaji dan dipantau oleh BHEUU, Malaysia.

Walau bagaimanapun terdapat syarikat-syarikat yang menggunakan istilah penggerak etika menggantikan istilah pemberi maklumat.[67]Contohnya Kod Etika TNB mendefinisikan penggerak etika sebagai "seseorang yang memaklumkan pihak berkuasa syarikat mengenai kesalahan, salah laku atau pelanggaran undang-undang yang berlaku dalam syarikat". Malah TNB mewujudkan Prosedur Penggerak Etika yang menyediakan saluran komunikasi yang rahsia bagi pekerja-pekerja melaporkan salah laku atau menyuarakan kebimbangan mereka.

1.8.2 Latar Belakang Pemberian Maklumat

Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) melindungi hak bersuara. Seseorang itu mempunyai hak untuk menyatakan pendapatnya, berkongsi maklumat, hak bersetuju atau tidak bersetuju dengan pendapat orang yang ada kuasa

[66] Seksyen 2, APPM 2010
[67] Kod Etika Tenaga Nasional Berhad

dan menyatakan pendapatnya melalui protes yang aman.[68] Mengikut Alm K. dan Rendtorff, J.D.,[69] pemberian maklumat adalah hak bersuara pekerja. Daripada perkataan negatif "membocorkan maklumat" di masa yang lalu, maka ia bertukar menjadi pemberian maklumat di masa sekarang. Ia seolah menunjukkan perbuatan tersebut adalah nilai utama demokrasi. Ia adalah satu perbuatan yang seseorang lebih sanggup mengorbankan diri demi kebenaran dan mementingkan keperluan dan kebahagiaan orang lain lebih dari diri sendiri. Pemberian maklumat adalah penting dalam setiap lapisan peringkat masyarakat. Malah pemberian maklumat yang aktif adalah sangat penting di dalam masyarakat yang tidak menghiraukan akhlak di organisasi awam dan swasta.[70]Ini menunjukkan pemberian maklumat adalah satu perkara yang sangat penting demi menjaga keamanan masyarakat.

Amerika adalah negara pertama yang memperkenalkan peruntukan undang-undang perlindungan pemberi maklumat melalui Akta *False Claim* 1683. Seperti Malaysia, Amerika juga mempunyai peruntukan perlindungan pemberi maklumat dalam beberapa akta yang lain seperti Akta *Lloyd-La Folletee* 1912, Akta *Civil Service Reform Act* 1978, Akta *Ethics in Government* 1978, Akta *Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation* 2002, SOX 2002 dan sebagainya. Ia juga mempunyai akta perlindungan pemberi maklumat yang spesifik seperti Akta *Whistleblower Protection* 1989, Akta W*histleblower Protection Enhancement* 2012 dan Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection* 1998. Berbeza dengan England yang mana undang-undang perlindungan pemberi maklumatnya adalah di

[68] Laman web Amnesty International, https://www.amnesty.org/en/what-we-do/freedom-of-expression/ (diakses pada 11 Mac 2018)
[69] Kristian Alm dan Jacob Dahl Rendtorff, "Whistleblowing as Employee's Freesdom of Speech Gunther Wallraff's authorship as an illustrative case," Iceland E-Journal of Nordic and Mediterranean Studies, (2016), https://nome.unak.is/wordpress/author/kajdf/ (diakses pada 28 April 2018)
[70] Frederick Bruce Bird, *The Muted Conscience: moral silence and the practice of ethics in business*,(Westport Connecticut, United States of America: Greenwood Publishing Group,1996) 53

bawah Akta PIDA 1998 dimana ianya adalah sebahagian daripada perundangan pekerjaan iaitu pindaan kepada Akta *Employment Rights* 1996 (ERA 1996). Malaysia juga seperti Amerika yang mempunyai peruntukan undang-undang perlindungan pemberi maklumat yang bertaburan pada beberapa akta dan undang-undang yang spesifik iaitu APPM 2010 apabila didapati undang-undang yang ada tidak memberi perlindungan yang cukup kepada pemberi maklumat.

1.8.3 Peruntukan-peruntukan yang Memberi Perlindungan di Bawah Akta-akta Selain APPM

Tan Pei Meng dan Ong Seng Fook[71] menyatakan seksyen 368B(1) Akta Syarikat 1965 dan seksyen 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 adalah lebih kurang sama di mana seorang pegawai sewaktu melaksanakan tugasnya mempercayai dengan wajar bahawa ada pegawai syarikat yang melakukan sesuatu yang melanggar akta berkaitan atau peraturan di bawahnya atau kesalahan berat yang berkaitan frod atau ketidakjujuran yang telah dilakukan, sedang dilakukan atau mungkin akan dilakukan boleh membuat laporan kepada Pendaftar Syarikat jika berkaitan Akta Syarikat 1965 dan Bursa Saham atau Suruhanjaya jika berkaitan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Pegawai yang melaporkan tidak boleh disaman di mahkamah, tribunal atau diambil tindakan disiplin disebabkan laporan tersebut yang dibuat.

Syahrul pula membincangkan seksyen 174 Akta Syarikat 1965 yang mewajibkan juruaudit luar untuk melaporkan kepada Pendaftar Syarikat berkaitan pelanggaran undang-undang syarikat dan tidak memberi sebarang perlindungan kepada pembuat laporan. Perbincangan yang hampir sama iaitu mengenai tiada perlindungan diberikan

[71] Supra 29

kepada pembuat laporan dinyatakan oleh Tan Pei Meng dan Ong Seng Fook berkaitan seksyen 321 dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.[72]

Mushera Ambaras Khan[73] juga mengkaji seksyen 174 Akta Syarikat 1965 dan seksyen 320 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang membincangkan mengenai juruaudit sebagai pemberi maklumat.

Ketiga-tiga penulis di atas membincangkan peruntukan pemberian maklumat yang ada dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sahaja. Terdapat banyak lagi peruntukan dalam Akta Pencegahan Rasuah 2009, Akta Suruhanjaya Sekuriti dan seksyen 128 dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang tidak dibincangkan. Contohnya seksyen 65 Akta Pencegahan Rasuah 2009 lebih memberi perlindungan dari peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Seksyen tersebut memperuntukkan sebarang maklumat, tempat maklumat diberikan dan identiti pemberi maklumat yang diadukan kepada pegawai Suruhanjaya hendaklah dirahsiakan antara pegawai yang menerima maklumat dan pemberi maklumat. Ianya tidak boleh didedahkan atau diperintahkan atau dikehendaki didedahkan di mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau mana-mana pihak berkuasa lain. Malah mahkamah perlu menyembunyikan bahan yang diberikan sebagai keterangan yang mana bahan-bahan tersebut boleh menzahirkan identiti pemberi maklumat. Walau bagaimanapun, pemberi maklumat yang tahu dia memberikan

[72] Syahrul Ahmar Ahmad, Internal Auditors and Internal Whistle-Blowing Intentions: A Study of Organisational, Individual, Situational and Demographic Factors, Tesis Phd, Edith Cowan University, Australia. 2011, hlm 39-40.
[73] Mushera Ambaras Khan, " Auditors and Pendedahan maklumat Law, " Journal of Business and Accounting, (2009):12-14

maklumat palsu boleh dipenjarakan tidak melebihi sepuluh tahun dan denda tidak melebihi RM 100,000.00 dan sebarang maklumat dan identiti mengenainya tidak akan dilindungi.

Penulisan di atas memberikan beberapa peruntukan berkaitan perlindungan pemberi maklumat di bawah akta-akta selain APPM 2010. Penyelidik mengenal pasti beberapa peruntukan perlindungan pemberi maklumat dalam akta-akta yang di guna pakai oleh tujuh agensi-agensi penguatkuasaan bagi melihat pertindanan yang wujud dengan APPM 2010 untuk mengenalpasti kenapa peruntukan-peruntukan tersebut tidak dihapuskan setelah APPM 2010 digubal jika APPM 2010 memberi perlindungan yang lebih baik.

1.8.4 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (APPM 2010)

APPM 2010 telah diluluskan di parlimen pada 6 Mei 2010 dan mula berkuatkuasa pada 15 Disember 2010. Antara tujuan APPM 2010 digubal adalah untuk membolehkan kerajaan mencapai sasaran dalam teras kedua Bidang Keberhasilan Utama Negara (BKUN) bagi memerangi rasuah di samping mengurangkan kadar jenayah (teras pertama BKUN).[74] Ia juga bertujuan untuk melengkapkan kekurangan pada akta-akta lain bagi melindungi pemberi maklumat.

APPM 2010 adalah satu akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar iaitu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah dalam sektor awam dan swasta.

[74] Gerbang Maklumat NKRA,2013, http://note4jas.blogspot.com/2013/01/bidang-keberhasilan-utama-negara-atau.html (diakses pada 1 Februari 2018)

Kesalahan tatatertib adalah tindakan yang melanggar tatatertib dalam badan swasta atau badan awam sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau oleh suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau satu kontrak kerja. Kesalahan jenayah pula adalah kesalahan yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang di Malaysia, contohnya Kanun Keseksaan. Ia melindungi pemberi maklumat daripada tindakan yang memudaratkan dan juga mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat.

Hazlina Shaik Noor Alam[75] tidak bersetuju dengan APPM 2010 yang tidak berpaksikan kepentingan umum sebagai tujuan utama akta. Beliau membincangkan kelebihan dan kekurangan APPM 2010 yang masih dalam bentuk draf pada waktu tersebut secara menyeluruh dan memfokuskan perbincangan kepada definisi pemberi maklumat dan membuat sedikit perbandingan dengan Akta *Public Information Disclosure* 1998, England dan Akta SOX 2002, Amerika. Di samping itu, beliau juga menyentuh berkenaan pendedahan laporan yang hanya boleh disalurkan di agensi-agensi penguatkuasaan saja bagi mengelakkan dari orang yang tidak dikenali dan tidak berani untuk bertanggungjawab dari membuat laporan. Ini boleh mengelakkan tradisi "surat layang" yang mungkin berbentuk fitnah semata-mata. Pada tahun 2016, Hazlina juga telah menulis tesisnya[76] berkaitan perlindungan pemberi maklumat dari aspek mencapai tadbir urus korporat yang berkesan di Malaysia. Dia telah menemu bual satu sahaja agensi penguatkuasaan iaitu SPRM. Maka penyelidik mengambil inisiatif untuk menemu bual tujuh agensi penguatkuasaan yang dipantau oleh Jabatan Perdana Menteri bagi mendapat gambaran yang lebih jelas dari perspektif agensi-agensi

[75] Supra 17
[76] Hazlina Shaik Md Noor Alam, "The Paradigm in Acheiving Effective Corporate Governance in Malaysia" tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.

tersebut mengenai perlindungan pemberi maklumat dan pemakaian APPM 2010 oleh agensi-agensi tersebut.

Di Malaysia, pendedahan laporan berkaitan salah laku seseorang di dalam sesebuah organisasi hanya boleh dibuat kepada agensi-agensi penguatkuasaan. BHEUU adalah penyelaras bagi semua agensi pelaksanaan bagi APPM 2010 melalui kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan[77]dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.[78]Agensi-agensi penguatkuasaan ini termasuklah SPRM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan agensi-agensi lain yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

Dalam penyelidikan berkaitan perlindungan terhadap pendedahan maklumat oleh pekerja di Malaysia, Tan Pei Meng & Ong Seng Fook juga telah mendapati APPM 2010 tidak terpakai kepada seorang pekerja yang memberi maklumat kepada majikannya atau pemberian maklumat secara dalaman kerana pendedahan hanya boleh dibuat kepada agensi-agensi di atas sahaja.[79] Malah Tan Pei Meng & Ong Seng Fook[80] telah mencadangkan supaya APPM 2010 mewajibkan syarikat-syarikat untuk memperkenalkan polisi pendedahan maklumat dalam organisasinya. Beliau membuat perbandingan antara APPM 2010 dan undang-undang pemberi maklumat di England dan Amerika dari sudut skop aplikasi undang-undang pemberi maklumat, remedi yang

[77] APPM 2010, seksyen 4,
[78] APPM 2010, seksyen 27
[79] Tan Pei Meng & Ong Seng Fook, "Adequacy of Employee Whistle Blower Protection (EWP) in Malaysia," 2011, International Conference on Human Science and Humanity, IPEDR, vol.5 (2011)
[80] Supra 29

diberikan kepada pemberi maklumat yang terkilan dan tindakan menyekat orang lain dari membalas kepada pemberi maklumat. Jika dilihat dari kes-kes seperti Rokiah Mhd Noor lwn Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepentingan Pengguna Malaysia[81] dan Mohd Rafizi Ramli lwn PP[82] dan kes-kes lain yang dibincangkan dalam Bab Dua menunjukkan pemberi maklumat tidak menyalurkan maklumat kepada agensi penguatkuasaan tetapi kepada pihak lain. Ada yang menyalurkan maklumat melalui media iaitu kepada umum tanpa melalui organisasi-organisasi tertentu. Malah dalam kes Datuk Dr Hj Hamid Sultan Abu Backer lwn Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim-Hakim[83] dan Dr Milton Lum Siew Wah lwn Majlis Perubatan Malaysia[84] didapati mereka menyalurkan maklumat kepada badan dalaman namun tidak dilindungi kerana ia buakan agensi-agensi penguatkuasaan yang dinyatakan di bawah APPM 2010.

Dari segi aplikasinya, APPM 2010 terpakai kepada mereka yang berada dalam sektor awam dan swasta. Semua badan, agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan badan swasta seperti syarikat adalah tertakluk kepada pemakaian APPM 2010.

Syahredzan Johan[85] menyatakan kelemahan yang ketara dalam APPM 2010 adalah pendedahan tidak boleh dibuat di bawah undang-undang bertulis seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Bank & Institusi Kewangan 1989 dan Akta Perlindungan Saksi 2009. Undang-undang tersebut melarang maklumat tertentu didedahkan walaupun maklumat tersebut mendedahkan salah laku, ketidakjujuran atau

[81] (2018) 5 CLJ 162
[82] (2020) 1 CLJ 439
[83] (2021)8 CLJ 708
[84] Supra 34
[85] Syahredzan Johan," Goodbye to Whistleblowers,"The Star, Jun 2013

aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam sesebuah organisasi dan merupakan ancaman secara langsung kepada kepentingan awam seperti penipuan dan rasuah. Ini boleh dilihat dari kes Mohd Rafizi Ramli di atas dimana dia tidak dilindungi kerana memberi maklumat berkaitan apa yang dilarang di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

1.8.5 Remedi-remedi di Bawah APPM 2010

Perlindungan yang diberikan oleh APPM 2010 kepada pemberi maklumat adalah

(a) Perlindungan maklumat sulit.[86] Pemberi maklumat boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar secara lisan atau bertulis jika ia percaya secara munasabah bahawa mana-mana orang telah atau sedang atau akan melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar. Maklumat sulit ini tidak boleh didedahkan dalam prosiding sivil, jenayah atau prosiding lain di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain. Tetapi jika terdapat buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan di mana-mana prosiding yang mana identiti pemberi maklumat di kenal pasti atau boleh membawa kepada pengenalan identiti tersebut, maka mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain perlu memadamkan atau menyembunyikan identiti pemberi maklumat dari di kenal pasti. Sesiapa yang membocorkan maklumat sulit akan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

(b) Kekebalan dari tindakan sivil, jenayah dan apa-apa liabiliti yang berbangkit melalui proses pentadbiran iaitu termasuklah tindakan

[86] Seksyen 6, APPM 2010

tatatertib. Tiada sebarang tindakan, tuntutan atau desakan boleh diambil terhadap pemberi maklumat.[87]

(c) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.[88] Perlindungan ini juga diberi kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat.

Tindakan yang memudaratkan termasuklah[89]

(a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;

(b) ugutan atau gangguan;

(c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian; dan

(d) ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan (a)-(c).

Bilamana pemberi maklumat mendapat ancaman atau diambil tindakan yang memudaratkan, beliau boleh meminta agensi penguatkuasaan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan remedi berupa ganti rugi atau pampasan; injunksi atau apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Ulasan karya di atas menunjukkan kajian-kajian yang dibuat berkaitan peruntukan-peruntukan perlindungan kepada pemberi maklumat di Malaysia adalah berdasarkan Akta Syarikat 1965 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Malah pengkaji tidak mengkaji semua peruntukan berkaitan perlindungan pemberi maklumat dalam akta-akta lain. Oleh itu penyelidik ingin mengisi kekosongan tersebut supaya dapat

[87] Seksyen 9, APPM 2010
[88] Seksyen 10, APPM 2010
[89] Muhammad Bukhari b. Ab Hamid, Taklimat APPM 2010, http://www.mot.gov.my/en/Explosition/Akta%20Perlindungan%20Pemberi%20Maklumat%202010.pdf (diakses pada 1 Jun 2016)

memberi gambaran yang jelas berkenaan peruntukan perundangan berkaitan pemberi maklumat yang ada di Malaysia dan menambah baik perundangan dan prosedur pelaksanaan tersebut.

1.9 Ringkasan Bab

Tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab yang pertama menjelaskan secara keseluruhan tentang kajian yang dijalankan. Ia dibahagikan kepada sembilan bahagian iaitu; latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif penyelidikan, kepentingan penyelidikan, metodologi kajian, kekangan dalam melakukan penyelidikan, sorotan karya serta ringkasan bab.

Bab kedua lebih memfokuskan kepada latar belakang dan konsep pemberian maklumat. Konsep pemberian maklumat adalah berkaitan kuasa budi bicara, prinsip penyertaan oleh masyarakat, budaya etika organisasi, definisi dan kategori pemberian maklumat, skop, kepentingan, sebab dan akibat. Latar belakang pemberian maklumat pula menampilkan hak asasi, hak untuk bersuara England, Amerika dan Malaysia. Diketengahkan juga perjanjian antarabangsa di mana Malaysia terlibat seperti UNCAC, Konvensyen International Labour Organization (ILO), Konvensyen OECD 1960, International Covenant on Civil and Political Rights dan Laporan G20.

Bab ini juga menjelaskan tentang kepentingan pemakaian prinsip di atas serta mengkaji elemen-elemen di bawah prinsip tersebut. Bab ini penting kerana ia dapat membantu membentuk paradigma yang jelas dan mantap bagi membincangkan permasalahan yang dikaji oleh penyelidik dengan lebih lanjut.

Universiti Utara Malaysia

Bab ketiga membincangkan mengenai peruntukan yang diberikan oleh beberapa peruntukan akta selain APPM 2010 di Malaysia dan membuat perbandingan antara satu sama lain untuk mengenalpasti permasalahan yang ada pada perlindungan pemberi maklumat di sektor yang berbeza di Malaysia.

Bab empat pula melihat kepada sejarah APPM 2010, kandungan APPM 2010 dan remedi-remedi yang terdapat pada APPM 2010. Perbandingan akan dibuat dengan peruntukan-peruntukan sebelum APPM 2010 bagi mengenalpasti kekuatan dan kekurangan yang terdapat pada APPM 2010 seperti definisinya yang tidak memasukkan kepentingan umum sebagai salah satu tujuan utama akta digubal, pendedahan maklumat yang dilarang di bawah undang-undang bertulis, saluran pendedahan kepada agensi-agensi penguatkuasaan tertentu sahaja dan sebagainya.

Bab lima seterusnya memfokuskan kepada pemakaian APPM 2010 oleh agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Ia juga akan membincangkan kerangka institusi dan kerangka undang-undang berkaitan perlindungan pemberi maklumat yang diguna pakai oleh tujuh agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia.

Bab enam pula menunjukkan perbandingan APPM 2010 dengan akta-akta terpilih dari negara Amerika dan England. Kedua-dua negara ini di pilih kerana mereka adalah antara negara-negara terawal yang mempunyai akta-akta yang berkaitan pemberi maklumat dan APPM 2010 juga banyak mengambil peruntukan mereka.

Universiti Utara Malaysia

Dalam bab tujuh pula, penyelidik akan memberikan beberapa cadangan untuk penambahbaikan terhadap undang-undang atau peraturan yang sedia ada beserta dengan justifikasi terhadap cadangan-cadangan tersebut. Bab terakhir ini juga akan memberi kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini.

Universiti Utara Malaysia

BAB DUA

LATAR BELAKANG DAN KONSEP PEMBERIAN MAKLUMAT

2.1 Pengenalan

Bab pertama telah menjelaskan beberapa kekurangan yang terdapat pada APPM 2010 dan keperluan kajian ini dilakukan. Antara masalah yang dikenalpasti adalah berkaitan pertindihan antara peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta yang berlainan yang memberi perlindungan yang berbeza kepada pemberi maklumat. Malah terdapat kekurangan di bawah APPM 2010 seperti pendedahan maklumat sulit di bawah APPM 2010 yang hanya boleh dibuat kepada agensi-agensi penguatkuasaan tertentu sahaja seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kajian menunjukkan ada di antara agensi penguatkuasaan di atas tidak dipercayai oleh masyarakat kerana tersenarai dalam agensi kerajaan yang banyak terlibat dengan rasuah. Untuk memastikan peruntukan APPM 2010 berkesan, maka perlulah dilihat konsep pemberian maklumat yang sebenar disebalik peruntukan tersebut. Oleh itu tujuan utama bab ini adalah untuk membincangkan mengenai konsep pemberian maklumat, penglibatan masyarakat, budaya etika sesuatu organisasi serta definisi pemberian maklumat oleh kajian-kajian sebelum ini. Selain itu bab ini juga membincangkan tentang latar belakang pemberian maklumat yang antaranya adalah hak asasi manusia dan hak untuk bersuara. Ia juga menyentuh perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang telah diratifikasikan oleh Malaysia. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada Perkara 10 Perlembagaan

Universiti Utara Malaysia

Persekutuan Malaysia berkaitan hak untuk bersuara yang sangat penting kerana ia adalah asas kepada hak seseorang untuk membuat pendedahan maklumat. Konsep pemberian maklumat dan kerangka perundangan ini penting kerana ia antara asas kenapa perundangan perlindungan pemberi maklumat diperlukan. Dengan memahaminya dapat menjawab persoalan kajian satu, dua dan tiga serta mencapai objektif satu, dua dan tiga iaitu kenapa adanya undang-undang pemberi maklumat sebelum APPM 2010 dan permasalahan serta pengaplikasian APPM 2010 oleh agensi-agensi penguatkuasaan.

2.2 Konsep Pemberian Maklumat

Walaupun perlindungan kepada pemberi maklumat adalah sesuatu yang baru tetapi pemberian maklumat telah lama berlaku. Pemberian maklumat bermaksud pendedahan atau pelaporan maklumat kepada pihak-pihak tertentu berkaitan salah laku yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Perkara ini telah lama wujud, contohnya seperti memberi amaran berkaitan sesuatu bahaya atau risiko yang akan menimpa adalah satu perbuatan yang biasa dilakukan oleh manusia. Boleh dikatakan konsep pemberian maklumat adalah berkaitan dengan kuasa, kebergantungan antara pemberi maklumat dengan organisasi dan keadilan sesebuah organisasi. Ia bermula apabila seseorang tidak puas hati dengan perlakuan salah seseorang individu lain dalam sesebuah organisasi dan ingin membetulkan salah laku tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Disebabkan beberapa kekangan yang ada yang tidak membolehkan teguran dibuat secara terus kepada pesalah laku tadi, maka orang tersebut memberi maklumat kepada pihak yang lain bagi membetulkan kesalahan yang dibuat oleh pesalah laku. Biasanya pesalah laku adalah seseorang yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan telah melanggar kuasa yang diberikan kepadanya.

Maksim *"Power tends to corrupt, and absolute power corrupt absolutely"*[90] yang bermaksud orang yang mempunyai kuasa lebih cenderung kepada rasuah dan kuasa yang mutlak akan menyebabkan rasuah yang mutlak. Perdana Menteri Britain William Pit pada tahun 1770 menyatakan "*unlimited power is apt to corrupt the mind of those who possesses it".*[91]Ia bermaksud kuasa yang tidak terbatas akan mengkorupsi pemikiran sesiapa yang mempunyai kuasa tersebut. John Emerich Edward Dalberg Acton (Baron Acton yang pertama, 1834-1902) atau dikenali sebagai Lord Acton, seorang ahli sejarah, ahli politik dan penulis melalui surat yang dihantar kepada Bishop Mandell Creighton pada tahun 1887 menyatakan satu ungkapan yang kemudiannya menjadi maksim undang-undang Inggeris iaitu "*power tends to corrupt, and absolute power corrupt absolutely*". Surat ini dihantar sebagai bantahan kepada gerakan yang ingin menerapkan prinsip *papal infallibility* iaitu satu dogma oleh Gereja Katholik yang menyatakan atas janji Jesus kepada Peter, maka Pope atau ketua gereja dipelihara dari kemungkinan melakukan sebarang kesilapan, sewaktu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penjaga dan guru kepada semua orang Kristian. Namun

[90]The Phrase Finder, https://www.phrases.org.uk/meanings/absolute-power-corrupts-absolutely.html (diakses 13 Disember 2018)
[91] Well known expression, https://www.bookbrowse.com/expressions/detail/index.cfm/expression_number/118/power-corrupts-absolute-power-corrupts-absolutely (diakses 13 Disember 2018)

bantahan yang dibuat menemui kegagalan.[92] Lord Acton mempercayai bahawa standard moral harus diterapkan pada semua manusia termasuklah pemimpin-pemimpin politik dan agama. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak boleh menerima anggapan bahawa Raja dan Pope tidak melakukan sebarang kesalahan kerana mereka adalah sama dengan lelaki-lelaki yang lain. Malah kalau adapun anggapan yang patut dibuat, ianya adalah dengan bertambahnya kuasa, maka bertambahlah kecenderungan untuk melakukan rasuah. Menurutnya lagi, lelaki hebat adalah selalunya lelaki yang tidak baik.[93]

Ini mungkin dapat dilihat pada satu kajian yang dibuat pada tahun 1972. Kajian tersebut adalah berdasarkan soalan dan pemerhatian yang dibuat terhadap dua puluh lapan mahasiswa untuk menentukan sama ada kuasa boleh menyebabkan rasuah. Dapatannya menunjukkan seseorang yang diberikan kuasa untuk mengawal orang lain akan menyebabkan seseorang yang berkuasa itu (a) meningkatkan usaha untuk mempengaruhi tingkah laku mereka yang kurang berkuasa; (b) merendahkan nilai prestasi mereka yang kurang berkuasa; (c) menyatakan mereka yang tidak berkuasa harus melakukan semua usaha disebabkan mereka tertakluk kepada orang yang berkuasa daripada memotivasikan mereka yang kurang berkuasa untuk melakukan yang lebih baik (d) memandang mereka yang kurang berkuasa sebagai objek manipulasi dan (e) meletakkan keutamaan untuk menjarakkan pengurusan psikologi dari yang kurang berkuasa.[94] Bila berlakunya perkara-perkara tersebut, maka ia boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa. Maka haruslah ada seseorang yang

[92] Robert Tracinski, 2018, Lord Acton's Most Famous Maxim Explains The Catholic Church Scandal, https://thefederalist.com/2018/09/26/lord-actons-famous-maxim-explains-catholic-church-scandal/ (diakses 25 Januari 2019)
[93] Online Library of Liberty, "Lord Acton writes to Bishop Creighton that the same moral standards should be applied to all men, political and religious leaders included, especially since "Power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely" (1887), https://oll.libertyfund.org/quotes/214 (diakses pada 3 Mac 2018)
[94] David Kipnis, (1972). Does power corrupt? *Journal of Personality and Social Psychology, 24*(1), 33-41

mengetahui berkenaan penyalahgunaan kuasa menegur kesalahan tersebut, namun jika dibimbangi penyalahguna kuasa tersebut akan mengambil tindakan terhadapnya, perlulah beliau mendedahkannya kepada pihak tertentu bagi menghalang penyalahgunaan kuasa yang berterusan demi menyelamatkan sesebuah organisasi atau masyarakat.

2.2.1 Kuasa Budi Bicara

Kebanyakan agama dan falsafah di dunia melarang dari penyalahgunaan kuasa serta menggalakkan penggunaan peri kemanusiaan apabila menjatuhkan sesuatu hukuman. Malah sesetengah kerajaan yang dalam pemerintahan demokrasi memakai doktrin pembahagian kuasa yang membahagikan urusan kerajaan kepada tiga sektor utama iaitu pemerintah, perundangan dan kehakiman. Tujuan pembahagian kuasa ini diadakan adalah untuk mewujudkan semak dan seimbang diantara ketiga-tiga kuasa tersebut dimana mereka boleh menyemak antara satu sama lain bagi menyeimbangkan kuasa antara tiga sektor tersebut supaya tidak ada satu sektor yang mempunyai kuasa yang mutlak.[95] Ini dapat mengelakkan dari berlakunya kezaliman kerana tidak berlaku pemusatan kuasa sepenuhnya di tangan satu pihak sahaja. Apabila ada kesilapan yang berlaku, maka pihak yang lain akan menegur pihak yang melakukan kesilapan tersebut. Sebagaimana doktrin pengasingan kuasa, pendedahan maklumat oleh pemberi maklumat juga boleh dianggap sebagai satu mekanisme akauntabiliti secara demokrasi. Bezanya cuma doktrin pengasingan kuasa adalah untuk menyemak dan imbang sektor-sektor utama yang memegang kuasa dalam kerajaan tetapi pendedahan maklumat oleh pemberi maklumat adalah untuk semak dan imbang kuasa yang

[95] Abdul Aziz Bari, " Kuasa-kuasa Budi Bicara Teori dan Pemakaiannya dalam Undang-undang Perlembagaan dan Undang-undang Pentadbiran" *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat 8* (2004): 40

diberikan kepada seseorang atau sesuatu badan yang berkuasa di dalam sesebuah negeri. Ianya adalah sangat perlu apatah lagi jika melibatkan penggunaan kuasa budi bicara oleh badan atau orang yang berkuasa tersebut.

Kuasa budi bicara adalah satu kuasa yang diberikan kepada seseorang penjawat awam atau swasta untuk membuat beberapa pilihan sewaktu membuat keputusan.[96] Terdapat berbagai panggilan diberikan iaitu kuasa budi bicara, prerogatif, kuasa simpanan dan sebagainya.[97] Ianya menjadi kebiasaan dan tidak dapat dielakkan dalam dunia demokrasi yang moden ini untuk memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada pihak pentadbiran. Kuasa budi bicara ini boleh diberikan oleh badan perundangan melalui statut kepada pihak pentadbiran yang bersifat eksekutif dimana statut memberi kuasa budi bicara kepada menteri atau pentadbir untuk membuat suatu keputusan, prosedur dan sebagainya. Contoh kuasa budi bicara yang diberikan melalui statut adalah seksyen 3(3) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, yang dipinda pada tahun 2012 menyatakan,

Universiti Utara Malaysia

> Menteri boleh memberi kepada mana-mana orang suatu lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak dan dia boleh menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen sedemikian atau boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung lesen itu selama apa-apa tempoh yang difikirkannya wajar.

Ia juga boleh diberi secara legislatif di mana badan perundangan atau parlimen yang tiada kepakaran dalam bidang tertentu atau terlalu sibuk, maka mereka akan

[96] M.P.Jain, *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (Singapore: Malayan Law Journal Pte Ltd.,1989), 331.
[97] Supra 95

mewakilkan kepada pihak eksekutif membuat undang-undang di bawah statut bagi mencapai tujuan statut tersebut. Seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 menyatakan;

> Undang-undang subsidiari bermakna apa-apa perisytiharan, kaedah, peraturan, pemberitahuan, undang-undang kecil atau suratcara lain yang dibuat di bawah mana-mana Akta, Enakmen, Ordinan atau kuasa sah, yang lain atau yang mempunyai kesan perundangan.

Peraturan atau perintah digubal oleh pihak pentadbiran apabila mereka diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh akta. Contohnya satu akta memperuntukkan bahawa Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan yang berkaitan dengan akta tersebut. Manakala arahan/pemberitahuan adalah perundangan kecil yang lebih berbentuk spesifik, diberikan oleh pihak pentadbiran untuk satu-satu perkara yang lebih spesifik sahaja. Undang-undang kecil digubal oleh pihak berkuasa tempatan atau badan-badan lain dan ia adalah satu undang-undang yang memberi kesan terus kepada orang awam yang mengandungi tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa, peruntukan tentang perkara yang boleh dilakukan dan perkara yang tidak boleh dilakukan, dan hal-hal berkaitan hukuman yang boleh dikenakan sekiranya ia tidak dipatuhi.

Apabila sesuatu peraturan, dasar atau arahan hendak dijalankan oleh pihak pentadbiran, seringkali timbul kekeliruan sama ada peraturan atau dasar tersebut adalah perundangan kecil atau arahan pentadbiran sahaja. Kedua-dua istilah ini memberi kesan yang berbeza apabila dilaksanakan. Dalam kes Ghazali lwn Pendakwa Raya[98], mahkamah memutuskan terdapat perbezaan antara perundangan kecil dan arahan pentadbiran. Dalam kes tersebut, seksyen 107(3) Ordinan Jalan Trafik 1958

[98] (1969) MLJ 156

memperuntukkan bahawa Menteri ada kuasa untuk mengeluarkan 'arahan umum berkaitan polisi yang perlu dipatuhi semasa mempertimbangkan permohonan lesen, jika difikirkan perlu untuk kepentingan awam, dan Lembaga Pelesenan hendaklah mematuhi arahan umum tersebut'. Satu arahan telah dikeluarkan oleh Menteri dan diterbitkan. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa arahan tersebut tidak memberi kuasa tambahan kepada Lembaga Pelesenan untuk melakukan perkara yang tidak diberi kuasa di bawah akta. Oleh itu, arahan tersebut hanya arahan pentadbiran dan bukan perundangan kecil.

Contohnya Majlis Tempatan Sabah telah membuat undang-undang subsidiari *Uniform (Anti-litter) By-laws* 2010[99] , *Conservancy and Hygiene, By-laws* 1984[100] yang diberikan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 Sabah. Undang-undang ini terpakai kepada seluruh kawasan di Sabah yang berada di bawah bidang kuasa Majlis Tempatan Sabah.

Universiti Utara Malaysia

Selain daripada faktor di atas, undang-undang subsidiari ini juga dibuat kerana badan perundangan atau parlimen biasanya membuat undang-undang secara umum dan tidak boleh secara terperinci. Ini mungkin kerana ahli parlimen tidak ada kepakaran dalam bidang-bidang tertentu contohnya kejuruteraan, perubatan dan sebagainya. Ini dapat dilihat di mana sektor perundangan atau parlimen perlu mewakilkan kuasanya pada pihak eksekutif untuk membuat undang-undang terhadap perkara-perkara tertentu kerana pihak eksekutif mungkin lebih arif berkenaan perkara tersebut lalu memberikan ruang bagi membenarkan pentadbir untuk membuat undang-undang. Sebahagian besar

[99] Seseorang boleh didenda tidak melebihi RM10,000 jika didapati membuang sampah di tempat awam
[100] Setiap tuanpunya atau penghuni premis hendaklah menyediakan tong sampah yang dibuat dari besi, bertutup dan diperakukan oleh Majlis

dari undang-undang subsidiari ini yang menjadi dasar pentadbiran negara. Ia memberikan banyak kuasa budi bicara dalam memutuskan sesuatu kes berdasarkan merit kes masing-masing. Melalui kuasa budi bicara ini, pihak eksekutif atau pentadbir diberi pelbagai alternatif untuk memilih mana yang bersesuaian mengikut keadaan tertentu semasa membuat keputusan. Ia memberikan satu kuasa arbitrari yang luas kepada pihak eksekutif untuk membuat pilihan. Perkataan yang biasa digunakan dalam sesuatu perundangan yang menunjukkan wujudnya kuasa budi bicara adalah " bila difikirkan perlu", "jika ia berpuas hati", "munasabah", "mengikut pendapatnya" dan sebagainya. Kuasa budi bicara ini adalah satu keperluan untuk pihak pentadbiran membuat keputusan dengan cepat dan fleksibel bagi kes-kes yang rumit, berasaskan keadaan semasa dan memerlukan keputusan segera. Dalam kes Kementerian Dalam Negeri lwn Persatuan Aliran Kesedaran Negara[101], seksyen 12(2) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberikan kuasa mutlak kepada Menteri Dalam Negeri untuk tidak memberi lesen atau permit kepada pemohon. Permohonan responden untuk menerbitkan majalah dalam Bahasa Malaysia di bawah nama Seruan Aliran telah ditolak oleh Menteri. Mahkamah Tinggi telah membatalkan keputusan yang dibuat oleh Menteri. Apabila Menteri Dalam Negeri membuat rayuan kepada Mahkamah Agung, Mahkamah Agung telah membenarkan rayuan tersebut dan menolak keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Hakim Ajaib berpendapat Menteri Dalam Negeri tidak bertindak secara salah dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya dalam menolak permohonan permit oleh Aliran. Tiada sebarang bukti oleh Aliran menunjukkan Menteri Dalam Negeri telah prejudis atau berat sebelah atau bertindak dengan motif yang tidak baik atau bertindak berlawanan dengan peraturan keadilan asasi.

[101] (1990) MLJ 351

Walaupun kuasa budi bicara ini boleh memudahkan pihak pentadbiran tetapi ia juga boleh disalah gunakan. Kuasa budi bicara yang diiringi dengan desentralisasi biasanya boleh menyebabkan berlakunya nepotisme, kronisme dan rasuah. Terlalu banyak kuasa budi bicara yang tidak dikawal berkemungkinan akan memusnahkan sistem pentadbiran itu sendiri.[102] Itu antara sebab sesetengah jabatan kerajaan memantau kembali kuasa budi bicara yang diberikan kepada pentadbir. Contohnya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui Pelan Integriti Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019, menyatakan pemantauan akan dibuat terhadap penggunaan kuasa budi bicara yang membuat keputusan tanpa sebarang panduan dan tindakan membuat keputusan yang kurang telus.[103]

Kebiasaannya, statut tidak meletakkan piawai atau garis panduan bagaiman kuasa budi bicara ini dapat dilaksanakan dan membiarkan pentadbir bebas melaksanakan kuasa budi bicara mengikut cara masing-masing. Ini mungkin menimbulkan bahaya arbitrari dan diskriminasi. Oleh itu, mengikut MP Jain, statut yang memberikan kuasa budi bicara kepada pentadbir adalah sah jika ia meletakkan polisi, piawai atau garis panduan berkaitan pelaksanaan kuasa budi bicara tersebut.[104] Kuasa budibicara ini boleh disalah gunakan dengan dua cara iaitu pihak pentadbiran gagal menjalankan kuasa budi bicara yang diberikan dan keduanya, ia dijalankan secara tidak betul seperti atas motif yang tidak betul, berat sebelah atau di bawah pengaruh orang lain. Walau bagaimanapun, pihak perundangan boleh menyemak kuasa budi bicara ini dengan dengan memastikan

[102] Supra 95, 41
[103] Jabatan Kastam Diraja Malaysia, *Pelan Integriti Jabatan 2015-2019*, http://www.customs.gov.my/ms/Muat%20Turun/PELAN%20INTEGRITI%20JABATAN%202015-2019.pdf (diakses pada 12 Jun 2020)
[104] Supra 96, 335

pihak eksekutif menggunakan kuasa budibicara mengikut arahan dari statut atau mematuhi semangat statut yang memberinya kuasa budi bicara tersebut.

Kuasa budi bicara perlu dikawal untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa. Mengikut Craig, ia boleh dilakukan dengan tiga cara iaitu: (1) Mengenakan kawalan ke atas prosedur bagaimana kuasa budi bicara digunakan dengan menyekat perwakilan kuasa budi bicara tersebut kepada pihak lain. Mahkamah juga boleh memainkan peranan dengan mengenakan batasan mengenai polisi atau peraturan bagi kuasa budi bicara tersebut. Ianya untuk mempastikan tidak akan ada kegagalan dalam melaksanakan kuasa budi bicara oleh orang yang diberi kuasa tersebut; (2) Mahkamah juga boleh mengenakan batasan terhadap siapa yang boleh menggunakan kuasa budi bicara tersebut dengan mengambil pertimbangan bagaimana proses kuasa budi bicara dilaksanakan; dan (3) Mahkamah boleh mengenakan batasan terhadap prosedur yang digunakan oleh pentadbir semasa melaksanakan kuasa budibicara berdasarkan matlamat kuasa budi bicara berkenaan.[105]

Universiti Utara Malaysia

Dalam mengenakan batasan dan sekatan ini, mahkamah bolehlah dikatakan membuat penyemakan terhadap kuasa budi bicara supaya ia masih berada di ruang lingkup yang dikehendaki oleh statut. Namun mahkamah tidaklah mempersoalkan sama ada keputusan yang dibuat oleh pentadbir adalah betul atau salah, wajar atau tidak dan sebaliknya. Ini kerana prinsip mahkamah yang tidak masuk campur dalam urusan merit sesuatu kes.

[105]Paul Craig, Administrative Law (London: Sweet & Maxwell, 1994) 384

Semua di atas adalah pengawalan kuasa budi bicara yang dibuat melalui statut atau mahkamah. Namun terdapat keadaan-keadaan di mana penyalahgunaan kuasa budi bicara ini berlaku secara senyap dan tiada sebarang tindakan diambil terhadapnya. Ini mungkin berlaku kerana mangsa tidak punya *locus standi* untuk membawa pesalah laku ke mahkamah atau tidak berani untuk berbuat demikian kerana akan mengakibatkan perkara yang tidak diingini berlaku kepada mangsa. Maka perlu ada ruang untuk masyarakat yang mempunyai maklumat mengenai sesuatu salah laku mendedahkan perbuatan tersebut kepada pihak-pihak yang tertentu bagi menyekat salah laku yang mungkin akan berlaku, memberhentikan salah laku yang sedang berlaku atau menghukum pesalah-pesalah laku tersebut dan mendedahkan perbuatan yang mereka lakukan yang membawa kemudaratan kepada masyarakat.

2.2.2 Penyertaan oleh Masyarakat

Setiap individu mahukan sebuah masyarakat yang harmoni dan setiap organisasi memerlukan pekerja yang jujur dan telus. Kejujuran dan ketelusan pekerja boleh membawa kepada kejayaan kepada misi sesebuah organisasi. Penyalahgunaan kuasa dan rasuah akan memudaratkan sesebuah organisasi dan juga masyarakat setempat. Masyarakat awam mempunyai peranan penting dalam menangani rasuah, bermula dari memantau perkhidmatan awam dan mengesan rasuah. Kuasa budi bicara luas yang diberikan kepada penjawat yang membuat keputusan, boleh melalaikan diri mereka dengan membuat keputusan mengikut kehendak atau apa yang memberi kepentingan atau keuntungan kepada mereka. Contohnya seorang pegawai yang berkuasa memilih tender untuk syarikat atau pejabat awam, mungkin akan meminta atau menerima rasuah dari pembekal yang memasuki tender tersebut. Oleh itu, jika ada seseorang pekerja, ahli atau kumpulan masyarakat mengetahuinya, maka mereka boleh

melaporkan perkara berkenaan kepada pihak-pihak yang sepatutnya bagi mengekang salah laku tersebut atau menghukum peminta atau penerima rasuah tersebut.

Indeks masyarakat sivil 2010 menunjukkan bahawa 41.9 peratus wakil organisasi masyarakat sivil merasakan masyarakat mempunyai kesan ketara terhadap usaha anti rasuah.[106] Masyarakat sivil boleh ditakrifkan sebagai satu persatuan masyarakat yang secara sukarela bekerjasama untuk memajukan kepentingan, idea-idea, ideologi, badan bukan kerajaan yang mempertahankan kepentingan awam, organisasi akademik, kesatuan perdagangan, persatuan professional, pergerakan sosial dan organisasi lain seperti wanita, pemuda dan petani.[107] Di seluruh dunia, masyarakat sivil aktif dalam usaha memperbaiki kehidupan rakyat dan persekitaran dimana mereka tinggal.[108] Masyarakat sivil telah lama memainkan peranan secara aktif sebagai perantara dan rakan antara orang awam dan kerajaan untuk menentang rasuah dan menyokong usaha-usaha meningkatkan pendedahan, kesedaran dan menangani rasuah.[109] Cara bagaimana masyarakat boleh memerangi rasuah adalah berbagai, antaranya adalah dengan memberi pendidikan dan kesedaran, menyokong perkembangan undang-undang anti rasuah dan membuat laporan berkaitan apa saja yang dirasakan boleh menyebabkan rasuah. Namun antara alat yang paling berkesan untuk mengesan dan mencegah rasuah adalah pelaporan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat.[110] Ianya boleh dianggap sebagai sistem amaran awal untuk masyarakat

[106]Anti Corruption Research Centre, "The UN Convention against Corruption and the role of civil society,"https://www.transparency.org/files/content/corruptionqas/UNCAC_and_civil_society_2016.pdf (diakses 1 Jun 2018)
[107] Charmaine Rodrigues, *Civil Society Publication, Public Accountability and The UN Convention Against Corruption*, (Berlin,Germany: Transparency International, 2015) 7
[108] Anna Myers, Expert Coordinator, Whistleblowing International Network (WIN), "Whistleblowing: Civil Society's Challenge," https://whistlenetwork.files.wordpress.com/2014/01/myers-article-website-version-jan14.pdf (diakses 20 Januari 2018)
[109] Supra n 107, 8
[110] Supra 23

berjaga-jaga kerana berlakunya penipuan dan penyalahgunaan kuasa. Masyarakat sivil mempunyai peranan dalam mencegah rasuah tetapi perlulah ada persekitaran yang kondusif, termasuklah suasana politik yang kondusif untuk membolehkan mereka memainkan peranan secara berkesan. Oleh itu perundangan terhadap organisasi masyarakat sivil perlulah lebih menyokong ke arah itu daripada menyekat mereka. Malangnya, perkara yang sebaliknya berlaku iaitu dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kecenderungan dalam beberapa negara yang melihat masyarakat sivil sebagai satu ancaman dan cuba mematahkan dan menyerang usaha masyarakat sivil. Pada tahun 2014, Pembantu Hak Asasi PBB menyatakan masyarakat sivil seluruh dunia menghadapi risiko ancaman dan ugutan, tindakan balas yang dahsyat, pembunuhan, organisasi bukan kerajaan yang dilarang dari menerima pembiayaan dan pemberi maklumat yang dipenjara kerana mendedahkan rasuah.[111]

Tidak dapat dinafikan peranan individu atau masyarakat sivil sebagai pemberi maklumat adalah penting sebagai amaran awal berlakunya salah laku seperti penipuan, rasuah dan sebagainya yang boleh memudaratkan masyarakat seluruhnya. Maklumat salahlaku yang dilaporkan adalah yang bertentangan dengan etika sesebuah organisasi. Oleh itu setiap organisasi perlu mempunyai etika tertentu yang boleh membuat pekerja merasa aman berada di dalamnya yang membawa kepada harmoninya sesebuah masyarakat.

2.2.3 Budaya Etika Organisasi

Sesebuah organisasi perlu mempunyai ciri-ciri tertentu bagi mempastikan ianya berada dalam keadaan yang harmoni terutamanya antara pihak pengurusan atasan dengan

[111] Supra 107, 9

orang bawahan. Kaptein telah memformulasikan kriteria normatif/etika untuk budaya etika organisasi yang dipanggil sebagai Model *Corporate Ethical Virtues Model* (CEV).[112] Terdapat tujuh faktor penting iaitu kejelasan, keserasian dengan penyelia dan keserasian dengan pihak pengurusan, mudah dilaksanakan, ketelusan, sokongan, boleh dibincangkan dan hukuman. Teori ini menyatakan setiap ahli perniagaan dan organisasi perniagaan perlu mempunyai ciri-ciri kebajikan tertentu untuk moral yang cemerlang. Kaptein telah membuat analisis kualitatif ke atas seratus lima puluh kes sebenar termasuklah bermacam jenis perbuatan yang tidak beretika oleh pekerja yang disebabkan oleh budaya organisasi.

Faktor pertama adalah kejelasan jangkaan normatif atau amalan etika organisasi mengenai perlakuan pekerja. Ini bermaksud pihak pengurusan perlu jelas mengenai etika sesebuah organisasi iaitu perlu ada senarai perlakuan yang bagaimana dianggap beretika dan yang mana pula dianggap tidak beretika. Pihak pengurusan tidak boleh membiarkan pekerja sendiri yang memikirkan sama ada sesuatu perlakuan itu beretika atau tidak. Pekerja akan mempunyai alasan yang mereka tidak tahu atau tidak diberitahu bahawa perlakuan yang mereka lakukan itu tidak beretika dan akan mempunyai kecenderungan untuk banyak melakukan perlakuan yang tidak beretika.[113]

Keduanya, walaupun sesebuah organisasi itu boleh menyenaraikan perbuatan yang beretika dan tidak beretika, namun jika tingkah laku pihak pengurusan sebagai sumber penting normatif sesebuah organisasi bertentangan dengan senarai tersebut, maka pekerja akan merasa pihak pengurusan melakukan perbuatan tidak seperti yang

[112] Muel Kaptein, "Developing and Testing a Measure for the Ethical Culture of Organizations: The Corporate Ethical Virtues Model," *Journal of Organizational Behaviour*, Vol 29 (Oktober 2008), 930
[113] Ibid 924-925

perkatakan dan mungkin mendapat isyarat yang sebaliknya iaitu mereka juga boleh berkelakuan demikian. Jika tingkah laku pihak pengurusan adalah konsisten seperti jangkaan normatif organisasi, maka mesej kepada pekerja untuk mematuhi jangkaan normatif tersebut adalah kukuh.[114]

Ketiga, bagaimana organisasi mencipta situasi yang membolehkan pekerja mematuhi jangkaan normatif tersebut. Jika seseorang pekerja tidak langsung atau hanya memahami sedikit sahaja tentang tanggungjawab atau kerja yang perlu dilakukannya, maka ia akan meningkatkan risiko perlakuan yang tidak beretika. Kaptein mendapati perlakuan tidak beretika ini berlaku bila pekerja tidak cukup masa, perbelanjaan, peralatan, informasi dan kuasa untuk melaksanakan tanggung jawabnya. Contohnya orang yang mempunyai tekanan kurang masa, akan kurang untuk memberi perhatian kepada kesahan sesuatu perbuatan dan kepentingan orang lain. Ianya adalah keperluan yang pekerja berkeupayaan atau berkemampuan untuk melaksanakan tanggung jawabnya.[115]

Universiti Utara Malaysia

Keempat, organisasi perlu membentuk sokongan dikalangan pekerja untuk memenuhi jangkaan normatif organisasi tersebut. Kaptein mendapati pekerja yang tidak bermotivasi dan tidak puas hati adalah lebih cenderung untuk berkelakuan tidak beretika. Pekerja yang merasa diri mereka tidak dilayan dengan adil atau tidak diambil kisah akan cuba menegakkan keadilan dengan sengaja memudaratkan organisasi tersebut. Maka faktor sokongan ini berkitar kepada setakat mana organisasi memberi sokongan kepada perlakuan etika pekerja. Ia merujuk kepada kekuatan relatif seseorang individu mengetahui jangkaan normatif organisasi serta melibatkan diri dan

[114] Ibid
[115] Ibid

komitmen terhadapnya. Sejauh mana jugakah organisasi tersebut menyokong dan merangsang pekerjanya untuk mengikuti jangkaan normatif tersebut.[116]

Seseorang pekerja hanya boleh dipertanggungjawabkan jika mereka tahu akibat perbuatan mereka. Maka faktor yang kelima iaitu ketelusan adalah penting. Dalam sesebuah organisasi yang tinggi nilai ketelusannya, pekerja diberi peluang untuk memperbetulkan perbuatan mereka, rakan sekerja mereka dan majikan mereka. Ketidak telusan akan mengakibatkan peningkatan tingkah laku yang tidak beretika. Oleh itu ketelusan disini merujuk kepada darjah perlakuan pekerja dan akibatnya yang ketara kepada orang yang boleh bertindak kepadanya seperti rakan sekerja dan majikan. Ketelusan dibahagi kepada dua iaitu ketelusan menegak dan ketelusan mendatar. Ketelusan menegak adalah sejauh manakah pihak pengurusan boleh memerhati perlakuan tidak beretika dan akibat pekerja bawahan untuk diperbetulkan serta sejauh mana pekerja bawahan boleh memerhati tindakan tidak beretika dan akibat pihak atasan untuk diperbetulkan. Ketelusan mendatar pula adalah sejauh mana rakan sekerja peringkat yang sama boleh memerhati perlakuan tidak beretika masing-masing dan akobatnya untuk diperbetulkan.[117]

Faktor yang seterusnya adalah peluang untuk pekerja untuk menimbulkan dan membincangkan isu-isu perlakuan etika. Kaptein memberikan contoh-contoh kelakuan tidak beretika yang disebabkan tiada peluang diberikan kepada pekerja-pekerja untuk membincangkan perlakuan tersebut. Di dalam "budaya tertutup", biasanya kritikan tidak digalakkan atau tidak dibenarkan langsung. Mereka hanya menutup mata dan memekakkan telinga terhadap perlakuan salah yang berlaku dalam

[116] Ibid 926
[117] Ibid

organisasi itu. Ia boleh dikatakan sebagai penyumbatan maklumat negatif, "bunuh pengantar utusan," tapis berita buruk atau kepura-puraan. Peluang perbincangan berkaitan isu-isu perlakuan etika adalah penting kerana seseorang boleh belajar dari kesilapan atau salah laku dari pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pekerja-pekerja yang lain. Penghindaran berterusan terhadap perbincangan moral ini akan menimbulkan budaya tak bermoral dalam sesebuah organisasi. Jika isu-isu moral tidak boleh dibincang secara terbuka, ia akan berlalu tanpa disedari dan luput begitu sahaja dan ini akan mengarahkan tekanan moral yang lebih tinggi. Dalam sesebuah organisasi yang mengamalkan perbincangan terbuka pula, kekurangan atau ketidakjelasan terhadap jangkaan normatif, delima moral dan perlakuan yang tidak beretika boleh dibincangkan supaya pekerja-pekerja organisasi tahu dan faham dengan jelas kehendak organisasi. Jika pekerja diharapkan untuk melaporkan sesuatu pelanggaran etika, persekitaran kerja mereka haruslah menjadi tempat yang selamat di mana isu moral boleh dibangkitkan tanpa takut menjadi mangsa tindakan balas.[118]

Universiti Utara Malaysia

Faktor terakhir adalah keboleh hukuman iaitu kemungkinan seseorang dihukum kerana perbuatan yang tidak beretika dan diberi ganjaran atas perbuatan yang beretika. Kaptein mendapati terdapat kelakuan tidak beretika dalam sesebuah organisasi boleh berlaku disebabkan oleh terdapatnya perlakuan tidak etika yang lebih kurang serupa sebelum ini tetapi dibiarkan, malah digalakkan lagi oleh pihak pengurusan. Ini mewujudkan persepsi dikalangan mereka yang berkelakuan tidak beretika bahawa mereka juga tidak akan dihukum atau terlepas dari hukuman, malah mereka akan mungkin dihargai oleh pihak pengurusan. Ketiadaan penguatkuasaan hukuman boleh melemahkan keberkesanan jangkaan normatif. Hukuman adalah penting untuk

[118] Ibid, 927

rangsangan perlakuan dan ianya adalah sumber untuk menentukan sesuatu kriteria. Pekerja akan mengelakkan salahlaku jika mereka jangka perbuatan mereka akan dihukum, apatah lagi jika hukuman tersebut teruk dan mengatasi ganjaran yang mereka dapat. Bila pihak pengurusan mendiamkan diri, tidak menghukum atau memberi ganjaran jika berlaku perlakuan tidak beretika, maka mereka menghantar mesej yang jelas bahawa perlakuan tersebut diterima atau dialu-alukan. Hukuman diberikan bukan sahaja untuk menghukum pembuat perlakuan tidak beretika tetapi juga sebagai pengajaran untuk pekerja-pekerja lain atau sesiapa saja yang melihatnya. Disiplin untuk orang yang melanggar peraturan berfungsi sebagai simbol yang penting dalam sesebuah organisasi – ia menguatkuasakan piawai, menegakkan nilai-nilai pematuhan kepada jangkaan normatif yang dikongsi bersama dan mengekalkan persepsi bahawa organisasi adalah tempat di mana seseorang yang melakukan kesalahan akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka. Kaptein juga mendapati kegagalan untuk memberi ganjaran kepada perbuatan yang beretika akan menghala ke arah perbuatan yang tidak beretika. Malah kurang memberi hukuman kepada perbuatan tidak beretika akan mengurangkan kesediaan seseorang untuk melakukan perbuatan beretika.[119]

Faktor-faktor dalam Model CEV ini telah didapati berhubung kait secara positif dengan pemberian maklumat.[120] Kesamaran terhadap jangkaan etika menimbulkan tingkah laku yang tidak beretika, kajian yang dibuat menunjukkan lebih tinggi tahap kejelasan jangkaan normatif akan menggalakkan tingkah laku beretika dan laporan

[119] Ibid
[120] Saira Farooqi, Ghulam Abid dan Alia Ahmed, "How bad it is to be good: Impact of organizational ethical culture on whistleblowing (the ethical partners)," *Arab Economic and Business Journal* 12 (2017) 69 - 80

yang dibuat oleh pekerja terhadap perbuatan yang tidak beretika. Keduanya, jika pihak pengurusan mencabar jangkaan normatif, maka akan wujud ketidakserasian pekerja terhadap pihak pengurusan. Oleh itu, keserasian atau konsistensi dalam tingkah laku pihak pengurusan akan menginspirasi pematuhan pekerja terhadap jangkaan normatif organisasi. Ketiga yang berkaitan kebolehlaksanaan, sejauh mana organisasi menyediakan kepada pekerja maklumat mengenai belanjawan, peralatan, maklumat dan kuasa yang diperlukan oleh pekerja untuk memenuhi tanggungjawab mereka dan tekanan untuk melaksanakan tanggungjawab bagi memenuhi tarikh akhir dan sasaran dengan sumber yang kurang. Jika pekerja tidak disediakan dengan semua di atas dan tidak boleh melaksanakan tugas mereka, maka ia akan meningkatkan salah laku atau tingkah laku yang tidak beretika. Hasil kajian menunjukkan kebolehlaksanaan yang rendah dan sumber yang sedikit menghalang pekerja memberi maklumat berkaitan tingkah laku tidak beretika kerana pemberian maklumat mungkin mengambil masa yang lama sedangkan memenuhi tuntutan tarikh akhir tugasan adalah lebih penting dari segala-galanya. Tingkah laku yang tidak beretika juga mungkin terjadi kerana kekurangan maklumat dan kuasa yang tidak mencukupi diberikan kepada pekerja untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Keempat, faktor sokongan didapati sebagai faktor yang kedua penting oleh kajian ini untuk merangsang pemberian maklumat. Ia menunjukkan apabila pekerja lebih tahu, lebih melibatkan diri serta lebih iltizam/komited terhadap jangkaan normatif organisasi, maka mereka akan lebih sedar dan terasa jika berlaku perbuatan yang tidak beretika dalam organisasi serta berasa tidak senang dan akan mengambil tindakan yang tegas atau menegur pesalah atau melaporkan perbuatan tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kelima, ketelusan akan meningkatkan budaya etika organisasi dimana pekerja akan digalakkan untuk mengambil tindakan jika ada salah laku dan pekerja merasakan terhutang budi untuk

Universiti Utara Malaysia

melaporkan salah laku untuk mengekalkan tahap ketelusan yang sedia ada. Keenam, pekerja didapati mudah membuat teguran terhadap salah laku jika dibenarkan perbincangan atau komunikasi terbuka, di mana persekitaran kerja adalah selamat tanpa ada rasa ketakutan. Jika laporan oleh pemberi maklumat tidak diambil serius, pekerja akan membuat kesimpulan bahawa ianya adalah sia-sia sebarang cubaan untuk memberi maklumat, maka ini akan merendahkan pemberian maklumat di organisasi tersebut. Terakhirnya berkaitan hukuman yang dianggap paling signifikan dari semua faktor lain di atas. Pekerja akan dirangsang untuk memberi maklumat tingkah laku yang tidak beretika yang berlaku dalam organisasi secara dalaman jika mereka merasakan bahawa kebarangkalian adalah tinggi untuk pelaku perbuatan tidak beretika itu dihukum.

Kajian ini menyedarkan tentang kepentingan mewujudkan budaya etika dalam sesebuah organisasi, malah pemberi maklumat ini juga dianggap sebagai rakan etika yang cuba memberitahu kepada rakan organisasi atau organisasi itu sendiri jika ada berlakunya pelanggaran etika dalam organisasi tersebut. Pemberian maklumat dianggap sebagai satu tanggungjawab baru pekerja dalam sesebuah organisasi.[121] Malah dicadangkan supaya diwujudkan satu saluran yang mentadbir laporan dari pemberi maklumat dalam organisasi dan disahkan peranan pemberi maklumat sebagai rakan etika organisasi untuk menjadikan tempat kerja lebih baik dan lebih selamat.

Di Malaysia pula, satu kajian yang dibuat terhadap kesan kepercayaan organisasi ke atas niat pemberian maklumat di agensi penguatkuasaan Malaysia mendapati niat untuk memberi maklumat timbul apabila ada kepercayaan diantara pihak pengurusan

[121] Hazlina Shaik Mohd Noor Alam dan Asiah Bidin, *Whistleblowing: Jurisprudential Philosophies, Ethics and Policies,* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2018),33-35

dan pekerja dibawahnya. Pemberian maklumat kepada pihak pengurusan akan berlaku bila ada kepercayaan yang kuat diantara pihak pengurusan dan pekerja bawahannya. Faktor yang menggalakkan pemberian maklumat dalaman adalah jika pekerja mempercayai pihak pengurusan. Ianya berkait rapat dengan kepastian yang pekerja tidak akan menjadi mangsa jika memberi maklumat secara dalaman untuk melaporkan sebarang salah laku. Walau bagaimanapun, didapati bahawa pemberi maklumat tidak menerima sebarang pujian atas usaha dan risiko yang mereka ambil. Malah ramai yang telah dipaksa untuk berhenti atau tinggalkan kerja mereka, dinafikan kenaikan pangkat, tidak diberi sokongan dan didesak untuk menarik balik tuduhan yang dibuat. Didapati juga pekerja-pekerja di agensi penguatkuasaan memilih untuk melaporkan salah laku di organisasi tersebut secara dalaman. Namun mereka memilih untuk memberi maklumat secara luaran jika (i) salah laku yang sama berulang banyak kali, (ii) dilakukan oleh penyelia atau pihak pengurusan dan (iii) pekerja takut tindakan balas akan diambil terhadap mereka oleh pihak pengurusan atasan. Ini kerana mereka merasa lebih yakin bila identiti mereka tidak diketahui. Kajian lain yang dijalankan terhadap Syarikat Berkaitan Kerajaan menunjukkan layanan yang adil oleh pihak pengurusan mempunyai hubungan yang positif dengan pemberian maklumat. Jika sesebuah organisasi menyediakan layanan yang adil dari sudut kemajuan kerjaya, latihan, penilaian prestasi, tugasan, anugerah dan kenaikan gaji, maka pekerja akan cenderung untuk melaporkan aktiviti salah laku untuk melindungi imej organisasi. Namun kepuasan kerja dan kerjasama pula tidak ada kaitan dengan pemberian maklumat.[122]

[122]Jamaliah Said et al, "Does job satisfaction, fair treatment and cooperativeness influence the whistleblowing practice in Malaysian Government linked companies?" *Asia-Pacific Journal of Business Administration.*Volume 9 Issue 3 (2017), 228. https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/APJBA-06-2017-0053/full/pdf?title=does-job-satisfaction-fair-treatment-and-cooperativeness-influence-the-whistleblowing-practice-in-malaysian-government-linked-companies (diakses 20 Julai 2020)

2.2.4 Definisi dan Kategori Pemberian Maklumat

Pemberian maklumat adalah satu fenomena moden yang dibina berdasarkan sejarah aktivism pengguna dan perbezaan pendapat politik. Ini dapat dilihat pada tahun enam puluhan hingga tahun tujuh puluhan di mana masyarakat mempunyai banyak perbezaan pendapat dan terlibat dengan bantahan yang akhirnya mereka bawa hingga ke tempat kerja. Malah pemberian maklumat meningkat secara dramatik pada tahun lapan puluhan.[123] Pemberian maklumat didefinisikan oleh beberapa penyelidik Amerika sebagai pendedahan maklumat terhadap anggota sesebuah organisasi sama ada yang masih berada dalam organisasi tersebut atau telah meninggalkannya dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang, tidak bermoral atau tidak mengikut peraturan organisasi dan pendedahan ini dibuat kepada organisasi berkenaan atau siapa saja yang boleh mengambil tindakan terhadap perbuatan tersebut. Malah pemberi maklumat juga dianggap sebagai seorang yang berpotensi untuk menjadi agen perubahan.[124] Namun definisi pemberi maklumat adalah berbeza mengikut negara berdasarkan undang-undang yang ada pada sesebuah negara tersebut. Pemberian maklumat mempunyai empat elemen iaitu (i) pemberi maklumat yang memberikan maklumat; (ii) aduan atau maklumat berkaitan salah laku; (iii) organisasi secara amnya atau individu atau sekumpulan individu yang bekerja di organisasi yang membuat salah laku dan (iv) pihak yang menerima aduan atau maklumat berkaitan salah laku dari pemberi maklumat.[125]Peter B. Jubb pula menambah dua lagi elemen

[123] Janet P. Near dan Marcia P Miceli, "Wrongdoing, Whistle-Blowing, and Retaliation in the U.S. Government What Have Researchers Learned From the Merit Systems Protection Board (MSPB) Survey Results?," *Review of Public Personnel Administration*, Volume 28 Number 3 (September 2008) 263-281, http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.924.1890&rep=rep1&type=pdf (diakses 1 Ogos 2020)
[124] Ibid
[125] Siddhartha Dasgupta dan Ankit Kesharwani, "Whistleblowing: A survey of Literature," *The IUP Journal of Corporate Governance*, Vol. IX, No. 4, (2010) 1

iaitu (i) cara maklumat disalurkan dan (ii) hasil dari pemberian maklumat.[126]Beliau mendefinisikan pemberi maklumat sebagai seorang yang memberi maklumat awam secara sukarela, bukan kerana tugasnya untuk berbuat demikian, mempunyai akses kepada maklumat tersebut yang berkaitan salah laku yang dijangkakan dimana ia berada di bawah kawalan sesebuah organisasi tetapi maklumat itu diberikan kepada entiti luar yang boleh membetulkan salahlaku di organisasi tersebut.[127]

Identiti pemberi maklumat terbahagi kepada empat iaitu:[128]

(i) pemberi maklumat semasa iaitu pemberi maklumat masih bekerja dengan organisasi semasa maklumat organisasi di dedahkan.

(ii) pemberi maklumat alumni iaitu pemberi maklumat telah meletak jawatan dalam organisasi.

(iii) pemberi maklumat terbuka dimana identiti pemberi maklumat dikenali umum dan;

(x) pemberi maklumat rambang di mana identiti pemberi maklumat tidak dikenali. Pemberi maklumat boleh dikategorikan kepada dua iaitu pemberi maklumat dalaman dan pemberi maklumat luaran. Mengikut Mansbach and Bachner, pemberi maklumat dalaman adalah orang yang memberikan maklumat salah laku kepada organisasi yang terbabit dengan salah laku tersebut dan pemberi maklumat luaran adalah yang memberikan maklumat salah laku organisasi kepada pihak luar organisasi seperti polis, organisasi

[126] Peter B. Jubb, "Whistleblowing: A Restrictive Definition and Interpretation,"*Journal of Business Ethics 21*, (1999), 77
[127] Supra 21, 484
[128] Sabitha Merican, *Membentuk Suasana Kerja Positif: Aspek Hubungan Manusia dan Persekitaran Sosial*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd,, 2005) 56.

> lain yang profesional[129] atau media[130]. Pemilihan sama ada untuk memberi maklumat secara dalaman atau luaran adalah sangat penting kerana ia boleh mempengaruhi tindakan organisasi terhadap pemberi maklumat, jenis tindakan balas yang akan diterima dan keberkesanan pemberian maklumat itu sendiri.[131]

Pemberi maklumat dalaman pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu pemberi maklumat yang melaporkan salah laku secara suka rela dan yang melaporkan kesalahan kerana ianya menjadi tugas mereka untuk berbuat demikian seperti juruaudit dalaman. Biasanya pemberi maklumat dalaman mempunyai lebih kesedaran berkaitan salah laku tetapi mereka takut untuk memberi maklumat kerana kesannya mungkin boleh menyebabkan hilang kerja atau di pulaukan oleh organisasi. Mereka biasanya akan memberi maklumat jika orang yang menerima maklumat adalah orang yang mempunyai kuasa dan seseorang yang mendapat sokongan dari pihak atasan organisasi tersebut.[132] Bagi juruaudit dalaman pula, biasanya tugas mereka memerlukan mereka untuk melaporkan kesalahan kepada pihak atasan organisasi tempat mereka bertugas.

Miceli dan Near menegaskan bahawa terdapat beberapa kontroversi mengenai definisi pemberi maklumat itu sendiri. Pertamanya berkaitan dengan pemberian maklumat secara dalaman atau luaran, malah ada ketikanya seorang pemberi maklumat membuat pendedahan secara dalaman dengan memberitahu kepada organisasi terbabit dan juga secara luaran iaitu melaporkan juga salahlaku kepada organisasi luar yang mempunyai

[129] Stephanos Avakian dan Joanne Roberts, "Whistleblowers in Organisations: Prophets at Work?" *Journal of Business Ethics* 110(1), (September 2012) 71-84
[130] Supra 21, 484
[131] Terry Morehead Dworkin dan Melissa S. Baucus, Internal v. External Whistlebowers: A Comparison of Whistleblowing Processes, *Journal of Business Ethics* 17, (1998) 1281 -1298
[132] William J Read & D V Rama, "Whistle-blowing to internal auditors," *Managerial Auditing Journal* 18/5 (2003) 354-362.

kuasa untuk mengambil tindakan. Keduanya, pemberian maklumat itu bukan hanya cadangan untuk mengubah operasi atau sistem sesebuah organisasi tetapi ianya lebih kepada mendedahkan apa yang dilarang undang-undang dan salah laku oleh orang bawahan tanpa atau dengan izin pihak pengurusan atasan. Ketiganya, tujuan pemberian maklumat adalah untuk memberhentikan salah laku, oleh itu pemberian maklumat harus disalurkan kepada seseorang yang mempunyai kuasa untuk memberhentikan salah laku tersebut. Bagi Miceli dan Near, seseorang yang memberi maklumat untuk menyelamatkan diri dari diambil tindakan undang-undang terhadap mereka atau mengharapkan supaya orang yang melakukan salah laku dihukum tidak dianggap sebagai pemberi maklumat kerana mengharapkan keputusan yang negatif dari pemberian maklumat tersebut.

Jika dilihat dari definisi di atas, tiada definisi umum pemberian maklumat kerana setiap negara mempunyai definisi yang tersendiri mengikut undang-undang masing-masing. Pendapat Miceli dan Near berkaitan kontroversi definisi pemberian maklumat ini juga dihadapi oleh undang-undang pemberi maklumat di Malaysia. Pertamanya pemberian maklumat secara dalaman terutamanya berkaitan juruaudit dipraktikkan oleh beberapa undang-undang Malaysia seperti Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Semua ini terdapat dalam beberapa peruntukan dalam akta-akta tersebut. Namun akta spesifik yang berkaitan pemberian maklumat iaitu APPM 2010 membenarkan pemberian maklumat kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang telah dibenarkan akta sahaja. Ini bermakna bagi agensi selain penguatkuasaan tersebut, tidak boleh disalurkan maklumat kepada organisasi terbabit. Keduanya, tujuan pemberian maklumat di Malaysia bukan langsung bertujuan untuk mengubah sistem, operasi atau polisi sesebuah organisasi

tetapi adalah untuk mendedahkan kelakuan tidak wajar yang berlaku di dalam sesebuah organisasi. Yang menjadi masalah adalah definisi kelakuan tidak wajar itu terlalu subjektif kerana ia terlalu umum iaitu apa saja kesalahan tatatertib dan jenayah. Tidak mudah untuk mengenal pasti sesuatu perbuatan yang melanggar tatatertib sesebuah organisasi kerana pekerja-pekerja organisasi ada yang kurang peka dengan kesalahan tatatertib itu. Ini kerana setiap organisasi mempunyai perbuatan-perbuatan yang tersendiri yang boleh dianggap sebagai kesalahan tatatertib. Ketiganya, undang-undang pemberi maklumat di Malaysia tidak memerlukan elemen "suci hati" di pihak pemberi maklumat, namun terdapat pembatalan perlindungan kepada pemberi maklumat yang tidak suci hati seperti pemberian maklumat kerana dikenakan tindakan tatatertib lain. Elemen suci hati ini yang dulunya dianggap perlu ada pada pemberi maklumat di England juga telah dihapuskan.

Penyelidik berpendapat tujuan utama pemberian maklumat adalah untuk mendedahkan salah laku yang terjadi serta menghukum pesalah laku untuk iktibar kepada masyarakat dan memberhentikan salah laku yang masih belum terjadi atau sedang terjadi daripada ia mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Jadi tidak perlu diambil kira sama ada pemberi maklumat itu ada elemen suci hati atau tidak kerana ia mungkin akan mengurangkan pemberian maklumat jika ada diantara pemberi maklumat tersebut tiada elemen suci hati.

Namun, jika merujuk kepada Penyata Rasmi Parlimen, APPM 2010 ini dicadangkan untuk memberi perlindungan kepada *informer* disebabkan mereka tidak mendapat perlindungan yang cukup.[133]Mengikut Rapp, *informant* atau pemberi maklumat adalah

[133] Supra 5

seseorang yang memberi maklumat sebagai seorang mangsa atau saksi tetapi *informer* adalah rakan sekutu atau rakan yang terlibat melakukan kesalahan yang memberikan maklumat kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan wang atau kelebihan lain seperti hukuman dikurangkan atau terlepas dari pendakwaan.[134] Greer pula membahagikan *informer* kepada dua iaitu orang luar dan orang dalaman yang memberikan maklumat sekali saja atau secara berulang: (i) *informer* luaran yang memberi sekali saja maklumat iaitu pemerhati biasa atau saksi yang memberi maklumat untuk menolong polis; (ii) *informer* luaran yang memberi maklumat secara berulang iaitu seorang yang menyibuk dengan hal orang lain; (iii) *informer* dalaman yang memberi maklumat sekali saja iaitu rakan yang melakukan kesalahan dan memberi maklumat untuk menolong dirinya sendiri termasuk yang memberi pengakuan mengenai kesalahan yang dilakukan dan (iv) *informer* dalaman yang memberi maklumat secara berulang iaitu yang berdaftar dengan pihak penguatkuasaan.[135] Kebiasaannya *informer* yang memberi maklumat secara rahsia masih terlibat melakukan perbuatan yang salah.[136] Brightwell juga bersetuju yang biasanya *informer* mempunyai latar belakang jenayah yang mempunyai "satu atau kedua kaki" di dunia jenayah dan menyampaikan aktiviti penjenayah lain kepada polis atas pelbagai alasan.[137] National Criminal Intelligence Service (NCIS) pula menyatakan *informer* biasanya mempunyai sejarah jenayah, yang memberikan maklumat mengenai jenayah atau orang yang berkaitan dengan kegiatan jenayah.[138] Menurut Billingsley, ianya adalah persetujuan pendapat bahawa pihak polis tidak boleh beroperasi tanpa kehadiran *informer.*[139] Harney dan Cross

[134] Roger Eric Billingsley, "An examination of relationship between Informers and their Handlers within the police service in England" (master's thesis, Loborough University,2001), 6
[135] Ibid 7
[136] Ibid
[137] Ibid
[138] Ibid 8
[139] Ibid 12

menyatakan seseorang polis di zaman moden yang menggunakan *informer* tidak perlu merasa bersalah kerana *informer* digunakan disebabkan tidak ada jalan lain lagi bagi penyiasatan untuk menentukan identiti pelaku kesalahan.[140]

Deininger menyatakan seseorang menjadi *informer* disebabkan enam perkara iaitu (i) bayaran berbentuk hadiah atau wang; (ii) membalas dendam; (iii) melindungi diri sendiri; (iv) menghancurkan saingannya; (v) mendapatkan penghargaan dari pegawai yang menanganinya dan (vi) kepuasan diri.[141] Ohara bersetuju dengan enam perkara di atas den menambah faktor lain seperti (i) takut keselamatan diri dan keluarganya; (ii) kesombongan diri agar dia dipandang baik oleh pegawai yang menanganinya; (iii) bertaubat dan mahu menghilangkan rasa bersalah; (iv) cemburu dengan rakan penjenayahnya; (v) mengelakkan hukuman; (vi) kesedaran sivik iaitu menghalang masyarakat dari jenayah dan (vii) sebagai tanda kesyukuran.[142]

Kajian oleh Billingsley juga mendapati pihak polis mendapati tiga kategori orang yang memberikan maklumat kepada pihak polis iaitu *informer*, *contacts* dan *public spirited citizen.*

Perbezaan antara mereka bertiga adalah *informer* biasanya memberi maklumat dengan kerap, mempunyai sejarah jenayah, menuntut sesuatu sebagai balasan dari maklumat yang diberikan seperti ganjaran kewangan atau kelebihan-kelebihan lain dan mahu identitinya dirahsiakan; *public spirited citizen* pula seorang yang merasa bertanggungjawab terhadap kepentingan awam dan bersedia untuk memberi

[140] Ibid 57
[141] Ibid 62
[142] Ibid 63

keterangan di mahkamah serta tidak memerlukan untuk dirahsiakan identitinya. Manakala *contacts* pula adalah seorang yang memberi maklumat tetapi tidak kerap dan mahu identitinya dirahsiakan. [143]

Kajian tidak dapat menunjukkan sebab tertentu mengapa pegawai polis menggunakan *informer* melainkan ianya adalah pilihan sendiri untuk dijadikan alat penyiasatan.

Kajian yang dibuat oleh Billingsley di England, mendapati hubungan antara polis yang menangani *informer* dengan *informer* adalah satu yang unik. Ia berbentuk professional iaitu seperti pelanggan tetapi pelanggan itu akan dihadiahkan dengan wang hasil maklumat yang diberikan. Namun Billingsley juga membuat anggapan bahawa perhubungan antara mereka tidak boleh berjalan dengan lancar kerana terdapat perbezaan objektif dan keutamaan kedua-dua pihak. Namun pegawai polis yang menangani *informer* tidak mendapat apa-apa manfaat peribadi seperti kenaikan pangkat tetapi mereka menyukai apa yang dilakukan mungkin kerana ia menambah kepakaran penyiasatan mereka. Bagi pegawai polis yang tidak mendapatkan perkhidmatan *informer* pula, mereka tidak akan mendapat maklumat yang banyak dan tepat.[144] Kajian ini juga menunjukkan pegawai yang menangani menyalahgunakan autoriti yang diberikan dengan membenarkan pemberi maklumat melakukan jenayah, malah pegawai yang menangani juga mengatur jenayah seperti kecurian, dadah dan rompakan untuk menangkap penjenayah tertentu yang disasarkan walau ianya menyalahi objektif seorang penguatkuasa. Terdapat bukti yang menunjukkan *informer* menjadi agen memprovokasi penjenayah yang dikehendaki melakukan jenayah supaya

[143] Ibid
[144] Ibid 309

pegawai polis dapat menangkap penjenayah tersebut.[145] Perbuatan ini dikenali sebagai perangkap. Kajian menunjukkan pihak polis tidak mengganggu jenayah yang dilakukan oleh pemberi maklumat.[146] Penyelidik mendapati terdapat satu peruntukan berkaitan pemberian maklumat dalam Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 tidak menjadikan seorang yang memberi maklumat bersalah di bawah akta jika ia belum melakukan perbuatan penggubahan wang haram dan perbuatan itu adalah dengan izin pihak penguatkuasa.[147]

2.2.5 Skop Pemberian Maklumat

Pemberian maklumat tiada skop dan batasannya. Maklumat boleh diberi mengenai apa-apa saja bagi menangani salah laku yang berlaku di dalam sesebuah organisasi terutamanya yang boleh memudaratkan masyarakat awam. Antara skop pemberian maklumat adalah berkaitan alam sekitar, sektor perubatan, ekonomi dan sebagainya.

Pemberian maklumat mengenai alam sekitar adalah seperti krisis perubahan iklim, perlindungan hutan, pencemaran, menangani pelanggaran peraturan industri dan sebagainya. Krisis perubahan iklim merupakan ancaman yang besar kepada dunia. Untuk mengatasi masalah ini, banyak kerajaan dan organisasi antarabangsa telah menjanjikan dana berjumlah jutaan untuk memulihkan keadaan iklim. Malah peraturan juga dibuat berkaitan pelepasan gas karbon dan kemusnahan alam sekitar. Antara contoh pemberian maklumat dalam sektor ini adalah Maria Cafrey. Maria Cafrey adalah seorang saintis yang mengkaji bagaimana perubahan iklim memberi kesan kepada 118 pesisiran pantai di Amerika untuk sebuah organisasi iaitu National

[145] Ibid 320
[146] Ibid 304
[147] S5(1)(a)(i)

Park Service pada tahun 2013. Pada tahun 2017, kajian beliau dipinda dengan membuang semua yang berkaitan aktiviti manusia sebagai penyebab perubahan iklim sebelum ia diterbitkan. Dia diancam jika tidak dipinda maka kajian tersebut tidak akan diterbitkan langsung. Malah dia juga diberitahu untuk tidak mengaitkan perubahan tanah awam dengan aktiviti manusia dalam kertas kerja lain yang akan diterbitkan. Orang atasannya mengatakan mereka bekerja untuk pihak Eksekutif dan perlu ikut kehendak pihak Eksekutif. Kemudiannya upahnya diturunkan kepada USD25,000 setahun dan seterusnya dia diberhentikan dengan alasan dana untuk kajian tersebut telah tiada. Dia telah memohon untuk bekerja secara suka rela namun permohonannya ditolak.[148]

Terdapat juga kes-kes dimana pemberi maklumat tanpa nama mendedahkan kesalahan yang dilakukan oleh organisasi. Antara kes yang dibawa ke muka pengadilan hasil dari laporan pemberi maklumat yang tanpa nama adalah berkaitan maklumat pada 2015 yang diberikan kepada Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika mengenai Syarikat Hyundai Construction Equipment yang dikatakan melanggar Akta *Clean Air* 1970 dimana mereka menjual peralatan pembinaan berat yang melanggar had piawaian pelepasan dan dikenakan denda USD47 juta untuk kesalahan sivil dan USD1.5 juta bagi kesalahan jenayah.[149]Pada tahun 2020, Syarikat Unix Line milik Singapura mengaku bersalah melanggar *Act to Prevent Pollution from Ships* 1983 dan didenda USD1.65 juta hasil dari pemberian maklumat anak kapal itu sendiri.[150]

[148] Oliver Milman,"The silenced: meet the climate whistleblowers muzzled by Trump," The Guardian, 17 September 2017. https://www.theguardian.com/environment/2019/sep/17/whistleblowers-scientists-climate-crisis-trump-administration (diakses 20 Mei 2019)

[149]Don Mcloud,"Feds fine Hyundai $47 million for violating emissions regs for construction equipment", Equipment World, 2 Oktober 2019. https://www.equipmentworld.com/equipment/article/14971611/feds-fine-hyundai-47-million-for-violating-emissions-regs-for-construction-equipment (diakses 18 April 2020)

[150]Jessica T. Moore, "Recent APPS Case Shows Importance of Whistleblowers, Captain, 17 Mac 2020 https://gcaptain.com/recent-apps-case-shows-importance-of-whistleblowers/ (diakses 20 Oktober 2020)

Dari sudut perubatan pula, pemberian maklumat boleh menyelamatkan ramai nyawa manusia terutamanya mengenai musibah Covid 19 yang dihadapi oleh dunia sekarang. Kerajaan perlu memberi informasi yang telus, tepat dan terkini mengenai bahaya yang dihadapi dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melindungi diri. Pemberi maklumat bukan sahaja dapat menyelamatkan nyawa orang awam tetapi juga menolong sistem kesihatan dari menjadi lemah. Pemberi maklumat seperti Dr Li Wenliang dari China telah memberi amaran untuk menyelamatkan nyawa orang awam berkenaan Covid 19 melalui kumpulan whatsapp tetapi telah dihukum dan diminta menandatangani surat akuan menyatakan apa yang diberitahunya tidak benar. Malah dia telah meninggal dunia disebabkan Covid 19 yang tidak terkawal pada waktu itu.[151] Antara pemberi maklumat lain adalah Dr Rick Bright, bekas ketua US Biomedical Advance Research and Development Authority yang memberi maklumat bahawa dia didesak untuk meluluskan plan menyediakan dos klorokuin dari kilang yang tidak diperiksa di Asia. Malah dia juga ditekan untuk melabur dalam rawatan yang tidak ada hasil saintifik dan mengambil sumber ubat utama bagi Amerika berdasarkan hubungan politik dan kronisme.[152]Ramai lagi pemberi maklumat di dalam bidang perubatan seperti Dr Soe Maunglay (Amerika) yang mendedahkan berkaitan seorang doktor yang sengaja mendiagnosis pesakitnya dengan kanser untuk menipu insuran,[153]jururawat Helene Donnely (England) yang memberi maklumat berkaitan penganiayaan oleh

[151]Astro Awani, "Dr Li Wenliang, doktor yang beri amaran tentang koronavirus meninggal dunia,"7 Februari 2020 https://www.astroawani.com/berita-dunia/dr-li-wenliang-doktor-yang-beri-amaran-tentang-koronavirus-meninggal-dunia-230080 (diakses 20 November 2020)

[152] Mark Terry, "Whistleblower and Former BARDA Director Rick Bright Resigns from Government,"7 Oktober 2020, https://www.biospace.com/article/rick-bright-trump-admin-vaccine-expert-and-whistleblower-resigns/ (diakses 7 Disember 2020)

[153] David P Steensma, "The Farid Fata Medicare Fraud Case and Misplaced Incentives in Oncology Care", 2016 by American Society of Clinical Oncology, https://ascopubs.org/doi/full/10.1200/jop.2015.008557(diakses 17 Disember 2018)

hospital Stafford kepada pesakit,[154]Dr Irene Franchon[155]yang memberi maklumat mengenai ubat berjenama Mediator untuk pesakit kencing manis tahap dua bagi mengurangkan berat badan, yang sebenarnya mempunyai kesan sampingan di mana boleh melemahkan jantung dan telah membawa kematian kepada 500 orang. Ubat itu telah dijual selama 30 tahun dan Syarikat Laboratories Servier telah menyembunyikan kesan sampingan tersebut. Syarikat ini telah membayar USD145 juta sebagai ganti rugi dan reformasi kepada perundangan telah dibuat.

Rasuah sektor awam akan merompak masyarakat dari masa depan yang lestari. Matlamat pembangunan seperti menghapuskan kemiskinan serta kebuluran dan membina pembangunan lestari tidak akan dapat dicapai selagi rasuah tidak dibendung terutamanya oleh ahli politik. Ini dapat dilihat dari kes 1MDB dimana bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara dan didenda RM210 juta atas tujuh kesalahan melibatkan penyelewengan RM42 juta dana antarabangsa SRC International Sdn Bhd.[156] Kes tersebut antaranya melibatkan pemberi maklumat seperti Mohamad Rafizi Ramli[157] yang mendedahkan berkaitan laporan audit 1MDB dan Datuk Saadatul Nafisah[158] yang telah merekod secara sembunyi mesyuarat audit yang melibatkan pindaan telah dibuat

[154]Steve Ford, "Whistleblowing Mid Staffs nurse too scared to walk to car after shift,"17 Oktober 2011, Nursing Times, https://www.nursingtimes.net/clinical-archive/accident-and-emergency/whistleblowing-mid-staffs-nurse-too-scared-to-walk-to-car-after-shift-17-10-2011/ (diakses 4 Julai 2018)

[155] Tracy McNicoll, "Mammoth French trial begins for drug maker, regulator in Mediator scandal" 23 September 2019, https://www.france24.com/en/20190923-france-pharmaceutical-mediator-mammoth-trial-drugmaker-servier-regulator-scandal (diakses 29 Julai 2020)

[156]Sharanjit Singh, Khairah N Karim and Rahmat Khairulrijal, "Najib sentenced to 12 years' jail, RM210 million fine,"28 julai 2020, New Straits Times, https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2020/07/612343/najib-sentenced-12-years-jail-rm210-million-fine (diakses 1 Januari 2021)

[157] New Straits Times,"Court of Appeal lifts Rafizi's jail sentence for exposing 1MDB report," 1 June 2018,. https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/06/375390/court-appeal-lifts-rafizis-jail-sentence-exposing-1mdb-repor (diakses 11 Januari 2020)

[158] Sharanjit Singh, "Gutsy officer's audio recording becomes highlight of 1MDB audit report trial" 21 November, 2019, New Sraits Times https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2019/11/540823/gutsy-officers-audio-recording-becomes-highlight-1mdb-audit-report (diakses 26 Mei 2020)

pada laporan audit 1MDB, menyimpannya walaupun diminta oleh ketuanya untuk dimusnahkan, lalu memberikannya kepada pegawai penyiasat dalam kes 1MDB. *Association of Certified Fraud Examiners* telah menjalankan penyelidikan terbesar di dunia pada tahun 2018 berkaitan jenayah yang dilakukan oleh pekerja di Eropah Barat dan Asia Barat/Tengah, mendapati pengesanan penipuan tertinggi ditemui hasil daripada petunjuk yang diberikan oleh pekerja, juruaudit dan pemberi maklumat tanpa nama. Hasil kajian juga menunjukkan pemberi maklumat menggunakan saluran seperti telefon, emel, berasaskan web, surat yang dihantar, faks dan lain-lain.[159]

2.2.6 Kepentingan Pemberian Maklumat

Selama bertahun-tahun, pemberian maklumat dianggap sebagai sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan organisasi. Ada kalanya seseorang pemberi maklumat dianggap seseorang yang tidak setia terhadap organisasi. Kajian yang dibuat menyatakan kesetiaan kepada organisasi bukanlah kesetiaan kepada pihak pengurusan atasan atau pekerja-pekerja organisasi, tetapi ianya adalah kesetiaan kepada misi, matlamat, nilai dan tata kelakuan organisasi yang sah di sisi undang-undang. Jika seseorang memberi maklumat berkaitan salah laku terhadap misi, matlamat, nilai dan tata kelakuan organisasi, maka beliau adalah seorang yang setia kepada organisasi tersebut.[160]Oleh itu, seorang pemberi maklumat harus menentukan pemberian maklumat berdasarkan misi, matlamat dan nilai organisasi, jika kelakuan seseorang atau sekumpulan di dalam organisasi bertentangan atau menyimpang dari perkara tersebut, maka ia justifikasi untuk memberikan maklumat walaupun akan memberi kesan tertentu kepada seseorang atau pihak pengurusan atasan organisasi itu.

[159] Agnieszka Skocsylas – Tworek, "Whistleblowing as a mechanism of fraud risk management in economic practice," *Financial Internet Quarterly*(2020), 98,
[160] Wim Vandekerckhove dan M.S. Ronald Commers, Whistle Blowing and Rational Loyalty, *Journal of Bussiness Ethics* 53, 2004, 225 dan supra 104, 82-83

Pemberian maklumat adalah sangat penting bagi sesebuah organisasi atau masyarakat dalam menegakkan standard moralnya. Ia adalah mekanisme penting untuk mencegah dan mengesan salah laku dalam sesebuah organisasi. Contohnya, selama lima dekad, doktor perubatan dan pekerja di industri asbestos mengetahui bahawa pendedahan yang berpanjangan kepada asbestos boleh menyebabkan penyakit yang serius. Ribuan pekerja telah mengidap penyakit tersebut sebelum pemberi maklumat membuat pendedahan.[161]

Pemberian maklumat dapat meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan kepada anggota organisasi. Ia mungkin dapat menyelamatkan kewangan sektor awam dan swasta.[162] Ini kerana pemberi maklumat dapat memberi amaran awal kepada pemimpin-pemimpin organisasi mengenai masalah-masalah yang mengancam kesejahteraan diri dan ekonomi anggota-anggota dalam sesebuah organisasi. Sejarah menunjukkan banyak penipuan dikesan dengan cara pemberian maklumat, contohnya kes berkaitan mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak.[163]

Bagi organisasi yang pentingkan kod etika, maka pemberian maklumat adalah perlu kerana tidak semua anggota organisasi mematuhi etika yang diberikan. Pemberian maklumat akan memberi isyarat jika etika organisasi tidak dipatuhi. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan moral organisasi tersebut.

[161] Marcia P Miceli dan Janet P Near, *Blowing The Whistle: The Organizational and Legal Implications for Companies and Employees* (New York:Lexington Books,1992),11.
[162] Kate Kenny, Wim Vandekerckhove, Marianna Fotaki, *The Whistleblowing Guide: Speak-up Arrangements, Challenges and Best Practices, (*Wiley Finance Series, 2019)
[163]Supra 156

Pemberi maklumat adalah orang yang mempunyai maklumat yang sangat penting berkaitan sesuatu salah laku dalam organisasi kerana pemberi maklumat biasanya adalah pekerja organisasi itu. Jika salah laku tidak didedahkan, maka akan bertambah peningkatan salah laku secara senyap dalam sesebuah organisasi. Ini akan memberi risiko kepada ketahanan jangka panjang kewujudan sesebuah organisasi.

Jika salah laku melibatkan pembaziran dan salah tadbir sesebuah organisasi, maka pendedahan maklumat yang berkaitan akan mengurangkan salah laku tersebut dan menyelamatkan sumber-sumber organisasi itu. Malah pemberian maklumat juga dapat menyelamatkan hak seorang warganegara, keistimewaannya dan keselamatannya mungkin tergugat.

2.2.7 Sebab Pemberian Maklumat

Pemberian maklumat boleh berlaku atas banyak sebab,

(i) Pemberian maklumat dari perspektif altruistik adalah konsep pemberian maklumat untuk kepentingan dan kesejahteraan orang lain termasuk masyarakat. Pemberi maklumat tidak pentingkan diri sendiri. Tujuan pemberian maklumat adalah kerana keinginan untuk memperbaiki dan membetulkan kesalahan yang merosakkan kepentingan organisasi, pengguna, rakan sekerja dan masyarakat.[164] Pemberi maklumat sebegini adalah kebiasaannya seorang yang mempunyai akhlak yang tinggi. Mereka berada dalam dilema untuk mendedahkan maklumat namun merasakan ianya perlu bagi kebaikan kepada organisasi secara menyeluruh.

[164] Supra 125, 6

(ii) Pemberian maklumat dari perspektif motivasi dan psikologi dimana terdapat pemberi maklumat mendapat kelebihan-kelebihan tertentu dengan pemberian maklumat itu. Contohnya perundangan di Amerika seperti Akta *False Claim* 1683 memberikan banyak insentif kewangan kepada pemberi maklumat. Laporan dari *Nations on Occupational Fraud and Abuse* pada tahun 2020 menunjukkan empat puluh tiga peratus dari penipuan pekerjaan adalah dari pemberi maklumat yang diberi sagu hati untuk mendapatkan maklumat.[165] Antara faktor lain pemberian maklumat di bawah perspektif ini adalah dendam dengan sesebuah organisasi. Seorang askar veteran Vietnam bernama Richard West yang mengalami distrofi otot memerlukan 16 jam rawatan di rumah setiap hari. Pada suatu hari beliau mendapati beliau tidak dapat mendapatkan rawatan gigi kerana semua faedah kad perubatannya telah digunakan. Ketika memeriksa penyataan kad tersebut, didapati tuntutan dibuat terhadap perkhidmatan perubatan yang tidak diberikan kepadanya. Untuk meneruskan rawatan yang diperlukan serta kehidupannya, beliau memberi maklumat kepada kerajaan berkaitan penipuan yang berlaku pada tuntutan kad perubatannya.[166]

2.2.8 Akibat dari Pemberian Maklumat

Pemberi maklumat sering menghadapi situasi yang tidak menentu akibat pemberian maklumat. Situasi ini berbeza mengikut keadaan. Tindakan hasil pemberian maklumat ini ada kalanya dapat membetulkan salah laku yang wujud di sesebuah organisasi, namun ada juga pemberi maklumat yang dikenakan tindakan balas oleh pihak atasan

[165] ACFE, "Report to the Nation," 2020, https://www.acfe.com/report-to-the-nations/2020/ (diakses 1 Februari 2021)
[166] Marlowe Doman, "Why Risk It? The Motivations of a Whistleblower,"The Compliance and Ethics Blog, 12 Oktober 2014, http://complianceandethics.org/risk-motivations-whistleblower/ (diakses pada 10 September 2018)

atau oleh organisasi tersebut. Pelbagai bentuk tindakan balas diambil terhadap pemberi maklumat, antaranya penggantungan kerja, pemberhentian kerja, penurunan pangkat, pembunuhan dan lain-lain.[167] Menurut Winston Salem Journal, seorang pentadbir hospital yang melaporkan majikannya North Carolina Baptist Hospital telah membuat tuntutan berlebihan kepada pegawai kesihatan negeri telah dipecat dari jawatan dan disaman oleh hospital tersebut. Audit Negara telah menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai alasan untuk bertindak terhadap hospital kerana kelewatan masa laporan dibuat walaupun hospital itu telah melakukan sesuatu yang tidak beretika.

Pengalaman *Association of Certified Fraud Examiners* (ACFE), sebuah organisasi anti-penipuan terbesar di dunia dan pembekal utama pendidikan dan pensijilan latihan anti-penipuan, mendapati pemberi maklumat lebih memilih untuk memberi maklumat secara tanpa nama dan terdapat perlindungan dari tindakan balas yang diambil.[168] Sekiranya organisasi menyediakan sistem yang adil berkaitan pemberian maklumat dan tiada tindakan yang tidak baik atau berat sebelah diambil terhadap pemberi maklumat, berkemungkinan pemberi maklumat akan memilih untuk menjadi pemberi maklumat dalaman dengan memberikan maklumat kepada organisasi tersebut sahaja. Walau bagaimanapun, jika sistem organisasi adalah negatif dan tidak kondusif dalam menerima maklumat, maka pemberi maklumat mungkin akan melaporkan kesalahan kepada pihak luar untuk mendapat sokongan.

[167] Hazlina Shaik Mohd Noor Alam dan Hasani Mohd Ali, *Corporate Governance with Reference to The Role of Whistleblowing in Malaysia*,(Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2018),40
[168] ComplianceLine, 3 Reasons Why Whistleblowing is Important for Public and Private Companies, https://complianceline.com/3-reasons-whistleblowing/ (diakses 1 Januari 2021)

2.3 Latar Belakang Pemberian Maklumat

Pemberian maklumat bermula dari hak asasi manusia yang dipunyai oleh seluruh masyarakat dunia. Salah satu dari hak asasi manusia adalah hak untuk bersuara. Walaupun setiap orang ada hak untuk bersuara, namun terdapat beberapa limitasi yang perlu dipatuhi oleh mereka dan ianya adalah berbeza disetiap negara. Konsep pemberian maklumat adalah salah satu konsep yang terbit dari hak untuk bersuara. Jika tiada hak bersuara, maka tiada konsep pemberian maklumat. Namun begitu, hak bersuara bukanlah isu tesis ini tetapi ianya hanyalah untuk menerangkan berkaitan konsep pemberian maklumat.

Undang-undang pemberian maklumat lebih mengarah kepada hak asasi manusia iaitu hak untuk bersuara dimana seseorang dibenarkan untuk melaporkan salah laku di organisasi masing-masing. Walaupun ada limitasinya melalui transparensi dan akauntabiliti, tapi bukan faktor utama kerana ia akan membataskan seseorang dari memberi maklumat. Oleh itu penyelidik hanya akan fokus dari sudut hak untuk bersuara sahaja dan bukannya konsep lain seperti transparensi dan akauntabiliti.

Universiti Utara Malaysia

2.3.1 Hak Asasi Manusia

Hak asasi manusia adalah hak yang wujud bersama kewujudan manusia. Konsep hak asasi adalah setiap manusia berhak untuk menikmati hak asasi masing-masing tanpa membezakan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik atau pendapat yang berlainan, asal-usul bangsa atau keturunan, harta-benda, kelahiran atau status lain.[169] Hak asasi dijamin oleh undang-undang hak asasi, melindungi individu dan kumpulan

[169] Office of The High Commissioner for Human Rights United Nations Staff College Project, Human Rights: A Basic Handbook for UN Staff, 2-3

terhadap tindakan yang mengganggu kebebasan asasi dan maruah. Ianya dinyatakan dalam perjanjian, undang-undang antarabangsa, prinsip-prinsip dan lain-lain sumber undang-undang. Undang-undang hak asasi meletakkan satu tanggungjawab ke atas negara untuk bertindak dengan cara yang tertentu dan melarang dari mengikuti aktiviti tertentu. Walau bagaimanapun, hak asasi tidak dibuat melalui perundangan tetapi ia wujud dengan kewujudan manusia itu sendiri. Undang-undang hanyalah melindungi secara rasmi hak-hak individu dan kumpulan terhadap tindakan atau pengabaian oleh kerajaan yang mengganggu seseorang dari menikmati hak asasi mereka.[170]

Sejarah hak asasi manusia bermula apabila tentera Cyrus the Great dari Persia menakluki Babylon pada 539 S.M. Mereka telah membebaskan hamba dan mengisytiharkan bahawa semua manusia mempunyai hak untuk memilih agama sendiri dan hak untuk persamaan kaum. Ianya telah dipaterikan pada tanah liat yang dibakar dan dikenali sebagai *cuneiform script* dalam Bahasa Akkadian. Hari ini ia dikenali sebagai *Cyrus Cylinder* dan diiktiraf sebagai piagam pertama hak asasi manusia di dunia. Peruntukannya adalah selari dengan empat Artikel terawal UDHR. Kemudiannya hak asasi manusia merebak dengan cepat ke India, Greece dan Rome, lalu wujudlah konsep undang-undang semula jadi. Antara dokumen yang memasukkan hak-hak individu adalah *Magna Carta* 1215; *Petition of Right* (1628); Perlembagaan Amerika (1787); *Declaration of the Rights of Man and of the Citizen* Perancis (1789) dan *Bill of Rights* Amerika Syarikat (1791). *Magna Carta* 1215 memberikan hak gereja untuk bebas daripada campur tangan kerajaan; hak rakyat untuk memiliki dan mewarisi harta dan untuk dilindungi daripada cukai yang berlebihan; hak janda yang memiliki harta untuk memilih tidak berkahwin semula; hak kesamarataan di sisi

[170] Ibid 103

undang-undang dan mengandungi peruntukan yang melarang rasuah dan salah laku rasmi; Selepas perang dunia kedua, iaitu pada tahun 1945, ketua-ketua negara berkumpul untuk menubuhkan PBB dan hak-hak asasi manusia dimasukkan dalam *Charter of UN*. Jawatankuasa Hak-hak Asasi Manusia telah menggubal UDHR pada tahun 1948 yang menggariskan piawaian hak-hak asasi untuk semua manusia di seluruh dunia.[171]Pemberian maklumat boleh dianggap sebagai satu dari hak asasi manusia di mana seseorang menyalurkan maklumat kepada pihak tertentu demi untuk menjaga kepentingan awam.

2.3.2 Hak untuk Bersuara

Pemberian maklumat adalah hak seseorang untuk bersuara kepada pihak tertentu bagi memberitahu berkaitan salah laku yang sedang, akan atau telah berlaku di dalam sesebuah organisasi. Oleh itu tindakan dapat diambil bagi menghentikan, menghalang atau menghukum pihak yang menyebabkan salah laku demi kepentingan awam. Hak bersuara adalah hak setiap manusia tidak kira latar belakang, umur mahupun jantina. Semua berhak menyuarakan pendirian, pandangan dan perspektif masing-masing terhadap apa jua yang terlintas pada fikiran mereka.[172] Kebebasan bersuara terdapat pada dokumen-dokumen hak asasi manusia awal seperti *British Bill of Rights* 1689, Perisytiharan Hak-hak Manusia Perancis (1789) dan Pindaan Pertama (*First Amendment)* yang terdapat pada *Bill of Rights* Amerika yang di masukkan di dalam Perlembagaan Amerika 1791.[173] Amalan negara demokrasi secara asasnya menunjukkan setiap insan berhak bersuara kerana mereka berhak untuk memilih

[171] A Brief History of Human Rights, http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/brief-history/cyrus-cylinder.html (diakses pada 20 Julai 2019)
[172] Artikel 19 of Universal Declaration of Human Rights, http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/violations-of-human-rights/expression.html (diakses pada 20 Julai 2019)
[173] Sara Henderson, When did freedom of speech Start?, http://classroom.synonym.com/did-freedom-speech-start-13646.html (diakses pada 20 Julai 2019)

pemimpin mereka.[174] Hak kebebasan bersuara telah diiktiraf dalam Perkara 19 UDHR ketika Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948 bertempat di Palais de Chaillot, Paris yang menyatakan "Setiap orang berhak kepada kebebasan pendapat dan ekspresi; hak ini termasuklah kebebasan pendapat tanpa gangguan dan untuk menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan pendapat melalui sebarang media tanpa mengira sempadan."[175] Ia juga diiktiraf dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa seperti ICCPR sebagai "hak mendapatkan pendapat tanpa gangguan dan semua manusia akan mempunyai hak untuk menyatakan pendapat."[176] Antara dokumen penting lain yang mengiktiraf hak bersuara ialah Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia[177] dan Perlembagaan Afrika.[178]

Walau bagaimanapun, terdapat banyak pelanggaran telah direkodkan terhadap hak ini, antaranya di Sudan ramai pembela hak asasi manusia telah ditangkap dan disiksa oleh pasukan perisikan dan keselamatan negara; di Iraq pula seramai 235 pekerja yang berkaitan media telah terbunuh yang mana membuatkan Iraq sebagai tempat paling bahaya di dunia untuk wartawan dan; kerajaan Republik Demokratik Congo menyerang dan mengancam pembela hak asasi manusia dan menyekat kebebasan bersuara serta menggunakan Akta *Press* 2004 menapis berita dan menghadkan kebebasan bersuara.[179]

Universiti Utara Malaysia

[174] Syahredzan Johan, (2016) Freedom of speech in a democracy, The Star Online, http://www.thestar.com.my/opinion/online-exclusive/a-humble-submission/2016/10/17/freedom-of-speech-in-a-democracy/ (diakses pada 21 Mei 2018)
[175] Supra 172
[176] Artikel 19(2) ICCPR, http://www.un-documents.net/iccpr.htm (diakses pada 20 Julai 2019)
[177] Artikel 10 Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia, http://www.echr.coe.int/Documents/Convention_ENG.pdf (diakses pada 20 Julai 2019)
[178] Artikel 16, Constituton of the Republic of South Africa, 1996-Chapter 2: Bill of Rights
[179] Human Rights Violations, http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/violations-of-human-rights/expression.html (diakses pada 20 Julai 2019)

2.3.2.1 Hak Bersuara di England

Di England, terdapat keterbatasan kebebasan bersuara di bawah *common law* dan statut dan ia semakin berkembang. Antara sekatan atau had kebebasan bersuara adalah melalui undang-undang fitnah, hasutan, penghinaan terhadap mahkamah, perkara-perkara lucah dan pengkhianatan. Di bawah common law, terdapat kebebasan bersuara selagi ianya tidak dilarang oleh undang-undang.[180] Mahkamah di England sering memberi hak untuk bersuara kepada perundangan yang menghadkan hak untuk demonstrasi. Ia juga mengguna pakai pembelaan diri komen berpatutan atau perlindungan kepada tindakan fitnah.[181] Hakim Diplock dalam Silkin lwn Beaverbrook Newspapers Ltd.[182], telah mengaplikasikan pembelaan diri komen berpatutan kepada sesuatu percakapan yang menjadikannya tidak dianggap fitnah. Walau bagaimanapun, Akta *Human Rights* 1998 telah digubal bagi mengiktiraf hak untuk bersuara di bawah Artikel 10 *European Convention on Human Rights* (ECHR).[183]

Universiti Utara Malaysia

Artikel 10 menyatakan setiap orang mempunyai hak untuk bersuara. Ianya termasuklah hak untuk menyuarakan pendapat, hak untuk memberi dan menerima maklumat dan idea tanpa campur tangan dari pihak berkuasa awam. Pelaksanaan kebebasan ini tertakluk kepada formaliti, syarat, sekatan atau penalti yang ditetapkan oleh undang-undang dalam masyarakat demokrasi. Ianya untuk menjaga kepentingan keselamatan negara; keutuhan wilayah atau keselamatan awam; untuk mencegah gangguan atau jenayah; untuk melindungi kesihatan atau moral; untuk melindungi

[180]Eric Barendt, "Freedom of Expression in the United Kingdom Under the Human Rights Act 1998 Indiana Law Journal", *Indiana Law Journal*, 84(3):853
[181] Ibid
[182] (1958) 1 W.L.R. 743 (Q.B.)
[183] Seksyen3(1) HRA 1998

reputasi atau hak orang lain dan untuk mengekalkan kuasa dan kesaksamaan badan kehakiman.[184] Peruntukan dalam Akta *Human Rights* 1998 menyatakan adalah menyalahi undang-undang untuk "pihak berkuasa awam" bertindak tidak selari dengannya.[185] Mahkamah adalah pihak berkuasa awam, oleh itu hakim perlulah memperkembangkan undang-undang common law supaya selari dengan hak bersuara tersebut. Contohnya, mahkamah tidak boleh memberi perintah interim melarang penerbitan bila mana penerbitan adalah untuk kepentingan awam[186] kecuali ia berpuas hati bahawa pemohon berkemungkinan akan berjaya pada perbicaraan penuh yang penerbitan tidak sepatutnya dibenarkan.[187]Oleh itu, ia menjadi lebih sukar dari sebelumnya untuk mendapatkan injunksi interim terhadap media.

Begitupun, ada terdapat beberapa akta yang menyekat kebebasan bersuara. Antaranya adalah Akta *Serious Organised Crime and Police* of 2005, Akta *Terrorism* 2006 dan Akta *Racial and Religious Hatred* 2006. Akta *Serious Organised Crime and Police* 2005 adalah akta yang memerlukan sesiapa yang menganjurkan demonstrasi antara satu batu dari *Parlimen Square,* haruslah mendapat kebenaran dari polis. Polis dikehendaki mengeluarkan permit tetapi mereka boleh mengenakan syarat-syarat untuk mengelakkan gangguan atau kerosakan pada harta. Demonstrasi juga perlu dihentikan jika ia menghalang sesiapa yang ingin memasuki atau meninggalkan Parlimen atau mengganggu kehidupan masyarakat. Akta *Terrorism* 2006 pula adalah akta yang digubal selepas pengeboman yang berlaku di London pada tahun 2005 dan banyak menyekat kebebasan bersuara. Ianya adalah kesalahan untuk menerbit material

[184] Supra 177
[185] Seksyen 6(1) HRA 1998
[186] Seksyen 12 HRA 1998
[187] Cream Holdings Ltd. v. Banerjee [2004] UKHL 44, [2005] 1 A.C. 253 (*House of Lords* memberi keputusan bahawa mahkamah mestilah secara amnya, tetapi tidak selalu, berpuashati bahawa pemohon akan memenangi perbicaraan penuh kes itu sebelum memberi injunksi interim.

yang mungkin akan difahami oleh orang ramai yang membaca atau mendengarnya sebagai secara langsung atau tidak langsung akan menggalakkan keganasan.[188] Pihak pendakwa tidak perlu membuktikan sesuatu perbuatan keganasan itu digalakkan oleh orang lain atau seseorang itu dengan sendirinya membuat keganasan tersebut. Malah pihak pendakwa tidak perlu menunjukkan penerbitan mungkin akan menghasut berlakunya keganasan.[189]

Di dalam Akta *Terrorism* 2006 juga diperkenalkan kesalahan yang dipanggil "mengagungkan keganasan". Antara kenyataan yang dianggap mengagungkan keganasan adalah bila berlaku pengagungan kepada perlakuan keganasan tersebut sehingga ahli masyarakat membuat kesimpulan mereka patut mencontohi perlakuan keganasan itu.[190] Dalam kes Venables lwn News Group Newspapers Ltd.[191], *Presiden Family Division* memberikan injunksi kekal untuk menyekat semua media dari mendedahkan nama dan keberadaan dua lelaki muda yang akan dibebaskan dari penjara kerana didakwa membunuh seorang budak berumur dua tahun. Ada bukti menunjukkan mereka mungkin akan dibunuh jika pendedahan dibuat. Kes ini menunjukkan hak untuk hidup adalah lebih penting dari hak untuk bersuara. Begitu juga dengan kes Naomi Campbell[192], *House of Lords* memutuskan hak untuk menghormati privasi Naomi adalah lebih diutamakan dari hak menerbitkan informasi berkaitan kesihatan fizikal dan mental serta gambarnya. Lagipun Naomi mungkin akan meninggalkan rawatannya disebabkan oleh penerbitan gosip mengenai kesihatannya. Dalam kes Jameel lwn. Wall Street Journal Europe[193] yang berkaitan fitnah,

[188] Supra 180
[189] Ibid
[190] S1(3), TA 2006
[191] [2001] 1 All E.R. 908
[192] Campbell v. MGN Ltd. [2004] UKHL 22, [2004 2 A.C. 457,499
[193] [2007] 1 A.C. 359; 2006 (UKHL) 44.

Mahkamah Rayuan memutuskan perayu tidak boleh menuntut perlindungan bersyarat berkenaan penyelidikan yang tidak tepat mengenai pemantauan akaun syarikat penuntut oleh penguasa bank di Saudi. Dikatakan seorang penyunting boleh memilih untuk menamakan seseorang walaupun melibatkan penerbitan berkaitan dakwaan fitnah terhadap orang tersebut tetapi tidak boleh menuntut perlindungan bersyarat jika penamaan itu dibuat tanpa sebab dan ianya tidak seperti yang difitnahkan, malah hanya untuk mengukuhkan kredibiliti maklumat yang ingin disampaikan saja. Jadi boleh dikatakan mahkamah di England akan membandingkan keutamaan hak bersuara dengan hak yang menyekat kebebasan bersuara sebelum membuat keputusan hak mana yang lebih penting untuk dijaga.

2.3.2.2 Hak Bersuara di Amerika

Amerika adalah ahli kepada UDHR dan ICCPR 1966 yang menyatakan individu mempunyai hak untuk bersuara termasuklah untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat. Hak ini dilindungi melalui Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika yang memperuntukkan Kongres tidak akan membuat undang-undang berhubung penubuhan agama atau melarang kebebasan mengamalkannya; mencabul kebebasan bersuara atau kebebasan akhbar; hak rakyat untuk berhimpun secara aman dan untuk mempetisyen kerajaan bagi menyuarakan ketidakpuasan.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Agung Amerika telah mengenal pasti beberapa ucapan yang dilarang sama sekali dan tidak dilindungi di bawah Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika. Antara ucapan itu adalah ucapan yang lucah, pornografi kanak-kanak, ucapan yang menjadikannya "perkataan pergaduhan" atau "ancaman sebenar."

Ucapan lucah tidak dilindungi sama ada ia berbahaya kepada individu ataupun tidak. Ianya diharamkan bagi melindungi kepentingan peraturan sosial dan moral. Tidak perlu dibuktikan berlakunya kemudaratan sebenar atau kepentingan kerajaan yang mendesak bagi mengharamkannya. Selain ucapan, bahan-bahan pornografi yang bercetak atau filem juga tidak dilindungi. Namun tidak semua pornografi adalah lucah. Mahkamah Agung Amerika telah memperkenalkan ujian Miller[194] untuk menentukan sama ada pornografi itu lucah atau tidak. Tiga soalan perlu dijawab mengikut ujian ini iaitu:

i) Sama ada rata-rata orang menggunakan standard masyarakat kontemporari akan mengatakan bahawa sesuatu itu secara keseluruhannya adalah menunjukkan bahan yang keterlaluan mengenai seks;

ii) Sama ada sesuatu bahan itu menggambarkan atau menerangkan kelakuan seksual yang ditakrifkan secara khusus sebagai kesalahan oleh undang-undang negeri dan;

iii) Sama ada orang yang munasabah akan anggap bahan itu secara keseluruhannya bukanlah sastera, seni, politik atau nilai saintifik yang serius.

Hanya terdapat satu pengecualian sahaja iaitu seseorang mempunyai hak di bawah perlembagaan untuk memiliki bahan lucah dalam privasi rumahnya sendiri.[195]

Pornografi kanak-kanak adalah bahan visual yang menggambarkan kelakuan seksual oleh kanak-kanak. Ianya dilindungi di bawah Perlembagaan walaupun tidak lucah dan

[194] Miller lwn California, 413, U.S. 15 (1973), https://supreme.justia.com/cases/federal/us/413/15/case.html (diakses pada 1 Jun 2018)
[195] Stanley v. Georgia, 394 U.S. 557 (1969), https://supreme.justia.com/cases/federal/us/394/557/case.html (diakses pada 2 Jun 2018)

tidak perlu memenuhi ujian Miller untuk diharamkan demi untuk mengelakkan berlakunya eksploitasi terhadap kanak-kanak.[196] Akta *Child Pornography Protection* 1996 telah digubal dan antara takrifannya termasuklah gambaran visual yang memaparkan seseorang itu adalah kanak-kanak walaupun tiada kanak-kanak sebenarnya dipaparkan. Contohnya seorang dewasa berlakon sebagai kanak-kanak atau gambaran kanak-kanak dibuat melalui imej komputer. Oleh itu Mahkamah Agung telah mengisytiharkan Akta *Child Pornography Protection* 1996 adalah melanggar Perlembagaan setakat ia membenarkan gambar yang dihasilkan tanpa kanak-kanak yang sebenar.[197] Pada tahun 2003, Kongres telah menggubal *Title V Prosecutorial Remedies and Other Tools to end the Exploitation of Children Today* 2003 (PROTECT 2003) yang melarang mana-mana "imej digital, imej komputer, imej atau janaan komputer yang tidak dapat dibezakan bahawa seseorang kanak-kanak terlibat dalam tingkah laku seksual yang eksplisit." Ia juga melarang "gambaran visual dalam apa jua bentuk, termasuk lukisan, kartun, ukiran atau lukisan yang menggambarkan kanak-kanak terlibat dalam tingkah laku seksual yang eksplisit, dan lucah atau tidak mempunyai unsur sastera, nilai seni politik atau saintifik."

Ucapan pergaduhan bermula dari kes Chaplinsky v. New Hampshire[198] di mana mahkamah memutuskan ucapan pergaduhan menyebabkan kecederaan atau cenderung untuk menghasut pelanggaran serta-merta keamanan. Mahkamah telah mengguna pakai seksyen dua *Public Law of New Hamspshire* yang melarang seseorang daripada mengucapkan apa-apa yang menyebabkan orang lain meradang; mengejek dan

[196] Osborne v. Ohio 495 U.S. 103 (1990), https://supreme.justia.com/cases/federal/us/495/103/ (diakses pada 5 Jun 2018)
[197] Ashcroft v. Free Speech Coalition, 435 U.S. 234 (2002), https://supreme.justia.com/cases/federal/us/535/234/case.html (diakses pada 7 Jun 2018)
[198] (1942) 315 U.S. 568, https://www.law.cornell.edu/supremecourt/text/315/568 (diakses pada 10 Jun 2018)

menyakitkan hati di tempat awam secara sah di sisi undang-undang; memanggil dengan nama yang menyinggung atau mengejek atau membuat bising atau meneriak kepada orang yang hadir di situ dengan niat tersebut dan dapat didengar oleh orang yang diejek; menghina dan menyakitkan hati untuk menghalang orang lain dari meneruskan pekerjaan atau perniagaan yang sah. Walau bagaimanapun, Mahkamah Agung memutuskan perkataan ancaman yang tertera pada baju yang dipakai oleh seseorang bukanlah dianggap sebagai ucapan ancaman kerana ucapan yang dilarang undang-undang adalah yang berbentuk ancaman segera kepada keselamatan.[199]

Ucapan selain dari di atas dilindungi oleh Pindaan Pertama Perlembagaan tetapi ia masih boleh dikawal melalui peraturan-peraturan. Kawalan dibuat dalam bentuk sekatan berasaskan kandungan, sekatan terdahulu dan sekatan berasaskan bukan kandungan. Untuk sekatan berasaskan kandungan, Mahkamah Agung memakai "penelitian yang ketat" iaitu ia akan menggunapakai sekatan berasaskan kandungan hanya jika perlu untuk "kepentingan yang mendesak" dan ianya adalah "cara yang paling longgar untuk kepentingan yang jelas'[200] Contohnya mahkamah tidak boleh melarang akhbar daripada menyiarkan nama mangsa rogol yang didapati secara sah melalui undang-undang.[201] Bagi sekatan terdahulu pula, statut mungkin memerlukan seseorang yang ingin memberi ucapan untuk disebarkan supaya menyerahkan ucapannya kepada badan kerajaan bagi mendapatkan lesen atau mahkamah akan mengeluarkan perintah halangan sementara atau injunksi dari terlibat dalam ucapan tertentu.[202] Sekatan berasaskan bukan kandungan adalah halangan dari segi masa,

[199] Cohen lwn. California (1971) 403 U.S. 15
[200] Sable Communications of California, Inc. v. Federal Communications Commission, (1989). 492 U.S. 115
[201] The Florida Star v. B.J.F., (1989) 491 U.S. 524
[202] Cornell University Law School, Legal Information Institute, https://www.law.cornell.edu/wex/prior_restraint (diakses pada 14 Jun 2018)

tempat dan cara. Contohnya, walaupun mahkamah mengakui muzik sebagai satu bentuk ekspresi dan komunikasi, namun ia boleh menyekat ketinggian suara muzik yang berkumandang untuk mengelakkan pencerobohan kepada orang-orang di kawasan tertentu.[203]

2.3.2.3 Hak Bersuara di Malaysia

Perkara 10 Perlembagaan Malaysia memberi jaminan kepada rakyat Malaysia berkaitan hak untuk bercakap dan bersuara. Oleh itu, APPM 2010 adalah satu perundangan yang memudahkan dan memberi hak untuk bersuara serta memberi perlindungan kepada rakyat daripada diambil tindakan apabila mereka bersuara dengan membuat aduan berkenaan rasuah atau salahlaku yang berlaku di organisasi-organisasi awam atau swasta di Malaysia. Walau bagaimanapun, hak bersuara ini bukanlah mutlak kerana Parlimen boleh melalui undang-undang menyekat kebebasan bersuara jika dirasakan perlu dan mustahak untuk kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam atau prinsip moral, melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri, untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan.[204] Antara akta yang ada kaitan dengan penyekatan kebebasan bersuara adalah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah dimansuhkan, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Polis 1967 dan Kanun Keseksaan. Hakim di dalam kes PP lwn Ooi Kee Saik[205] memetik beberapa ayat dari kes A.K. Gopalan lwn State of Madras Air,[206] tidak boleh

[203] Ward v. Rock Against Racism, (1989).491 U.S. 781
[204] Artkel 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
[205] (1971)2 MLJ 108
[206] (1950) Sc 27

ada kebebasan mutlak atau terkawal yang sepenuhnya bebas yang akan membawa kepada anarki dan kekacauan. Pemilikan dan menikmati semua hak adalah tertakluk kepada keadaan yang munasabah sebagaimana yang dijangkakan yang mana ianya penting untuk keselamatan, kesihatan, kedamaian, perintah am dan moral komuniti. Apa yang perlembagaan cuba buat dalam mengisytiharkan hak masyarakat adalah untuk mencapai keseimbangan antara kebebasan individu dan kawalan sosial.

Dalam kes Pendakwa Raya lwn. Azmi Shahrom[207], Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Akta Hasutan 1948 yang digubal sebelum merdeka adalah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana ia tidak menyekat sepenuhnya hak untuk bersuara. Kes ini adalah penting bagi seseorang yang ingin menyuarakan pendapat atau membuat pendedahan berkenaan masalah yang berkaitan kepentingan awam kerana ia menunjukkan sama ada mereka akan dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan atau pun tidak. Mahkamah telah membebaskan Azmi Shahrom kerana Peguam Negara telah menggugurkan dakwaan terhadapnya pada 12 Februari 2016 walaupun pada mulanya penolong pendakwa raya telah memohon mahkamah supaya Azmi Shahrom dilepas tanpa dibebas.*[208]*

APPM 2010 juga menyekat pemberi maklumat dari mendedahkan apa-apa saja maklumat yang dilarang oleh undang-undang bertulis[209] seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 walaupun maklumat tersebut mendedahkan salah laku,

[207] 2015, Azmi Shahrom telah didakwa berkaitan artikel bertajuk "*Take Perak crisis route for speedy end to Selangor, Pakatan told"* berkenaan krisis di Perak pada tahun 2009 yang ditulisnya dan diterbitkan secara maya pada 2014.
[208] Firdaous Fadzil, Court acquits Azmi Shahrom of sedition charge, Februari 2016, The Malaysian Bar, http://www.malaysianbar.org.my/legal/general_news/court_acquits_azmi_sharom_of_sedition_charge.html (diakses pada 10 Jun 2019)
[209] APPM 2010, seksyen 6

ketidakjujuran atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dalam sesebuah organisasi dan merupakan ancaman secara langsung kepada kepentingan awam. Jika merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Pendakwaraya lwn. Azmi Shahrom, maka ianya dibenarkan untuk menyekat hak memberi maklumat seperti di atas. Walau bagaimanapun, dalam kes Dato' Seri Diraja Hj Adnan Hj Yaacob lwn. Utusan Melayu[210], Hakim Idrus Harun telah menyatakan ianya adalah bertentangan dengan kepentingan awam untuk menyekat kritikan yang dibuat kepada kerajaan. Menurut beliau, hak untuk mengkritik kerajaan adalah terletak di bawah Artikel 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang menyerlahkan hak untuk bersuara. Tetapi jika seseorang dengan niat jahat menyebarkan berita palsu, maka ia boleh menghadapi pendakwaan jenayah di bawah undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan sebagainya. Penghakiman dari Mahkamah Rayuan ini sebulat suara memutuskan ahli politik tidak boleh menyaman media berkaitan fitnah jika kenyataan yang dibuat mengenai mereka adalah dalam kapasiti sebagai tokoh masyarakat. Jika dilihat dalam kes Mohd Rafizi Ramli lwn. PP[211], APPM 2010 menyekat sepenuhnya pendedahan maklumat yang berkaitan akta-akta tertentu seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 tanpa mengambil kira langsung berkenaan walaupun niat pemberi maklumat itu adalah untuk menjaga kepentingan awam.

Zulkiflee Anwar Ul-Haque (Zunar), seorang kartunis telah ditangkap dan didakwa bawah Akta Hasutan 1948 atas sembilan tuduhan berikutan tweetnya mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan berkaitan perbicaraan kes liwat kedua oleh Ketua Pembangkang Anwar Ibrahim. Beliau kemudiannya telah memfailkan permohonan

[210] (2015) 7 CLJ 960
[211] Supra 39

memindahkan kesnya ke Mahkamah Tinggi bagi mencabar Akta Hasutan 1948 adalah melanggar Perlembagaan Persekutuan. Tiga isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah;

1. Sama ada seksyen 3(3) Akta Hasutan 1948 melanggar Perlembagaan Persekutuan kerana menyatakan "niat" pembuat hasutan "adalah dianggap tidak relevan" apabila membuat penyataan hasutan.
2. Sama ada Akta Hasutan 1948 melanggar undang-undang dengan menjadikan kebebasan bersuara secara aman sebagai kesalahan jenayah, oleh itu melanggar Perlembagaan Persekutuan.
3. Mahkamah Persekutuan dalam kes Pendakwaraya lwn. Azmi Sharom telah tersilap dan perlu membuat pertimbangan semula. Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan" sekatan ke atas hak asasi bermaksud undang-undang yang dibuat selepas merdeka. Disebabkan Akta Hasutan adalah undang-undang sebelum merdeka, ia tidak boleh dibaca melalui Perkara 10(2) untuk menyekat kebebasan bersuara.[212]

Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonannya kerana sebelumnya Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan yang sama oleh Profesor Azmi Shahrom.[213]

[212] Article 19, "Record Breaker on Trial Who is Zunar" 6 November 2015, https://www.article19.org/resources/record-breaker-on-trial-who-is-zunar/ (diakses pada 20 Julai 2019)
[213] Fahirul N Ramli,"Mahkamah Malaysia Tolak Cabaran Akta Hasutan Kartunis Zunar," Berita Benar, 2016, https://www.benarnews.org/malay/berita/my-zunar-kes-160414-04142016173221.html (diakses pada 25 Julai 2018)

Jika didapati ia melanggar Perlembagaan Persekutuan, maka APPM 2010 juga boleh dicabar kerana ia juga menjadikan kebebasan bersuara sebagai satu kesalahan jenayah. Ini kerana pemberi maklumat hanya tidak dibenarkan bersuara melainkan kepada agensi-agensi tertentu yang dinyatakan di dalam APPM 2010. Namun pada 2018, selepas Parti Keadilan Rakyat (PKR) menjadi kerajaan Malaysia, semua tuduhan terhadap Zunar telah menggugurkan.[214]

2.4 Perjanjian Antarabangsa

Terdapat beberapa perjanjian antarabangsa berkaitan pemberian maklumat yang Malaysia menjadi ahlinya. Maka kerajaan Malaysia perlu mengambilkira dan mempertimbangkan kehendak-kehendak perjanjian antarabangsa yang ditandatanganinya dan memasukkannya ke dalam undang-undang pemberi maklumat di Malaysia.

2.4.1 *United Nations Convention Against Corruption* 2003 (UNCAC)

Pada tahun 2003, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima pakai UNCAC untuk mengukuhkan langkah-langkah bagi mencegah dan memerangi rasuah, menggalakkan kerjasama antarabangsa serta bantuan teknikal dalam perkara tersebut dan menggalakkan integriti, akauntabiliti dan pengurusan yang betul terhadap hal-ehwal dan harta benda awam dengan lebih cekap dan berkesan rasuah.[215] Malaysia telah menandatangani UNCAC pada 20 September 2008.[216] UNCAC menyarankan pihak penandatangan mempertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam beberapa

[214] John Berthelson, "New Malaysia Government Drops Sedition Charges Against Cartoonist, Others", AsiaSentinel, 31 Julai 2018, https://www.asiasentinel.com/politics/malaysia-drops-sedition-charges-zunar/ (diakses pada 3 Julai 2020)
[215] United Nations Convention Against Corruption, m/s 14 https://www.unodc.org/documents/brussels/UN_Convention_Against_Corruption.pdf (diakses pada 1 Jun 2019)
[216] Supra 5, 38

perundangan negara masing-masing langkah-langkah yang sesuai berkaitan perlindungan dari layanan yang tidak adil yang diberikan kepada "orang yang membuat laporan dengan suci hati dan atas alasan yang munasabah kepada pihak berkuasa yang sewajarnya berkenaan kesalahan yang diiktiraf di bawan UNCAC.[217] Malah disarankan supaya negara penandatangan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menggalakkan sesiapa yang terlibat dengan kesalahan supaya memberikan maklumat-maklumat berguna kepada autoriti-autoriti yang berkenaan untuk tujuan penyiasatan dan pembuktian bagi menyekat pesalah-pesalah dari mendapat hasil kesalahan tersebut. Malah ia juga memperuntukkan supaya meringankan hukuman atau memberi imuniti pendakwaan terhadap orang yang dituduh yang memberikan kerjasama dalam penyiasatan pendakwaan kesalahan.[218] Walaubagaimanapun, ia tidak mewajibkan ahli-ahlinya menerima pakai artikel ini. Ahli-ahli hanya perlu mempertimbangkan sahaja langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi pemberi maklumat. Artikel 32 UNCAC memperuntukkan perlindungan mandatori untuk saksi, pakar-pakar dan mangsa. Negara perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menyediakan perlindungan yang efektif dari kemungkinan tindak balas atau ugutan terhadap saksi atau pakar-pakar yang memberi keterangan berkenaan kesalahan mengikut UNCAC. Malah perlindungan ini perlu diberi kepada saudara mara atau orang-orang yang dekat dengan saksi atau pakar-pakar tadi. Malangnya perlindungan ini tidak diberikan kepada pemberi maklumat melainkan mereka adalah saksi atau mangsa salah laku dan memberi keterangan terhadap pesalah laku. Ramai pemberi maklumat tidak termasuk dalam kumpulan ini. Lagipun tujuan undang-undang pemberi maklumat adalah juga untuk menyekat daripada berlaku sesuatu salah laku, bukan hanya untuk menolong pendakwaan pesalah laku.

[217] Artikel 33 UNCAC
[218] Artikel 37 UNCAC

2.4.2 Konvensyen *International Labour Organisation* (ILO)

ILO adalah agensi PBB sejak tahun 1919 yang menyatukan kerajaan, majikan dan wakil pekerja daripada 187 ahlinya termasuklah Malaysia untuk menetapkan piawaian buruh, membangunkan dasar dan merangka program menggalakkan kerja yang layak dan bersesuaian untuk lelaki dan perempuan.[219]Dalam Artikel 5 "*Termination of Employment Convention*" di Konvensyen ILO 1982 (nombor 158) ada menyatakan bahawa ianya bukan alasan yang sah untuk memberhentikan pekerjaan jika seseorang pekerja memfailkan aduan atau menyertai prosiding terhadap majikan yang melibatkan dakwaan pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan atau mengadu kepada pentadbiran pihak berkuasa yang sepatutnya.[220] ILO 1982 telah mengeluarkan panduan seperti *Office Procedure IGDS Number 186 (Version 1) Ethics in the Office: Whistleblower Protection* (2010).[221]Ianya menyarankan perlantikan pegawai etika untuk sokongan dan promosi pematuhan dengan standard etika dan untuk memperkuat kemungkinan bagi semua pegawai melaporkan kes-kes pengabaian terhadap piawai ini tanpa rasa takut dikenakan tindakan balas. Antara fungsi pegawai etika adalah memberi panduan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia bagi memastikan dasar, prosedur dan amalan ILO, memperkukuhkan dan mempromosikan standard etika di bawah Peraturan Kakitangan dan Piawaian Kelakuan untuk perkhidmatan awam antarbangsa dan pastikan pegawai ILO memahami piawai etika dengan jelas supaya mereka boleh memberi nasihat, membantu, merancang dan mempromosikan kesedaran isu etika untuk semua kakitangan ILO.[222]

---

[219] ILO website, http://www.ilo.org/global/about-the-ilo/lang--en/index.htm (diakses pada 20 Jun 2018)
[220] ,Jeremy Lewis, John Bowers QC, Martin Fodder and Jack Mitchell, *Whistleblowing: Law and Practise*,(London: Oxford University Press, 2012)
[221] http://www.ilo.org/public/english/ethics/download/whistleblower.pdf (diakses pada 4 Julai 2018)
[222] Report of Ethics Officer, 2016, https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/---webdev/documents/publication/wcms_713665.pdf (diakses pada 10 Julai 2018)

2.4.3 Konvensyen *Organization for Economic Cooperation & Development* 1960 (OECD)

OECD adalah organisasi yang menumpukan kepada pembangunan ekonomi. Ia mempunyai 35 ahli termasuk Amerika dan England. Ia bekerjasama juga dengan negeri China, India dan negara membangun seperti Afrika, Asia dan Latin Amerika.[223] OECD tidak mempunyai peruntukan yang khas berkaitan pendedahan maklumat. Walau bagaimanapun, pelbagai instrument OECD menggalakkan pemakaian perlindungan pendedahan maklumat. Pada tahun 1998, OECD telah mengeluarkan "*Recommendation in Improving Ethical Conduct in the Public Service* 1998" yang menyatakan berkenaan pertanggungjawaban dan ketelusan dalam proses membuat keputusan perlu digalakkan melalui langkah-langkah seperti sistem pendedahan dan pengiktirafan peranan media yang aktif dan bebas.[224] OECD telah mengeluarkan *The Detection of Foreign Bribery, Chapter 2. The Role of Whistleblowers and Whistleblowers Protection* pada tahun 2017 yang mengesyorkan agar negara-negara memastikan langkah-langkah sesuai telah dilaksanakan untuk melindungi dari tindakan diskriminasi atau disiplin pekerja sektor awam dan swasta, yang melaporkan dengan niat baik dan dengan alasan munasabah kepada pihak berwajib yang disyaki melakukan rasuah. Disarankan juga perkara-perkara untuk menggalakkan pemberi maklumat melaporkan rasuah kepada pihak penguatkuasa seperti meningkatkan kesedaran, menyediakan saluran pelaporan yang jelas, memberi panduan dan susulan berkaitan maklumat yang diberikan, memberikan ganjaran kewangan, mempastikan

[223] OECD website, Members and Partners, http://www.oecd.org/about/membersandpartners/ (diakses pada 13 Julai 2018)

[224] Recommendation of the OECD Council on Improving Ethical Conduct in the Public Service, Including Principles for Managing Ethics in the Public Service, 2022, https://legalinstruments.oecd.org/public/doc/129/129.en.pdf (diakses pada 15 Julai 2022)

sekatan jenayah dan saman fitnah tidak menghalang pelaporan yang dibuat oleh pemberi maklumat, pastikan undang-undang yang melindungi data tidak menghalang pemberian maklumat, melindungi pemberi maklumat yang membuat memberi maklumat secara dalaman atau luaran, berikan definisi kepada pemberi maklumat dan pendedahan yang dilindungi dengan meluas, pastikan kerahsiaan dan dibenarkan pemberian maklumat tanpa nama, gantirugi kewangan diberikan kepada pemberi maklumat jika berlaku tindakan balas atas pemberian maklumat, hukuman kepada tindakan balas yang diambil terhadap pemberi maklumat dan remedi sivil diberikan kepada pemberi maklumat.[225]

2.4.4 *International Covenant on Civil and Political Rights* 1976 (ICCPR)

ICCPR adaah perjanjian antarabangsa hak asasi manusia yang memperuntukkan pelbagai perlindungan hak-hak sivil dan politik. Perjanjian ini diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB pada 1966 dan dikuatkuasakan pada 1976. Ia mewajibkan negara-negara yang telah mengesahkan perjanjian untuk melindungi dan memelihara hak-hak asasi manusia. Perjanjian ini memaksa kerajaan untuk mengambil langkah-langkah pentadbiran, kehakiman dan perundangan untuk melindungi hak-hak tersebut dan menyediakan pemulihan yang berkesan. Amerika telah mengesahkan ICCPR pada tahun 1992 dan ia menjadi undang-undang tertinggi negara di bawah *Supremacy Clause* Perlembagaan Amerika. Ia menjadikan undang-undang ini berstatus undang-undang persekutuan. Ia juga terpakai kepada semua entiti kerajaan dan agen termasuk semua negeri dan kerajaan negeri di Amerika serta kontraktor swasta yang

[225] OECD(2017), The Role Of Whistleblowers And Whistleblower Protection, https://www.oecd.org/corruption/anti-bribery/OECD-The-Role-of-Whistleblowers-in-the-Detection-of-Foreign-Bribery.pdf (diakses pada 3 Mac 2019)

menjalankan fungsi kerajaan.[226] Ahlinya terdiri daripada 167 negara termasuk England dan Amerika. Artikel 19 mengiktiraf hak untuk bersuara iaitu termasuk hak untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan idea tanpa mengira sempadan, dalam bentuk lisan, tulisan, cetakan, lukisan atau apa-apa media lain. Hak ini termasuklah hak untuk mendedahkan salahlaku atau perbuatan tak wajar sesuatu pihak demi untuk kepentingan negara.

2.4.5 Laporan G20

G20 adalah kumpulan dua puluh negara (19 negara dan Kesatuan Eropah) yang berforum setiap tahun mengenai persepakatan ekonomi antarabangsa membuat keputusan. Ianya bermula pada tahun 1999 selepas berlakunya krisis ekonomi Asia. G20 *Leaders' Summit* yang pertama diadakan pada tahun 2008 dan ianya diadakan bagi membincangkan langkah-langkah mengukuhkan ekonomi, mereformasikan institusi kewangan antarabangsa, menambahbaik undang-undang kewangan dan membincangkan reformasi ekonomi yang diperlukan oleh setiap ahli.[227] Amerika dan England adalah ahli kepada G20. G20 telah menubuhkan *Anti Corruption Working Group* (ACWG) pada tahun 2010 yang mengiktiraf kesan negatif rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi, perdagangan dan pembangunan. Antara yang di tekankan untuk melawan rasuah adalah ketelusan, integriti dan perlindungan pemberian maklumat.[228] Maka telah dikeluarkan laporan berkaitan "*Protection Of Whistleblowers Study On Whistleblower Protection Frameworks, Compendium Of*

[226]American Civil Liberties Union, Faq: The Covenant On Civil & Political Rights (ICCPR), https://www.aclu.org/faq-covenant-civil-political-rights-iccpr (diakses pada 5 Julai 2018)
[227] B20 Coalition website, About G20, http://www.b20coalition.org/about-g20.php (diakses pada 8 Julai 2018)
[228]2015- 16 G20 Anti- Corruption Implementation Plan, http://star.worldbank.org/star/sites/star/files/g20_acwg_2015-16_anti-corruption_implementation_plan_australia_2014.pdf (diakses pada 20 Mei 2019)

Best Practices And Guiding Principles For Legislation"[229] dan "*Whistleblower Protection Laws in G20 Countries: Priorities for Action*" sebagai garis panduan pemberian maklumat yang boleh diguna pakai.[230]

2.5 Kesimpulan

Konsep pemberian maklumat adalah sangat penting difahami bagi memastikan undang-undang pemberi maklumat yang ada di Malaysia mencapai keperluan undang-undang tersebut. Penyertaan masyarakat secara individu atau berkumpulan dalam memainkan peranan sebagai pemberi maklumat perlu diketengahkan untuk mencapai tujuan undang-undang pemberi maklumat. Malah budaya etika organisasi juga perlu diterapkan bagi memotivasikan kewujudan pemberian maklumat. Undang-undang pemberian maklumat wujud hasil dari hak asasi yang diberikan kepada semua manusia. Antara hak asasi tersebut adalah hak untuk bersuara, namun jika dilihat pada hak asasi ketiga-tiga negara, walaupun kebebasan bersuara dibenarkan tetapi ianya tidak mutlak. Terdapat banyak sekatan yang dikenakan dari berbagai sudut seperti seperti sekatan yang terdapat dalam akta atau sekatan berdasarkan kandungan, "*prior restraint*" dan sekatan berdasarkan bukan kandungan yang dilakukan di Amerika. Malah Malaysia sendiri mempunyai banyak akta seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perlindungan Saksi 2009 yang menyekat kebebasan bersuara. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa walaupun ada perlindungan kepada pemberi maklumat diperuntukkan oleh konvensyen sebagai panduan tetapi ia tidak terlepas dari berbagai sekatan dan halangan yang memungkinkan pemberian maklumat.

[229]G20 Anti-Corruption Action Plan Protection of Whistleblowers, https://www.oecd.org/g20/topics/anti-corruption/48972967.pdf (diakses pada 20 Mei 2019)
[230] 2014, https://www.transparency.de/fileadmin/pdfs/Themen/Hinweisgebersysteme/Whistleblower-Protection-Laws-in-G20-Countries-Priorities-for-Action.pdf (diakses pada 20 Mei 2019)

BAB TIGA

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA SELAIN APPM 2010

3.1 Pengenalan

Konsep pemberian maklumat, sejarah berkenaan dengan hak asasi manusia dan perjanjian antarabangsa berkaitan pemberi maklumat telah diterangkan pada bab dua. Salah satu dari hak asasi yang penting adalah hak untuk bersuara. Melalui hak bersuara inilah wujudnya konsep pemberi maklumat iaitu menyuarakan sesuatu yang bersalahan dengan undang-undang atau etika sesuatu agensi. Ditambah dengan berlakunya kes rasuah yang semakin meningkat terutamanya yang merentasi sempadan, maka termeterailah berbagai perjanjian antarabangsa untuk memerangi rasuah. Salah satu alat yang berkesan untuk memerangi rasuah adalah dengan adanya pemberi maklumat menyalurkan salah laku yang berleluasa di berbagai agensi awam dan swasta. Namun berbagai risiko yang perlu dihadapi oleh pemberi maklumat yang melibatkan nyawa, pekerjaan, jawatan dan sebagainya. Malah orang-orang yang rapat dengan pemberi maklumat juga mungkin mengalami risiko yang sama. Untuk mengatasi masalah ini, maka diadakan peruntukan undang-undang yang melindungi pemberi maklumat dan orang-orang yang rapat dengannya.

Bab ini akan mengenal pasti peruntukan undang-undang pemberi maklumat dalam akta-akta yang wujud sebelum akta khusus berkaitan pemberi maklumat iaitu APPM 2010 digubal dan diguna pakai oleh tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantau

oleh BHEUU. Sebagai tambahan akan diambil beberapa peruntukan pemberian maklumat dari akta-akta lain juga. Ini adalah penting bagi menjawab objektif iaitu berkaitan peruntukan pemberian maklumat sebelum APPM 2010.

3.2 Peruntukan–peruntukan di dalam Akta-akta Lain Selain APPM 2010

Tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantau oleh BHEUU, berkaitan pelaksanaan APPM 2010 mempunyai peruntukan-peruntukan pemberian maklumat di dalam akta-akta yang lain sebelum kewujudan APPM 2010. Peruntukan-peruntukan tersebut masih diguna pakai oleh mereka yang mungkin berlaku pertindihan dengan peruntukan APPM 2010. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggunakan seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, seksyen 128 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan seksyen 72 dan 73 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Suruhanjaya Syarikat Malaysia pula dahulunya menggunapakai seksyen 368B(1) dan 174 Akta Syarikat 1965 yang mana telah dibatalkan dan diganti dengan seksyen 266, 286 dan 587 Akta Syarikat 2016; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menggunakan seksyen 65 Akta Pencegahan Rasuah 2009, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menggunakan seksyen 124A dan 125 Akta Kastam 1967 (AK 1967) dan Akta Eksais 1976 (AE1976), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia menggunakan seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Universiti Utara Malaysia

Agensi-agensi penguatkuasaan juga mengguna pakai peruntukan-peruntukan lain di dalam akta-akta yang berlainan mengikut kesesuaian kes-kes yang ditangani yang berkaitan. Contohnya seksyen 128, 320 dan 321 Akta Rahsia Rasmi 1972, seksyen 15, 17, 20 dan 26 Akta Perlindungan Saksi 2009, seksyen 5 Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan seksyen 50 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008. Malah terdapat banyak lagi peruntukan di dalam akta-akta lain namun ia tidaklah sepenting peruntukan dalam akta-akta yang dinyatakan pada penyelidikan ini.

3.2.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Seksyen 128, 320 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

Seksyen 128 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 adalah berkaitan kewajiban seorang juruaudit. Seksyen 128 memperuntukkan bila mana seseorang juruaudit dalam menjalankan tugasnya menyedari (a) apa saja perkara yang pada pendapatnya boleh melanggar peruntukan akta ini atau undang-undang sekuriti yang lain; (b) apa-apa ketidakteraturan yang boleh memberi kesan yang material ke atas akaun syarikat, termasuk ketidakteraturan yang membahayakan atau mungkin membahayakan wang atau harta klien syarikat, jika berkenaan; (c) kerugian ditanggung oleh syarikat yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan tidak mampu memenuhi kehendak kewangan minimum yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini; (d) tidak dapat mengesahkan tuntutan klien atau pemiutang syarikat boleh di atasi oleh nilai aset syarikat; (e) kesalahan berkaitan dengan urusan syarikat telah dilakukan; atau (f) berlaku pelanggaran kaedah-kaedah bursa saham, bursa niaga hadapan, pusat penjelasan

Universiti Utara Malaysia

diluluskan atau depositori pusat oleh syarikat yang memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, maka juruaudit hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada:

(A) Bursa saham dan Suruhanjaya dalam hal berkaitan organisasi peserta;

(B) Bursa niaga hadapan dan Suruhanjaya bila berkaitan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berdagang dalam kontrak niaga hadapan; atau

(C) Suruhanjaya jika berkaitan mana-mana hal lain.

Juruaudit tidak boleh diambil tindakan guaman di mana-mana mahkamah berkenaan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya dengan suci hati dalam menunaikan kewajibannya di bawah seksyen ini. Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini:- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan pengauditannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; (b) memperbesar atau memperluaskan skop pengauditannya bagi urusan dan hal ehwal syarikat berkaitan mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; (c) menjalankan pemeriksaan tertentu atau menetapkan prosedur dalam mana-mana hal tertentu; (d) mengemukakan satu laporan tentang mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c) atau; (e) mengemukakan satu laporan interim tentang mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d), dan Suruhanjaya boleh menentukan masa yang mana keperluan-keperluan terdahulu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit dan menentukan saraan yang hendak dibayar oleh syarikat berkaitan kepada juruaudit berkenaan.

Universiti Utara Malaysia

Juruaudit hendaklah mematuhi mana-mana keperluan Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) dan syarikat berkaitan hendaklah memberi saraan kepada juruaudit tersebut dengan penunaian mana-mana kewajipan tambahan itu. Syarikat berkaitan hendaklah menyediakan maklumat dan akses kepada maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh juruaudit dalam menunaikan kewajipan tambahan di bawah seksyen ini.

Seksyen 320 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 pula menyenaraikan kewajipan juruaudit perbadanan tersenarai. Ianya memperuntukkan jika juruaudit dalam melaksanakan kewajipannya sebagai juruaudit satu perbadanan tersenarai, berpendapat secara profesional bahawa berlaku pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti, kemungkiran apa-apa kaedah-kaedah bursa saham, atau apa-apa perkara yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu, juruaudit hendaklah dengan serta-merta mengemukakan suatu laporan bertulis tentang perkara itu kepada (a) Suruhanjaya dalam hal kemungkiran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti; (b) bursa saham yang berkaitan dan Suruhanjaya atau Pasaran Modal dan Perkhidmatan dalam hal kemungkiran atau ketidaklaksanaan apa-apa kaedah-kaedah bursa saham; (c) bursa saham yang berkaitan dan Suruhanjaya dalam apa-apa hal lain yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu.

Tindakan guaman tidak boleh dibawa terhadap juruaudit di mahkamah bagi laporan yang dikemukakan oleh juruaudit secara suci hati dan atas niat untuk melaksanakan apa-apa kewajipannya di bawah seksyen ini. Pada bila-bila masa semasa atau selepas

sesuatu audit, Suruhanjaya boleh menghendaki juruaudit perbadanan tersenarai supaya (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan pengauditannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; (b) memperluas atau menambah skop pengauditannya ke atas urusan dan hal ehwal perbadanan tersenarai itu mengikut apa-apa cara atau setakat yang ditentukan oleh Suruhanjaya; (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan yang spesifik atau mengadakan apa-apa tatacara dalam mana-mana kes yang tertentu; (d) mengemukakan suatu laporan tentang apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau (e) mengemukakan suatu laporan interim tentang apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d), dan Suruhanjaya boleh menentukan tempoh yang perlu dipatuhi oleh juruaudit serta menentukan saraan yang perlu dibayar oleh perbadanan tersenarai itu kepada juruaudit berkenaan.

Juruaudit hendaklah mematuhi apa-apa kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) dan perbadanan tersenarai itu hendaklah memberikan saraan kepada juruaudit berkenaan bagi penunaian kewajipan tambahan di bawah seksyen ini. Jika perbadanan tersenarai itu tidak memberikan saran kepada juruaudit itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4), maka juruaudit itu boleh membawa tindakan guaman dan mendapatkan saraan itu. Perbadanan tersenarai itu hendaklah menyediakan maklumat dan memberikan akses kepada maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh juruaudit berkenaan dengan penunaian olehnya akan mana-mana kewajipan tambahan di bawah seksyen ini.

Perlindungan diperuntukkan oleh seksyen 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi orang yang dikenakan tindak balas kerana membuat laporan kepada pihak berkuasa dalam hal keadaan tertentu. Peruntukan itu berbunyi:

Jika seorang ketua eksekutif, mana-mana pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, seorang juruaudit dalaman atau setiausaha perbadanan tersenarai, walau apa pun gelarannya, telah dalam melaksanakan tugasnya mempunyai kepercayaan yang munasabah tentang apa-apa perkara yang boleh atau akan mengakibatkan suatu pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti atau pelanggaran mana-mana kaedah-kaedah bursa saham atau apa-apa perkara yang boleh menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu dan mana-mana orang yang disebut terdahulu mengemukakan laporan tentang perkara itu — (a) dalam hal pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kehendak atau peruntukan undang-undang sekuriti, kepada Suruhanjaya; (b) dalam hal pelanggaran atau ketidaklaksanaan apa-apa kaedah bursa saham, kepada bursa saham yang berkaitan atau kepada Suruhanjaya; atau (c) dalam apa-apa hal lain yang menjejaskan pada takat yang material kedudukan kewangan perbadanan tersenarai itu, kepada bursa saham yang berkaitan atau kepada Suruhanjaya, perbadanan tersenarai itu tidak boleh memecat, mendiskriminasi, menurunkan pangkat, menggantung atau mencampuri urusan pekerjaan atau punca pendapatan yang sah, ketua eksekutif, mana-mana pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, juruaudit dalaman atau setiausaha, perbadanan tersenarai itu disebabkan laporan yang dikemukakan oleh mana-mana orang itu. Ketua eksekutif, pegawai yang bertanggungjawab untuk menyediakan atau meluluskan penyata kewangan atau maklumat kewangan, juruaudit dalaman atau setiausaha perbadanan tersenarai tidak boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa laporan yang dikemukakan oleh orang itu dengan suci hati dan atas niat untuk melaksanakan kewajipannya. Bagi maksud seksyen ini, "setiausaha" ertinya seseorang yang disebut dalam seksyen 139 Akta Syarikat 1965.

Universiti Utara Malaysia

Seksyen 72 dan 73 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Seksyen 72 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 memperuntukkan kewajipan juruaudit untuk melaporkan kepada Bank Negara serta merta secara bertulis sekiranya sewaktu menjalankan kewajipannya didapati berlaku (a) kemungkiran atau perlanggaran peruntukan akta ini atau ketidakpatuhan kepada standard yang ditetapkan oleh Bank Negara yang boleh memberi kesan material kepada kedudukan institusi kewangan; (b) kesalahan yang melibatkan fraud di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dilakukan oleh institusi, pengarah atau pegawai institusi; (c) ketidakteraturan yang memberi kesan material kepada kedudukan kewangan institusi atau membahayakan kepentingan pendeposit, pemunya polisi, pemiutang institusi, peserta atau pengguna atau ketidakteraturan serius lain; (d) dia tidak dapat mengesahkan bahawa tuntutan pendeposit, pemunya polisi, pemiutang institusi, peserta atau pengguna dilindungi oleh asset institusi atau kumpulan insurans; (e) terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman berkaitan dengan proses pelaporan kewangan yang dijalankan oleh institusi; atau (f) kedudukan institusi mungkin atau telah terjejas secara material oleh mana-mana keadaan, aktiviti atau kelemahan kawalan dalaman institusi itu. Prinsip kerahsiaan bank tidak terpakai kepada juruaudit yang menzahirkan maklumat atau akaun pelanggan institusi kewangan kepada Lembaga Pengawasan Audit yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 atau sesiapa saja yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga Pengawasan Audit. Juruaudit institusi tidak bertanggungan kepada institusi berkenaan terhadap apa-apa pelaporan kepada Bank Negara yang dibuat dengan suci hati dan tidak boleh dibawa tindakan guaman fitnah terhadap juruaudit tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993

Seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 memperuntukkan jika seorang pegawai Suruhanjaya membuat aduan hasil dari maklumat yang disampaikan oleh seorang pemberi maklumat, maka maklumat tersebut serta identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara mereka berdua. Malah semua hal berkaitan maklumat itu termasuk tempat maklumat diberikan tidak boleh didedahkan atau diperintah untuk didedahkan oleh mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di dalam prosiding sivil atau jenayah. Begitu juga dengan buku, kertas atau dokumen lain; rakaman tampak atau bunyi; benda atau bahan lain yang diberikan sebagai keterangan yang mengandungi catatan atau apa saja yang menamakan, memperihalkan atau menzahirkan identiti pemberi maklumat hendaklah dipadamkan, disembunyikan atau dihapuskan setakat yang perlu bagi melindungi penzahiran identiti pemberi maklumat tersebut. Jika pemberi maklumat itu memberi maklumat yang menipu, maka dia boleh dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit serta semua maklumat dan identitinya boleh didedahkan untuk tujuan penyiasatan dan pendakwaan.

Jika dilihat kepada semua akta yang digunakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, kebanyakkannya memfokuskan kepada juruaudit sebagai pemberi maklumat. Ianya adalah satu tugasan atau kewajiban yang harus dilakukan oleh juru audit-juru audit yang mana jika tidak dilaporkan kepada pihak tertentu, maka mereka adalah menyalahi tugasan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib atau denda. Kesemua akta di atas tiada peruntukan yang khusus untuk pemberian maklumat dari orang luar jabatan, maka Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggunapakai APPM 2010 untuk tujuan ini.

Universiti Utara Malaysia

3.2.2 Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Suruhanjaya Syarikat Malaysia menggunapakai seksyen 368B(1) dan 174 Akta syarikat 1965 sebelum akta ini dibatalkan dan diganti dengan Akta Syarikat 2016. Oleh itu peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965 tidak perlu dibincangkan.

Seksyen 266, 286 dan 587 Akta Syarikat 2016

Seksyen 266 memperuntukkan kewajipan juruaudit syarikat iaitu melaporkan penyata kewangan, rekod perakaunan syarikat dan rekod lain yang berkaitan penyata kewangan kepada anggota syarikat. Juruaudit perlu memberi pendapat benar dan patut mengenai (a)penyata kewangan syarikat dapat berikan perkara yang dikehendaki oleh seksyen 248 akta ini; (b) mengenai hal-ehwal syarikat; (c) mengikut piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai tertakluk pada penentuan, garis panduan atau peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa jika ia perlu di serah simpan dengan pihak berkuasa. Jika juruaudit berpuas hati bahawa (a) terdapat pelanggaran atau ketidak patuhan pada akta ini; dan (b) jika terdapat kesalahan berat dilakukan oleh pegawai syarikat yang melibatkan frod atau kecurangan sedang berlaku atau telah dilakukan terhadap syarikat atau peruntukan akta ini, maka dia perlu melaporkan secara bertulis serta-merta kepada Pendaftar Syarikat. Hal yang sama diwajibkan kepada juruaudit syarikat awam atau syarikat yang dikawal oleh syarikat awam (seksyen 266(9) akta ini). Seksyen 286 adalah berkaitan keistimewaan yang diberikan kepada juruaudit dalam keadaan tertentu. Tindakan guaman fitnah tidak boleh dibawa ke atas juruaudit yang suci hati, atas apa-apa penyataan yang dibuat olehnya secara lisan atau bertulis semasa menjalankan kewajipannya sebagai juruaudit. (1)Tindakan guaman juga tidak boleh diambil di mana-mana mahkamah atau apa-apa prosiding jenayah atau tatatertib bagi laporan di bawah seksyen 266 yang dikemukakan juruaudit

secara suci hati bagi menjalankan kewajipannya dibawah Akta ini. (3) Tiada juruaudit yang suci hati boleh diambil tindakan guaman fitnah dengan penyiaran dokumen oleh juruaudit semasa menjalankan kewajipannya di bawah Akta Syarikat 2016 dan diserah simpan kepada Pendaftar.

Seksyen 587 memberikan perlindungan kepada pegawai syarikat yang sewaktu melaksanakan kewajipannya secara suci hati membuat penzahiran tentang pelanggaran atau ketidakpatuhan pada mana-mana kehendak atau peruntukan akta ini atau peraturan-peraturannya; atau mempercayai kesalahan serius yang melibatkan frod atau kecurangan telah, sedang atau berkemungkinan akan dilakukan oleh pegawai syarikat terhadap Akta Syarikat 2016, boleh melaporkan secara bertulis kepada Pendaftar. Syarikat tidak boleh memecat, menurunkan pangkat, mendiskriminasi atau mencampuri urusan kerja atau punca pendapatan sah pegawai tersebut. Malah tiada sebarang tindakan guaman boleh dibawa ke mahkamah atau tribunal atau tindakan tatatertib terhadap pegawai tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Peruntukan di dalam Akta Syarikat 2016 ini membahagikan pemberi maklumat kepada dua iaitu seksyen 266 dan 286 memfokuskan perlindungan kepada juruaudit yang menjalankan kewajipan dan seksyen 587 adalah lebih luas dimana ia memberikan perlindungan kepada pegawai syarikat yang memberi maklumat berkaitan pelanggaran atau kesalahan serius yang melibatkan frod atau kecurangan. Seksyen 587 adalah untuk pemberian maklumat dalaman dimana pegawai dalam syarikat memberi maklumat berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai di syarikat yang sama. Faktor suci hati diperlukan dari pegawai yang memberikan maklumat iaitu ia tiada kaitan dengan kesalahan yang dilakukan atau mempunyai niat yang lain contohnya

membalas dendam kepada pegawai yang diadu. Skop kesalahan yang boleh diberi maklumat juga disempitkan kepada kesalahan serius yang melibatkan frod dan kecurangan. Oleh itu Suruhanjaya Sekuriti Syarikat perlu menggunapakai APPM 2010 bila ia melibatkan pemberian maklumat luaran iaitu orang dari luar syarikat yang memberi maklumat dan juga bila maklumat itu melibatkan kesalahan selain frod dan kecurangan.

3.2.3 SPRM

SPRM menggunapakai Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 secara asasnya dan juga akta-akta lain seperti Akta Perlindungan Saksi 2009 dan APPM 2010.

Seksyen 25 dan 65 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009

Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 memperuntukkan sesiapa yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan suapan harus melaporkan kepada Suruhanjaya atau polis yang terdekat. Jika tidak buat laporan, mereka boleh disabitkan dgn kesalahan dan didenda RM100,000 atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan seksyen 65 akta ini adalah *pari materia* seperti seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Seksyen 25 akta ini mewajibkan penerima rasuah untuk memberi maklumat atau mereka boleh dituduh melakukan kesalahan. Manakala seksyen 65 memberikan perlindungan dari sudut identiti kepada pemberi maklumat walaupun maklumat dibicarakan di mahkamah. Oleh itu APPM 2010 digunapakai oleh Suruhanjaya ini

kerana ia memberikan lebih banyak perlindungan seperti perlindungan kepada saudara terdekat pemberi maklumat dan memberi remedi-remedi seperti ganti rugi, injunksi dan relief oleh mahkamah yang tiada pada akta ini.

3.2.4 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Seksyen 124A Akta Kastam 1967 dan seksyen 57 Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Seksyen 124A menyatakan nama, alamat serta maklumat pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan oleh pegawai kastam dan orang biasa dalam menjalankan tugasnya atau mempunyai kawalan atau akses terhadap maklumat tersebut kecuali yang ditetapkan oleh pegawai kastam atau Ketua Pengarah. Kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 57 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 memperuntukkan setiap orang yang mempunyai maklumat mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai yang berkaitan cukai perkhidmatan untuk bertanya, haruslah memberi maklumat tersebut apabila dikehendaki oleh pegawai tersebut. Jika gagal memberi maklumat, maka ia dianggap melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Seksyen 125 Akta Kastam 1967, Seksyen 64 Akta Eksais 1976, seksyen 79 Akta Cukai Jualan 2018, seksyen 67 Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Akta Eksais 1967 adalah berkaitan duti eksais yang dikenakan kepada barangan berduti yang dikilangkan oleh syarikat di bawah sekayen 20 Akta Eksais 1976 dan yang diimport. Barangan yang tertakluk kepada duti eksais di bawah perintah Duti

Eksais 2017 adalah minuman bergula, kenderaan bermotor, minuman keras, rokok termasuk tembakau dan cerut, *mahjong* tiles, daun terup.[231]

Akta Cukai Jualan 2018 adalah akta yang mengenakan, melevi dan memungut cukai jualan dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Manakala Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah akta yang mengenakan, melevi dan memungut cukai perkhidmatan dan apa-apa yang berkaitan dengannya.

Semua seksyen-seksyen ini tidak membenarkan saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah untuk memberikan nama, alamat dan maklumat berkaitan pemberi maklumat atau yang boleh membawa kepada pengenalan kepada pemberi maklumat. Malah apa-apa buku, kertas atau dokumen yang mempunyai kaitan dengan pemberi maklumat hendaklah di mansuhkan atau disembunyikan oleh pihak mahkamah. Namun jika mahkamah mendapati pemberi maklumat memberi maklumat yang palsu atau mempercayainya sebagai palsu atau keadilan tidak dapat dijalankan antara pihak-pihak yang terlibat, maka mahkamah boleh meminta pendedahan penuh berkaitan pemberi maklumat.

Seksyen 57 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah berkaitan seseorang yang mengetahui sesuatu maklumat perlu memberitahu kepada pegawai berkaitan bila ditanya atau melakukan kesalahan dengan menyembunyikan maklumat tersebut. Semua peruntukan-peruntukan lain di atas pula memberi perlindungan kepada dari sudut kerahsiaan kepada identiti pemberi maklumat iaitu nama dan alamat walaupun kes berkaitan maklumat sedang dibicarakan di mahkamah. Seksyen 124A Akta

[231] Portal Rasmi JKDM, http://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_eks7.aspx, (diakses 7 Disember 2020)

Kastam 1967 adalah lebih umum, manakala seksyen 125 Akta Kastam 1967, seksyen 64 Akta Eksais 1976, seksyen 79 Akta Cukai Jualan 2018 dan seksyen 67 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 lebih memfokuskan kepada perlindungan identiti pemberi maklumat di mahkamah. Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga menggunapakai APPM 2010 kerana lebih banyak perlindungan diberikan berbanding dengan peruntukan-peruntukan yang ada ini. Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga menggunakan ketetapan am. Namun APPM 2010 adalah akta yang menyeluruh berkaitan perundangan pemberian maklumat.

3.2.5 Polis Diraja Malaysia

Akta Polis 1967 adalah umum dan tiada menyentuh berkaitan pemberi maklumat. Namun Polis Diraja Malaysia menggunakan akta-akta lain seperti Akta Perlindungan Saksi 2009, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan lain-lain serta prosedur operasi standard pentadbiran. Oleh itu pihak polis menggunapakai APPM 2010 untuk perundangan berkaitan pemberi maklumat.

3.2.6 Jabatan Imigresen Malaysia

Seksyen 59C Akta Imigresen 1966 dan seksyen 12 Akta Pasport 1966

Kedua-dua seksyen di atas tidak menyebut berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat tetapi memberi kuasa kepada Ketua pengarah untuk mengarahkan ganjaran yang difikirkan patut diberikan kepada mana-mana orang atas perkhidmatan yang berkaitan dengan pengesanan dan pendakwaan satu kesalahan di bawah akta ini. Pihak imigresen mengguna pakai APPM 2010 untuk perundangan pemberi maklumat.

3.2.7 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987

Seksyen ini menghendaki tuan punya kenderaan memberi maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai polis, warden lalu lintas atau pegawai pengangkutan jalan mengenai identiti dan alamat orang yang memandu kenderaan pada masa kesalahan itu, dan mengenai lesen yang dipegang oleh orang itu, dan jika gagal berbuat demikian dalam tempoh tujuh hari dari tarikh maklumat dikehendaki adalah melakukan kesalahan kecuali dia dapat buktikan kepada mahkamah yang dia tidak mengetahui atau tidak boleh dengan usaha yang munasabah memastikan maklumat yang dikehendaki. Ianya bukanlah ditujukan kepada orang awam untuk memberi maklumat tetapi ditujukan khas kepada pemilik kenderaan yang mana kenderaannya digunakan oleh seseorang yang melakukan kesalahan di bawah akta tersebut. Oleh itu, APPM 2010 adalah perundangan pemberi maklumat yang menyeluruh yang digunakan.

Universiti Utara Malaysia

3.2.8 Antara akta-akta lain yang digunakan oleh agensi penguatkuasaan

Seksyen 24 Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta ini bertujuan untuk membendung seseorang dari membocorkan dokumen-dokumen yang berbentuk rahsia kerajaan demi menjaga keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa. Terdapat beberapa orang yang telah di tuduh di bawah akta ini dari tahun 1986 sehingga hari ini.[232] Namun seorang pegawai di Jabatan Audit Negara yang telah menyimpan satu salinan asal dokumen audit 1MDB yang belum dipinda walaupun diarah oleh pengarah beliau untuk dimusnahkan, serta

[232]Bahagian Hal-Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, Akta Rahsia Rasmi 1972, http://www.bheuu.gov.my/pdf/88vs711/SlideOSA.pdf (diakses 13 Disember 2020)

dia telah memasukkan perakam suara ke dalam bekas pensel milik pegawai atasannya tanpa pengetahuan beliau bagi merakam mesyuarat berkaitan dokumen 1MDB telah menjadi saksi dalam perbicaraan pindaan dokumen audit 1MDB dan tidak dikenakan sebarang tindakan.[233] Malah beliau telah dipuji oleh masyarakat sebagai seorang hero kerana berani berbuat demikian walaupun berhadapan risiko di dakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.[234]

Seksyen 24 Akta Rahsia Rasmi 1972 memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang mendedahkan seseorang yang telah membocorkan dokumen rahsia di bawah akta ini. Adalah tidak dibenarkan mendedahkan nama atau alamat atau apa-apa perkara yang boleh menyebabkan seseorang pemberi maklumat diketahui dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah. Jika terdapat catatan mengenai nama atau perihalan yang membolehkan pemberi maklumat diketahui dalam sesuatu dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam prosiding sivil atau jenayah, maka mahkamah dimana prosiding itu diadakan hendaklah menutup atau memadamkan semua perenggan tersebut daripada penglihatan setakat perlu bagi melindungi pemberi maklumat. Namun jika selepas siasatan penuh, mahkamah mendapati bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat aduan yang palsu atau keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, maka mahkamah boleh menghendaki supaya

Universiti Utara Malaysia

[233] Hafiz Yatim, "Najib's defence spends 45 minutes discrediting Nor Salwani's 3-hour long recording," The Edge Markets, 16 Januari 2020 https://www.theedgemarkets.com/article/najibs-defence-spends-45-minutes-discrediting-nor-salwanis-3hour-long-recording (diakses pada 1 Mei 2020).
[234] TheEdgeMarkets, "Netizens praise govt auditor who recorded 1MDB meeting, kept original audit report," 22 November 2019, https://www.theedgemarkets.com/article/netizens-praise-govt-auditor-who-recorded-1mdb-meeting-kept-original-audit-report (diakses pada 13 Februari 2020)

aduan bertulis yang asal dikemukakan, membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya mengenai pemberi maklumat itu.

Seksyen 15, 17, 20 dan 26 Akta Perlindungan Saksi 2009

Objektif akta ini adalah untuk melindungi kebajikan dan keselamatan saksi-saksi semasa penyiasatan dan pendakwaan bagi kes-kes rasuah. Seksyen 15 Akta Perlindungan Saksi 2009 memperuntukkan bahawa seorang saksi yang diletakkan di bawah Program Perlindungan Saksi (dipanggil sebagai peserta) tidak dibenarkan pendedahan identiti asalnya walaupun dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang tertentu kecuali jika mendapat keizinan bertulis dari Ketua Pengarah Perlindungan Saksi. Malah Ketua Pengarah, pegawai-pegawainya dan sesiapa saja yang mempunyai akses kepada maklumat atau dokumen Program Perlindungan Saksi tidak dibenarkan mendedahkan identiti peserta tersebut selama-lamanya. Sesiapa yang didapati bersalah mendedahkan identiti peserta itu boleh dipenjarakan tidak lebih dua puluh tahun (seksyen 17). Jika dikehendaki oleh Hakim atau Majistret dalam prosiding berkaitan tempat dan hal keadaan seseorang peserta itu, maka Ketua Pengarah atau pegawai-pegawainya boleh mendedahkan tetapi hendaklah dilakukan di dalam kamar tanpa kehadiran orang lain selain Hakim dan Majistret saja.

Peruntukan seksyen 20 melarang pendedahan identiti peserta di mana-mana prosiding mahkamah, tribunal, Suruhanjaya dan siasatan serta menyekat penerbitan keterangan yang diberikan. Sesiapa yang melakukan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 5000 atau tidak lebih dari sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 26 melarang sebarang pendedahan maklumat, identiti atau apa saja yang menjejaskan keselamatan saksi atau peserta atau bekas peserta. Sesiapa yang berbuat

demikian boleh disabitkan dengan kesalahan dan dipenjarakan tidak lebih dua puluh tahun. Malah peserta, bekas peserta atau saksi yang dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam Program Perlindungan Saksi tidak dibenarkan mendedahkan perkara tersebut kepada pihak lain melainkan dengan izin Ketua Pengarah. Jika saksi, peserta atau bekas peserta disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih sepuluh tahun.

Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Akta Pencegahan Penggubahan Wang, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 adalah bertujuan untuk pendakwaan terhadap pengubahan wang haram, mana-mana perbuatan yang berurusan dengan hasil daripada aktiviti jenayah, ia juga menyediakan langkah-langkah untuk mengesan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta mekanisme untuk menyita dan melucut hak hasil jenayah dan harta pengganas. Antara agensi-agensi penguatkuasaan bagi akta ini adalah SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, dan Polis Diraja Malaysia.

Seksyen 5 akta ini menyatakan bilamana seseorang membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan berkaitan satu kesalahan penggubahan wang haram, seseorang itu tidak dianggap tidak melakukan kesalahan di bawah akta ini jika dia masih belum melakukan perbuatan itu tetapi masih dalam perkiraan untuk melakukanya dan perbuatan itu adalah dengan keizinan agensi penguatkuasaan atau jika seseorang itu telah melakukan perbuatan tersebut tetapi menzahirkannya atas inisiatifnya sendiri dan dengan seberapa segera yang munasabah. Pemberi maklumat tidak akan

bertanggungjawab terhadap gantirugi atas kerugian yang timbul akibat penzahiran maklumat tersebut. Penzahiran maklumat kepada agensi penguatkuasaan itu juga tidak boleh dianggap sebagai pelanggaran apa-apa sekatan ke atas penzahiran maklumat yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang, kontrak atau kaedah perlakuan professional. Identiti, tempat maklumat diberikan dan maklumat adalah rahsia anntara pegawai penguatkuasa yang menerima maklumat tersebut sahaja kecuali apabila penguatkuasa perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa yang berwibawa. Jika maklumat adalah palsu, maka pemberi maklumat boleh dipenjarakan tidak lebih lima tahun dan denda tidak lebih RM1 juta.

Seksyen 50 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008

Seksyen 50 akta ini tidak membenarkan saksi menzahirkan nama, alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah. Jika didapati buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam prosiding tersebut mengandungi catatan yang mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah perlu memadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

Walau bagaimanapun, jika mahkamah mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat pernyataan material yang palsu atau berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding tanpa diperihalkan pemberi maklumat, maka mahkamah hendaklah memadamkan atau menutup maklumat setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada

diketahui. Jika mahkamah selepas siasatan mempercayai bahawa pemberi maklumat sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu, atau jika mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

3.3 Analisa Peruntukan-Peruntukan Pemberi Maklumat di Malaysia

Terdapat perbezaan dari sudut siapa yang dikategorikan sebagai pemberi maklumat dan perlindungan yang diberikan kepada mereka mengikut akta-akta yang berbeza. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Syarikat 2016 mengkhususkan pemberi maklumat kepada juruaudit, ketua eksekutif atau sesiapa yang menyediakan dan meluluskan laporan kewangan di bawah akta tersebut. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 hanya mengkhaskan juruaudit saja sebagai pemberi maklumat manakala Akta Perlindungan Saksi 2009 menyatakan saksi/peserta di bawah Program Perlindungan Saksi saja dianggap sebagai pemberi maklumat. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 meluaskan skop pemberi maklumat kepada sesiapa saja yang memberi maklumat. Namun Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 mewajibkan sesiapa yang ada kaitan dengan rasuah untuk melaporkan kepada pesuruhjaya atau polis, jika tidak mereka akan dikenakan hukuman. Mereka diwajibkan menjadi pemberi maklumat. Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan

Universiti Utara Malaysia

Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 pula menekankan bahawa jika seorang pemberi maklumat terlibat dengan kesalahan penggubahan wang haram tetapi beliau dengan segera menzahirkan perbuatan itu kepada penguatkuasa atas inisiatifnya sendiri, maka beliau juga akan dilindungi.

Dari aspek perlindungan pula, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Syarikat 2016 memberi perlindungan kepada pemberi maklumat berkaitan identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan tidak boleh didedahkan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah jika pemberi maklumat suci hati melaksanakan tugasnya. Manakala Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 melindungi pemberi maklumat dari disabit kesalahan melanggar undang-undang kerahsiaan bank dan tidak boleh disaman fitnah jika pemberi maklumat tanpa niat jahat semasa melaksanakan tugas. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 Tidak boleh dedahkan identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan tidak boleh didedahkan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah.

Jadual 3. 1
Pemberi maklumat dan perlindungan

Akta	**Pemberi maklumat**	**Perlindungan**
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (i)Seksyen 128 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007	Juruaudit, Ketua Eksekutif atau sesiapa saja yang berkuasa menyediakan atau meluluskan laporan kewangan.	Identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah jika pemberi maklumat suci hati melaksanakan tugasnya.

(ii)Seksyen 72 dan 73 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013	Juruaudit sahaja	Tanggungjawab kerahsiaan bank dan tidak boleh disaman fitnah jika pemberi maklumat tanpa niat jahat semasa melaksana tugas.
(iii)Seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993	Sesiapa sahaja yang memberi maklumat	Identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah.
Suruhanjaya Syarikat Malaysia **(i)**Seksyen 266, 286 dan 587 Akta Syarikat 2016	Juruaudit, Ketua Eksekutif atau sesiapa saja yang berkuasa menyediakan atau meluluskan laporan kewangan.	Identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah jika pemberi maklumat suci hati melaksanakan tugasnya.
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia **(i)** Seksyen 65 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	Sesiapa sahaja yang memberi maklumat.	Identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan di mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain dalam prosiding sivil atau jenayah.

Universiti Utara Malaysia

(ii)Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	Sesiapa yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan suapan wajib melaporkan kepada Suruhanjaya atau polis. Jika tidak boleh disabitkan dgn kesalahan dan didenda.	
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (i)Seksyen 124A Akta Kastam 1967	Sesiapa sahaja yang memberi maklumat	Nama, alamat serta maklumat pemberi maklumat kecuali yang ditetapkan oleh pegawai kastam atau Ketua Pengarah. Kesalahan ini boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.
(ii)Seksyen 25 Akta Kastam 1967; seksyen 64 Akta Eksais 1967; seksyen 79 Akta Cukai Jualan 2018; Akta Cukai Perkhidmatan 2018	Sesiapa sahaja yang memberi maklumat	Identiti, maklumat, tempat maklumat diberikan di mana-mana prosiding sivil atau jenayah. Malah apa-apa yang mempunyai kaitan dengan pemberi maklumat hendaklah di mansuhkan atau disembunyikan oleh pihak mahkamah. Namun jika mahkamah mendapati pemberi maklumat memberi

Universiti Utara Malaysia

		maklumat yang palsu atau mempercayainya sebagai palsu atau keadilan tidak dapat dijalankan antara pihak-pihak yang terlibat, maka mahkamah boleh meminta pendedahan penuh berkaitan pemberi maklumat.
Jabatan Imigresen Malaysia (i)Seksyen 59C Akta Imigresen 1966 - Ketua pengarah boleh mengarahkan ganjaran yang difikirkan patut diberikan kepada mana-mana orang atas perkhidmatan yang berkaitan dengan pengesanan dan pendakwaan satu kesalahan di bawah akta ini.	Sesiapa sahaja yang memberi maklumat	Tidak dinyatakan.
(ii) Seksyen 12C Akta Pasport 1966 - Ketua Pengarah boleh mengarahkan hadiah yang difikirkan patut diberikan kepada mana-mana orang bagi apa-apa perkhidmatan yang	Sesiapa saja yg beri maklumat.	Tidak dinyatakan

Universiti Utara Malaysia

diberikan berkaitan dengan pengesanan dan pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.		
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (i)Seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987	Tuan punya kenderaan memberi maklumat dikehendaki oleh seorang pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan mengenai lesen dan alamat orang yang memandu kenderaan pada masa kesalahan berlaku dlm masa 7 hari dari tarikh maklumat dikehendaki atau boleh disabitkan kesalahan.	Tidak dinyatakan
Seksyen 24 Akta Rahsia Rasmi 1972 & seksyen 50 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam	Sesiapa saja yang memberi maklumat.	Nama dan alamat dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah.
Polis & Kastam & Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Saksi/peserta Program Perlindungan Saksi	(a)Pengarah, pegawai atau sesiapa yang ada akses pada maklumat/dokumen PPS, tidak boleh dedahkan

Universiti Utara Malaysia

(i)Seksyen 15, 17, 20 dan 26 Akta Perlindungan Saksi 2009		maklumat tersebut selama-lamanya. (b) Saksi/peserta tidak boleh dedah identiti dirinya kepada sesiapa. (c) Tidak boleh dedah identiti saksi dalam prosiding mahkamah, tribunal, suruhanjaya atau siasatan kecuali jika hakim/majistret minta saksi didedahkan, tetapi dalam kamar tanpa kehadiran orang lain. (d) Tidak boleh dedah identiti atau apa saja yang jejas keselamatan saksi atau bekas saksi.
(ii) Seksyen 5 Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001	Sesiapa saja yang memberi maklumat termasuk orang yang melakukan penggubahan wang haram jika segera menzahirkan kepada penguatkuasa atas inisiatif sendiri.	(a)Pemberi maklumat tidak akan bertanggungjawab terhadap gantirugi atas kerugian yang timbul akibat penzahiran maklumat tersebut. (b) Penzahiran maklumat kepada agensi penguatkuasaan itu juga tidak boleh dianggap sebagai pelanggaran apa-apa sekatan ke atas penzahiran maklumat

Universiti Utara Malaysia

		yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang, kontrak atau kaedah perlakuan professional. (c) Identiti, tempat maklumat diberikan dan maklumat adalah rahsia anntara pegawai penguatkuasa yang menerima maklumat tersebut sahaja kecuali bilamana penguatkuasa perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa yang berwibawa.

Analisa yang boleh dibuat daripada perbandingan antara APPM 2010 dan peruntukan-peruntukan undang-undang di bawah akta-akta lain adalah APPM 2010 lebih banyak memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Dapat dilihat bahawa peruntukan-peruntukan selain APPM 2010 melindungi maklumat dan identiti pemberi maklumat, melindungi dari tindakan sivil dan jenayah dikenakan terhadap pemberi maklumat dan ada juga peruntukan yang menyatakan ganjaran secara umum. APPM 2010 bukan setakat memberi perlindungan kepada identiti dan maklumat, melindungi dari tindakan sivil dan jenayah, malah juga memberi perlindungan kepada orang yang ada kaitan dengan pemberi maklumat, tindakan yang boleh diambil terhadap orang yang melakukan tindakan balas, menyatakan remedi dan relief yang boleh didapati dan ganjaran yang diperuntukkan.

Oleh itu, dicadangkan supaya peruntukan akta-akta berkaitan pemberian maklumat selain APPM 2010 dihapuskan supaya terdapat keseragaman pada perlindungan yang diberi dan ianya lebih luas dan baik. Ia juga dapat memberi keseragaman kepada semua pemberi maklumat. Peruntukan-peruntukan akta selain APPM 2010 mungkin boleh dikekalkan yang berkaitan juru audit kerana ianya adalah tugas yang wajib dilaksanakan mereka, namun perlindungan tambahan boleh didapati dengan menggunakan APPM 2010.

3.4 Kesimpulan

Terdapat peruntukan-peruntukan berkaitan pemberi maklumat dalam banyak akta mengikut skop akta masing. Contohnya, peruntukan berkaitan pemberian maklumat terdapat pada seksyen 65 Akta Pencegahan Rasuah 2009 yang berada di bawah bidang kuasa SPRM; seksyen Seksyen 266, 286 dan 587 Akta Syarikat 2016 terletak bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; seksyen 140 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan seksyen 128 dan 321 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 pula adalah di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; manakala Akta Perlindungan Saksi 2009 pula di bawah Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri; dan seksyen 65 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 pula berada dalam bidang kuasa perundangan SPRM yang khusus diwujudkan untuk menyiasat dan mencegah sebarang bentuk perlakuan rasuah serta salah guna kuasa. Peruntukan-peruntukan berkaitan pendedahan maklumat ini terdapat dalam pelbagai akta berdasarkan bidang masing-masing.

PBB melalui UNCAC 2003 menyarankan pihak negara penandatangan mempertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam sistem perundangan negara masing-

masing berkaitan perlindungan dari layanan yang tidak adil yang diberikan kepada "orang yang membuat laporan". Ini bertujuan untuk mengatasi gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Pada tahun 2010, kerajaan Malaysia mewujudkan rangka kerja yang komprehensif bagi melindungi pemberi maklumat atau penggerak etika iaitu perundangan yang kukuh dan mekanisme yang berkesan. Maka digubal APPM 2010 dan berkuatkuasa pada 15 Disember 2010. APPM 2010 adalah terletak di bawah BHEUU. APPM 2010 menggunakan istilah pemberi maklumat dan bukan penggerak etika kerana antara tujuan asas APPM 2010 digubal adalah untuk memberi perlindungan kepada *informer* dan saksi yang tidak mendapat perlindungan yang cukup selama ini. Walaupun APPM 2010 sudah digubal, peruntukan-peruntukan perlindungan maklumat dalam akta-akta lain masih di guna pakai. APPM 2010 adalah akta spesifik berkaitan perlindungan pemberi maklumat yang menambah baik perlindungan kepada peruntukan pemberian maklumat akta-akta yang sedia ada. APPM 2020 akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam topik keempat.

Universiti Utara Malaysia

BAB EMPAT

APPM 2010

4.1 Pengenalan

PBB telah menerima pakai UNCAC bagi mengukuhkan langkah-langkah mencegah dan memerangi rasuah serta menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam perkara tersebut. Ia juga menggalakkan integriti, akauntabiliti dan pengurusan yang betul terhadap hal-ehwal dan harta benda awam dengan lebih cekap dan berkesan.[235] Malaysia telah menandatangani UNCAC pada 20 September 2008[236] yang menyarankan pihak penandatangan mempertimbangkan untuk memasukkan ke dalam sistem perundangan negara mengenai langkah-langkah yang sesuai berkaitan perlindungan dari layanan yang tidak adil yang diberikan kepada pemberi maklumat. Pemberi maklumat ini adalah "orang yang suci hati membuat laporan berkenaan kesalahan yang diiktiraf di bawah UNCAC atas alasan yang munasabah kepada pihak berkuasa yang sewajarnya.[237] Malah disarankan juga supaya mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menggalakkan sesiapa yang terlibat dengan kesalahan memberikan maklumat-maklumat berguna kepada autoriti-autoriti yang berkenaan untuk tujuan penyiasatan dan pembuktian bagi menyekat pesalah-pesalah lain mendapat keuntungan dari kesalahan tersebut. Ia juga memperuntukkan supaya meringankan hukuman atau memberi imuniti.

Universiti Utara Malaysia

[235]United Nations Convention Against Corruption, m/s 14 https://www.unodc.org/documents/brussels/UN_Convention_Against_Corruption.pdf (diakses 27 Disember 2018)
[236] Supra 5
[237] Artikel 33 UNCAC

pendakwaan terhadap orang yang dituduh yang memberikan kerjasama dalam penyiasatan pendakwaan kesalahan.[238]Berdasarkan saranan UNCAC tersebut, Kerajaan Malaysia juga telah berjanji untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat.[239]

Bab ketiga telah membincangkan mengenai perlindungan yang diberikan oleh beberapa peruntukan akta selain APPM 2010 di Malaysia dan membuat perbandingan antara satu sama lain untuk mengenalpasti kekurangan dan kekuatan yang ada pada perlindungan pemberi maklumat di sektor yang berbeza di Malaysia. Bab ini juga mengenalpasti peruntukan undang-undang pemberi maklumat di negara Amerika dan England. Maka kesinambungan dari itu, bab empat akan melihat kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat pada APPM 2010 bagi mengetahui permasalahan yang ada jika dibandingkan dengan peruntukan di dalam akta-akta lain yang dibincangkan dalam bab 3. Bab ini juga akan menganalisa sama ada APPM 2010 memenuhi kriteria yang dinyatakan oleh UNCAC untuk memastikan undang-undang perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat ini berkesan. Analisa juga dibuat terhadap temu bual dengan BHEUU yang memantau APPM 2010 dan tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantaunya sekarang ini.

[238] Ibid
[239] Speech by YB Datuk Liew Vui Keong, Minister In The Prime Minister's Department (Law) Launching Of The Workshop: Towards Better Whistle Blower Protection In Malaysia 1 August 2019 (Thursday),Dewan 1, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. https://www.bheuu.gov.my/pdf/ucapan/TEKS%20UCAPAN%20YBM/Talking%20points%20WBA%20Workshop%20010819.pdf (diakses pada 21 Disember 2020)

4.2 Latar Belakang

4.2.1 Persidangan Menentang Rasuah Bangsa-bangsa Bersatu (UNCAC)

PBB telah membuat satu persidangan bagi mengatasi gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa secara universal yang dikenali sebagai UNCAC. Ianya adalah satu persidangan anti rasuah yang universal dan mengikat di sisi undang-undang. Pendekatan yang luas dan ke hadapan beserta dengan peruntukannya yang banyak bersifat mandatori menjadikannya satu yang unik untuk mencapai tindak balas yang menyeluruh terhadap masalah global. Konvensyen ini meliputi lima bidang utama iaitu langkah pencegahan, jenayah dan penguatkuasaan undang-undang, kerjasama antarabangsa, pemulihan aset dan bantuan teknikal dan pertukaran maklumat.[240] Majoriti negara anggota PBB adalah ahli UNCAC. Malaysia telah menandatanganinya pada 20 September 2008.[241] UNCAC telah meminta negara-negara penandatangan untuk memasukkan perlindungan pemberi maklumat kedalam perundangan mereka dan menyarankan beberapa kriteria-kriteria untuk dipatuhi bagi mempastikan keberkesanan undang-undang tersebut. Selaras dengan kehendak UNCAC, Malaysia telah menggubal APPM 2010 bagi merealisasikan satu dari keperluan yang dituntut oleh UNCAC.[242]

Di Amerika, 46 peratus rasuah dikesan melalui laporan oleh pemberi maklumat tetapi di Malaysia, hanya 28 daripada 8,953 aduan pada SPRM pada tahun 2012 adalah melalui pemberi maklumat.[243]

---

[240] UNCAC, https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/uncac.html (diakses pada 1 Ogos 2018)
[241] Supra 5
[242] Ibid
[243]"Ideas: Akta Pemberi Maklumat Tak Lindungi Sumber Sepenuhnya", FMT news 22 Februari 2017, https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/02/22/ideas-akta-pemberi-maklumat-tak-lindungi-sumber-sepenuhnya/ (Diakses pada 11 Disember 2018)

Artikel 13 UNCAC mewajibkan negara penandatangan untuk menggalakkan penyertaan aktif individu dan kumpulan selain sektor awam, terutamanya masyarakat, organisasi bukan kerajaan dan organisasi berasaskan komuniti khususnya bagi mencegah dan memerangi rasuah. Promosi juga perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan, sebab dan ancaman yang ditimbulkan oleh rasuah. Artikel ini juga menghendaki supaya badan-badan anti-rasuah negara berkenaan diketahui oleh masyarakat awam dan menyediakan akses untuk masyarakat membuat laporan berkenaan sebarang kejadian yang boleh dianggap sebagai satu kesalahan di bawah UNCAC walaupun tanpa memberitahu identiti mereka.

Artikel 33 UNCAC pula memperuntukkan setiap negara peserta hendaklah mempertimbangkan untuk memasukkan ke dalam sistem perundangan negara masing-masing, langkah-langkah yang sesuai untuk memberi perlindungan terhadap sebarang layanan yang tidak adil kepada sesiapa yang membuat laporan dengan suci hati dan atas alasan yang munasabah berkenaan sebarang fakta yang menjadi kesalahan di bawah UNCAC kepada pihak berkuasa yang kompeten. Artikel 33 ini bukanlah peruntukan untuk melindungi saksi yang mempunyai bukti yang cukup tetapi lebih kepada melindungi pemberi maklumat yang kekurangan bukti kerana situasi yang paling ideal untuk memberi maklumat adalah bilamana seseorang pemberi maklumat melaporkan sebelum atau pada masa tindakan tidak wajar sedang dilaksanakan supaya tindakan boleh diambil untuk mencegah tindakan tidak wajar itu dari terjadi. Pemberi maklumat mungkin tidak mempunyai cukup bukti atau tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk menjadi saksi kesalahan tersebut. Apabila pemberi maklumat boleh melaporkan atas alasan yang munasabah, ini bermakna pemberi maklumat dan laporannya hendaklah dilindungi walaupun berkemungkinan laporan yang dibuat itu

Universiti Utara Malaysia

silap. Namun tidak terdapat definisi tentang apa yang dimaksudkan dengan pemberi maklumat harus melaporkan secara suci hati. Manakala layanan yang tidak adil pula tidak terhad kepada pemecatan dari jawatan atau ancaman fizikal sahaja tetapi ia mempunyai ruang lingkup yang luas iaitu termasuklah apa-apa bentuk penganiayaan yang berisiko untuk pemberi maklumat kehilangan sesuatu, contohnya dipaksa untuk meletak jawatan. Perlindungan boleh termasuk sokongan psikologi; penghargaan atau pengiktirafan dari institusi pelaporan; pemindahan pemberi maklumat dalam organisasi yang sama atau ke tempat yang lain untuk melindungi dari tindakan yang memudaratkan; pampasan dan ganti rugi sivil. Pemberi maklumat bukan hanya perlu mempunyai alasan yang munasabah untuk membuat laporan tetapi juga mempunyai niat yang baik.[244]

Artikel 37 UNCAC menyarankan negara penandatangan supaya mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menggalakkan sesiapa yang terlibat dengan kesalahan supaya memberikan maklumat-maklumat berguna kepada autoriti-autoriti yang berkenaan untuk tujuan penyiasatan dan pembuktian bagi menyekat pesalah mendapat keuntungan dari kesalahan tersebut. Malah ia juga memperuntukkan supaya meringankan hukuman atau memberi imuniti pendakwaan terhadap orang yang dituduh yang memberikan kerjasama dalam perkara tersebut.

Namun, bagi pemberi maklumat yang menjadi saksi dalam sesuatu kes, Artikel 32 UNCAC memperuntukkan bahawa negara yang menandatangani UNCAC hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya melalui perundangan domestik untuk

[244] UNCAC,26, https://www.unodc.org/documents/treaties/UNCAC/Publications/Convention/08-50026_E.pdf (diakses pada 18 April 2020)

memberikan perlindungan yang berkesan dari ancaman atau intimidasi yang bakal berlaku kepada saksi tersebut dan juga keluarga terdekatnya disebabkan kesaksian yang dilakukan mengenai kesalahan yang diperuntukkan di bawah UNCAC. Oleh itu, Malaysia telah menggubal Akta Perlindungan Saksi 2009.

Transparency International telah membuat kajian mengenai cara untuk meningkatkan perlindungan kepada pemberi maklumat. Ia meneliti semakan yang dibuat oleh UNCAC terhadap negara-negara penandatangan selama tiga tahun mengenai amalan dan perkembangan dalam perlindungan kepada pemberi maklumat. Semakan ini mendapati pelbagai cara telah digunakan oleh negara penandatangan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Namun masalah utama yang dikenalpasti adalah ketiadaan undang-undang dan sistem yang spesifik. Kalau pun ada perundangan yang spesifik tapi ia tidak terpakai kepada sektor swasta. Tujuan utama kajian Transparency International ini adalah untuk mengetahui bagaimana negara-negara penandatangan melaksanakan Artikel 33 UNCAC. Hasil kajian ini telah dibentangkan di UNCAC *Implementation Review Group* (IRG) dan *Conference of States Parties* (COSP).[245]

Antara cadangan yang dibuat oleh kajian tersebut adalah negara penandatangan harus menyemak dengan lebih ketat setakat mana sistem perundangan pemberian maklumat berfungsi. Untuk memastikan perundangan pemberi maklumat berkesan, maka perlu diambil kira beberapa perkara, antaranya adalah (i) sistem perundangan pemberian maklumat merangkumi kedua-dua sektor awam dan sektor swasta; (ii) ia terpakai juga

[245] Transparency International, Whistleblower Protection And The Un Convention Against Corruption, 4 Http://Www.Europarl.Europa.Eu/Meetdocs/2009_2014/Documents/Libe/Dv/Ti_Report_/Ti_Report_En.Pdf (diakses pada 3 Januari 2019)

untuk pegawai keselamatan, polis dan tentera; (iii) beban pembuktian memihak kepada pemberi maklumat apabila ia mendakwa berlakunya tindakan balas dibuat terhadapnya; (iv) definisi tindakan balas adalah luas dan tidak banyak limitasi; (v) perlindungan akan diberikan juga jika tindakan balas dibuat oleh rakan sekerja atau pihak ketiga; (vi) pemberi maklumat dianggap mempunyai niat yang baik; (vii) jika berlaku konflik sewaktu pemberi maklumat mendedahkan maklumat yang dikelaskan di bawah perjanjian atau undang-undang rahsia yang boleh dikenakan tindakan oleh undang-undang yang ada, maka kepentingan awam perlu diutamakan berbanding undang-undang rahsia yang ada; (viii) pemberi maklumat perlu dibenarkan mendapatkan nasihat perundangan; (ix) saluran tertentu diperuntukkan untuk pemberi maklumat membuat laporan; (x) pemberi maklumat akan diberitahu hasil siasatan; (xi) dalam keadaan yang tertentu, pemberi maklumat boleh membuat laporan pada media; (xii) harus ada institusi untuk memantau perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat; (xiii) pemberi maklumat dibenarkan untuk mendapatkan remedi di mahkamah; (xiv) laporan yang dibuat oleh pemberi maklumat mestilah disiasat; (xv) perlu ada institusi yang akan memantau perlindungan kepada pemberi maklumat; (xvi) sistem mahkamah dalam menangani kes-kes pemberian maklumat haruslah berkesan; (xvii) pampasan yang diberikan kepada pemberi maklumat tidak boleh dihadkan; (xviii) harus ada sistem ganjaran diberikan kepada pemberi maklumat; (xix) perlu diberi kesedaran kepada masyarakat mengenai perlindungan dan saluran pemberian maklumat yang ada; (xx) terdapatnya sistem ganjaran; (xxi) perlu ada kesedaran orang ramai kepada perlindungan yang diberikan dan saluran pemberian maklumat; (xxii) tidak boleh ada keadaan di mana saluran untuk melaporkan maklumat adalah tidak aktif atau tidak telus dan (xxiii) masalah beban pembuktian yang ditanggung oleh pemberi maklumat untuk membuktikan di mana pemecatan atau tindakan balas

Universiti Utara Malaysia

terhadap pemberi maklumat adalah atas alasan lain dan bukannya disebabkan oleh maklumat yang diberikan.

Penggubalan undang-undang adalah permulaan kepada perlindungan kepada pemberi maklumat. Semakan terhadap undang-undang yang sedia ada perlu dibuat untuk melihat kesan praktikal sewaktu undang-undang tersebut beroperasi. Untuk itu, perlu diambil kira perkara-perkara berikut: (i) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan undang-undang pemberi maklumat diketahui umum; (ii) perlu ada kajian dibuat berkenaan impak perundangan tersebut; (iii) terdapat kes-kes rasuah yang ketara dilaporkan oleh pemberi maklumat; (iv) kadar laporan yang berkaitan sektor awam; (v) jumlah panggilan dari pemberi maklumat untuk mendapat nasihat; (vi) jumlah kes berkenaan perlindungan dari tindakan balas, (vii) jumlah anugerah dan pampasan yang telah diberikan kepada pemberi maklumat; (viii) contoh dasar dan prosedur pemberian maklumat oleh organisasi yang telah dilaksanakan dan (ix) pandangan masyarakat mengenai kesan perundangan pemberi maklumat yang sedia ada.

4.2.2 Penggubalan APPM 2010 di Malaysia

Pada tahun 2010, mantan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Dari GTP tersebut, dirumuskan ada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara 2010 (NKRA) yang perlu diambil berat dan salah satu dari NKRA ialah membanteras rasuah. Salah satu alat yang berkesan untuk membanteras rasuah adalah dengan pemberian maklumat oleh orang awam atau pihak-pihak tertentu berkaitan rasuah oleh pihak-pihak tertentu kepada agensi-agensi penguatkuasaan atau pihak-pihak berkuasa. Namun pemberi

maklumat akan menghadapi banyak masalah dari pemberian maklumat tersebut seperti mereka akan didakwa, diturunkan pangkat, diberhentikan kerja dan lain-lainnya. Maka kerajaan telah menggubal satu akta yang dikenali sebagai APPM 2010 bagi melindungi pemberi maklumat ini. Selain dari itu, tujuan APPM 2010 digubal adalah untuk menambah perlindungan kepada *informer* kerana mereka juga termasuk dalam kategori pemberi maklumat dan undang-undang ini selaras dengan peruntukan 33 dan 37 UNCAC.

APPM 2010 telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan berkuatkuasa pada 15 Disember 2010. Ianya mengambil model rangka kerja perlindungan maklumat England dan Amerika.[246] Ia sepatutnya dilaksanakan oleh semua agensi yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Tujuannya adalah untuk memerangi rasuah dan membanteras salah laku dalam sektor awam dan sektor swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah. Ia menggalakkan dan memudahkan pendedahan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar di bawah APPM 2010 dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pemberian maklumat yang telah dibuat oleh mereka. Ia juga bertujuan supaya pendedahan yang dibuat disiasat dan diuruskan. Negara yang mempunyai undang-undang yang khusus untuk melindungi pemberi maklumat, akan mempunyai hanya sedikit kes berkaitan salah laku dan salah urus.

[246] Leo Desmond Pointon dan Jeong Chun Phuoc, *Whistlebower Protection Law, Cases and Commentary* (Malaysia: Dolphin Press Sdn Bhd, 2012),3.

4.3 Pemakaian APPM 2010

Akta ini terpakai kepada mereka yang berada dalam sektor awam dan swasta dan semua badan, agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan badan swasta seperti syarikat. Ia adalah suatu akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, untuk melindungi orang yang memberi maklumat itu daripada tindakan yang memudaratkan, untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya. Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi remedi. Namun pemberi maklumat hanya dilindungi undang-undang apabila mereka menggunakan saluran yang betul untuk mendedahkan salah laku.

4.3.1 Definisi Penting APPM 2010

Pemberi maklumat

Seksyen 2 APPM 2010 mendefinisikan pemberi maklumat sebagai orang yang membuat pendedahan kelakuan tak wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 APPM 2010. Definisi ini sangat luas kerana pertamanya pemberi maklumat termasuklah seseorang awam yang memberikan maklumat kerana ingin menyekat salahlaku yang telah, sedang atau akan berlaku demi kepentingan awan di mana saja. Kedua, seorang saksi penting terutamanya dalam perbicaraan kes jenayah terancang

atau bersindiket juga dianggap sebagai pemberi maklumat walaupun beliau dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009. Ketiga, kebanyakan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan sebagainya mempunyai *informer* yang memberi maklumat kepada mereka berkaitan kes-kes dalam penyiasatan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut.

Penyelidikan ini menfokuskan pemberi maklumat sebagai seseorang yang membuat pendedahan berkaitan kelakuan tak wajar di dalam sesebuah organisasi yang melibatkan kemudaratan kepada kepentingan awam, serta pendedahan itu dibuat kepada seseorang yang boleh mengambil tindakan supaya salah laku itu diberhentikan jika sedang berlaku atau diambil tindakan jika ianya sudah berlaku atau menyekatnya dari berlaku jika salah laku itu masih belum berlaku. Penyelidik berpendapat perkataan penggerak etika adalah lebih tepat digunakan bagi menggambarkan perkara di atas, namun tesis ini masih mengekalkan pemberi maklumat dalam penyelidikan ini kerana akta masih menggunakan perkataan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Agensi penguatkuasa

Seksyen 2 APPM 2010 memberi tafsiran agensi penguatkuasaan sebagai:

a. Mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk satu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

b. Satu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan atau penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

c. Satu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan dan undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

Agensi penguatkuasaan ialah mana-mana kementerian, jabatan atau agensi di peringkat persekutuan dan negeri yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah mana-mana undang-undang sedia ada, antaranya Jabatan Polis Diraja Malaysia, SPRM, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, pihak-pihak berkuasa tempatan dan lain-lain. Manakala BHEUU dipertanggungjawabkan sebagai agensi penyelaras.

Bagi tujuan penyelidikan ini, agensi penguatkuasaan adalah semua agensi-agensi penguatkuasaan yang telah diisytiharkan oleh kerajaan sebagai agensi penguatkuasaan yang dipantau oleh BHEUU.

Pemberi maklumat boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan sama ada secara lisan atau bertulis. Jika ianya secara lisan, maka pegawai penguatkuasa di agensi penguatkuasaan hendaklah membuatnya dalam bentuk bertulis.

Kelakuan tidak wajar

Seksyen 2 APPM 2010 menyatakan kelakuan tidak wajar ialah apa-apa kelakuan yang jika terbukti, boleh menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah. Kesalahan tatatertib adalah tindakan yang melanggar tatatertib dalam badan awam atau badan swasta dan ianya hendaklah diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam satu tatalaku, kod etika, pekeliling atau kontrak kerja. Manakala kesalahan jenayah pula adalah kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang jenayah di Malaysia seperti Kanun Keseksaan. Kelakuan tidak wajar menurut APPM 2010 adalah terlalu teknikal dan merumitkan kerana merangkumi kelakuan yang melanggar undang-undang, kod tatatertib, kod etika, pekeliling atau kontrak pekerjaan atau apa-apa yang berkenaan. Mungkin terdapat keadaan di mana pemberian maklumat adalah perlu tetapi pada masa yang sama, tidak ada undang-undang yang nyata, kod atau kontrak yang dilanggar. Malah, orang awam juga tidak dapat membayangkan undang-undang atau kod mana yang telah dilanggar, namun yakin bahawa kelakuan oleh seorang pekerja atau majikan adalah salah dan menimbulkan ancaman kepada orang lain. Sesetengah keadaan mungkin tidak mempunyai perundangan atau kod yang tersurat yang dilanggar atau jika ada pun, ia mungkin sukar untuk dikenal pasti pelanggaran tersebut. Walaupun terdapat salah laku, agensi penguatkuasa boleh untuk memberi perlindungan atau menyiasat perkara tersebut.

Tindakan yang memudaratkan

Seorang pemberi maklumat mungkin akan diambil tindakan balas dalam bentuk tindakan yang memudaratkan oleh pesalah laku bila mendapat tahu berkenaan pemberian maklumat yang dibuat. Seksyen 2 APPM 2010 menyatakan “tindakan yang

memudaratkan" termasuklah (a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan; (b) ugutan atau gangguan; (c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan (d) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c).

Remedi

Mengikut seksyen 15 APPM 2010, apabila permintaan dibuat oleh pemberi maklumat bahawa tindakan yang memudaratkan sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar telah diambil terhadapnya dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan oleh agensi penguatkuasaan berkaitan hasil penyiasatan atau pemberi maklumat bimbang bahawa tindakan yang memudaratkan sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar akan diambil terhadapnya pada bila-bila masa, maka agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi ganti rugi atau pampasan; injunksi; atau apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah. Pemberi maklumat atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat berhak membuat tuntutan remedi tersebut. Jika mereka bercadang menuntut remedi melalui orang lain selain agensi penguatkuasaan, mereka hendaklah memberitahu agensi penguatkuasaan tentang cadangan itu. Maka agensi penguatkuasaan boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk melepaskan dirinya atau sebaliknya berhenti daripada mewakili pemberi maklumat atau sesiapa yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat dan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh agensi

Universiti Utara Malaysia

penguatkuasaan perlu diganti oleh pemberi maklumat atau sesiapa yang berkaitan dengannya.

Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan remedi sebagai tuntutan ganti rugi atau pampasan; injunksi; atau apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah yang dibuat oleh pemberi maklumat atau sesiapa saja yang ada kaitan rapat dengannya atau sesiapa saja yang mewakilinya, terhadap tindakan balas pihak tertentu yang memudaratkan apabila pemberi maklumat membuat pendedahan berkenaan kelakuan tidak wajar sesuatu pihak. Tuntutan remedi ini boleh dibuat pada bila-bila masa.

4.3.2 Prosedur Pendedahan Maklumat Yang Perlu Dipatuhi oleh Pemberi Maklumat

Sekiranya seorang pemberi maklumat mempunyai maklumat mengenai kelakuan tidak wajar mengenai majikannya atau sesiapa saja, dia perlu atau boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, SPRM, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan sebagainya. Agensi penguatkuasaan tidak akan menolak pendedahan tersebut atas dasar "*no wrong door policy*". Ia bermaksud jika seorang pemberi maklumat datang memberi maklumat berkaitan kelakuan tak wajar sesuatu pihak, maka kakitangan agensi penguatkuasaan tidak boleh menyatakan bahawa maklumat itu tiada kaitan dengan mereka dan membiarkan pemberi maklumat kebingungan untuk menyalurkan maklumat itu kepada pihak mana. Agensi penguatkuasaan berkenaan harus menghubungkan pemberi maklumat dengan saluran yang sesuai serta memastikan

Universiti Utara Malaysia

maklumat dapat disampaikan secara berkesan dan lancar.[247] Pendedahan maklumat boleh dibuat secara lisan atau bertulis melalui e-mel, telefon atau surat tetapi pemberi maklumat tetap perlu hadir untuk pengesahan. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengubahnya ke dalam bentuk bertulis. Untuk melindungi pemberi maklumat, pegawai yang diberi kuasa akan menghubungi pemberi maklumat untuk menghadiri temu janji supaya perlindungan di bawah APPM 2010 dapat dilaksanakan.

Tanggungjawab agensi penguatkuasaan adalah seperti berikut:

(i) Menerima dan menyiasat pendedahan kelakuan tidak wajar;

(ii) Menguatkuasakan perlindungan kepada pemberi maklumat;

(iii) Menerima dan menyiasat aduan mengenai tindakan yang memudaratkan;

(iv) Menguruskan aduan tindakan yang memudaratkan;

(v) Memaklumkan hasil siasatan kepada pemberi maklumat; dan

(vi) Mengemukakan laporan secara berkala kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Universiti Utara Malaysia

Syarat-syarat perlindungan:

(i) Identiti pemberi maklumat didedahkan kepada agensi penguatkuasaan berkenaan bila ia melaporkan sesuatu tindakan tidak wajar. Pemberi maklumat yang tidak mahu identitinya diketahui (tanpa nama) akan dilayan laporannya oleh agensi penguatkuasaan tetapi dia tidak akan mendapat perlindungan di bawah APPM 2010.

[247] Wendy Anderson, "What do "no wrong door" and "warm hand-off really mean", Children and Youth services Network, 19 ogos 2013, http://www.hpechildrenandyouth.ca/2013/08/what-does-no-wrong-door-and-warm-hand-off-really-mean/ (diakses pada 5 Ogos 2018)

(ii) Pemberi maklumat mesti hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai agensi penguatkuasaan sama ada di pejabat atau mana-mana tempat yang dijanjikan.

(iii) Jika laporan kelakuan tidak wajar dibuat melalui panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas, e-mel atau surat, maka pemberi maklumat perlu menyatakan identitinya seperti nama dan alamat atau cara bagaimana beliau dapat dihubungi.

4.3.3 Perlindungan dan Remedi

Perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat adalah perlindungan yang melibatkan maklumat sulit, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.

Universiti Utara Malaysia

4.3.3.1 Jenis-jenis Perlindungan

Perlindungan yang diberikan merangkumi tiga perkara seperti berikut:

(i) Perlindungan maklumat sulit. Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah. (Sekyen 7(1)(a) APPM 2010) Sebagai contoh, maklumat mengenai identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat pekerjaan dan lain-lain

(ii) Kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan terhadap pemberi maklumat. Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut. (Sekyen 7(1)(b) Akta APPM 2010) Sebagai contoh, seseorang

pemberi maklumat, tidak boleh disaman atau didakwa oleh pihak yang telah didedahkan kelakuan tidak wajarnya; dan

(iii) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat. (Sekyen 7(1)1 APPM 2010). Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/hubungan dengan pemberi maklumat (Sekyen 7(3) APPM 2010). Sebagai contoh, seorang pemberi maklumat telah memberi maklumat mengenai perbuatan rasuah majikannya. Jika majikannya ingin mengambil tindakan balas seperti membuang kerja si pemberi maklumat itu, maka pemberi maklumat itu adalah dilindungi di bawah akta ini.

Seksyen 8 APPM 2010 pula menyatakan pemberi maklumat dan sesiapa saja yang mendapat maklumat dari pemberi maklumat haruslah menjaga kerahsiaan maklumat tersebut beserta dengan identiti pemberi maklumat. Pendedahan maklumat ini boleh dikenakan tindakan RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada 8 Januari 2020, Pengarah SPRM, Puan Latheefa Koya telah mendedahkan nama dua puluh individu termasuk beberapa tokoh asing yang perbualan mereka dirakam, sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut dalam rakaman perbualan berkaitan skandal dana 1MDB dan SRC pada sidang media. Senarai itu diperoleh daripada sembilan set rakaman perbualan berdurasi 45 minit. Rakaman percakapan yang didedahkan itu berlaku antara 5 Januari hingga 29 Julai 2016, diperoleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada awal

tahun 2020 daripada pemberi maklumat dan ia yakin rakaman tersebut adalah tulen. Perbuatan ini adalah bertentangan dengan seksyen di atas dimana maklumat sulit oleh pemberi maklumat harus dilindungi. Ini berkemungkinan akan memberi kesan yang negatif kepada pemberi maklumat yang mahukan maklumat tersebut dilindungi dan juga memberi kesan yang tidak baik kepada masyarakat di mana seseorang mungkin tidak akan menggalakkan pemberian maklumat kerana maklumat rahsia telah didedahkan kepada umum.[248]

4.3.3.1.1 Had Perlindungan Pemberi Maklumat dan Pembatalan di Bawah APPM 2010

Pemberi maklumat sudah menikmati perlindungan pada saat dia mendedahkan kelakuan tidak wajar di bawah APPM 2010. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan di bawah seksyen 11 Akta ini. Antara sebab-sebab pembatalan perlindungan adalah :

i. pemberi maklumat sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar itu;
ii. pemberi maklumat sengaja membuat pernyataan palsu;
iii. pendedahan adalah remeh atau menyusahkan;
iv. pendedahan mempersoalkan merit dasar Kerajaan;
v. pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/tindakan tatatertib yang lain; dan
vi. pemberi maklumat telah melakukan kesalahan di bawah akta ini.

[248] Shamsul Kamal Amarudin (2020), BH Online, Sebahagian rakaman audio diserah kepada polis – Latheefa, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/645324/sebahagian-rakaman-audio-diserah-kepada-polis-latheefa (diakses pada 1 Februari 2020)

Sebagai contoh seorang pemberi maklumat tidak akan dilindungi APPM 2010 jika mendedahkan maklumat yang dirahsiakan dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Ini kerana seksyen 6 APPM 2010 menyatakan kalau maklumat ini dilindungi dan dilarang daripada dedahkan oleh mana-mana undang-undang bertulis, maka pemberi maklumat yang membuat pendedahan kepada pihak berkuasa tidak akan dilindungi.

Jika dilihat pada had perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat, maka dapat disimpulkan walaupun akta ini menggalakkan pemberian maklumat dengan memberi pelbagai perlindungan, namun pada masa yang sama ia juga membataskan pemberian maklumat dengan mengadakan berbagai halangan. Dapat dilihat bahawa APPM 2010 memerlukan elemen suci hati dari pemberi maklumat walaupun tidak dinyatakan secara jelas, contohnya seseorang yang terlibat dengan kelakuan tak wajar tidak akan dilindungi, walaupun biasanya mereka yang terlibat yang akan mengetahui berlakunya kelakuan tak wajar itu dan juga pendedahan yang dibuat bagi mengelakkan daripada dibuang kerja atau dikenakan tindakan tatatertib. APPM 2010 tidak mengambil kira jika maklumat yang hendak didedahkan itu mungkin boleh menyelamatkan nyawa atau keharmonian negara yang lebih penting tetapi tidak akan mengambil maklumat jika didapati niat pemberi maklumat itu tidak suci hati dalam pemberian maklumat. Perlindungan juga tidak akan diberikan kepada sesiapa yang mendedahkan merit dasar kerajaan walaupun ianya mungkin memudaratkan keharmonian negara. Apatah lagi jika ia perkara yang dianggap menyusahkan dan meremehkan bagi pihak agensi penguatkuasaan untuk membuat penyiasatan. Penyelidik merasakan APPM 2010 perlu meminda seksyen 11 yang boleh menghalang seseorang dari memberi maklumat sedangkan ianya adalah maklumat yang penting untuk kesejahteraan masyarakat umum dan negara.

Universiti Utara Malaysia

Daripada analisa yang dibuat, didapati APPM 2010 mempunyai kelebihan dari sudut ianya adalah akta spesifik yang terperinci berkaitan perlindungan pemberi maklumat untuk kedua-dua sektor awam dan swasta, perlindungan daripada tindakan sivil dan jenayah serta tindakan yang memudaratkan dan memperuntukkan remedi yang boleh dituntut. Untuk memberi motivasi kepada pemberian maklumat, seksyen 26 akta yang sama yang berkaitan dengan ganjaran boleh dipinda dengan memberikan beberapa peratus seperti lima belas peratus dari wang yang kerajaan dapat balik hasil daripada membawa kes berkaitan maklumat yang diberikan ke mahkamah. Jika tiada sebarang hasil yang didapati dari mahkamah, maka ditetapkan julat hadiah yang akan diberikan kepada pemberi maklumat.

Permasalahan yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat pula adalah berkaitan beberapa peruntukan, antaranya saluran pemberian maklumat yang diberikan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 sahaja. Oleh itu dicadangkan supaya diadakan satu saluran khas yang bertindak seperti pusat sehenti atau Ombudsman dimana semua maklumat disalurkan di sini dan maklumat tersebut kemudiannya akan disalurkan pula kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk dibuat siasatan. Ini untuk mengelakkan kekeliruan yang timbul kerana terlalu banyak tempat yang harus dipilih untuk memberi maklumat atau pemberi maklumat meragui ketelusan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut. Ini dapat disaksikan dalam kes Rokiah Mhd Noor lwn Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll, Dr Milton Siew Wah lwn Majlis Perubatan Malaysia, Mohd Rafizi Ramli lwn PP dan kes-kes lain.

Universiti Utara Malaysia

Seksyen 6 akta yang sama juga mengecualikan perlindungan apabila maklumat yang diberi dihalang pendedahannya oleh akta-akta lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan akta-akta lain. Oleh itu dicadangkan supaya fasal ini dibatalkan kerana ia secara tidak langsung menghalang pemberian maklumat walaupun akibatnya boleh membawa kesan yang tidak baik kepada masyarakat seperti kes 1MDB dimana berbilion-bilion wang negara telah disalahgunakan.

Terdapat juga banyak pengecualian terhadap perlindungan pemberian maklumat dinyatakan di bawah seksyen 11(a) hingga (f), APPM 2010. Antaranya, pendedahan maklumat dibuat untuk mengelakkan dari dikenakan tindakan tatatertib, pendedahan maklumat yang remeh, pemberi maklumat juga menyertai tindakan tidak wajar, maklumat yang melibatkan merit atau dasar kerajaan. Dicadangkan supaya semuanya dibatalkan iaitu perlindungan maklumat masih diberikan bila berlaku perkara-perkara tersebut kecuali 11(b) yang mengecualikan perlindungan kepada pemberi maklumat yang sengaja membuat suatu pernyataan pendedahan kelakuan tidak wajar yang dia tahu atau percaya ianya tidak benar. Perbuatan seperti ini akan menyusahkan pihak agensi-agensi penguatkuasaan dan melambatkan kerja-kerja mereka.

Universiti Utara Malaysia

4.3.3.2 Remedi yang Boleh Diperolehi

Seseorang pemberi maklumat atau orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat boleh menuntut remedi melalui agensi penguatkuasaan sekiranya tindakan memudaratkan telah dikenakan terhadapnya. Mereka boleh menuntut remedi dalam masa tiga bulan dari tarikh agensi penguatkuasaan memaklumkan hasil siasatan yang menunjukkan tindakan yang memudaratkan telah diambil terhadap mereka sebagai tindak balas terhadap pendedahan kelakuan tidak

wajar[249] atau pemberi maklumat boleh pada bila-bila masa membuat tuntutan jika bimbang tindakan yang memudaratkan akan diambil terhadapnya[250].

Remedi[251] yang boleh dituntut oleh pemberi maklumat ialah dalam bentuk :

i. Ganti rugi atau pampasan;

ii. Injunksi (tegahan); atau

iii. Relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Seksyen 18 APPM 2010 memperuntukkan "Mahkamah mempunyai kuasa untuk membuat perintah berikut terhadap orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan: (a) perintah membayar ganti rugi, pampasan, kos, bunga atau apa-apa bentuk relief kewangan yang lain kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat iaitu; (b) perintah injunksi yang menghalangnya daripada meneruskan, mengulangi, mengancam untuk meneruskan atau mengulangi, mengambil, menyebabkan atau mengakibatkan tindakan yang memudaratkan diambil terhadap pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu dengan apa-apa cara; dan (c) apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah".

i. Ganti rugi atau pampasan

Hak seseorang pemberi maklumat atau orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu untuk membawa prosiding bagi ganti rugi tidak akan menjejaskan hak atau remedi lain yang boleh dituntut oleh mereka di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.[252]

[249] Seksyen 15(1)(a) APPM 2010
[250] Seksyen 15(1)(b) APPM 2010
[251] Seksyen 15 APPM 2010
[252] Seksyen 16(2) APPM 2010

ii. Injunksi (tegahan); atau

Seorang pemberi maklumat atau orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat boleh memohon injunksi. Mahkamah mempunyai kuasa memerintahkan mana-mana orang untuk menahan diri daripada meneruskan, mengulangi atau mengancam untuk meneruskan atau mengulangi tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu.[253] Sementara menunggu keputusan muktamad permohonan tersebut, mahkamah boleh memberikan suatu injunksi interim.

iii. Relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah

Mahkamah boleh melalui perintah, menghendaki ketua badan awam atau majikan atau orang lain yang berkenaan dalam badan swasta untuk mengambil segala langkah yang perlu bagi (a) membenarkan pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu kembali bertugas; (b) mengembalikan jawatan atau membayar pampasan sebagai ganti kepada pengembalian jawatan pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat; (c) membayar pampasan suatu amaun yang tidak melebihi amaun yang setara dengan saraan yang akan dibayar kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat jika tidak kerana tindakan yang memudaratkan itu; (d) membatalkan atau menghentikan apa-apa langkah atau tindakan, termasuklah tindakan tatatertib, dan membayar pampasan, suatu amaun yang tidak melebihi amaun

[253] Seksyen 17(1) APPM 2010

yang setara dengan penalti kewangan atau penalti lain yang dikenakan ke atas pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu; (e) membayar suatu amaun yang setara dengan apa-apa perbelanjaan dan apa-apa kerugian kewangan lain yang ditanggung oleh pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu akibat daripada tindakan yang memudaratkan itu kepada mereka; (f) memberikan pampasan bagi apa-apa kesakitan dan penderitaan yang timbul daripada tindakan yang memudaratkan itu kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat; (g) memberikan relief yang diperuntukkan dalam keputusan yang berkuat kuasa sebaik keputusan itu dibuat dan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu keputusan terhadap apa-apa rayuan yang dibuat terhadap keputusan itu melainkan jika – (i) mahkamah rayuan memutuskan bahawa pemberian relief itu adalah tidak wajar; atau (ii) relief yang diberikan dalam keputusan itu memperuntukkan bahawa pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat hendaklah kembali atau hadir di tempat kerja semasa tempoh menunggu keputusan apa-apa rayuan, dan ketua badan awam atau majikan atau orang lain yang berkenaan dalam badan swasta memutuskan bahawa kembalinya atau kehadiran pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat itu akan menyebabkan gangguan yang tidak wajar kepada persekitaran kerja dan dalam hal sedemikian, mereka hendaklah menerima gaji, pampasan, dan semua faedah lain daripada pelantikan atau pekerjaan semasa tempoh menunggu keputusan apa-apa rayuan; atau (h) mengambil atau melaksanakan tindakan personal atau apa-apa tindakan lain yang wajar untuk mengembalikan pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan

Universiti Utara Malaysia

dengan pemberi maklumat itu kepada kedudukan yang akan diduduki olehnya jika tidak kerana tindakan yang memudaratkan itu.[254]

Satu lagi remedi yang boleh dituntut jika pemberi maklumat atau sesiapa saja yang ada kaitan dengan pemberi maklumat dan bimbang akan dikenakan tindakan memudaratkan atau telah dikenakan tindakan memudaratkan, boleh meminta kepada agensi penguatkuasaan untuk memohon secara bertulis bagi pihaknya kepada badan awam yang berkaitan atau majikan atau badan swasta yang berkenaan untuk penempatan semula kerjanya. Jika didapati ianya praktikal untuk berbuat demikian, maka badan awam atau swasta tadi setakat yang dapat dilaksanakan membuat penempatan semula pemberi maklumat.[255]

4.3.4 Ganjaran

Agensi penguatkuasaan boleh memberi ganjaran yang difikirkan patut kepada pemberi maklumat bagi maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang membawa kepada pengesanan kes kelakuan tidak wajar atau pendakwaan terhadap orang yang melakukan kelakuan tidak wajar. Ganjaran juga boleh diberikan jika tindakan memudaratkan telah berlaku kepada pemberi maklumat disebabkan pendedahan maklumat berkaitan kelakuan tak wajar.[256]

Terdapat pemberi maklumat yang mendapat sagu hati sebanyak RM500,000 dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, cawangan Sabah untuk pemberian maklumat yang membantu membanteras penyeludupan terutamanya rokok dan minuman keras.

[254] Seksyen 18(2) APPM 2010
[255] Seksyen 19 APPM 2010
[256] Seksyen 26 APPM 2010

Pengarah di jabatan tersebut menyatakan jumlah ganjaran yang diberikan bergantung kepada ketepatan maklumat yang diberikan dan nilai rampasan. Dia juga menyatakan pemberian maklumat dari orang awam sangat menggalakkan dan mengakui kepentingan peranan yang dimainkan oleh pemberi maklumat.[257]

4.4 Tanggungjawab Agensi Penguatkuasaan

Agensi penguatkuasaan bertanggungjawab untuk menerima dan menyiasat aduan pendedahan kelakuan tidak wajar serta memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Ia juga perlu menerima aduan dan menyiasat mengenai tindakan memudaratkan yang akan, sedang atau telah dikenakan kepada pemberi maklumat serta menguruskan tindakan yang memudaratkan tersebut. Hasil siasatan yang dilakukan harus dimaklumkan kepada pemberi maklumat. Akhirnya laporan secara berkala hendaklah dikemukakan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.[258]

4.5 Bahagian APPM 2010 yang Selari dengan UNCAC

Malaysia telah menggubal APPM pada tahun 2010 seperti saranan UNCAC dalam Artikel 33. Bagi memastikan keberkesanan APPM 2010, Malaysia telah memasukkan peruntukan-peruntukan yang berikut:

(i) perlindungan ke atas pemberi maklumat di sektor awam dan swasta,

(ii) penyediaan saluran tertentu untuk pemberi maklumat membuat laporan iaitu agensi-agensi penguatkuasaan yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan yang telah ditetapkan

[257] BH Online, 29 Julai 2015, Pemberi maklumat bantu kastam banteras kegiatan penyeludupan di Sabah, https://www.bharian.com.my/node/70825 (diakses pada 10 Disember 2016)
[258]Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, http://www.bheuu.gov.my/index.php/arkib/arkib-berita/56-perlindungan-pemberi-maklumat (diakses 22 November 2020)

untuk menerima laporan yang diberikan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pejabat Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, SPRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia,

(iii) agensi-agensi penguatkuasaan juga dihendaki menyiasat laporan yang diterima oleh pihak mereka dari pemberi maklumat dan memaklumkan hasil penyiasatan tersebut,

(iv) perlindungan yang diberikan adalah perlindungan maklumat sulit,

(v) pemberi maklumat mempunyai kekebalan dari tindakan sivil dan jenayah dan

(vi) pemberi maklumat juga dilindungi dari tindakan yang memudaratkan . Setakat ini, hanya satu kes yang telah dibicarakan di bawah APPM 2010 iaitu kes Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd.[259] dan satu kes lagi masih dalam perbicaraan iaitu kes Wafiy Abdul Aziz[260].

Universiti Utara Malaysia

4.6 Bahagian yang Tidak Selari dengan UNCAC

(i)Artikel 33 UNCAC menyatakan seorang pemberi maklumat harus mempunyai niat yang baik untuk membuat laporan tetapi APPM 2010 tidak menyebut langsung berkaitan dengan niat pemberi maklumat sama ada suci hati atau tidak. Ini bermaksud niat pemberi maklumat tidak diambil kira. Sama ada pemberi maklumat mempunyai niat yang baik atau jahat, agensi penguatkuasaan harus menyiasat apabila laporan dibuat. Namun seksyen 11 APPM 2010 menghendaki perlindungan pemberi maklumat

[259] (2018) 6 CLJ 397

[260]Azizi Ahmad, "Pemberi maklumat wajar dilindungi, bukan dihukum," BH Online, 24 September 2020 https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/09/734578/pemberi-maklumat-wajar-dilindungi-bukan-dihukum (diakses 7 Januari 2021)

dibatalkan apabila pemberi maklumat terbabit dalam kelakuan yang tidak wajar atau dengan sengaja memberi maklumat yang palsu atau tujuan utama maklumat diberi adalah untuk mengelak daripada dibuang kerja atau diambil tindakan tatatertib.

(ii)Walaupun Artikel 33 UNCAC menyatakan laporan patut disalurkan kepada pihak berkuasa yang berkelayakan tetapi perlu diambil kira juga berkenaan dengan kewibawaan, ketelusan dan keaktifan pihak-pihak berkuasa tersebut. Ini kerana pemberi maklumat tidak mungkin akan melaporkan rasuah atau salahlaku jika mereka terpaksa menggadaikan nyawa, pekerjaan atau harta mereka. Contohnya, Jabatan Imigresen mencatatkan indeks rasuah tertinggi di kalangan agensi penguatkuasaan pada 2014. Malah Malaysian *Corruption Barometer* 2014 menyenaraikan parti politik adalah paling banyak melakukan rasuah, diikuti oleh Jabatan Polis Diraja Malaysia dan penjawat awam. Apabila agensi penguatkuasaan tidak telus, pemberi maklumat akan teragak-agak untuk membuat laporan.[261] Pemberi maklumat hanya dibenarkan untuk melapor kelakuan tak wajar atau rasuah kepada agensi-agensi berkenaan sahaja. Laporan kepada pihak selain daripada agensi-agensi tersebut seperti di media adalah tidak dibenarkan.

(iii)Pemberi maklumat tidak akan mendapat perlindungan dari APPM 2010 jika membuat laporan berkaitan dengan maklumat yang secara khususnya telah dinyatakan di bawah akta-akta lain sebagai rahsia . Sedangkan antara saranan oleh IRG dan COSP adalah untuk memastikan keberkesanan undang-undang pemberi maklumat, bila mana pemberi maklumat melaporkan maklumat yang dikelaskan sebagai sulit di bawah undang-undang lain, maka kerajaan harus menimbang sama ada mengutamakan

[261] Hakimi Ismail,"Jabatan Imigresen Catat Indeks Rasuah Tertinggi," Utusan.com, 2 Disember 2014, http://www.utusan.com.my?berita/nasional/jabatan-imigresen-catat-indeks-rasuah-tertinggi-1.31690(diakses 17 Oktober 2019)

kerahsiaan di bawah undang-undang lain tersebut atau maklumat yang dilaporkan oleh pemberi maklumat demi menjaga kepentingan awam. Kes di Malaysia berkaitan perlindungan pemberi maklumat menunjukkan sebaliknya, jika berlaku percanggahan antara kepentingan awam dan maklumat yang patut dirahsiakan di bawah sesuatu akta, maka maklumat rahsia tersebut adalah diutamakan. Ini dapat dilihat dalam kes Mohd Rafizi Ramli lwn PP[262] dimana dia telah didakwa di bawah seksyen 97, Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 di Mahkamah Sesyen yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda RM3 juta atau kedua-duanya sekali kerana mendedahkan empat dokumen profil pelanggan Public Bank berkaitan penyata baki akaun syarikat National Feedlot Corporation (NFCorp), National Meat and Livestock Sdn Bhd, Agroscience Industries Sdn Bhd dan pengerusi NFCorp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail yang dituduhnya menyalahgunakan wang kerajaan. Kesemua dokumen tersebut adalah rahsia di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1949. Mohd Rafizi telah dijatuhkan hukuman penjara 30 bulan. Bekas kerani bank, Johari Mohamad yang memberi Salinan dokumen-dokumen yang berkaitan kepada Mohd Rafizi juga didakwa bersubahat dengan Mohd Rafizi. Berikutan itu, Mohd Rafizi telah disaman oleh Datuk Seri Mohd Ismail Salleh dan mahkamah mengarahkan Mohd. Rafizi membayar ganti rugi kepada kerana fitnah yang dilakukan.

[262] Supra 39

Bagi penyelidik, konsep pemberian maklumat adalah dimana seorang memberikan maklumat yang disyaki boleh membawa kepada pihak kerajaan membuat penyiasatan kerana kemungkinan melibatkan kemudaratan kepada pihak ketiga atau orang awam atau negara. Maklumat yang diberikan tidak semestinya betul, ia harus disiasat oleh pihak yang menerima maklumat tersebut. Ini menunjukkan seorang pemberi maklumat tidak akan diberi perlindungan, sebaliknya boleh didakwa kerana membocorkan rahsia di bawah sesuatu akta. Perkara yang sama terjadi dalam kes Khairul Azwan bin Harun lwn Mohd Rafizi Ramli[263]dimana Mohd Rafizi telah didakwa apabila beliau mendedahkan beberapa pembelian harta telah dibuat di Australia oleh MARA yang menyebabkan ketirisan RM63 juta dan menamakan Khairul Azwan sebagai seorang yang boleh menjawab bagaimana keadaan itu berlaku. Walaubagaimanapun Hakim Mahkamah Tinggi, Nantha Balan memutuskan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Mohd Rafizi adalah termasuk dalam komen yang adil iaitu untuk kepentingan awam. Hakim Nantha Balan menyatakan Mohd Rafizi sebagai pembayar cukai prihatin ke mana duit kerajaan disalurkan. Dia tidak menuduh Khairul Azwan yang menyelewengkan wang kerajaan tetapi hanya menyatakan Khairul Azwan mungkin tahu ke mana hilangnya wang tersebut kerana beliau adalah seorang yang dipertanggungjawabkan ke atas wang itu.

4.7 Kajian Kes

Jadual4.1
Kajian Kes

Kes-kes pemberian maklumat	Dilindungi oleh APPM 2010	Tidak dilindungi oleh APPM 2010

[263] (2016) 9 CLJ 858

Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd (2018)	Ya	
Dr Milton Lum Siew Wah lwn. Majlis Perubatan Malaysia (2020)		-Pendedahan maklumat kepada Majlis Perubatan Malaysia yang dikatakan sebuah badan disiplin, bukannya agensi penguatkuasaan di bawah APPM 2010.
Wafiy Abdul Aziz		Tiada *prima facie*
Hakim Dato' Abdul Hamid Sultan Abu Backer		-Pendedahan melalui affidavit
Rokiah Mhd Noor lwn. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll		-Pendedahan maklumat kepada Lembaga SSM dan Perdana Menteri(PM), Timbalan Perdana Menteri(TPM) dan Ketua Setiausaha Kerajaan(KSU). - Walaupun pendedahan maklumat kepada Lembaga SSM dilindungi oleh APPM 2010 tetapi pendedahan kepada PM, TPM dan KSU tidak dilindungi oleh APPM 2010.
PP lwn Mohd Rafizi Ramli (2 kes)		-Pendedahan maklumat kepada wartawan dan media (suratkhabar) -Pendedahan maklumat berkaitan (i) dokumen

Universiti Utara Malaysia

		(penyata kewangan) perbankan tidak dilindungi APPM 2010 kerana ia maklumat rahsia di bawah Akta Perbankan & Institusi Kewangan 1989 dan (ii) 1 mukasurat dari dokumen 1MDB yg diaudit tidak dilindungi kerana dokumen rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
Khairul Azwan bin Harun lwn Mohd Rafizi Ramli (2016)		-pendedahan kepada media maka tidak dilindungi oleh APPM 2010 tetapi hakim bebaskan dari tuduhan fitnah atas pengecualian memberi komen yang adil (seorang pembayar cukai yang risau wang kerajaan disalahgunakan).
Datuk Najib Razak dan Datin Rosmah Mansor menyaman Rafizi Ramli		-kenyataan pada awam (forum) namun tuduhan ditarik balik.
Lembaga Tabung Angkatan Tentera menyaman Rafizi Ramli		-kenyataan kepada media (kaitan LTAT dan 1MDB) namun saman ditarik balik.
Tabung Haji menyaman Rafizi		-kenyataan kepada media -kemukan representasi kepada Jabatan Peguam

Universiti Utara Malaysia

		Negara untuk kaji semula pertuduhan pada 2019
Abdul Rahman Dahlan lwn Mohd. Rafizi Ramli		-kenyataan kepada media tetapi didapati ianya adalah kenyataan tidak benar.
Nor Salwani Muhammad (2019)		-menjadi saksi berkaitan pengubahan dalam laporan 1MDB, tidak dilindungi APPM 2010 kerana pengecualian di bawah seksyen 6 iaitu tidak dilindungi jika mendedahkan apa yg dilarang oleh undang-undang bertulis (Akta Rahsia Rasmi 1972).
Mohd Asri Hamid (2020)		-pendedahan melalui video di mukabukunya mengenai perjudian haram dan penjualan rokok seludup.
Xavier Andre Justo (2019)		Pemberi maklumat warga asing.
Pemberi maklumat tanpa nama seperti kes Sivagangga, wanita Perak yang makan di kedai dengan memakai gelang merah jambu yang dia sepatutnya melalui kuarantin dan sebagainya.		-tidak dilindungi kerana tidak diketahui identiti oleh agensi penguatkuasaan.

Universiti Utara Malaysia

Analisa

Terdapat dua kes yang dibawa ke mahkamah mengguna pakai APPM 2010 iaitu kes Syed Omar Syed Agil yang dilindungi di bawah APPM 2010 dan kes Wafiy Abdul Aziz yang didapati kes *prima facie* tidak berjaya diwujudkan oleh pendakwaan, walaupun akta tersebut telah sepuluh tahun digubal. Selain kes itu, semua kes-kes di atas tidak dilindungi oleh APPM 2010 kerana pemberi maklumat memberikan maklumat kepada saluran yang tidak dibenarkan oleh APPM 2010 seperti kepada badan disiplin (kes Dr Milton Lum Siew Wah) atau media (kes-kes Rafizi Ramli dan Asri Janggut) ataupun memberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan dan juga kepada bukan agensi penguatkuasaan (kes Rokiah Mhd Noor). Terdapat juga pemberi maklumat yang tidak dilindungi kerana termasuk dalam pengecualian APPM 2010 iaitu bila mendedahkan maklumat yang dilarang oleh undang-undang bertulis yang ada (kes Nor Salwani Muhammad). Kebelakangan ini terdapat ramai pemberi maklumat tanpa nama yang tidak diketahui identitinya yang memberi maklumat melalui media sosial seperti muka buku, whatsapp, Instagram dan sebagainya. Malah terdapat seorang pemberi maklumat warga asing yang mendedahkan maklumat penting penyalahgunaan wang negara.

Perbincangan

Kes Syed Omar Syed Agil[264] dilindungi oleh APPM 2010 kerana ia memberi maklumat kepada saluran yang betul iaitu SPRM dan Polis Diraja Malaysia, dua agensi penguatkuasaan yang dibenarkan oleh APPM 2010.

[264] Supra 259

Kes Rokiah Mhd Noor adalah satu kes yang tidak dilindungi dibawah APPM 2010 kerana ia menyalurkan maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang dibenarkan dan juga kepada tiga pegawai tinggi kerajaan yang tidak dibenarkan. Kemungkinan pemberi maklumat dalam kes ini merasakan tidak cukup hanya memberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sahaja kerana maklumat adalah berkaitan salah laku pegawai atasan di agensi penguatkuasaan itu. Maka pemberi maklumat juga melaporkan maklumat tersebut kepada tiga pegawai atasan kerajaan pada masa itu iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha. Malangnya dengan membuat laporan kepada tiga pegawai atasan tadi menyebabkan pemberi maklumat tidak dilindungi oleh APPM 2010. Mungkin juga pemberi maklumat tidak ada kesedaran berkaitan APPM 2010 kerana maklumat boleh diberikan kepada banyak lagi agensi penguatkuasaan lain seperti SPRM dan Polis Diraja Malaysia dan lain-lain untuk membolehkan dirinya dilindungi atau dia tidak mempercayai ketelusan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Enam kes lain yang tidak dilindungi oleh APPM 2010 adalah berkaitan pemberi maklumat Mohd Rafizi Ramli daripada parti pembangkang pada waktu pemberian maklumat tersebut. Semua maklumat yang diberikan adalah melalui media, sidang akhbar, forum dan muka buku. Maklumat ini boleh diakses oleh orang awam. Pemberi maklumat mungkin berbuat demikian kerana mempunyai persepsi jika dibawa pada saluran yang betul iaitu agensi penguatkuasaan, kes tidak akan disiasat kerana agensi penguatkuasaan terletak di bawah kawalan kerajaan yang memerintah sedangkan maklumat yang diberikan adalah berkaitan pegawai-pegawai dan institusi penting kerajaan. Namun sebagai seorang ahli politik, dia juga mungkin tahu bahawa maklumat yang didedahkan seperti penyata kewangan bank dan sehelai halaman audit

1MDB akan menghilangkan perlindungan yang boleh didapati dari APPM 2010 kerana termasuk dalam maklumat yang tidak dibenarkan pendedahan sama sekali walaupun pendedahan maklumat itu untuk kepentingan negara.

Kebelakangan ini, wujudnya ramai pemberi maklumat tanpa nama yang merahsiakan identiti mereka walaupun kepada agensi penguatkuasaan. Mereka biasanya mendedahkan maklumat salah laku tersebut melalui media sosial seperti pemberi maklumat untuk kluster Sivagangga di Kedah.

Terdapat seorang pemberi maklumat yang bukan warganegara Malaysia iaitu Xavier Andre Justo[265] yang memberi maklumat berkaitan salah guna wang negara. Sama ada dia dilindungi atau tidak oleh APPM 2010 tidak diketahui kerana APPM 2010 tidak menyentuh langsung berkaitan warganegara asing memberi maklumat, apatah lagi maklumat tersebut diberikan di luar Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

4.7.1 Kes Pemberi Maklumat yang Dilindungi oleh APPM 2010

Sejak APPM 2010 dikuatkuasakan hingga sekarang, terdapat dua kes di bawah akta ini. Pertamanya, kes Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd.[266]Plaintif adalah seorang Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd (IPB). Beliau telah membuat laporan kepada SPRM dan Polis Diraja Malaysia mengenai kelakuan tak wajar oleh beberapa orang pekerja di IPB. Disebabkan laporannya itu, beliau telah diambil beberapa tindakan disiplin termasuklah diberi notis siasatan dalaman dan digantung kerja pada Oktober, 2015

[265]Swissinfo.ch,"1MDB whistleblower under investigation in Switzerland," 14 Februari 2019, https://www.swissinfo.ch/eng/corruption_1mdb-whistleblower-under-investigation-in-switzerland/44756374 (diakses 7 Jun 2020)
[266] Supra 259

walaupun kontraknya berakhir pada Ogos 2016. Maka beliau telah memohon perlindungan di bawah seksyen 10(1), 3 dan 7 APPM 2010. Beliau berjaya mendapatkan perintah dari Mahkamah Tinggi supaya majikannya membatalkan notis penyiasatan dalaman terhadapnya. Hakim memutuskan IPB gagal membuktikan yang tindakan memudaratkan diambil terhadap plaintif bukanlah sebagai membalas tindakan plaintif mendedahkan perkara tersebut kepada SPRM dan Polis Diraja Malaysia. Ini kerana tindakan yang memudaratkan itu diambil selepas kehadiran kedua-dua agensi penguatkuasaan tersebut ke IBP untuk membuat siasatan. Malah tiada bukti menunjukkan sebarang penyiasatan atas salahlaku atau tindakan disiplin diambil terhadap plaintif sebelum kehadiran kedua-duanya ke IBP.

Kes yang kedua adalah kes Wafiy Abdul Aziz mahkamah mendapati kes *prima facie* tidak berjaya diwujudkan oleh pendakwaan iaitu mengenai pemberi maklumat yang diberhentikan kerja kerana memberi maklumat.[267]

Universiti Utara Malaysia

4.7.2 Kes Pemberi Maklumat yang Tidak Dilindungi oleh APPM 2010

Walaupun terdapat dua kes yang dibawa ke mahkamah di bawah APPM 2010, namun terdapat juga pemberi maklumat yang mendedahkan kelakuan tak wajar di pihak kerajaan tetapi tidak dapat memohon perlindungan di bawah APPM 2010 kerana tidak mematuhi kelayakan sebagai pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Persamaan yang ada pada semua kes ini adalah mereka tidak menyalurkan maklumat pada agensi penguatkuasaan.

[267] Supra 260

4.7.2.1 Dr Milton Lum Siew Wah lwn. Majlis Perubatan Malaysia[268]

Seorang pengamal perubatan dan pakar obstetrik dan sakit puan yang menjadi perunding pelawat kepada Hospital Assunta telah menerima rekod-rekod perubatan sulit berkaitan ringkasan klinikal dan butir-butir pesakit yang telah meninggal dunia dari pengamal perubatan yang bertanggungjawab di hospital tersebut. Oleh kerana ia bertentangan dengan Peraturan Perubatan 1974 iaitu perlanggaran kerahsiaan, maka pengamal perubatan tersebut telah membuat aduan kepada Majlis Perubatan Malaysia. Pada tahun 2011, hospital telah menamatkan kontraknya. Disebabkan tidak berpuas hati, dia telah membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi menyatakan kontraknya ditamatkan kerana aduan yang dibuatnya. Mahkamah Tinggi membenarkan tuntutan tetapi telah diketepikan oleh Mahkamah Rayuan atas alasan dia bukan pemberi maklumat yang dilindungi oleh APPM 2010 kerana Majlis Perubatan Malaysia adalah sebuah badan disiplin dan bukannya agensi penguatkuasaan seperti yang dinyatakan di bawah APPM 2010.

Universiti Utara Malaysia

4.7.2.2 Rokiah Mhd Noor lwn. Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll[269]

Faktanya adalah Perayu dilantik ke jawatan tetap perkhidmatan sivil Malaysia pada tahun 2002 sewaktu berkhidmat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pada 30 Disember 2011, perayu menerima opsyen persaraan pada umur 60 tahun iaitu pada Disember 2015 bawah Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Menteri telah melantik perayu sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada April 2008 menurut seksyen 11(4) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) bagi tempoh tiga tahun dan kemudian

[268] Supra 34
[269] (2018) 5 CLJ 162

dilanjutkan sehingga 5 Disember 2013. Namun, perayu telah dimaklumkan oleh Menteri bahawa kontrak perkhidmatannya telah ditamatkan dan perlantikan beliau sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif responden kedua dibatalkan, kedua-duanya selaras dengan s. 11 (1) (b) Akta 614 berkuat kuasa dari 1 Disember 2012 atas tindakan disiplin kerana melanggar peraturan 3(2)(d) atau (g) Jadual Kedua kepada Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Perayu telah dituduh sebagai penulis bersama sepucuk surat bertajuk "Integriti dan Krisis Kepimpinan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia" yang dialamatkan kepada Lembaga SSM (responden kedua) dan salinan kepada pihak ketiga termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan ketua Setiausaha Kerajaan. Jawatankuasa Tatatertib (Kes Khas) mendapati perayu bersalah menurut seksyen 8 (3) Akta 605. Perayu mencabar kesahan pemecatannya di Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa Jawatankuasa Tatatertib (Kes Khas) telah mematuhi keperluan statutori dan menolak permohonan perayu. Rayuan perayu kepada Mahkamah Rayuan juga ditolak. Oleh itu, perayu mendapatkan kebenaran membela diri dan mengemukakan soalan undang-undang di mana bolehkah Menteri, di bawah seksyen 11 Akta 614, apabila membatalkan pelantikan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang telah ditetapkan oleh beliau sehingga 5 Disember 2013, pada masa yang sama boleh menamatkan pekerjaan perayu (Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran) sebagai pekerja atau pegawai responden kedua.

Mahkamah memutuskan bahawa Menteri yang melantik perayu di bawah seksyen 11 Akta 614 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif hanya berkuasa untuk membatalkan pelantikan perayu sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sahaja dan bukannya membatalkan pekerjaan perayu sebagai Pengarah Pendaftaran Perkhidmatan responden kedua. Ini adalah berdasarkan Perkara 135 Perlembagaan

Persekutuan yang memperuntukkan ahli perkhidmatan awam tidak boleh dibuang kerjanya atau diturunkan pangkat oleh pihak yang di bawahnya yang mana, pada masa pembuangan kerja atau penurunan pangkat, mempunyai kuasa untuk melantik ahli perkhidmatan dengan pangkat yang sama. Oleh itu perayu sepatutnya bersara daripada perkhidmatan responden kedua apabila mencecah umur 60 tahun. Lagipun, responden kedua adalah pihak berkuasa yang melantik dan oleh itu adalah pihak yang boleh membuang kerja. Menurut seksyen 6 dan peraturan 39 Akta 605, kuasa membuang kerja diwakilkan pada Lembaga Tatatertib yang boleh membuang kerja perayu. Menteri hanya berkuasa untuk menerima dan menolak cadangan Lembaga Tatatertib, untuk melantik atau membatalkan pelantikan perayu sebagai Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif. Menteri tiada kuasa sebenar atau yang diwakilkan untuk membuang kerja perayu. Lembaga Tatatertib mendapati perayu bersalah dan membuat cadangan kepada Menteri untuk membatalkan pelantikan perayu sebagai Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif dan membuang kerjanya, yang mana diterima Menteri. Tanpa kuasa untuk melaksanakan kuasa Lembaga Tatatertib berkaitan dengan pembuangan kerja, pembuangan kerja perayu oleh Menteri adalah batal. Responden kedua diperintahkan membayar kepada perayu: (i) gaji pada gred terakhirnya bagi tempoh dari tarikh pembuangan kerja sehingga 5 Disember 2015; dan (ii) kesemua ganjaran dan faedah pencen dikira seolah-olah perayu bersara pada 5 Disember 2015.

Perayu sepatutnya menghantar surat yang ditulis berkaitan integriti SSM kepada agensi penguatkuasaan untuk mendapatkan perlindungan di bawah APPM 2010. Malangnya perayu telah menghantar beberapa salinan surat tersebut kepada beberapa orang yang menyebabkan dia tidak boleh dikategorikan sebagai pemberi maklumat yang boleh dilindungi di bawah APPM 2010.

4.7.2.3 Mohd Rafizi Ramli

Seorang pemberi maklumat yang banyak memberi maklumat adalah Mohd Rafizi Ramli. Beliau adalah seorang ahli politik PKR yang banyak melaporkan maklumat berkaitan kelakuan tak wajar beberapa orang penting di jabatan kerajaan Malaysia sewaktu beliau menjadi ahli pembangkang.

Kes pertamanya melibatkan pendedahan empat dokumen profil pelanggan Public Bank iaitu penyata baki akaun syarikat National Feedlot Corporation (NFCorp), National Meat and Livestock Sdn Bhd, Agroscience Industries Sdn Bhd dan pengerusi NFCorp Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail yang dikatakan menyalahgunakan wang kerajaan. NFCorp telah diberikan pinjaman oleh kerajaan Malaysia sebanyak RM250 juta untuk mengoperasikan Pusat Fidlot Nasional. Mohd Rafizi mendedahkan dokumen tersebut kepada perunding media Yusuf Abdul Alim dan kepada wartawan The Star, Erle Martin Carvalho. Mohd Rafizi telah didakwa pada Ogos 2012 di bawah seksyen 97(1) dan seksyen 112(1)(c) Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 di Mahkamah Sesyen yang boleh dihukum di bawah seksyen 103(1)(a) di bawah akta yang sama yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda RM3 juta atau kedua-duanya sekali. Ianya adalah kesalahan kerana mendedahkan kesemua dokumen yang sepatutnya adalah dokumen yang patut dirahsiakan mengikut Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989. Kerani Public Bank yang bernama Johari Mohamad, 44, juga dituduh bersubahat dengan Mohd Rafizi. Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan terhadap Mohd Rafizi kerana dia memberikan salinan dokumen tersebut kepada Mohd Rafizi. Namun Mohd Rafizi telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dan dia telah dibebaskan atas alasan seksyen

64 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan kandungan dokumen mesti dibuktikan dengan keterangan primer dimana pihak yang bergantung kepadanya mesti menunjukkan kandungan dokumen yang asli iaitu ianya ada dan tersedia. Keterangan sekunder kandungan dokumen tidak boleh diterima bila adanya kandungan primer/asli. Dokumen yang diberikan kepada mahkamah dalam kes ini adalah dokumen sekunder iaitu dokumen yang telah dibuat salinan fotostat.[270]

Daripada pendedahan maklumat yang dibuat oleh Mohd Rafizi di atas, pengerusi NFCorp, Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail telah didakwa atas tuduhan pecah amanah pada tahun 2012 kerana membeli dua unit kondominium menggunakan wang NFCorp sebanyak RM9.7 juta dan memindahkan RM40 juta ke akaun National Meat and Livestock Sdn Bhd, syarikat kepunyaan beliau dan anaknya. Walau bagaimanapun, beliau telah dibebaskan daripada tuduhan pecah amanah yang bernilai RM 49.7 juta tersebut.[271] Hakim mahkamah Sesyen tidak memberi alasan pembebasan tersebut tetapi membebasnya setelah peguam Datuk Seri Mohamad Salleh dan timbalan pendakwa raya bertemunya di kamar hakim. Terlebih dahulu, mahkamah telah diberitahu bahawa Peguam Negara telah bersetuju membebaskan Datuk Seri Mohamad Salleh setelah surat representasi dihantar ke pejabatnya.[272] Sebaliknya, Datuk Seri Mohamad Salleh telah menyaman Mohd Razifi atas tuduhan fitnah dan Mohd Rafizi telah diarahkan untuk membayar gantirugi RM200,000 dan kos RM100,00.[273]Mohd Rafizi telah membuat rayuan terhadap kes ini dan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan dibuat dan mengetepikan keputusan Mahkamah

[270]Mohd Rafizi Ramli & Anor v.PP(2020)1CLJ 439
[271] V. Angabalan. (2015) NFCorp Chairman Salleh freed of RM49.7m CBT charges. Http://www.theedgemarkets.com/article/nfcorp-chairman-salleh-freed-rm497m-cbt-charges (diakses 7 Julai 2018)
[272] ibid
[273] Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor v. Mohd Rafizi Ramli & Anor (2017) 7 MLJ 150

Tinggi terhadap Mohd Rafizi dengan kos RM110,000. Mahkamah juga mengeluarkan perintah sampingan supaya semua wang yang dibayar oleh perayu kepada responden dikembalikan dalam masa 30 hari dan rayuan balas diberhentikan.[274]

Keduanya, Mohd Rafizi juga pernah dikenakan hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen kerana mendedahkan halaman 98 laporan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tanpa kelulusan di satu sidang media, yang melanggar seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972[275]dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengekalkan hukuman tersebut.[276]Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan mengetepikan hukuman penjara dan mengarahkan beliau berkelakuan baik selama dua tahun dan membayar jaminan RM10,000 bersama seorang penjamin. Ini kerana dokumen tersebut bukan lagi menjadi rahsia kerajaan dan tidak mendatangkan musibah kepada negara.[277]

Ketiganya adalah kes Khairul Azwan bin Harun lwn Mohd Rafizi Ramli[278], dimana Mohd Rafizi telah didakwa apabila beliau mendedahkan dalam satu sidang akhbar pada tahun 2015 berkaitan beberapa pembelian harta telah dibuat di Australia oleh Majlis Amanah Rakyat yang menyebabkan ketirisan RM63 juta dan menamakan Khairul Azwan sebagai seorang yang boleh menjawab bagaimana keadaan itu berlaku. Di dalam kes ini, Hakim Mahkamah Tinggi, Nantha Balan telah memutuskan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Mohd Rafizi adalah termasuk dalam komen yang adil iaitu

[274] Mohd Rafizi Ramli v. Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor (2020) 1 CLJ 498
[275] Mageswari, M. (2016) Rafizi Dihukum Penjara 18 Bulan, http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2016/11/14/rafizi-dipenjara-18-bulan/ (diakses 17 Disember 2018)
[276] Siti Nurazlinee Azmi (2017). Hukuman penjara 18 bulan Rafizi kekal, https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/08/316335/hukuman-penjara-18-bulan-rafizi-kekal (diakses pada 5 April 2019)
[277] Murni Wan Omar (2018). Rafizi terselamat hukuman penjara, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/432721/rafizi-terselamat-hukuman-penjara (diakses pada 11 Ogos 2020)
[278] Khairul Azwan Harun v. Mohd Rafizi Ramli (2016) 9 CLJ 858

seorang warganegara yang prihatin tentang kemungkinan wang negara telah disalah gunakan. Oleh itu beliau dibebaskan dari tuduhan memfitnah. Hakim mengarahkan Khairul Azwan membayar RM73,000 kepada Mohd Rafizi.

Keempat, kes melibatkan mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Najib Razak dan isteri Datin Rosmah Mansor yang telah memfailkan saman fitnah ke atas Mohd Rafizi pada tahun 2015 kerana membuat kenyataan yang memalukan mereka dalam satu forum mengenai subsidi minyak di Bandar Tun Razak pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, mereka telah menarik balik tuduhan tersebut dan diarahkan membayar kos RM20,000 kepada Mohd Rafizi dan Chan Chee Kong, tuan punya Media Rakyat pada tahun 2018.[279]

Kelima, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah memfailkan saman fitnah terhadap Rafizi Ramli pada tahun 2016 kerana mengeluarkan kenyataan (i) 'Bayaran Gratuiti Pesara Angkatan Tentera Lewat: LTAT Perlu Dedahkan Risiko Kewangan Akibat 1MDB", (ii) kenyataan melalui laman web Malaysiakini yang bertajuk 'Rafizi: *I have the document showing LTAT's link to 1MDB'* dan iii) Mohd Rafizi mengulangi kenyataan sama di laman Facebooknya bertajuk 'Laporan Ketua Audit Negara Ke Atas 1MDB Mengesahkan 1MDB Kesan Masalah Kewangan 1MDB Ke Atas LTAT'. Namun LTAT telah menarik balik saman tersebut pada Mei, 2018 di mana kedua-dua pihak merekodkan persetujuan tanpa kos dan tidak boleh memfailkan semula kes itu.[280]

[279] Channel NewsAsia, 2018, Najib, Rosmah to pay RM20,000 costs after dropping defamation suit against rafizi, news portal https://www.channelnewsasia.com/news/asia/najib-rosmah-to-pay-rm20-000-cocts-after-dropping-defamation-10470816 (diakses 27 Mei 2020)

[280] Murni Wan Omar, 2018, LTAT Tarik balik saman terhadap Rafizi Ramli, https://wwwbharian.com.my/berita/kes/2018/05/427238/ltat-tarik-balik-saman-terhadap-rafizi-ramli

Keenam, Mohd Rafizi telah disaman memfitnah Tabung Haji pada tahun 2016 di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan. Namun disebabkan pertuduhan tersebut tidak jelas maka pindaan dibuat terhadap tuduhan tersebut di mana beliau menyatakan (i) rizab Tabung Haji mengalami defisit selama dua tahun berturut-turut menyebabkan Tabung Haji tidak mampu membayar semula kepada pendeposit jika mereka semua mahu mengeluarkan simpanan secara serentak, (ii) keuntungan RM 3.53 bilion yang diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, tidak mengambil kira kerugian akibat kejatuhan saham dan bon sekuriti Tabung Haji dalam pelaburannya dan (iii) Tabung Haji membayar bonus melebihi pendapatannya pada 2012 dan 2014 yang mana bonus 2012 dibayar sempena pilihanraya umum yang semakin hampir, sementara bonus 2014 disebabkan kerajaan perlu meyakinkan orang ramai yang isu 1MDB tidak menjejaskan pasaran kewangan tempatan. Disebabkan kenyataannya ini, 3954 pendeposit Tabung Haji telah menutup akaun kerana hilang keyakinan. Sehari selepas kenyataan itu dikeluarkan, pendeposit telah mengeluarkan sebanyak RM118.7 juta daripada akaun mereka. Mohd Rafizi telah mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara bagi mengkaji semula pertuduhan yang dihadapinya itu pada Januari 2019.[281]

Akhirnya, pada sidang akhbar Disember 2017, Mohd Rafizi telah menyatakan kontrak Ekspo Negaraku oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) 2017 telah diberikan kepada adik kepada Abdul Rahman, seorang menteri yang menjaga UPE. Hakim memerintahkan Mohd Rafizi membayar kos RM20,000 dan kedua-dua pihak bersetuju

[281] Adam Abu Bakar, 2018, Keputusan Rafizi fitnah Tabung Haji 25 September, https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/28/keputusan-kes-rafizi-fitnah-tabung-haji-25-september/ (diakses pada 30 Januari 2020)

untuk Mohd Rafizi membaca kenyataan maaf di mahkamah kerana didapati dakwaan Mohd Rafizi adalah tidak benar dan beliau mengakuinya.[282]

Analisis Kes Mohd Rafizi Ramli

Daripada kes-kes di atas, di dapati bahawa seorang pemberi maklumat yang mendedahkan rahsia kerajaan, secara amnya tidak akan diberi perlindungan oleh negara. Sebaliknya dia akan didakwa di bawah akta-akta yang berkaitan dengan kerahsiaan maklumat negara. Ada masyarakat yang menganggap pemberi maklumat sebagai pembelot negara kerana mendedahkan rahsia negara dan ada juga yang menganggap dia sebagai pemberi maklumat atau hero yang mendedahkan kesalahan besar yang dilakukan oleh kerajaan. Namun berlainan pula dengan kes Mohd Rafizi di mana beliau adalah seorang ahli politik. Sebelum PKR memenangi pilihanraya di Malaysia, Rafizi didakwa dan disaman atas berbagai tuduhan yang kebanyakannya tewas dalam perbicaraan tersebut. Namun setelah PKR menang dan menjadi parti pemerintah, banyak tuduhan ke atasnya digugurkan dan hukuman yang dikenakan kepadanya diringankan. Ini dapat dilihat kepada hukuman penjara yang dikenakan terhadapnya kerana mendedahkan maklumat rahsia kerajaan telah ditukarkan kepada berkelakuan baik selama dua tahun.

Jika dikaji kes-kes Mohd Rafizi yang memberi maklumat berkaitan NFCorp, mendedahkan satu halaman laporan audit 1MDB dan pembelian harta oleh Majlis Amanah Rakyat di Australia, dia sudah pasti tidak akan mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 kerana dia tidak memenuhi syarat-syarat di bawah peruntukan

[282] Maizatul Nazlina. (2018). "Rafizi says sorry to Rahman Dahlan, ordered to pay RM20,000 in defamation suit," https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/03/rafizi-says-sorry-to-rahmandahlan-ordered-to-pay-rm20000-in-defamation-suit/ (diakses 25 Julai 2020)

APPM 2010. Antara syaratnya yang pertama adalah seorang pemberi maklumat hanya dibenarkan untuk melapor kelakuan tidak wajar kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dinyatakan di dalam APPM 2010 sahaja. Laporan kepada selain daripada agensi-agensi penguatkuasaan tersebut adalah tidak dibenarkan. Mohd Rafizi telah mendedahkan maklumat tersebut kepada wartawan media. Sebagai seorang ahli pembangkang kepada kerajaan pada waktu itu, berkemungkinan dia tidak melaporkan kepada agensi penguatkuasaan kerana agensi itu adalah jentera kerajaan dan dirasakan akan memihak kepada kerajaan. Keduanya, pemberi maklumat juga tidak boleh mendedahkan maklumat yang secara khususnya telah dinyatakan di bawah akta-akta lain sebagai maklumat yang harus dirahsiakan walau memudaratkan kepentingan negara seperti laporan audit yang dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan dokumen bank di bawah seksyen 97 Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 yang melarang sesiapa yang mempunyai akses kepada data akaun pelanggan daripada mendedahnya kepada pihak ketiga tanpa kebenaran.

Universiti Utara Malaysia

LTAT dan Datuk Najib Razak telah menarik balik saman fitnah terhadap Mohd Rafizi. Andaian yang boleh dibuat terhadap penarikan balik saman itu adalah sama ada (i) Mohd Rafizi mempunyai kemudahan untuk mengakses dokumen yang diklasifikasi sebagai rahsia kerajaan untuk membuktikan kejujurannya di mahkamah kerana PKR adalah kerajaan Malaysia pada waktu itu; atau (ii) berkemungkinan mahkamah berlaku berat sebelah dengan memberi kemenangan kepada Mohd Rafizi kerana beliau ahli politik PKR atau (iii) LTAT pada waktu itu di bawah penguasaan PKR, maka tuduhan terhadap Mohd Rafizi ditarik balik atau (iv) Datuk Najib Razak merasakan tiada gunanya lagi untuk meneruskan saman fitnah tersebut kerana ia tidak akan membawa apa-apa kesan terhadap partinya yang telah kalah.

Namun penyelidik berpendapat Mohd Rafizi tidak sepatutnya mengadakan sidang akhbar seperti yang dilakukan berkaitan kontrak ekspo Negaraku oleh UPE kerana beliau masih belum pasti kebenaran maklumat tersebut. Apabila seseorang pemberi maklumat memberikan maklumat yang beliau masih belum pasti kesahihannya, beliau perlu menggunakan saluran yang sesuai kecuali beliau tahu maklumatnya adalah benar. Jika hanya ingin menyampaikan maklumat yang mungkin pihak kerajaan boleh membuat penyiasatan lanjut terhadap maklumat tersebut tanpa diketahui kesahihan maklumat, maka perlulah menggunakan cara dan saluran yang bersesuaian.

4.7.2.4 Dato' Nor Salwani Muhammad

Dato' Nor Salwani Muhammad adalah seorang juruaudit yang telah meletakkan pita rakaman kecil ke dalam kotak pensil ketuanya Saadatul Nafisah, bekas ketua pasukan khas yang mengaudit 1MDB pada tahun 2016 tanpa diketahui olehnya. Dia berbuat demikian sebaik diarahkan untuk keluar dari bilik mesyuarat kerana dikatakan terlalu ramai. Dia telah merakam perbincangan antara pegawai kanan kerajaan dan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB Arul Kanda Kandasamy bagi mengeluarkan bahagian kontroversi laporan akhir audit 1MDB. Dia telah menyimpan satu laporan asal sebelum pindaan dibuat yang mana laporan tersebut telah diarahkan untuk dimusnahkan. Dato' Nor Salwani tidak boleh membuat aduan kepada mana-mana badan penguatkuasaan untuk mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 sebagai seorang pemberi maklumat kerana maklumat tersebut dikecualikan di bawah seksyen 6(1) iaitu maklumat itu tidak dilarang secara khusus oleh undang-undang bertulis. Di sini, Dato' Nor Salwani telah melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972 dan risikonya dia boleh di dakwa atas kesalahan menyimpan dan mendedahkan rahsia rasmi kerajaan

dan boleh dipenjarakan sehingga tujuh tahun.[283] Apatah lagi ianya membabitkan mantan Perdana Menteri Malaysia dan kerajaan yang memerintah pada waktu tersebut. Dato' Nor Salwani hanya mendedahkan maklumat berkenaan apabila parti PKR mengambil alih tampuk pemerintahan di Malaysia dan dia menjadi saksi di mahkamah serta dilindungi sebagai saksi dalam kes perbicaraan IMDB.

4.7.2.5 Mohd Asri Hamid

Mohd Asri Hamid atau dikenali sebagai Asri Janggut telah merakamkan dan mendedahkan melalui muka bukunya mengenai badan penguatkuasaan yang tidak mengambil tindakan terhadap aktiviti penjualan rokok seludup dan perjudian haram di Sungai Buloh, Selangor. Perkara ini telah menjadi tular. Polis Daerah Sungai Buloh dan Majlis Daerah Bandaraya Shah Alam (MBSA) menafikan perkara tersebut kerana setelah membuat serbuan, didapati bahawa semua premis yang dinyatakan telah dikosongkan.[284] Namun, penduduk setempat menyokong Asri dan menyatakan premis tersebut dikosongkan selepas berita itu tular. Oleh itu Asri telah membuat laporan kepada SPRM yang mana SPRM membuat penyiasatan terhadap pegawai dan anggota penguatkuasa yang dipercayai menerima rasuah bagi melindungi premis perniagaan haram di sekitar Sungai Buloh.[285] Asri telah dipanggil untuk berjumpa dengan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador di Bukit Aman.[286] Hasilnya, dua orang penguatkuasa dari MBSA telah direman tujuh hari kerana disyaki menerima rasuah

---

[283] Tashny Sukumaran, "Key 1MDB witness Nor Salwani Muhammad praised by Malaysians for 'pencil case' recording", (2019) This Week in Asia, https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/3038991/key-1mdb-witness-nor-salwani-muhammad-praised-malaysians-pencil (diakses 7 Disember 2020)

[284] Malaysiakini, "Polis buat 6 serbuan terhadap kegiatan perjudian di Sungai Buloh," 10 Ogos 2010.https://www.malaysiakini.com/news/537986 (diakses pada 9 Ogos 2020)

[285] Ilah Hafiz Aziz, "SPRM siasat pegawai, anggota penguat kuasa disyaki terima rasuah," BH Online, 10 Ogos 2020, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/719635/sprm-siasat-pegawai-anggota-penguat-kuasa-disyaki-terima-rasuah (diakses pada 10 Mac 2021)

[286] Raja Noraina Raja Rahim, "Asri Janggut dah jumpa KPN," 10 Ogos 2020. https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/608827/asri-janggut-dah-jumpa-kpn (diakses pada 10 Januari 2021)

bagi melindungi premis perniagaan haram di Sungai Buloh dan seorang peniaga rokok seludup berbangsa Acheh yang membayar wang rasuah tiga ratus ringgit sebulan kepada penguatkuasa.[287] Jika mengikut APPM 2010, Asri Janggut tidak akan dilindungi di bawah akta tersebut kerana dia telah mendedahkan perkara itu melalui media kepada masyarakat walaupun perkara yang sama telah diadu kepada Polis Diraja Malaysia dan SPRM. Dengan penularan berita tersebut, identitinya telah diketahui oleh pemilik perjudian haram, yang mana membahayakan nyawanya, keluarga serta pekerjanya.

4.7.2.6 Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer lwn Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim-Hakim[288]

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer, telah menghantar affidavit enam puluh lima muka surat berkenaan salah laku penghakiman yang serius. Antara salah laku tersebut adalah berkenaan dengan seorang hakim yang memegang jawatan yang tinggi dengan berleluasa mengarahkan apa yang hakim-hakim lain patut buat dan tulis. Malah dia menyatakan beberapa keadaan di mana dia dan hakim-hakim lain diganggu dan diancam untuk mempengaruhi keputusan mereka di mahkamah termasuklah dalam dua kes berprofil tinggi. Dia juga mendakwa penipuan dilakukan oleh calon politik yang membuat kontrak dengan kerajaan tetapi setelah kerajaan menarik diri, pihak swasta akan membawa kerajaan ke mahkamah untuk menuntut gantirugi. Dia memberitahu akan ceritakan semuanya di Suruhanjaya Siasatan Diraja. Mantan Naib Presiden Persatuan Peguam Malaysia pada waktu itu, Datuk Abdul Fareed Abdul Gafoor menyatakan Suruhanjaya Siasatan Diraja bukan

[287] Astro Awani, "Lindungi premis haram: Empat penguatkuasa MBSA direman tujuh hari," http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lindungi-premis-haram-empat-penguat-kuasa-mbsa-direman-tujuh-hari-254884?utm_source=insider&utm_medium=web_push&utm_campaign=12082020-lindungi_premis_haram%3A, (diakses pada 12 Ogos 2020)
[288] (2021) 8 CLJ 708

sahaja dapat menyiasat tuduhan yang dibuat, malah dapat mengesyorkan pembaharuan holistik untuk memperbaiki dan mengukuhkan badan kehakiman.[289] Suruhanjaya Siasatan Diraja tidak diwujudkan tetapi satu Jawatankuasa Etika Hakim telah dibentuk untuk menyiasat afidavit tersebut. Pada 11 Ogos 2020, Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer berkata dia menerima notis daripada Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim yang mendakwanya melanggar beberapa peruntukan Kod Etika Hakim 2019 berhubung afidavit sokongan terbabit. Pada 9 Oktober 2019, Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer telah mengajukan saman pemula terhadap jawatankuasa itu, pengerusinya dan dua peguam kerana dua orang dalam jawatankuasa itu adalah responden dalam kes berprofil tinggi tersebut. Ianya adalah satu yang salah dari segi prosedur dan melanggar keadilan asasi untuk membenarkan hakim yang terlibat dengan kes-kes tersebut berada di dalam Jawatankuasa Etika Hakim itu. Menurutnya, jawatankuasa tersebut patut dibubarkan kerana melanggar Perlembagaan, bertindak *ultra vires* dan berlawanan dengan Akta Jawatankuasa Etika Hakim 2010 dan Kod Etika Hakim 2009. Dia juga memohon perintah mahkamah supaya prosiding itu dikendalikan secara terbuka supaya masyarakat dapat menyaksikannya dan tidak secara tertutup kerana perlantikannya sebagai hakim mahkamah Rayuan dibuat oleh Yang DiPertuan Agung.[290]Namun permohonannya telah diketepikan kerana tanpa

[289] Zakiah Koya et all, "Loud calls for RCI probe," The Star, 16 Februari 2019, https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/02/16/loud-calls-for-rci-probe-we-will-study-requests-for-investigation-on-judiciary-scam-says-dr-m (diakses pada 10 Mac 2020)

[290] Hidir Reduan Abdul Rashid, "Senior judge files legal challenge against Judges Ethics Committee's quorum," 4 November 2020, https://malaysia.news.yahoo.com/senior-judge-files-legal-challenge-034500881.html?guccounter=1&guce_referrer=aHR0cHM6Ly93d3cuZ29vZ2xlLmNvbS8&guce_referrer_sig=AQAAALkEzkdR2kG-JhfCK2_9Y2jyHzI2WLrfihS-hFViyaWBNT7iuMGfsSkPoDWeBlclSh0IjsEMi1XHxpzh1WRuC9u-rFkaka4g4z2rGRos3dt9eLg8kgdTjQYPaka3NZw7zFzX8KFhCm5g3FogF0Rlc3-0Mx8cuxceXqtqVb_PPEKC (diakses pada 18 Ogos 2021)

merit pada 21 Januari 2020. Jawatankuasa Etika Hakim menggantung tugas Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer selama enam bulan sehingga 27 Ogos 2021.[291]

Jika dilihat dari kes ini, Datuk Dr Abdul Hamid Sultan Abu Backer juga tidak akan dilindungi di bawah APPM 2010 kerana dia tidak melaporkan kelakuan tak wajar kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dibenarkan di bawah akta tetapi sebaliknya melaporkan kepada pihak atasannya. Namun persoalannya di sini adalah patutkah seorang hakim melaporkan kelakuan tak wajar kepada agensi penguatkuasaan atau patut diwujudkan saluran khas bagi menangani perkara seperti ini kerana ia melibatkan satu badan yang dihormati dan dipercayai ramai dalam menangani kes-kes keadilan.

4.7.2.7 Xavier Andre Justo

Xavier Andre Justo adalah seorang warganegara Switzerland yang bekerja sebagai pengarah kumpulan tenaga di PetroSaudi International. Setelah meninggalkan Petro Saudi pada tahun 2011, dia memberikan maklumat kepada The Edge dan Sarawak Report mengenai jutaan duit yang telah dicuri dari 1MDB di bawah usaha sama dengan PetroSaudi International antara tahun 2009 dan 2011. PetroSaudi International menuduhnya mencuri maklumat tersebut tetapi dia memberitahu yang seorang pegawai teknologi maklumat syarikat tersebut memberinya maklumat itu. Dia telah dijatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun di Thailand pada tahun 2015 kerana cubaan mengugut Petro Saudi International namun telah mendapat pengampunan dari Raja di mana hukumannya dipendekkan menjadi 18 bulan.[292] Pengerusi The Edge

[291] Farah Marshita Abdul Patah, "Hakim Datuk Dr Hamid Sultan Abu Backer digantung tugas," Berita Harian, 4 Februari 2021, **https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/783123/hakim-datuk-dr-hamid-sultan-abu-backer-digantung-tugas** (diakses pada 1 Mei 2021)
[292] Supra 265

Media Group telah memberi RM8.2 juta kepada Justo atas pertolongannya mendedahkan skandal 1MDB. Pemberian itu adalah sebagai sumbangan dalam mendedahkan kleptokrasi pemerintahan kerajaan dulu.[293]Walaubagaimanapun, Pejabat Pendakwa Raya Switzerland telah membuka kertas siasatan terhadapnya di bawah seksyen 273 Kanun Jenayah Swiss kerana disyaki melakukan pengintipan ekonomi.[294]

APPM 2010 tidak mempunyai sebarang peruntukan berkaitan orang yang bukan warganegara memberikan maklumat berkaitan kelakuan tak wajar warga negara Malaysia apatah lagi jika maklumat itu diberikan di luar Malaysia walaupun ia membabitkan warga Malaysia. Jika kita lihat pada undang-undang pemberi maklumat di Amerika, ia membenarkan warganegara asing memberi maklumat berkaitan salah laku yang berlaku di syarikat-syarikat milik rakyat atau kerajaan Amerika yang berada di luar Amerika.

Universiti Utara Malaysia

4.7.3 Kes Tindakan Balas di bawah APPM 2010

Menurut Datuk Seri Azam Baki yang menjadi Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, terdapat lapan kertas siasatan dibuka berkaitan berkaitan kes pekerja dikenakan tindakan balas seperti dibuang kerja kerana memberi maklumat kepada SPRM sejak tahun 2018. Menurutnya lagi, statistik kes sebegini semakin meningkat dan SPRM membuka beberapa kertas siasatan baru berhubung kes yang sama. Jika majikan disabitkan kesalahan berkaitan kes sebegini, mereka boleh diperintahkan

[293]ChannelNewsAsia,"The Edge owner gifts RM8.2 million to 1MDB whistleblower Xavier Justo"1 Februari 2019, https://www.channelnewsasia.com/news/asia/the-edge-gifts-rm8-2-million-1mdb-whistleblower-xavier-justo-11193290 (diakses pada 10 Mac 2021)

[294] Supra 265

untuk membayar pampasan atau mengambil semula pekerja berkenaan bekerja. Masyarakat disarankan tidak takut memberi maklumat kerana akan dilindungi oleh undang-undang yang ada. Pertemuan pemberi maklumat dengan pegawai SPRM tidak semestinya di jabatan tetapi boleh diadakan di tempat yang rahsia dan selamat.[295]

Kes terbaru adalah berkaitan tindakan balas yang diambil terhadap pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Timbalan Pengarah Education Malaysia Global Services (EMGS), Wafiy Abdul Aziz yang di dakwa di Mahkamah Sesyen pada 18 haribulan September 2020 atas pertuduhan jenayah menyebabkan seorang kakitangan syarikat dipecat selepas memberi maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Dia didakwa mengambil tindakan memudaratkan seorang pemberi maklumat yang berusia 63 tahun[296] dengan menghasut Pengerusi syarikat supaya menandatangani dokumen penamatan perkhidmatan kerana mendedahkan kelakuan tidak wajarnya. Dia telah didakwa di bawah seksyen 10(3) APPM 2010 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun atau denda RM 100,000.00 atau kedua-duanya sekali. Namun pihak pendakwaan gagal untuk buktikan kes *prima facie* terhadapnya.[297]

Undang-undang pemberi maklumat di banyak negara telah memasukkan penalti sivil dan jenayah kepada sesiapa yang melakukan tindakan balas yang memudaratkan terhadap pekerja atau orang awam. *European Union Directive* yang diluluskan pada bulan Oktober 2019 menyatakan penalti pentadbiran, sivil dan jenayah adalah perlu

[295] Wan Norhayati Wan Alias, " Majikan pecat pekerja salur maklumat rasuah boleh didakwa," 11 September 2020, BH Online, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/361986/majikan-pecat-pekerja-salur-maklumat-rasuah-boleh-didakwa (diakses pada 10 Mac 2021)
[296] Supra 260
[297] Farah Marshita Abdul Patah, "Timbalan Pengarah EMGS tertuduh pertama Seksyen 10(3)(b) Akta 711," 18 September 2020, BH Online, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/732657/timbalan-pengarah-emgs-tertuduh-pertama-seksyen-103b-akta-711s (diakses pada 1 Mei 2021)

untuk memastikan perlindungan yang berkesan kepada pemberi maklumat dan ianya boleh mengurangkan tindakan balas.[298]

4.8 Pemberi Maklumat Tanpa Nama

Dengan berkembangnya teknologi, didapati trend pemberian maklumat terkini adalah pemberian maklumat tanpa nama yang dilakukan melalui media sosial seperti muka buku, whatsapp, Instagram dan suratkhabar. Pemberi maklumat ini tidak diketahui identitinya walaupun oleh agensi penguatkuasaan tetapi maklumatnya tersebar luas di media sosial. Ini dapat dilihat pada kes Nezar Mohamed Sabur Batcha yang didakwa di bawah seksyen 15(1) Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan didapati bersalah kerana tidak mematuhi perintah pengawasan dan pemerhatian selepas pulang dari India. Perbuatannya telah menyebabkan 45 orang dari negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang didapati Covid 19 positif di bawah kluster Sivagangga. Dia dihukum denda RM12,000, penjara lima bulan[299] dan Kedai Nasi Kandar Salleh yang dimilikinya tidak dibenarkan beroperasi selama-lamanya[300]. Pendedahan maklumat ini tersebar luas di media sosial tanpa diketahui siapa pemberi maklumat sebenarnya sebab dihantar secara maya melalui aplikasi platform sosial media. Malah banyak lagi kes-kes seperti ini tular di media sosial tanpa diketahui siapa pemberi maklumatnya, namun membawa kepada penahanan orang yang berkelakuan tak wajar

[298]Mark Worth, "Malaysian Company Executive Criminally Charged with Whistleblower Retaliation" 11 Disember 2020, Whistleblower Network News, https://whistleblowersblog.org/2020/12/articles/global-whistleblowers/malaysian-company-executive-criminally-charged-with-whistleblower-retaliation/, (diakses pada 19 Julai 2021)

[299]M Hifzuddin Ikhsan, "Pencetus kluster PUI Sivagangga dipenjara lima bulan, denda Rm12,000," 13 Ogos 2020, BH Online https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/720825/pencetus-kluster-pui-sivagangga-dipenjara-lima-bulan-denda-rm12000 (diakses pada 19 Julai 2021)

[300]M Hifzuddin Ikhsan, "Kedah Tak Benar Nasi Kandar Salleh Kembali Beroperasi," 10 Ogos 2020, Berita Harian, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/719773/kedah-tak-benar-nasi-kandar-salleh-kembali-beroperasi, (diakses pada 19 Julai 2021)

seperti penahanan lelaki warga emas di kawasan perniagaan Damansara Damai yang tidak mematuhi arahan kuarantin[301], penahanan lelaki cacat pendengaran berusia 43 tahun di pasaraya di Melaka di bawah seksyen 269 Kanun Keseksaan, seksyen 22(b) serta Peraturan 11(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit[302], penahanan 'Makcik gelang pink'yang berusia 72 tahun kerana tidak mematuhi perintah kuarantin di Hanaz Café yang kemudiannya membawa hukuman satu hari penjara dan denda RM8000[303].

Satu lagi kes tular adalah berkenaan pembunuhan Zulfarhan Osman, penuntut di Universiti Pertahanan Awam Malaysia (UPNM). Muhammad Aiman Aufa Asmadi Affendi, rakan sepengajiannya ternampak mangsa dalam keadaan yang terbaring dan kulitnya menggelembung serta dipenuhi darah. Dia takut identitinya diketahui untuk membuat pengaduan terus kepada jurulatih, maka dia dan Muhammad Akmal Akif Alias menulis dua pucuk surat berkenaan perkara tersebut dan meletakkannya di pagar Rumah Sakit Angkatan Tentera dan satu lagi di bawah pintu jurulatih tetapi jurulatih tersebut telah memasukkan surat ke dalam aplikasi mesej di *Whatsapp* yang menyebabkan semua yang melakukan perkara tersebut tahu, lalu memindahkan mangsa ke bilik lain.[304] Mereka cuba mendedahkan salah laku yang terjadi, malangnya mereka tidak tahu tempat yang sepatutnya maklumat patut disalurkan dan mereka juga tidak mahu identiti diketahui, jika tidak mangsa mungkin boleh diselamatkan lebih

---

301 NorAzizah Mokhtar, "Lagi individu bergelang pink ditahan,"5 oktober 2020, BH Online, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/738608/lagi-individu-bergelang-pink-ditahan, (diakses pada 19 Julai 2021)

302 Amir Mamat, "Covid 19: Lelaki pakai gelang merah jambu ditahan di pasaraya," 6 Oktober 2020, BH Online, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/738944/covid-19-lelaki-pakai-gelang-merah-jambu-ditahan-di-pasar-raya, (diakses pada 19 Julai 2021)

303 Balqis Jazimah Zahari, "Air mata "makcik gelang pink", 14 ogos 2020, BH, https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/08/721218/air-mata-makcik-gelang-pink, (diakses pada 19 Julai 2021)

304 Astro Awani, Saksi dedah tulis dua surat laying bahawa Zulfarhan Osman didera, 28 Jun 2018,https://www.astroawani.com/berita-malaysia/saksi-dedah-tulis-dua-surat-layang-beritahu-zulfarhan-osman-didera-179053, (diakses pada 19 Julai 2021)

awal. Rentetan dari kes ini, pada 31 Julai 2019, hakim Mahkamah Tinggi telah mengarahkan lima pelajar UPNM untuk membela diri atas tuduhan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan seorang pelajar atas tuduhan bersubahat membunuh di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan yang kesemuanya membawa hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan. Manakala dua belas orang pelajar lagi diarah membela diri untuk dakwaan sengaja menyebabkan kecederaan di bawah seksyen 330 Kanun Keseksaan.[305]

Terdapat banyak lagi kes-kes besar yang tular di aplikasi media sosial di mana pemberi maklumatnya tanpa nama dan tidak diketahui oleh pihak berkuasa. Malah banyak kes pembulian ditularkan di aplikasi media sosial tanpa siapa tahu pemberi maklumatnya. Ia merangkumi kes buli jalanan dan kes pembulian oleh remaja. Antaranya kes buli jalanan adalah yang melibatkan kematian Syed Muhammad Danial dimana pembulinya Yew Wei Liang didakwa di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan atas tuduhan membunuh[306]. Videonya dimuat naik di *youtube* oleh beberapa netizen yang merakamkan insiden tersebut melalui telefon bimbit. Antara kes buli oleh remaja pula adalah video yang dimuat naik menunjukkan tiga pelajar darjah enam memukul seorang rakan mereka.[307]

Walau bagaimanapun, tidak semua kes-kes yang tular di aplikasi media sosial ini adalah betul. Contohnya terdapat gambar dua pasangan kekasih yang dimuat naik

[305] Nor Azura Abdul Jalil, Sujud syukur bapa Zulfarhan, 31 Julai 2019, Metro, https://www.hmetro.com.my/utama/2019/07/481194/sujud-syukur-bapa-zulfarhan-metrotv, (diakses pada 19 Julai 2021)
[306] Malay Mail, "Driver in Bangi road rage case charged with murder," 22 Osos 2019, https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/08/22/driver-in-bangi-road-rage-case-charged-with-murder/1783017, (diakses pada 19 Julai 2021)
[307] Astro Awani, "Kes buli murid Tahun Enam, lapan Individu dipanggil polis," 16 Februari 2019, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-buli-murid-tahun-enam-lapan-individu-dipanggil-polis-198688, (diakses pada 19 Julai 2021)

melalui aplikasi media sosial memakai gelang pink dengan tulisan "Husky and The Gang" berada di kawasan letak kereta di Bukit Bendera, Pulau Pinang. Ada netizen yang mengeluarkan kata-kata kesat kepada pasangan berkenaan dimedia sosial. Setelah penyiasatan dibuat oleh pihak polis, didapati pasangan kekasih tersebut bukanlah pesakit di bawah pengawasan Covid 19 tetapi mereka dipakaikan gelang tersebut oleh pekerja syarikat haiwan peliharaan New World Park di Georgetown, Pulau Pinang.[308]

Trend pemberian maklumat tanpa nama di aplikasi media sosial ini adalah cepat, diketahui ramai serta memberi kesan yang baik dimana pihak penguatkuasa harus segera menangani maklumat tersebut kerana netizen ingin mengetahui tindakan yang diambil oleh pihak yang berwajib terhadap maklumat yang diberikan. Pihak berwajib harus telus dalam mengambil penyelesaian kerana ia diketahui oleh ramai. Namun sebaliknya, ia juga mempunyai kesan yang sangat buruk dimana pemberi maklumat tersebut tidak diketahui dan tidak dapat dipertanggungjawabkan atas maklumat yang diberikan. Maklumat tersebut belum tentu kesahihannya selagi tidak dibuat penyiasatan yang terperinci. Malah berkemungkinan juga ada antara netizen yang melihat secebis maklumat hanya di aplikasi media sosial membuat andaian yang tidak tepat atau salah berkaitan maklumat yang didapati.

4.9 Kesimpulan

APPM 2010 adalah satu akta yang digubal bagi memenuhi perjanjian UNCAC yang mencadangkan supaya negara-negara yang menjadi ahlinya mengadakan satu

[308] Malaysiakini"Gelang pink kedai haiwan disangka gelang kuarantin,"4 Ogos 2020, https://www.malaysiakini.com/news/537305, (diakses pada 19 Julai 2021)

perundangan bagi memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Pada masa yang sama, Malaysia juga mempunyai peruntukan-peruntukan pemberi maklumat dalam beberapa akta yang berlainan. Walaubagaimanapun Malaysia tidak mengambil semua peruntukan-peruntukan di dalam garis panduan yang diperuntukkan oleh UNCAC berkaitan perundangan pemberi maklumat yang baik. APPM 2010 juga menyediakan Garis Panduan APPM 2010 sebagai penjelasan kepada definisi-definisi tertentu akta tersebut. Terdapat beberapa pengecualian kepada pemberi maklumat dalam APPM 2010 yang menghalang pemberian maklumat seperti tidak dibenarkan pemberian maklumat yang disekat maklumat tersebut dari didedahkan kepada pihak ketiga oleh akta-akta atau perundangan yang ada di Malaysia, contohnya Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 tidak membenarkan sebarang rahsia pelanggan bank didedahkan kepada sesiapa saja melainkan pihak tertentu yang dinyatakan oleh akta tersebut. Pengecualian yang lain adalah berkaitan pemberian maklumat hanya boleh disalurkan ke agensi-agensi penguatkuasaan yang dibenarkan saja; pendedahan adalah remeh atau menyusahkan; pendedahan mempersoalkan merit dasar Kerajaan; pendedahan dibuat semata-mata untuk mengelak daripada dibuang kerja/tindakan tatatertib yang lain. Jika pemberian maklumat termasuk dalam pengecualian, maka pemberi maklumat tidak akan dilindungi walaupun maklumat tersebut adalah untuk kemaslahatan rakyat.

Sejak APPM 2010 digubal pada tahun 2010, hanya terdapat dua kes sahaja yang yang mengguna pakai APPM 2010. Kes Syed Omar Syed Agil pada tahun 2018 menyaksikan seorang pemberi maklumat yang mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 setelah dia dipecat dari jawatan kerana memberi maklumat berkaitan salah laku pihak atasan syarikat. Satu lagi kes adalah Wafiy Abdul Aziz yang didakwa menghasut majikannya supaya memecat seorang pemberi maklumat yang

mendedahkan kelakuan tak wajar namun mahkamah mendapati pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie*. APPM 2010 digunakan untuk melindungi pemberi maklumat hanya selepas sepuluh tahun akta ini digubal. Kes-kes lain seolah-olah menunjukkan pemberi maklumat tiada kesedaran berkaitan APPM 2010 atau mereka terpaksa mendedahkan maklumat demi kepentingan masyarakat walau mereka tahu tidak akan dilindungi oleh APPM 2010. Namun terdapat impak yang besar dari pemberian maklumat ini, contohnya Datuk Seri Najib Razak telah dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atas tujuh kesalahan membabitkan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan penggubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.[309]

Namun sejak kebelakangan ini, dapat dilihat satu trend baru pemberian maklumat yang semakin meningkat iaitu pemberian maklumat tanpa nama di aplikasi media sosial. Ianya adalah sesuatu yang baik di mana maklumat diberikan secara cepat dan diketahui oleh ramai tetapi ianya juga sangat membimbangkan kerana boleh mengelirukan masyarakat yang lain kerana maklumat yang diberikan masih belum pasti kebenarannya.

[309] Ahmad Johari Mohd Ali, "Najib dihukum penjara 12 tahun, denda 210 juta, 28 Julai 2020", BH Online, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715776/najib-dihukum-penjara-12-tahun-denda-rm210-juta, (diakses pada 10 Ogos 2021)

BAB LIMA
PEMAKAIAN APPM 2010 OLEH AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah berkaitan objektif satu, dua dan tiga iaitu untuk melihat pertindanan peruntukan undang-undang pemberian maklumat yang ada, potensi dan kesukaran yang dihadapi oleh agensi-agensi tersebut dalam menggun pakai APPM 2010 dan sejauh mana mereka mengaplikasi APPM 2010.

Bagi tujuan ini, kaedah temubual telah diadakan dengan BHEUU dan tujuh agensi-agensi penguatkuasaan. Pegawai Seksyen Dasar di BHEUU adalah bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan APPM 2010 yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan. Setakat ini, BHEUU memantau pelaksanaan APPM 2010 yang dibuat oleh tujuh agensi iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. Hasil temu bual dengan BHEUU mendapati ia cuba untuk menggalakkan dan memberi kefahaman berkaitan pemakaian APPM 2010 ini di tujuh agensi-agensi tersebut. Oleh itu tujuh agensi-agensi tersebut dipilih untuk temu bual kerana ia adalah agensi-agensi besar yang memainkan peranan penting dalam bidang masing-masing dan banyak berurusan dengan masyarakat. Walau APPM 2010 telah diperkenalkan selama dua belas tahun, namun hanya dua kes yang berkaitan pemberian maklumat dibawa ke mahkamah dan hanya satu kes yang

Universiti Utara Malaysia

dibawa oleh agensi-agensi penguatkuasaan walau terdapat banyak kes-kes seperti yang dibincang pada topik empat.

5.2 BHEUU

BHEUU adalah sebuah jabatan yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mei 1995 setelah Kementerian Undang-undang Malaysia dibubarkan. Antara objektifnya adalah untuk merancang dan membangun prasarana agensi mengikut keperluan pelanggan dan pemegang taruh, menggubal dasar dan peraturan secara efektif serta memberi perkhidmatan sokongan yang berkualiti kepada agensi-agensi. Ia mempunyai enam seksyen/unit iaitu Seksyen Pembangunan, Seksyen Dasar, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Kewangan, Seksyen Pengurusan Maklumat dan Unit Komunikasi Korporat.

Seksyen Dasar adalah seksyen yang bertugas untuk mengurus dan menyelaras penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU; menyediakan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP); menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang (JPUUM) yang mana ia mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang di Malaysia dan menyelaras pelaksanaan APPM 2010. Seksyen Dasar mempunyai seorang Ketua Penolong Pengarah dan tiga staf di bawahnya.

Universiti Utara Malaysia

Seksyen Dasar BHEUU menyelaras tujuh agensi utama iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. Ia mengadakan perjumpaan dengan pegawai pegawai agensi di atas setiap bulan untuk memberi penerangan dan penjelasan berkaitan peruntukan-peruntukan di bawah APPM 2010 dan juga Panduan Pelaksanaan Garis Panduan APPM.

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi bila menjalankan tugas penyelarasan. Pertamanya, BHEUU tidak ada kuasa untuk menyeragamkan garispanduan tersebut kerana seksyen tiga APPM 2010 telah memperuntukkan agensi penguatkuasaan hendaklah mempunyai arahan am, kawalan dan penyeliaan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan perlindungan pemberi maklumat. Seksyen empat APPM 2010 pula telah memberi kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan arahan yang bersifat am tentang perjalanan kuasa dan budibicara kepada agensi-agensi penguatkuasaan asalkan ianya selaras dengan APPM 2010.

Universiti Utara Malaysia

Kedua, ia juga tidak ada kuasa untuk memantau dengan dekat dan teliti perjalanan kuasa setiap agensi kerana seksyen lapan APPM 2010 melarang pegawai yang menerima maklumat sulit dari pemberi maklumat untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak berkuasa lain atau ia boleh didenda tidak lebih RM 50 000 atau dipenjarakan tidak lebih dari sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali.

Ketiga, kekangan dari sudut kekurangan staf dan kewangan. Ini kerana Seksyen Dasar hanya diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah dan tiga orang staf lain yang harus menyelaras APPM 2010 kepada semua agensi penguatkuasaan.

Akhirnya, tidak semua penjawat di BHEUU mempunyai latar belakang perundangan kerana mereka adalah dari Pegawai Tadbir Diplomatik. Ketua Penolong Pengarahnya bercadang menyediakan modul untuk melatih pegawai-pegawainya mengenai undang-undang pemberian maklumat.

Disebabkan kekangan diatas, ia hanya menumpukan pemantauan kepada tujuh agensi-agensi besar di atas dahulu selain dari faktor bidang pengkhususan dan rasuah yang tinggi di beberapa agensi tersebut. Setakat tahun 2019, ini adalah statistik pemberi maklumat berbanding aduan yang diterima dari tujuh agensi penguatkuasaan[310]:

Jadual 5. 1
Statistik pemberian maklumat

Tahun	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**
Aduan	1690	14007	12333	12722	12527	7507	3469	3866	5053
Pemberi maklumat	17	98	69	208	4	50	41	18	13

5.3 Tujuh Agensi-agensi Penguatkuasaan yang Dipantau oleh BHEUU

Terdapat tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang utama di Malaysia yang di pantau oleh BHEUU berkaitan dengan pemakaian APPM 2010. Tujuh agensi tersebut adalah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia. APPM 2010 hanya terpakai kepada agensi-

[310] Laman web BHEUU, Statistik, http://www.bheuu.gov.my/index.php/statistik/statistik-perlaksanaan-akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2010-akta711 (diakses pada 10 Ogos 2021)

agensi yang ada fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan sahaja. Jika tiada kedua-dua atau salah satu fungsi tersebut, maka perlu diadakan Perintah Tetap atau polisi dalaman agensi.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Ia mula beroperasi pada 16 April 2002 di mana ia adalah satu badan berkanun yang dibentuk di bawah akta parlimen hasil dari gabungan Pejabat Pendaftar Syarikat dan Pejabat Pendaftar Perniagaan di Malaysia yang mengawal selia syarikat dan perniagaan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah sebagai sebuah agensi pendaftaran perniagaan dan pemerbadanan syarikat, ia juga membekalkan maklumat berkaitan syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778), Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100), Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 (Akta 28) dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta-akta tersebut.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah perbadanan di bawah Kementerian Kewangan. Ia diperbadankan pada 1 Mac 1993 di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1993. Ia merupakan satu badan berkanun biaya kendiri yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Ia akan membuat laporan kepada Menteri Kewangan dan akaunnya dibentangkan di Parlimen secara tahunan. Ia berfungsi mengawal selia bursa-bursa dan

perkara yang berkaitan dengan sekuriti, kontrak niaga hadapan, rumah-rumah penjelasan, depositori pusat, pengambilalihan dan penggabungan syarikat-syarikat dan skim unit amanah. Fungsi lain adalah mendaftarkan prospektus syarikat selain daripada kelab-kelab rekreasi tidak tersenarai, meluluskan terbitan bon dan memberi lesen serta mengawasi semua individu yang berlesen. Ia adalah tanggungjawab yang dipikul oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam melindungi pelabur.

Selain daripada melaksanakan fungsi kawal selia, ia juga bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia.

SPRM

Sejarah SPRM bermula dengan sebuah unit kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan aktiviti pencegahan rasuah. Kemudiannya pada 1 Oktober 1967, digabungkan tiga unit iaitu Unit Pencegahan Rasuah di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Siasatan Jenayah di bawah Polis Diraja Malaysia yang menjalankan siasatan rasuah dan Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara yang membawa pendakwaan kes rasuah untuk mewujudkan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Pada 29 Ogos 1973, Akta Biro Siasatan Negara diperkenalkan lalu BPR diubah menjadi Biro Siasatan Negara (BSN). Ia telah memberi kuasa yang luas kepada BSN untuk menyiasat kes rasuah dan kes berkaitan kepentingan negara.[311]

[311] Laman web SPRM, Organisasi SPRM, https://www.sprm.gov.my/index.php/korporat/mengenai-sprm/maklumat-organisasi/organisasi, (diakses pada 10 Ogos2021)

Perubahan berlaku apabila Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 diluluskan oleh Parlimen pada 13 Mei 1982. Akta ini mengembalikan semula tugas pencegahan rasuah kepada BPR yang secara rasminya juga menggantikan BSN. BPR diberi mandat sebagai satu entiti tunggal yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah jenayah rasuah. Peranan BPR telah diperkasakan sebagai agensi penguatkuasa pencegahan rasuah negara apabila Parlimen meluluskan Akta Pencegahan Rasuah 1997.[312]

Seterusnya**,** pada tahun 2008, Parlimen bersetuju supaya satu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia diwujudkan bagi menggantikan BPR, selaras dengan hasrat masyarakat yang mahukan entiti pencegahan rasuah yang lebih bebas, telus dan profesional. Oleh itu, Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah digantikan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. SPRM mula beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2009 bersama-sama penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. Perubahan ini bertujuan meningkatkan kecekapan, keberkesanan, kebebasan dan ketelusan tindakan pencegahan rasuah di Malaysia yang mana akan menangkis persepsi negatif terhadap BPR yang dianggap tidak bebas dan tidak telus.[313]

Universiti Utara Malaysia

Justeru itu, mekanisme semak dan imbang diwujudkan melalui pembentukan lima entiti bebas iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah yang berfungsi untuk memantau, menasihati serta memastikan fungsi dan tanggungjawab SPRM dilaksanakan dengan cekap, berkesan, bebas dan telus. Keanggotaan bagi semua entiti-entiti bebas ini dipilih dari

[312] ibid
[313] ibid

individu berintegriti yang cemerlang dalam perkhidmatan dan profesion masing-masing.[314]

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah satu jabatan kerajaan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 1948 untuk seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan dikenali sebagai Jabatan Kastam dan Eksais. Apabila Semenanjung Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, berlaku perubahan pada struktur organisasinya dan berlaku lagi perubahan kali kedua struktur pada 16 September 1963 dengan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura ke Malaysia. Berlaku penstrukturan semula Jabatan Kastam Diraja Malaysia 1979. Tugasnya adalah untuk mentadbir dasar cukai tidak langsung negara, penguatkuasaan sempadan dan kesalahan narkotik. Fungsi utamanya adalah sebagai pemungut cukai import/eksport negara. Jabatan Kastam Diraja Malaysia terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Perkastaman & Cukai Dalam Negeri, Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Bahagian Penguatkuasaan / Pematuhan.[315]

Antara perundangan yang berkaitan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dan lain-lain.

Pengurusan tertingginya diterajui oleh Ketua Pengarah Kastam dan dibantu oleh 3 orang timbalan iaitu, Timbalan Ketua Pengarah Kastam Bahagian Penguatkuasaan /

[314] ibid
[315] Laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia, History, http://www.customs.gov.my/en/ci/Pages/ci_hist.aspx, (diakses pada 10 Ogos 2021)

Pematuhan, Timbalan Ketua Pengarah Kastam Bahagian Perkastaman / GST dan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia.

Jabatan Imigresen Malaysia

Jabatan Imigresen Malaysia merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jabatan Imigresen wujud sebelum perang dunia kedua lagi. Selepas perang dunia kedua, Jabatan Imigresen dikenali sebagai "*Refugees and Displaced Persons Bureau*", berpusat di Kuala Lumpur dan diketuai oleh seorang pegawai British Military Administration yang bertugas untuk membawa balik orang-orang yang terkandas di luar negara akibat Perang Dunia Kedua. Ordinan *Passenger Restriction* 1922 adalah ordinan yang pertama mengawal kemasukan ke Semenanjung Malaysia pada waktu tersebut. Ordinan *The Aliens Immigration Restrictions 1930* telah digubal untuk mengawal ketibaan buruh-buruh khususnya dari negeri China dengan menggunakan system kuota. Bila berlaku perjanjian penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan perisytiharan darurat pada tahun 1948, maka digubal undang-undang imigresen yang lebih sempurna iaitu Ordinan Passport 1949 dan Peraturan *Emergency (Travel Restriction)* 1948, Peraturan Passport 1949 dan Peraturan *Emergency (Entry By Land From Thailand*) 1949. Jabatan Imigresen diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri dan Ordinan Imigresen 1952 adalah undang-undang utama yang membuat kawalan ke atas semua warga *British* dan *Alien* ke Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.[316]

[316] Laman web Jabatan Imigresen Malaysia, https://www.imi.gov.my/portal2017/index.php/ms/sejarah-jabatan-imigresen.html, (diakses pada 10 Ogos2021)

Selepas kemerdekaan, ordinan dan peraturan lama telah dimansuhkan dan diganti dengan ordinan dan peraturan baru iaitu Ordinan Imigresen 1959, Peraturan Imigresen 1959 dan Ordinan Passport 1960 yang memberikan lebih kuasa untuk mengawal kemasukan orang asing dan pelawat ke Persekutuan Tanah Melayu.[317]

Akta *Immigration (Transitional Provisions)* 1963 digubal untuk Sabah dan Sarawak bertujuan melaksanakan kawalan kemasukan bukan warganegara dan juga warganegara dari Semenanjung Malaysia ke negeri-negeri tersebut. Pengurusan imigresen dipindahkan dari Kementerian Luar Negeri kepada Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1964. Pada tahun 1974, undang-undang imigresen telah disemak semula dan disatukan bagi memasukkan peruntukan-peruntukan khusus untuk Sabah dan Sarawak. Akta Imigresen 1959 dan akta Passport 1966 diperluaskan pemakaiannya di seluruh Malaysia.[318]

Fungsi Jabatan Imigresen Malaysia adalah mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap; mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia; mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan dan menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (pindaan 2010).[319]

[317] ibid
[318] ibid
[319] Laman web Jabatan Imigresen Malaysia, https://www.imi.gov.my/portal2017/index.php/ms/profil-jabatan/pengenalan.html, (diakses pada 10 Ogos2021)

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Sebelum 1937, pengawalan kereta motor adalah di bawah kuasa Polis Diraja Malaysia di negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Apabila Enakmen Lalulintas 1937 digubal, ditubuhkan Lembaga Pengangkutan Jalan yang berfungsi mengawal dan melesenkan perusahaan awam di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan juga Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pada tahun 1946, Pejabat Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor telah mengambil alih kuasa Lembaga Pengangkutan Jalan. Selaras dengan itu, JPJ telah ditubuhkan untuk menyelaras semua aspek berkaitan pengangkutan di seluruh Semenanjung Malaysia. Kemudiannya pelbagai akta telah digubal seperti Ordinan Lalulintas Jalan 1953 diluluskan bagi menggantikan Enakmen Lalulintas 1937. Di bawah akta ini, Bahagian Penguatkuasaan diwujudkan bagi bagi menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan. Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 digubal bagi menyeragamkan undang-undang pengangkutan negara.[320]

Universiti Utara Malaysia

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia adalah satu jabatan di bawah Bahagian Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Ia bertanggungjawab untuk melaksanakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu menyediakan perkhidmatan kaunter pendaftaran kenderaan, pelesenan pemandu dan penguatkuasaan lalu lintas jalan raya.[321]

[320] Laman web Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, Sejarah JPJ Malaysia, https://www.jpj.gov.my/web/main-site/sejarah-jpj-malaysia, (diakses pada 10 Ogos2021)

[321] ibid

Polis Diraja Malaysia

Sistem polis telah ada di zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Temenggung adalah orang orang yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman di negeri Melaka. Dia ditugaskan menangkap penjenayah, menyediakan penjara dan melaksanakan hukuman. Penghulu pula adalah wakil Sultan yang menjaga keselamatan di kampungnya. Apabila Portugis menakluk Melaka pada tahun 5011, tugas-tugas menjaga keselamatan ini diambil oleh askar-askar Portugis. Apabila Belanda menawan Melaka, tugas-tugas ini diambil alih oleh askar-askar Belanda yang dinamakan *Burgher Guard.*[322]Organisasi PDRM bermula pada 25 Mac 1807 dari Piagam Keadilan di Pulau Pinang oleh penjajah Inggeris. Ia mengguna pakai sistem tersusun dan teratur polis British ini ciptaan Sir Robert Peel pada tahun 1829. Jawatan *High Sheriff* dan *Deputy Sheriff* diadakan untuk mengawal keamanan dan keselamatan di Pulau Pinang. Kebanyakan polis adalah orang-orang Inggeris. Sistem ini berkembang di seluruh nigari Tanah melayu, namun terhad kepada negeri masing-masing. Selepas Perang Dunia ke-dua, organisasi polis yang mempunyai pentadbiran pusat ditubuhkan dan dikenali sebagai "*Civil Affair Police Force".* Pihak British memantapkan organisasi polis untuk mengatasi masalah pemberontakan komunis. Pesuruhjaya Polis Tanah Melayu memperkenalkan konsep "Sedia Berkhidmat" untuk mewujudkan persefahaman dan hormat antara polis dan masyarakat dan mengikis pandangan negatif. Organisasi ini melalui beberapa perubahan mengikut negeri dan zaman.[323]

Mengikut seksyen 3(3) Akta Polis 1967, kewajipan setiap anggota Polis Diraja Malaysia adalah untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan

[322] Polis Diraja Malaysia, https://ms.wikipedia.org/wiki/Polis_Diraja_Malaysia, (diakses pada 10 Ogos2021)
[323] ibid

keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan penjenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Misinya adalah memberi perkhidmatan professional dan berkualiti dalam melindungi negara bagi menjamin masyarakat selamat, aman dan sejahtera.[324]Malah ia mempunyai kod etika iaitu (i) setia kepada Raja, Negara dan pucuk pimpinan Pasukan; (ii) mengutamakan disiplin diri dan tugas pada setiap masa dengan tekun, tabah dan beramanah; (iii) berwibawa iaitu melaksanakan kewajipan dan kuasa dengan tegas, berani, adil dan saksama; (iv) memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, betul, terkini dan mengutamakan hak dan kepentingan masyarakat dan (v) cemerlang iaitu meningkatkan ilmu dna kemahiran, mengamalkan hidup yang sederhana, suci dan bahagia untuk mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang serta sikap positif dan proaktif bagi mewujudkan sebuah organisasi yang unggul serta peka terhadap perubahan semasa.[325]

Universiti Utara Malaysia

5.4 Temu Ramah dengan BHEUU Dan Agensi-agensi Penguatkuasaan

Temuramah telah dibuat dengan BHEUU dan tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantau olehnya berkaitan perundangan pemberi maklumat. Penyelidik memohon untuk menemuramah penguatkuasa dan pegawai undang-undang yang terlibat dengan perundangan tersebut dan menyerahkan kepada agensi-agensi berkaitan memilih responden-responden yang boleh ditemuramah. Temuramah di buat dengan seorang, dua orang, tiga orang atau sekumpulan pegawai bergantung kepada organisasi terbabit. Di bawah adalah hasil dari temuramah ini.

[324] Laman web Polis Diraja Malaysia, https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/visi
[325] Ibid

5.4.1 Maklumat Demografi Responden

Penyelidik telah menemubual dua belas orang responden yang terdiri dari lapan orang lelaki dan dua orang perempuan. Mereka terdiri dari pelbagai jawatan di lapan buah institusi dan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berbeza disebabkan institusi yang berbeza. Ada yang sudah mempunyai pengalaman yang lama iaitu 30 tahun bekerja di bidang yang sama dan ada juga yang baru dan bertukar-tukar agensi. Mereka semua pernah menjalani latihan yang berkaitan dengan bidang masing-masing dan juga kursus pemberian maklumat.

Universiti Utara Malaysia

5.4.2 Undang-undang Berkaitan Pemberian Maklumat.

Jadual 5. 2
Perundangan Pemberian Maklumat 1

	Perundangan berkaitan	**Pemberi maklumat**	**Maklumat**	**Penerima maklumat**	**Prosedur**
Agensi2	-APPM 2010 -Dasar Pemberi Maklumat Dalaman 2013 Agensi 2	-Pengadu -Pemberi maklumat (dedah maklumat kepada agensi penguatkuasaan dan juruaudit)	•Tingkah laku tak wajar di bawah APPM 2010 •Melanggar mana-mana undang-undang yang digubal atau dasar Agensi 2 •Pendedahan berkaitan dengan ketidakadilan kepada mana-mana kakitangan atau pihak luar diteruskan oleh pekerja atau pakatan sulit dengan pekerja Agensi 2	Ketua Seksyen Audit	Pemberi maklumat isi borang pemberi maklumat dalaman (https://www.ssm.com.my/ms/staff) atau memberi surat/email/secara lisan kepada Ketua Seksyen Audit Dalam dengan memasukkan secara ringkas latar belakang dan sejarah keprihatinan/kebimbangan serta sebab-sebab mengambil berat tentang maklumat yang diberikan. (sertakan tarikh, nama, masa dan maklumat-maklumat berkaitan.). -Dalam masa lima hari bekerja dari selepas laporan diterima, pemberi

			•Menjejaskan kesihatan dan risiko keselamatan, termasuk risiko kepada orang ramai serta pekerja lain secara sengaja •Berhubung dengan penyalahgunaan dana Agensi 2 sehingga memudaratkan kepentingan •Melibatkan penipuan dan rasuah •Melibatkan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi atau menyebabkan kemudaratan kepada organisasi itu		maklumat akan dimaklumkan status awal penyiasatan laporan. -Pegawai yang diberi kuasa akan bertanggungjawab memantau dan melaporkan kes-kes yang disiasat mengikut Dasar dalaman Agensi 2 kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR).

Universiti Utara Malaysia

			•Yang berkaitan dengan diskriminasi terhadap bangsa, agama, jantina atau ketidakupayaan dan •Menyembunyi maklumat secara sengaja atau berkongsi maklumat tanpa kebenaran sehingga merugikan Agensi		
Agensi3	-S140 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 -S128 (juruaudit) -S320 (juruaudit pemerbadanan tersenarai) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993	-juruaudit -orang awam	- seperti dalam APPM 2010	-Pegawai yg berkuasa terima aduan di bawah Jabatan Pelabur dan Aduan Pengguna dan Jabatan Pematuhan Dalaman.	- Borang di laman web agensi 3 - Aduan perkhidmatan di bawah Jabatan Pelabur dan Aduan Pengguna. -Aduan berkaitan staf diterima oleh pegawai pematuhan di jabatan Pematuhan Dalaman.

Universiti Utara Malaysia

	-APPM 2010(orang awam)				-Nama dan alamat pengadu dirahsiakan bila disalurkan untuk siasatan.
Agensi4	-Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 -APPM2010 -GP APPM -Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Bil 1 -Arahan Pendakwa Raya 2011	-Pengadu -*Infomer* -Pemberi maklumat	- di bawah bidang kuasa agensi - "5*Why* 1*How*"	Pegawai ada kad kuasa (*handling officer*)	-Timbal an Pengarah Operasi, Perundingan dan Pemeriksaan, Pengarah Risikan, Siasatan, Rekod & Teknologi Maklumat serta handling officer akan bermesyuarat utk tentukan siasatan. -Identiti *informer* dan pemberi maklumat dilindungi.
Agensi5	-Akta Kastam1967 -Akta Dadah Berbahaya 1952 -Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001	-Pengadu, -*Informer/ source* yang berdaftar dengan Agensi 2 di bawah S124A,	(i)Bahagian Penguatkuasaan - penyeludupan (ii)Bahagian Sumber Manusia - kelakuan tak	Semua pegawai yang diberi kuasa utk menerima maklumat	-Pegawai yg terima maklumat dari *informer* akn daftar *informer* pd Timbalan Penguatkuasaan. Maklumat akn disiasat dn pegawai-pegawai lain hanya mengenali *informer* melalui kod.

	-Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 -APPM 2010 -SOP dalaman (Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 9 Pengurusan Informer; Pengaduan e-aduan	125 Akta Kastam 1967.	wajar pegawai-pegawai di Agensi 5	melalui *informer* atau e-aduan.	-Bahagian Aduan yg terima aduan secara semuka/e-aduan guna pakai SOP Pengaduan e-awam. Pegawai yg diberi kuasa diberi kata kunci krn setiap fail adalah sulit, aduan disiasat dan pegawai di Bahagian Sumber manusia akn kendalikn setiap kes tanpa dedahkn identiti pengadu. Pegawai Integriti Negeri akn lakukn proses tindakan tatatertib jika didapati berlaku kelakuan tak wajar. -Identiti pengadu dan pemberi maklumat dilindungi.
Agensi6	• -Akta Imigresen 1956/1963,	-Pengadu -Informer	-Seperti APPM 2010 (biasanya salah laku	-Ketua Bahagian Integriti	Pemberi maklumat boleh menelefon, email, datang sendiri berjumpa pegawai atau mengisi

Universiti Utara Malaysia

	(Pindaan 2002); • -Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, • - Akta Pasport 1966 (Akta 150); • -Peraturan-peraturan Imigresen 1963;	(orang luar atau dari bahagian risikan)	pegawai dan pendatang tanpa izin.	**(**salahlaku pegawai) -Ketua penguatkuasaan (Pendatang haram tanpa izin)	secara online melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di portal Agensi 5. Maklumat berkaitan salah laku pegawai Agensi 5 akan disalurkan kepada Ketua Bahagian Integriti yang kemudiannya akan bermesyuarat dengan kumpulannya untuk membuat risikan, jika aduan hanya tohmahan semata-mata, tiada penyiasatan akan dibuat tetapi jika sebaliknya, maka aduan akan disiasat dan akhirnya pihak tadbir urus akan membuat keputusan dan mengambil tindakan. Maklumat selain dari itu, contohnya berkaitan dengan pendatang tanpa izin akan disalurkan kepada unit aduan khas dimana pegawai Agensi 5 mungkin

Universiti Utara Malaysia

	• -Pekeliling Jabatan Imigresen Malaysia; • -Perintah Am; dan • -Arahan Pentadbiran				akan menemuduga pengadu dan kemudiannya menyalurkan kepada ketua bahagian. Maklumat tersebut akan diberika kepada unit risikan bagi menentukan sama ada maklumat perlu diabaikan kerana remeh/tiada bukti atau perlu diambil tindakan. Jika perlu kepada tindakan, maka diberikan kepada Pengarah untuk kelulusan bagi membuat perintah gerakan atau operasi yang sepatutnya.
Agensi7	-Akta Pengangkutan Jalan 1987 -APPM2010 -SOP	-Pengadu -*Informer /source/tonto* yg berdaftar -Pemberi maklumat di	- di bawah bidang kuasa agensi.	-Dua orang pegawai yg dilantik utk menerima maklumat di Ibu Pejabat Agensi 7	-Ketua Integriti Negeri akn salurkan maklumat kepada pegawai menerima maklumat di ibu pejabat yg akan salurkan kpd Bahagian Korporat dan akan disalurkan pula ke Bahagian Integriti. Setiap

Universiti Utara Malaysia

		bawah APPM 2010 -orang awam iaitu rakan agensi spt myEG dn Puspakom		dan Ketua Unit Integriti Negeri di peringkat negeri.	maklumat akn disiasat sekali lalu utk pastikan ada kes oleh pegawai penyiasat di Unit Siasatan. Jika ada kes maka satu jawatankuasa dibentuk utk nilai maklumat. Maklumat disiasat ikut merit/kepentingan. Laporan siasatan akn diberikn kpd Pengarah Agensi 7. - Pengadu tidak akan dilindungi -Identiti pemberi maklumat hanya diketahui oleh ketua Integriti Negeri dn 2 pegawai di ibu pejabat yg berkuasa terima maklumat.
Agensi8	-Akta Perlindungan Saksi 2009, -APPM 2010 dan -Kanun Keseksaan,	-Pengadu (orang awam) - *Informer/source*	-di bawah didangkuasa agensi	Mana-mana pegawai yang diberi kuasa.	Tiada prosedur khas untuk seseorang memberi maklumat untuk memudahkan mana-mana orang memberi maklumat. Pemberi

Universiti Utara Malaysia

	-Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan 1950	yang berdaftar dengan Agensi8			maklumat boleh memberikan maklumat secara lisan atau bertulis kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa. Maklumat secara lisan hendaklah dibuat secara bertulis dengan segera oleh pegawai tersebut. Semua maklumat akan diterima dan perlindungan butiran pemberi maklumat akan dikuatkuasakan serta merta. Maklumat akan disalurkan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan supaya tindakan susulan dapat diambil dengan lebih proaktif. Sekiranya maklumat berkaitan salah laku yang memudaratkan, tindakan segera akan diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Universiti Utara Malaysia

Jadual 5.3
Pemberian Maklumat 2

	Remedi	**Pemberi maklumat tanpa identiti**	**Maklumat di luar kuasa Agensi**	**Bantu siasatan**	**Pemakluman kpd pemberi maklumat**
Agensi2	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akn dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya
Agensi3	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akn dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya
Agensi4	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akan dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya

Universiti Utara Malaysia

Agensi5	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akan dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya
Agensi6	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akan dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya
Agensi7	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akan dilindungi tetapi maklumat akan disiasat.	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru dari semasa ke semasa.	Ya
Agensi8	Seperti APPM 2010	Pemberi maklumat tidak akn dilindungi	*No wrong door policy* - akan disalurkan pada agensi yang ada bidangkuasa.	Beri maklumat lengkap dan maklumat baru	Ya

Universiti Utara Malaysia

		tetapi maklumat akan disiasat.		dari semasa ke semasa.	

Jadual 5.4
Halangan dan Motivasi

	Halangan pemberian maklumat	**Masalah dihadapi**	**Cadangan utk motivasikan pemberi maklumat.**
Agensi2	-Campurtangan politik -Takut implementasi sewajarnya tidak dilakukan oleh agensi penguatkuasaan. -Takut tidak diberi perlindungan. Pegawai yang diberi kuasa bocorkan maklumat.	-	Polisi kerajaan perlu sokong pemberian maklumat dan perlu ketelusan. -Pembudayaan masyarakat. -Pemerkasaan agensi penguatkuasaan –beri mandat sepenuhnya. -Perlu ada badan khas menerima maklumat yang akan salurkan kepada agensi penguatkuasaan sewajarnya.
Agensi3	-Budaya Asia – pemberi maklumat dianggap pembelot dan tidak perlu mencampuri urusan orang lain jika tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri, apatah lagi akan memudaratkan diri jika sampaikan maklumat.		-Kesedaran kepada orangramai berkaitan pemberian maklumat.

Universiti Utara Malaysia

Agensi4	-Campurtangan politik -struktur dan polisi kerajaan -sihir.	(i) Tidak cukup staf (ii)Skop tugas terlalu luas dan banyak -definisi kelakuan tak wajar terlalu luas dan subjektif -sektor awam dan swasta -dahulukan kepentingan awam, kes berprofil tinggi, berasa konkrit.	(i)Ganjaran yg lebih. (ii)Perlu ada spt Lembaga Perlindungan Saksi utk melindungi pemberi maklumat dari ancaman fizikal dan ugutan bunuh.
Agensi5	-Perasaan takut utk dedahkan maklumat -tak kisah apa yg berlaku asalkan tak menyebabkan kesusahan pd diri sendiri	-Selesa dgn akta-akta sedia ada, APPM hanya tambahan.	-Perlu ada jerayawara seluruh Malaysia memberi kesedaran dn penjelasan betapa pentingnya pemberian maklumat.
Agensi6	-Takut diambil tindakan balas	-Maklumat bocor	-Kesedaran kepada orang ramai
Agensi7	-Budaya masyarakat Asia – seseorang akan dianggap pembelot jika beri maklumat kpd agensi penguatkuasaan, apatah lagi jika ia berada dalam	-Sukar melindungi identiti pemberi maklumat kerana prosedur yg perlu melalui pelbagai peringkat.	-Ganjaran yang banyak utk menarik minat pemberi maklumat. Walaupun APPM ada memberi ganjaran tetapi ianya kuasa budi bicara sahaja.

Universiti Utara Malaysia

	organisasi yang sama dengan orang yang melakukan keadaan tak wajar itu. -tanggapan seseorang tidak perlu mencampuri urusan orang lain jika tidak memudaratkan orng tersebut, apatah lagi jika mendatangkan kemudaratan kpd diri dgn memberi maklumat tersebut.	-Walaupun identiti pemberi maklumat dilindungi dan siasatan tersembunyi tetapi masih ada orang awam yg tahu berkaitan siasatan. -APPM 2010 membatalkan perlindungan yg diberi kpd pemberi maklumat yg ada kaitan dgn kelakuan tak wajar, kebiasaannya orang yg tahu mendalam berkaitan kelakuan tak wajar adalah yg terlibat sama dgn perkara tersebut. -Seorang pemberi maklumat tidak akan dilindungi jika maklumat	-Perlu ada jerayawara seluruh Malaysia memberi kesedaran dn penjelasan betapa pentingnya pemberian maklumat. -Perlu diberitahu juga perlindungan yang diberikan kpd pemberi maklumat spy mereka merasa selamat utk memberi maklumat.

Universiti Utara Malaysia

		membabitkan Akta Rahsia Rasmi kerajaan	
Agensi8	Ianya adalah suatu yang agak sukar untuk menyembunyikan identiti pemberi maklumat kerana prosedur pemberian maklumat ini melalui beberapa peringkat. Walaupun identiti pemberi maklumat dilindungi dan siasatan dibuat secara sembunyi tetapi ada segelintir orang awam yang tahu berkaitan siasatan tersebut. Responden juga hairan macamana perkara ini boleh berlaku sedangkan semuanya dirahsiakan. APPM 2010 juga memperuntukkan pembatalan perlindungan kepada pemberi maklumat jika pemberi maklumat tersebut ada kaitan dengan kelakuan tak wajar tersebut. Biasanya,		Tahap ketelusan di dalam melindungi butiran diri pemberi maklumat dan maklumat yang didedahkan perlu dipertingkatkan. Pemberi maklumat hendaklah diberi satu jaminan bahawa butiran diri mereka tidak akan didedahkan pada mana-mana pihak supaya keselamatn diri mereka dan keluarga mereka tidak terancam. Perlu dikurangkan bilangan orang yang mengetahui berkenaan maklumat yang disampaikan. Ini kerana faktor yang memotivasikan seseorang untuk memberi maklumat adalah bilamana mereka sendiri pernah atau akan terjejas dengan salahlaku yang terjadi, demi mengelak dari berlaku perkara yang berulang, mereka perlu mengambil tindakan proaktif dengan melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan

Universiti Utara Malaysia

	orang yang tahu apatah lagi tahu dengan mendalam berkaitan kelakuan tak wajar yang berlaku adalah seseorang yang terlibat sama dengan kelakuan tak wajar itu. Tahap ketelusan di dalam melindungi butiran diri pemberi maklumat dan maklumat yang didedahkan perlu dipertingkatkan. Pemberi maklumat hendaklah diberi satu jaminan bahawa butiran diri mereka tidak akan didedahkan pada mana-mana pihak supaya keselamatn diri mereka dan keluarga mereka tidak terancam. Perlu dikurangkan bilangan orang yang mengetahui maklumat yang disampaikan. Ini kerana faktor yang memotivasikan seseorang untuk memberi maklumat adalah bilamana		

Universiti Utara Malaysia

	mereka sendiri pernah atau akan terjejas dengan salahlaku yang terjadi, demi mengelak dari berlaku perkara yang berulang, mereka perlu mengambil tindakan proaktif dengan melaporkan kepada pihak berkuasa berkenaan.		

Universiti Utara Malaysia

Analisa

Daripada Jadual 5, dapat disimpulkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan antara setiap agensi penguatkuasaan dalam menangani penerimaan maklumat dari pemberi maklumat.

Perbandingan Antara Agensi-agensi yang di Temu Bual

(i) Perundangan

Semua agensi-agensi penguatkuasaan memakai APPM 2010 dan peruntukan undang-undang lain dalam akta-akta yang berlainan yang bersesuaian dengan kes yang ditangani. Satu agensi yang menyatakan mereka kurang memakai APPM 2010 kerana undang-undang yang mereka biasa guna sebelum APPM 2010 sudah memadai dan memberi perlindungan kepada pengadu dan *informer*.

(ii) Definisi pemberi maklumat

Definisi pemberi maklumat di dalam APPM 2010 adalah terlalu luas yang mana ia merangkumi sesiapa saja yang memberikan maklumat kelakuan tak wajar kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dibenarkan di bawah APPM 2010. Sebelum APPM 2010 wujud, semua agensi-agensi penguatkuasaan telah ada orang yang memberi maklumat yang dipanggil sebagai pengadu dan juga *informer/ tonto/source*. Apabila APPM 2010 digubal, dapat dilihat berlaku kekeliruan/kecelaruan pada agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan siapa pemberi maklumat. Tiga agensi mempunyai tiga kategori pemberi maklumat iaitu (a) pengadu, (b) informer/ tonto/source dan (c) pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Dua agensi mengekalkan pemberi maklumat kepada (a) pengadu dan (b) pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Namun pemberi maklumat seperti pengadu dan *informer* tidak dilindungi di bawah APPM 2010 tetapi di bawah prosedur atau ketetapan am yang lain.

(iii) Maklumat

Definisi kelakuan tak wajar yang membolehkan seseorang pemberi maklumat dilindungi di bawah APPM 2010 adalah terlalu luas. Kelakuan tak wajar adalah apa-apa saja kesalahan tatatertib atau jenayah. Kesalahan tatatertib pula adalah apa-apa saja perlanggaran tatatertib di bawah undang-undang atau tatalaku, kod etika, pekeliling atau kontrak kerja.

Maklumat adalah berkaitan kelakuan tak wajar, namun definisinya berbeza mengikut agensi-agensi kerana bidang kuasa mereka adalah berbeza. Perbezaan ini juga menyebabkan ada agensi-agensi yang mendapat lebih banyak maklumat dari agensi-agensi lain, contohnya agensi 4,5,6,7 dan 8 mendapat lebih maklumat. Kelakuan tak wajar juga adalah berbeza bagi setiap agensi.

(iv) Penerima maklumat

Penerima maklumat untuk memastikan pemberi maklumat dilindungi di setiap agensi adalah juga berbeza. Agensi 2 hanya membenarkan seorang penerima maklumat. Agensi 3 dan 6 pula memperuntukkan beberapa orang pegawai di beberapa jabatan tertentu sahaja boleh menerima maklumat. Agensi 4, 5 dan 8 mempunyai ramai pegawai yang boleh menerima maklumat yang dikenali sebagai pegawai yang menangani. Agensi 7 membenarkan dua orang pegawai menerima maklumat.

(v) Prosedur

Prosedur setiap agensi juga berbeza. Contohnya seseorang yang ingin menjadi pemberi maklumat boleh mengisi borang yang boleh didapati dari laman web agensi untuk dilindungi oleh APPM 2010 mengikut Agensi 2, 3 dan 5. Ada agensi yang mengasingkan pemberi maklumat dari sudut maklumat yang diberikan iaitu maklumat berkaitan kelakuan tak wajar pegawai di agensi tersebut dan maklumat umum. Maka kedua-duanya akan disalurkan ke jabatan yang berlainan, contohnya agensi 3,5 dan 6.

(vi) Remedi

Kesemua agensi-agensi memakai remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah APPM 2010 kerana ia lebih lengkap dari peruntukan-peruntukan yang ada di dalam akta-akta lain.

(vii) Pemberi maklumat tanpa nama

Kesemua agensi juga menerima maklumat dari pemberi maklumat tanpa nama yang identitinya tidak diketahui. Mereka akan menyiasat maklumat tersebut untuk mengetahui kesahihannya dan meneruskan jika ianya benar dan praktikal. Namun mereka tidak dapat memberi perlindungan kepada pemberi maklumat ini kerana identitinya tidak diketahui.

(viii) Maklumat yang berada di luar kuasa agensi penguatkuasaan

Jika sesuatu maklumat yang diberikan adalah di luar ruanglinkup kuasa agensi penguatkuasaan, mereka akan menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi yang betul. Ini kerana dasar "*no wrong door policy*" yang mana maklumat penting harus disalurkan ke tempat yang sepatutnya antara agensi penguatkuasaan yang dibenarkan oleh APPM 2010. Begitupun, jika maklumat tadi disalurkan bukan pada agensi yang dibenarkan, maka pemberi maklumat akan hilang perlindungan di bawah APPM 2010.

(ix) Bantu siasatan

Agensi penguatkuasaan juga akan sentiasa berhubung dengan pemberi maklumat untuk mendapat maklumat yang lengkap dan terkini dari masa ke masa yang boleh membantu agensi-agensi penguatkuasaan dalam membuat penyiasatan.

(x) Pemakluman semula kepada pemberi maklumat

Apabila agensi-agensi penguatkuasaan membuat siasatan berkaitan maklumat yang diberikan, APPM 2010 menghendaki mereka memaklumkan perkembangan siasatan

itu kepada pemberi maklumat. Semua agensi-agensi penguatkuasaan berbuat demikian.

(xi) Masalah yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan

Terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi penguatkuasaan dalam menangani kes-kes pemberian maklumat. Contohnya Agensi 4 dan 8 menyatakan skop perlindungan yang harus diberikan kepada pemberi maklumat adalah terlalu luas kerana ia merangkumi pemberian maklumat kelakuan tak wajar iaitu apa saja kesalahan tatatertib atau jenayah yang berlaku di badan swasta atau awam. Malah Agensi 8 menyatakan mereka tidak cukup kakitangan untuk mengatasi masalah tersebut.

Ada pegawai di agensi penguatkuasaan yang merasakan peruntukan yang sedia ada dalam berbagai akta dan ketetapan am sudah cukup untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat, tidak diperlukan lagi APPM 2010 kerana ianya berlaku pertindihan.

Universiti Utara Malaysia

Ada juga pegawai di agensi penguatkuasa merasakan tidak perlu diberikan ganjaran kepada pemberi maklumat. Responden berpendapat jika pemberi maklumat tidak terlibat sama dalam kelakuan tidak wajar yang dilaporkan, maka dia berhak kepada ganjaran sebagai motivasi pemberian maklumat tersebut. Namun, jika sebaliknya iaitu pemberi maklumat sendiri terlibat dengan kelakuan tak wajar yang dilaporkan, maka dia tidak berhak menerima ganjaran tetapi masih perlu diberi perlindungan.

(xii) Cadangan bagi memotivasikan pemberian maklumat

Antara cadangan yang diberikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan adalah seksyen 11(a) dan seksyen 11(f) APPM 2010 yang berkaitan pembatalan perlindungan kepada

pemberi maklumat yang juga menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan dan pemberi maklumat yang membuat pendedahan maklumat kerana mengelak daripada dibuang kerja atau dikenakan tindakan tatatertib adalah perlu dikaji semula. Ia satu faktor yang boleh melemahkan motivasi seseorang untuk memberi maklumat kerana biasanya pemberi maklumat adalah mereka yang terlibat sama secara langsung atau tidak langsung dengan pendedahan maklumat yang dibuatnya. Faktor *mens rea* pada diri pemberi maklumat harus diketepikan dan fokus hendaklah diberikan kepada pemberian maklumat untuk menjaga kepentingan awam.

Undang-undang pemberian maklumat di United Kingdom dan Australia telah mengenepikan keperluan "niat baik" daripada pemberi maklumat dan menggantikannya dengan "kepentingan awam". Ini bermakna pemberi maklumat yang tidak mempunyai niat yang baik akan dilindungi oleh undang-undang pemberi maklumat di negara tersebut. APPM 2010 pula tidak menyentuh berkaitan dengan niat baik pemberi maklumat untuk mendapat perlindungan di bawah akta itu. Tetapi secara tidak langsung, seksyen 11 APPM 2010 membatalkan perlindungan kepada pemberi maklumat apabila bersubahat dalam kelakuan yang tidak wajar atau dengan sengaja memberi maklumat yang palsu atau tujuan utama maklumat diberi adalah untuk mengelak daripada dibuang kerja atau diambil tindakan tatatertib. Namun Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram 2001 membenarkan seorang pemberi maklumat yang terlibat dengan kelakuan tidak wajar dilindungi dengan syarat beliau melaporkan kelakuan tidak wajar itu secepat mungkin kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dan segera berhenti dari melibatkan diri dengan kelakuan tidak wajar tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Satu lagi yang perlu dikaji balik di dalam APPM 2010 adalah maklumat hanya boleh disalurkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dibenarkan di bawah APPM 2010 sahaja adalah sesuatu yang boleh membebankan agensi-agensi penguatkuasaan dengan lambakan kes sedangkan sumber manusianya terhad. Di Amerika, pemberian maklumat dibuat di satu pusat iaitu *Office of Special Counse* (OSC), sebuah agensi penyiasatan dan pendakwaan persekutuan yang mana nanti akan menyalurkan maklumat tersebut ke tempat yang sepatutnya disalurkan. Ia juga adalah badan yang bebas.

APPM 2010 memberikan perlindungan secara automatik kepada pemberi maklumat sebaik saja maklumat diberi berbanding dengan peruntukan–peruntukan yang ada pada akta lain atau perintah pentadbiran. Ia juga memberikan semua perlindungan yang diperlukan oleh pemberi maklumat termasuk kepada orang yang ada hubungan karib dengan pemberi maklumat, berbanding dengan peruntukan di dalam akta-akta lain yang yang tidak memberi perlindungan menyeluruh kepada pemberi maklumat dan setengahnya pula perlu menunggu surat dari pentadbiran untuk mendapat perlindungan tersebut.

Cadangannya adalah APPM 2010 mungkin boleh mempertimbangkan seorang pemberi maklumat yang terlibat dengan kelakuan tak wajar tetapi telah berhenti melibatkan diri dari kelakuan tak wajar tersebut dan melaporkannya kepada agensi penguatkuasa yang berkaitan. Ini adalah kerana dari temubual yang dilakukan dengan agensi-agensi penguatkuasaan mendapati kebanyakan agensi-agensi penguatkuasaan mempunyai informer yang banyak memberi maklumat dan membawa kepada pendakwaan kepada orang-orang yang melakukan kelakuan tak wajar tetapi *informer*-

informer ini juga mungkin terlibat dengan kelakuan tidak wajar. Lebih-lebih lagi jika maklumat yang diberikan itu adalah berkaitan kepentingan awam, maka maklumatnya perlu disiasat walaupun pemberi maklumat mempunyai niat jahat.

Perlu juga difikirkan berkenaan dengan pemberi maklumat yang mempunyai yang berniat jahat dan menggunakan kesempatan untuk memerangkap orang lain dari melakukan kesalahan, lalu melaporkan kesalahan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Konflik antara maklumat yang diklasifikasikan sebagai rahsia di bawah undang-undang lain dan kepentingan awam.

Seksyen 6 APPM 2010 dengan jelas menyatakan pengecualian perlindungan kepada pemberi maklumat yang membuat laporan rasuah atau salah laku di bawah undang-undang lain yang mengkhususkan kerahsiaan maklumat tersebut seperti yang berlaku pada kes Mohd. Rafizi Ramli lwn PP[326] yang berkaitan pendedahan penyata akaun bank. Begitu juga kes Mohd Rafizi Ramli[327] yang juga didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 memiliki dan mendedahkan satu halaman dokumen rasmi laporan audit 1MDB. Dicadangkan Malaysia meminda APPM 2010 dengan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat yang melaporkan kesalahan berkaitan kepentingan awam walaupun maklumat tersebut diklasifikasikan sebagai maklumat sulit di bawah undang-undang lain yang ada. Apatah lagi jika maklumat tersebut adalah maklumat yang sangat penting yang mana kelakuan tidak wajar itu boleh memudaratkan masyarakat dan negara.

[326] supra 39
[327] supra 277

APPM 2010 hanya membenarkan pemberi maklumat membuat laporan kepada agensi-agensi penguatkuasaan di bawah Kerajaan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan yang telah ditetapkan. Sebagaimana yang dibincangkan di atas, setengah agensi-agensi penguatkuasaan merasakan perlu diadakan pusat sehenti di mana semua maklumat dilaporkan di situ dan pusat inilah yang akan menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

5.5 Kesimpulan

Malaysia telah menjalankan tanggungjawabnya di bawah UNCAC dengan menggubal satu akta yang spesifik berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu APPM 2010. Banyak kriteria-kriteria yang disarankan oleh UNCAC telah dipatuhi, contohnya akta ini adalah untuk kedua-dua sektor awam dan swasta, terdapat saluran-saluran tertentu disediakan untuk pemberi maklumat membuat laporan, agensi-agensi penguatkuasaan juga dikehendaki menyiasat laporan yang dibuat oleh pemberi maklumat serta memberitahu hasil siasatan tersebut kepada pemberi maklumat. Malah identiti pemberi maklumat dirahsiakan dan mereka diberi perlindungan dari didakwa di bawah kesalahan sivil atau jenayah. Mereka juga akan diberi perlindungan dari tindakan balas yang memudaratkan mereka.

Namun terdapat banyak juga keperluan UNCAC yang tidak dipenuhi dan boleh menyebabkan tidak berkesannya undang-undang pemberi maklumat tersebut. Contohnya pemberi maklumat hanya dibenarkan memberi maklumat kepada agensi-agensi penguatkuasaan tertentu sahaja dan ianya adalah di bawah kawal seliaan kerajaan yang berkemungkinan membolehkan berlakunya ketidak telusan dalam

tindakan terutamanya bila ia melibatkan maklumat berkenaan penjawat dalam organisasi terbabit.

Hasil dari temu ramah yang dibuat dengan agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia, didapati kesemuanya menggunakan APPM 2010 beserta dengan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam berbagai kata bagi kes-kes pemberian maklumat. Ada terdapat persamaan dan perbezaan antara agensi-agensi tersebut berkaitan APPM 2010. Contohnya wujud persamaan dari perspektif remedi yang digunakan, "*no wrong door policy*", maklumat dari pemberi maklumat tanpa nama yang akan disiasat. Perbezaan pula wujud dari segi siapa pemberi maklumat yang dilindungi di bawah APPM 2010, prosedur dan siapa yang harus menerima maklumat kerana bidangkuasa masing-masing adalah berbeza. Malah terdapat masalah yang dihadapi seperti kekurangan kakitangan dan skop kerja yang terlalu luas. Beberapa peruntukan di dalam APPM 2010 juga perlu dikaji bagi memotivasikan orang untuk memberi maklumat seperti batasan yang diberikan di bawah seksyen sebelas.

Untuk memastikan keberkesanan APPM 2010, kerajaan Malaysia hendaklah menerima pakai banyak lagi kehendak yang disarankan oleh UNCAC. Perlulah dikaji secara berterusan perlindungan kepada pemberi maklumat yang sedia ada. Perlindungan yang kurang atau lemah akan menghancurkan tujuan sebenar disebalik perlindungan pemberi maklumat. Perlindungan adalah dari sudut undang-undang dan juga penguatkuasaan. Walaupun terdapat undang-undang yang baik tetapi penguatkuasaan adalah lemah, maka undang-undang itu tidak dapat dikuatkuasakan. Jika penguatkuasaan adalah baik tetapi terdapat kelemahan dalam perundangannya juga akan menggugat penguatkuasaan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Malah satu faktor penting yang perlu penyelesaian segera adalah berkaitan definisi pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Tujuan akta tersebut dibuat adalah untuk memberi perlindungan yang mencukupi kepada *informer* tetapi berlaku kecelaruan antara agensi penguatkuasaan berkenaan siapa yang dikata pemberi maklumat kerana setiap agensi memberi definisi tersendiri. Ini menyebabkan wujud tiga kategori pemberi maklumat iaitu pengadu, pemberi maklumat di bawah APPM 2010 dan *informer*.

Penyelidikan awam, pengumpulan data, maklumat dan latihan untuk memberitahu orang awam, agensi-agensi penguatkuasaan perlu dilakukan untuk mengemaskini dan menambah baik pelaksanaan di bawah APPM 2010.

Perlindungan yang berkesan kepada pemberi maklumat dari tindakan balas yang dilakukan terhadapnya adalah dengan memberi pampasan yang secukupnya dalam kes bila berlakunya tindakan balas.

Universiti Utara Malaysia

BAB ENAM

PERBANDINGAN FAKTA-FAKTA PENTING AKTA PEMBERI MAKLUMAT DI MALAYSIA, ENGLAND DAN AMERIKA

6.1 Pengenalan

Amerika mempunyai undang-undang perlindungan pemberi maklumat yang bertaburan dalam banyak peruntukan akta-akta yang berlainan seperti Malaysia. Malah ia juga mempunyai akta pemberi maklumat yang spesifik. England pula memasukkan undang-undang pemberian maklumat sebagai sebahagian perundangan pekerjaan dengan menggubal Akta *Public Interest Disclosure* 1988 (PIDA 1988).

Universiti Utara Malaysia

6.2 Perundangan Pemberi Maklumat Amerika

6.2.1 Akta *False Claims* 1683

Sejarah telah menunjukkan pemberian maklumat telah lama berlaku dan undang-undang yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat yang terawal wujud ialah Akta *False Claims* 1683 di zaman pentadbiran Presiden Abraham Lincoln yang disasarkan untuk menangkap pembekal kuda, senjata dan peluru yang tidak jujur kepada *Military Union* semasa Perang Sivil Amerika.[328]Ia adalah akta persekutuan yang objektifnya adalah untuk menghukum sesiapa yang membuat tuntutan palsu terhadap kerajaan. *Securities Exchange Commission* dan Jabatan Kehakiman bertanggung jawab bersama untuk menguatkuasakan akta ini.

[328] Supra 26

Ia ditambah baik pada tahun 1986 dengan membenarkan pekerja, kontraktor atau pemberi maklumat untuk membawa *qui tam*. *Qui tam* di bawah akta ini membenarkan orang awam atau entiti yang mempunyai bukti penipuan terhadap program atau kontrak kerajaan menyaman dari individu, syarikat atau entiti lain yang menipu kerajaan dan menuntut ganti rugi serta penalti bagi pihak kerajaan.[329]Pemberi maklumat ini boleh juga bukan warganegara dan maklumat boleh diberikan walau terhadap syarikat di luar Amerika selagi melibatkan perbelanjaan, perolehan atau kontrak persekutuan.[330] Kerajaan mempunyai hak untuk campur tangan dan menyertai saman tersebut. Jika kerajaan menarik diri, orang perseorangan tersebut boleh meneruskan pendakwaan secara persendirian.[331] Maksim latin yang berbunyi "*qui tam pro domino rege quam pro se ipso in hac parte sequitur*" bermaksud "*he who sues in this matter for the king as well as for himself*" iaitu "dia yang mendakwa sesuatu perkara bagi pihak Raja dan juga dirinya sendiri. *Qui tam* adalah writ di bawah *Common Law* yang membolehkan orang persendirian yang menolong pendakwaan untuk menerima semua atau sebahagian daripada ganti-rugi atau denda kewangan yang diterima oleh kerajaan hasil daripada pendakwaan tersebut. Tindakan –tindakan yang boleh diambil oleh pemberi maklumat di bawah *qui tam* ini adalah (i) mengetahui pembentangan atau menyebabkan pembentangan kepada Kerajaan Persekutuan satu tuntutan palsu atau penipuan untuk pembayaran, (ii) Secara sengaja menggunakan atau menyebabkan digunakan rekod palsu atau penyataan untuk mendapatkan tuntutan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, (iii) bersubahat dengan orang lain untuk mendapatkan tuntutan palsu atau menipu yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan,

[329] ibid
[330]National Whistleblower Centre, The False Claims Act, https://www.whistleblowers.org/protect-the-false-claims-act/ (diakses pada 11 September 2021)
[331]National Whistleblower Centre, False Claim Act/ Qui Tam FAX, https://www.whistleblowers.org/faq/false-claims-act-qui-tam/, (diakses pada11 September 2021)

(iv) Secara sengaja menggunakan atau menyebabkan digunakan rekod atau penyataan palsu bagi menyembunyikan atau mengelakkan atau mengurangkan kewajipan untuk membayar wang atau menghantar harta kepada Kerajaan Persekutuan.[332] Akta ini memperuntukkan perlindungan dalam bentuk remedi undang-undang sivil dan juga insentif kewangan kepada pemberi maklumat yang bukan pekerja kerajaan.[333] Pada tahun 1943, pindaan dibuat pada peruntukan *qui tam* yang mengurangkan hadiah kepada pemberi maklumat dan tiada hadiah kepada pemberi maklumat yang mana maklumatnya telah didapati ada pada kerajaan. Pada tahun 1986, Kongres telah membuat pindaan iaitu (a) pemberi maklumat yang berjaya memenangi kes *qui tam* akan diberi ganjaran sebanyak 15 hingga 30 peratus dari jumlah yang diperolehi kembali oleh kerajaan; (b) syarikat dan entiti yang menipu kerajaan harus membayar tiga kali ganda dan akan dikenakan penalti untuk setiap tuntutan palsu; (c) pemberi maklumat yang memfailkan tuntutan qui tam adalah dilindungi daripada tindakan balas majikan termasuk diberhentikan, digantung kerja, diturunkan pangkat, diancam, diganggu dan didiskriminasikan melalui syarat-syarat kontrak pekerjaan, mereka yang menyiasat dan memberi keterangan serta bantuan dalam kes Akta *False Claims* 1683 adalah dilindungi; (d) jika berlaku tindakan balas di tempat kerja, pemberi maklumat boleh menuntut semua relief yang diperlukan termasuk pengembalian semula kerja, kekananan, bayaran balik dua kali, faedah atas gaji terdahulu, pampasan untuk diskriminasi, bayaran guaman dan kos litigasi yang berpatutan; (e)pemberi maklumat dibenarkan untuk menjadi pihak kepada tuntutan *qui tam* bersama kerajaan; (f) pemberi maklumat boleh mendapat semua kelebihan dari Akta *False Claims* 1683 walaupun maklumat tersebut sudah didapati oleh pihak kerajaan dari sumber lain; (g) syarikat dan entiti yang menipu kerajaan adalah bertanggung jawab kerana bertindak

[332] ibid
[333] Supra 26

secara "*deliberate ignorance*" atau "*reckless disregard*" terhadap kebenaran, oleh itu kerajaan dan pemberi maklumat tidak perlu membuktikan niat yang spesifik dan (h) standard normal kes sivil iaitu "*preponderance of the evidence*" adalah standard pembuktian dalam kes-kes Akta *False Claims* 1683.[334]Berkaitan "*deliberate ignorance*" atau "*reckless disregard*", Mahkamah *Eight Circuit* di dalam kes United States ex rel. Hipson v. Health Management Systems Inc., menyatakan kerajaan mestilah menunjukkan bahawa tidak ada penafsiran undang-undang yang munasabah yang akan menjadikan pernyataan yang didakwa palsu itu benar. Dalam kata lain, walaupun kerajaan mengambilkira faktor-faktor lain termasuklah orang yang didakwa ingin menipu kerajaan, namun Akta *False Claims* 1963 tidak dapat digunakan bila orang yang didakwa dapat membuktikan bahwa penafsiran undang-undang yang munasabah menyokong keadaannya pada waktu itu walaupun dapat dibuktikan wujudnya *actus reus* dan *mens rea*.[335]

Namun, jika Kerajaan Amerika atau pihak persendirian lain telah membuat pendakwaan di bawah Akta *False Claims* 1963 menggunakan bukti yang sama ada pada orang persendirian, maka orang persendirian itu tidak boleh membuat dakwaan yang sama.[336]Tindakan *qui tam* mestilah dibuat secara rahsia di bawah meterai Mahkamah Daerah Persekutuan mengikut Peraturan Prosedur Sivil Persekutuan. Salinan aduan dengan penyataan bertulis mengenai pendedahan maklumat material dan informasi di dalam hakmilik plaintif mestilah disampaikan dengan rahsia kepada

[334] Ibid
[335] James Wiseman, "Reasonable but Wrong: Reckless Disregard and Deliberate Ignorance in the False Claim Act after Hixson,"2021, Columbia Law Review, Vol 117, no 2. https://columbialawreview.org/content/reasonable-but-wrong-reckless-disregard-and-deliberate-ignorance-in-the-false-claims-act-after-hixson/,(diakses pada 11 September 2021)
[336] Supra 331

Peguam Negara Amerika dan juga Peguam Negara di daerah mana aduan itu dibuat. Aduan dan kandungannya mesti dirahsiakan sehingga meterai dibuka.[337]

Liabiliti di bawah Akta *False Claims* 1963 termasuklah (a) penyampaian tuntutan palsu untuk pembayaran; (b) menggunakan kenyataan palsu untuk mendapatkan pembayaran dan (c) tuntutan palsu yang terbalik, contohnya jika satu syarikat membuat kenyataan palsu sewaktu audit kerajaan untuk mengurangkan jumlah pembayaran hutang kepada kerajaan atau gagal untuk mengembalikan lebihan bayaran dari kerajaan.

Penalti sivil terhadap sesiapa yang melanggar akta ini adalah bertanggungjawab membayar tiga kali jumlah wang yang ditipu terhadap kerajaan persekutuan dan penalti sivil sebanyak ASD 5,000 hingga ASD 10,000 untuk setiap tuntutan. Namun jumlah ini berubah dari masa ke masa. Plaintiff dalam kes qui tam boleh menerima 15 peratus sehingga 30 peratus jumlah yang dapat diambil balik dari defenden, sama ada melalui penghakiman atau penyelesaian di luar mahkamah.[338]Jika kerajaan campur tangan dalam tuntutan *qui tam*, maka pemberi maklumat akan mendapat 15 hingga 25 peratus dari jumlah yang diambil balik hasil dari tuntutan tersebut tetapi jika tiada campur tangan dari kerajaan, pemberi maklumat boleh mendapat dari 25 peratus hingga 30 peratus jumlah tuntutan.[339]

[337] ibid
[338] ibid
[339] HG.org Legal Resources, "The Effect of Government Intervention on a Whistleblower Award, https://www.hg.org/legal-articles/the-effect-of-government-intervention-on-a-whistleblower-award-30310 (diakses pada 10 Disember 2018)

Terdapat juga perlindungan pemberi maklumat di bawah seksyen 3730(h) akta ini dimana jika pekerja diberhentikan, diturunkan pangkat, diganggu atau didiskriminasi disebabkan tindakan sah oleh pekerja untuk meneruskan tuntutan di bawah akta ini, maka pekerja berhak mendapat semua relief yang diperlukan termasuk penempatan semula, bayaran balik dua kali ganda, pampasan untuk gantirugi khas termasuklah kos litigasi dan bayaran peguam yang berpatutan.

Namun, mengikut seksyen 3730(e) terdapat beberapa orang yang dikecualikan dari akta ini iaitu seorang anggota angkatan tentera tidak boleh membawa maklumat mengenai angkatan tentera lain, dakwaan terhadap ahli Kongres, ahli badan kehakiman, ahli eksekutif kanan jika bukti atau keterangan telah diketahui oleh kerajaan. Walau bagaimanapun terdapat limitasi di bawah akta ini dimana tuntutan mesti difailkan dalam tempoh enam tahun dari tarikh pelanggaran akta ini atau tiga tahun selepas Kerajaan mengetahuinya atau sepatutnya tahu mengenai pelanggaran akta ini tetapi tidak lebih dari sepuluh tahun dari tarikh pelanggaran akta.[340]

6.2.2 Akta *Lloyd–La Follette* 1912

Akta *Llyod-La Follette* 1912 adalah akta yang pertama memberi perlindungan kepada pemberi maklumat. Tujuan utama ia digubal adalah untuk melindungi kakitangan awam persekutuan dari pembuangan kerja sewenang-wenangnya dengan menetapkan prosedur pembuangan pekerja persekutuan. Ia menetapkan seseorang yang diambil kerja di bawah perkhidmatan awam boleh dipecat kerja dengan syarat ia akan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan tersebut dan pekerja yang dipecat kerja

[340] Supra 331

hendaklah diberikan notis alasan pemecatan dan pertuduhan yang dikenakan kepada mereka secara bertulis.[341]

Keduanya, akta ini juga memberikan hak kepada pekerja untuk memberi maklumat kepada Kongres atau jawatankuasa atau ahlinya tanpa sebarang gangguan. Akta ini diwujudkan oleh Kongres sebagai tindak balas kepada pengeluaran arahan oleh pihak eksekutif iaitu Presiden Theodore Roosevelt yang melarang pekerja persekutuan dari berkomunikasi secara langsung dengan Kongres tanpa kebenaran penyelia mereka. Jika pekerja persekutuan melanggar perintah ini, maka mereka dipecat dari jawatannya. Presiden sebenarnya cuba untuk menyekat pekerja persekutuan secara individu atau kesatuan pekerja dari membuat petisyen kepada Kongres untuk penambahbaikan dalam pembayaran gaji dan keadaan kerja. Malah Akta *Llyod-La Follette* 1912 menjamin secara jelas hak kakitangan persekutuan memberikan maklumat kepada Kongres atau mana-mana jawatankuasa atau anggotanya, dan mereka tidak boleh dinafikan atau diganggu. Secara khususnya akta ini menjamin sebarang aduan kepada Kongres mengenai apa-apa rungutan atau keanggotaan dalam mana-mana kesatuan pekerja pos yang mencari penambahbaikan dalam mana-mana upah, jam atau keadaan kerja, tidak boleh menjadi penyebab penurunan pangkat, pampasan atau pekerja atau kumpulan pekerja dari perkhidmatan tersebut.

Ketiganya, ia memberi hak kepada pekerja persekutuan untuk menyertai pertubuhan pekerja termasuk kesatuan. Pada tahun 1906, Presiden telah melarang pekerja persekutuan secara individu atau melalui persatuan untuk mendapatkan kenaikan gaji

[341] Micheal J O'Neal, "Lloyd–La Follette Act 1912"(23 September 2019), ENCYCLOpedia.com https://www.encyclopedia.com/history/encyclopedias-almanacs-transcripts-and-maps/lloyd-la-follette-act (diakses pada 10 Oktober 2019)

atau mempengaruhi untuk kepentingan mereka melalui sebaran perundangan. Di bawah akta ini, pekerja persekutuan mempunyai hak untuk menganjurkan dan membuat perjanjian kolektif tetapi bukan dengan cara mogok, tanpa campur tangan dari kerajaan. Mereka telah melakukannya selama dua dekad sebelum pekerja perindustrian Negara mendapat hak yang sama di bawah Akta *National Labor Relations* 1935. Akta *Llyod-La Follette* 1912 telah membuka jalan kepada pembentukan kesatuan persekutuan seperti *American Federation of Government Employees* dan *National Federation of Employees.*

Akta ini telah berfungsi melindungi pekerja persekutuan dari tindakan balas majikan bila mereka mengkritik majikan tersebut. Ianya adalah undang-undang pemberi maklumat yang pertama di Amerika yang melindungi pekerja persekutuan dari tindakan balas majikan akibat pemberian maklumat.[342] Ia juga melarang pampasan gaji diberikan kepada pengurus yang bertindak terhadap pekerja yang melakukan pemberian maklumat.

Universiti Utara Malaysia

6.2.3 Akta *Civil Service Reform* 1978

Akta *Civil Service Reform* 1978 digubal pada 19 Oktober 1978 bagi membuat pembaharuan kepada perkhidmatan awam supaya lebih cekap. Ini kerana didapati terlalu ramai pekerja perkhidmatan awam dan tidak dapat dibuang walaupun kurang cekap dan banyak salah laku. Mereka masih memakai sistem disiplin lama yang terlalu sulit dan ketinggalan zaman. Presiden Jimmy Carter sewaktu memasuki ofis pada tahun 1977 telah menubuhkan *President's Personnel Management Project* yang

[342] Jeremy Byellin, "Today In 1912: The Lloyd-La Follette Act Was Enacted" (24 Ogos 2012), Legal Solutions Blog, https://blog.legalsolutions.thomsonreuters.com/legal-research/today-in-1912-the-lloyd-la-follette-act-was-enacted/, (diakses pada 11 September 2021)

ditugaskan melihat balik sistem perkhidmatan awam. Dia berpandangan perkhidmatan awam perlu diberi lebih kelonggaran, insentif dan galakan.[343] Akta *Civil Service Reform* 1978 telah membubarkan *Civil Service Commission* dan menggantinya dengan *Merit System Protection Board, Office of Personal Management* dan *Federal Labor Relation Authority*. [344] Akta ini menyemak, menulis semula dan mempermudahkan pelbagai statut yang mengawal perkhidmatan awam. Ia juga memperuntukkan perlindungan baru bagi pekerja yang memberi maklumat berkenaan kelakuan tidak wajar dan menyalahi undang-undang di pihak kerajaan. Akta ini menubuhkan *Merit System Protection Board* dan *Office of Personal Management*.[345] *Office of Personal Management* menjaga pembangunan amalan dan pengurusan kakitangan awam manakala *Merit System Protection Board* pula dipertanggungjawabkan untuk melindungi sistem dari salah guna kuasa politik dan memastikan prinsip merit dipatuhi.[346]. Bagi pegawai kerajaan persekutuan yang mengalami tindakan balas disebabkan pendedahan maklumat, maka boleh mempertahankan diri di bawah Akta *Civil Service Reform* 1978. Akta ini membenarkan pemberi maklumat membuat petisyen kepada *Merit System Protection Board* untuk rayuan jika aduan awal mereka mengenai tindakan balas dinafikan oleh mahkamah rendah atau kerajaan negeri.[347] *Federal Labor Relation Authority* adalah agensi bebas yang mengawasi dan mengadili pengurusan pertikaian buruh di agensi persekutuan. Akta ini juga memberi

[343] Nicole Ogrysko, "Stars aligned for civil service reform in 1978; will they again in 2018?"(2018), https://federalnewsnetwork.com/workforce/2018/08/stars-aligned-for-civil-service-reform-in-1978-will-they-again-in-2018/, (diakses pada 11 September 2021)

[344] US Government Accountability Office, "Civil Service Reform –- Where it Stands Today," 1980 https://www.gao.gov/products/fpcd-80-38, (diakses pada 12 September 2021)

[345]The Employment Law Group, "Civil Service Reform Act of 1978", https://www.employmentlawgroup.com/resources/statutes/civil-service-reform-act-of-1978/ (diakses pada 1Januari 2019)

[346] Steven Knudsen, Larry Jakus dan Maida Metz, " The Civil Service Reform Act of 1978", (1979)) Public Personal Management, 8(3), 173

[347]John P Mahoney Esq, (2016) How Does The Civil Service Reform Act Protect Whistleblowers?, https://www.attorneymahoney.com/blog/2016/october/how-does-the-civil-service-reform-act-protect-wh/, (diakses pada 11 November 2018)

perlindungan spesifik kepada pekerja kerajaan persekutuan yang mendedahkan maklumat berkaitan frod, sisa buangan dan pengurusan kerajaan persekutuan. Ia melarang sebarang tindakan balas diambil terhadap pekerja kerajaan persekutuan yang membuat pendedahan maklumat yang mengikut undang-undang. Walau bagaimanapun, akta ini tidak menetapkan kepada siapa maklumat patut didedahkan asalkan pemberi maklumat itu membuat pendedahan dengan suci hati.[348]Langkah tambahan ini melindungi pemberi maklumat awam kerana ia percaya bahawa mereka memainkan peranan yang lebih penting daripada pemberi maklumat di sektor swasta.

6.2.4 Akta *Ethics in Government* 1978

Selepas skandal Watergate pada tahun 1974 yang menyebabkan perletakan jawatan Presiden oleh Richard Nixon, maka digubal Akta *Ethics in Government* 1978**.** Skandal Watergate bermula pada tahun 1972 dengan beberapa orang pencuri ditangkap di pejabat Jawatankuasa Nasional Demokratik yang terletak di kompleks bangunan Watergate di Washington. Ia bukan kecurian biasa di mana pencurinya ditangkap kerana mencuri beberapa dokumen dan melakukan curi dengar telefon yang dikaitkan dengan kempen pemilihan semula Presiden Richard Nixon. Richard Nixon telah mengambil langkah-langkah agresif bagi menutup kesalahan tersebut dengan memberi wang beribu-ribu kepada pencuri dan memberi arahan kepada Pusat Perisikan Amerika untuk menghalang Biro Penyiasatan Persekutuan dari melakukan siasatan. Namun selepas akhbar Washington Post mendedahkan konspirasi tersebut, maka Richard Nixon telah meletak jawatan.[349] Maka Pejabat Etika Kerajaan Amerika mengawasi etika pegawai kerajaan eksekutif melalui Akta *Ethics in Government* 1978. Akta ini

[348] Charlotte Hurley, "Civil Service Reform An Annotated Bibliography" 1983, https://www.gao.gov/assets/ols-83-02.pdf, (diakses pada 11 September 2018)
[349] History, "Watergate Scandal"2021, https://www.history.com/topics/1970s/watergate (diakses pada 11 September 2018)

menghendaki pegawai-pegawai awam serta keluarga terdekat mereka membuat pendedahan berkaitan kewangan dan sejarah pekerjaan mereka. Ia juga menghadkan usaha melobi oleh pegawai awam untuk jangkamasa tertentu selepas meninggalkan jawatan sebagai pegawai awam dan akhirnya *U.S. Office of Independent Counsel* diberikan tugas untuk menyiasat pegawai awam.

6.2.5 Akta *Whistleblower Protection* 1989 (WPA 1989) dan Akta *Whistleblower Protection Enhancement* 2012 (WPEA 2012)

WPA 1989 adalah undang-undang persekutuan Amerika yang melindungi pemberi maklumat yang bekerja dengan kerajaan yang melaporkan kemungkinan wujud aktiviti pelanggaran undang-undang, peraturan, salah urus, pembaziran dana, penyalahgunaan kuasa atau sesuatu yang membahayakan kesihatan dan keselamatan awam. Pekerja yang dilindungi termasuklah bekas pekerja, pekerja semasa dan juga pemohon pekerjaan kerajaan persekutuan. Pekerja boleh melaporkan aktiviti-aktiviti di atas kepada Pejabat Penasihat Khas (OSC). OSC tidak akan menyiasat laporan yang dibuat tetapi mereka mengkaji laporan untuk menentukan kemungkinan wujudnya salah laku yang mana menunjukkan salah laku itu sesuatu yang boleh dipercayai dan ianya didapati secara langsung. Jika OSC mendapati kemungkinan wujud salah laku, maka ia akan merujuk maklumat tersebut kepada agensi pengawalseliaan atau pentadbiran yang sesuai untuk siasatan lanjut. Agensi yang dirujuk mesti menyiasat maklumat tersebut dan mengembalikannya kepada OSC dalam masa 60 hari. Pemberi maklumat yang diambil tindakan balas atas laporan yang dilakukan, boleh melaporkan tindakan balas tersebut kepada OSC yang akan menyiasat pertuduhan itu.[350] Walau

[350] Margaret Rouse, (July 2018) Whistleblower Protection Act, https://searchcompliance.techtarget.com/definition/Whistleblower-Protection-Act, (diakses pada 11 September 2019)

bagaimanapun, WPA 1989 tidak terpakai kepada pekerja kontraktor persekutuan, anggota tentera dan agensi perisikan persekutuan seperti Agensi Perisikan Pusat (CIA) dan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI). OSC tidak mengendalikan maklumat yang secara khusus dilarang oleh undang-undang dan dikehendaki supaya dirahsiakan oleh perintah Eksekutif seperti maklumat yang diperlukan untuk pertahanan negara.[351] Seksyen 2302(b)(8) WPA 1989 melindungi pekerja persekutuan Amerika dari sebarang tindakan balas kerana memberi maklumat berkaitan aktiviti tidak sah yang berlaku dalam kerajaan.

WPEA 2012 telah digubal yang membuat banyak semakan kepada WPA 1989. Bancian yang dibuat oleh *Merit System Protection Board* mendapati pemberi maklumat persekutuan sembilan kali cenderung untuk dibuang kerja pada tahun 2010 dari tahun 1992.[352]Maka WPEA 2012 telah memberi banyak penambahbaikan terhadap kekurangan WPA 1989. Di bawah WPA 1989, pekerja persekutuan tidak layak mendapat perlindungan sekiranya mereka bukan orang pertama yang mendedahkan salah laku, membuat pendedahan kepada rakan sekerja atau penyelia, mendedahkan akibat yang berlaku dari keputusan dasar dan mendedahkan maklumat semasa menjalankan tugas. Semua ini telah dihapuskan oleh WPEA 2012. WPEA 2012 juga memberi perlindungan sepenuhnya kepada *Transportation Security Administration* yang sebelum ini tidak mendapat perlindungan yang menyeluruh termasuklah hak untuk merayu kepada *Merit System Protection Board* dan mahkamah rayuan. Malah WPEA 2012 juga menyediakan remedi berbentuk gantirugi, pampasan,

[351]Find Law, Whistleblower Protection Act: An Overview, https://employment.findlaw.com/whistleblowers/whistleblower-protection-act-an-overview.html (diakses pada Mac 2017)

[352] US Merit System Protection Board Blowing the Whistle: Barriers to Federal Employees making Disclosures, 2011, https://www.nsf.gov/oig/_pdf/MSPB%20-%20Blowing%20the%20Whistle%20-%20Barriers%20to%20Federal%20Employees%20Making%20Disclosures.pdf, (diakses pada 31 Mac 2021)

tindakan tatatertib terhadap orang yang membuat tindakan balas kepada pemberi maklumat, maka akta ini telah menutup kelopongan atau kelemahan WPA 1989 dan mengakhiri monopoli rayuan hanya kepada mahkamah Litar Persekutuan. Walaupun ia mungkin tidak ada penambahbaikan terhadap semua perkara berkaitan pemberi maklumat, namun sekurang-kurangnya ia telah memberi pembaharuan terhadap isu-isu kritikal yang tidak dapat ditangani oleh WPA 1989.

WPEA 2012 menjelaskan skop perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat dan menegaskan yang perlindungan tidak akan hilang kerana (i) pendedahan dibuat kepada seseorang termasuk penyelia yang mengambil bahagian dalam perbuatan salah yang didedahkan, (ii) perbuatan salah yang dilaporkan telah didedahkan oleh pihak lain, (iii) motif pekerja yang membuat pendedahan, (iv) pendedahan dibuat semasa pekerja tidak bertugas, (v) pendedahan dibuat sewaktu bertugas biasa jika pekerja dapat menunjukkan bahawa tindakan yang diambil adalah sebagai tindakan balas atas pendedahan maklumat, atau (vi) jumlah masa yang berlalu sejak berlakunya pendedahan itu dan (vii) WPEA 2012 melindungi pendedahan yang pekerja percaya secara munasabah adalah bukti penapisan yang berkaitan penyelidikan, analisis atau maklumat teknikal yang menyebabkan atau akan menyebabkan pembaziran kerajaan secara besaran atau salah urus kerjaan secara besaran, penyalahgunaan kuasa, bahaya yang besar atau spesifik kepada kesihatan dan keselamatan atau sebarang perlanggaran undang-undang. Ia memperluas penalti yang dikenakan kerana melanggar perlindungan kepada pemberi maklumat dan menubuhkan Ombudsman Perlindungan Pemberi Maklumat.[353] WPEA 2012 juga

[353] United States Consumer Product Safety Commission, https://www.cpsc.gov/About-CPSC/Inspector-General/Whistleblower-Protection-Act-WPA, , (diakses pada 31 Mac 2021)

menghendaki agensi untuk mengajar pekerja-pekerja berkenaan hak mereka dan mewujudkan remedi yang lebih baik untuk pekerja yang dikenakan tindakan balas. Ombudsman pemberi maklumat diwujudkan selaras dengan WPEA 2012[354] bagi mendidik pekerja-pekerja agensi berkenaan hak dan perlindungan mereka jika berlaku tindakan balas disebabkan pemberian maklumat.

Namun terdapat limitasi terhadap pemberi maklumat persekutuan di waktu ini. Jika pemberi maklumat mengalami tindakan balas, mereka hanya boleh mendapatkan keadilan dari *Merit System Protection Board* yang akan memberikan keputusan dan tidak boleh dibuat rayuan. Ahli *Merit System Protection Board* dilantik oleh Presiden Amerika dan diakui oleh Senat. Dua dari tiga ahlinya adalah dari parti politik Presiden Amerika dan hanya satu ahli saja dari parti pembangkang. *Merit System Protection Board* tidak boleh membuat keputusan jika tidak cukup korum.[355] Ia tidak ada korum selama dua tahun sejak Presiden Trump menjadi presiden yang menyebabkan 2000 kes tertunggak.[356] Ini mungkin memberi ruang kepada majikan untuk mengambil tindakan balas terhadap pemberi maklumat.

6.2.6 Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection* 1998 (ICWPA 1988), *Presidential Policy Directive 19, Protecting Whistleblowers with Access to Classified Information (2012) dan* Akta *Intelligence Authorization for Fiscal Year* 2014

Bagi pekerja komuniti perisikan Amerika pula, undang-undang pemberi maklumat dan perintah eksekutif yang khusus yang digunakan termasuklah Akta *Intelligence*

[354]US Consumer Product Safety Commission, Whistleblower Protection Act (WPA) https://www.cpsc.gov/About-CPSC/Inspector-General/Whistleblower-Protection-Act-WPA (diakses pada Januari 2018)
[355] National Whistleblower Centre, Support Court Access For Federal Employee Whistleblowers, n.d.https://www.whistleblowers.org/support-federal-employee-whistleblowers/, , (diakses pada 31 Mac 2021)
[356] Chase Gunter, MSPB seek more money to handle massive backlog, FWC 17 April 2019, https://fcw.com/articles/2019/04/17/mspb-backlog-bypass-gunter.aspx, , (diakses pada 31 Mac 2021)

Community Whistleblower Protection 1998 (ICWPA 1988), *Presidential Policy Directive 19, Protecting Whistleblowers with Access to Classified Information (2012) (PPD 19/2012) dan* Akta *Intelligence Authorization for Fiscal Year* 2014 (IAAFY 2014).[357] Skop pemberi maklumat komuniti perisikan adalah pekerja atau kontraktor yang bekerja di mana-mana 17 elemen komuniti perisikan yang secara menasabah mempercayai bahawa telah berlaku perlanggaran undang-undang, peraturan, salah urus yang melampau, pembaziran sumber, penyalahgunaan kuasa atau bahaya besar kepada kesihatan atau keselamatan awam. Pendedahan maklumat hanya dilindungi bagi mereka yang membuat pendedahan secara sah mengikut statut dan arahan-arahan yang ditetapkan. Contohnya perlindungan tidak akan diberikan kepada sesiapa yang memberi maklumat kepada media atau kerajaan asing. Ia juga tidak terpakai kepada perbezaan pendapat terhadap strategi, polisi, analisis, keutamaan untuk pembiayaan dan pungutan risikan, kecuali ada kebimbangan yang menasabah terhadap kesahan atau perlembagaan. Perlindungan juga tidak akan diberikan kepada yang mempunyai peribadi buruk dan keputusan kelayakan pelepasan sekuriti jika agensi itu boleh menunjukkan ia akan mengambil tindakan yang sama jika tiada pendedahan yang dilindungi.

Akta untuk komuniti perisikan pemberi maklumat yang pertama dan spesifik adalah ICWPA 1988 di mana ia memberikan prosedur untuk pemberi maklumat membuat aduan yang dianggap "kebimbangan segera" kepada Ketua Inspektor (IG) agensi pekerja atau kontraktor tersebut. Kebimbangan segera didefinisikan sebagai (i) masalah yang serius, penyalahgunaan, pelanggaran undang-undang atau perintah

[357] Micheal E. Divine, Intelligence Community Whistleblower Protection (US,Congressional Research Service, 2019), https://sgp.fas.org/crs/intel/R45345.pdf (diakses pada 31 Mac 2021)

eksekutif atau kekurangan yang berkaitan dengan pembiayaan, pentadbiran, atau aktiviti operasi perisikan yang melibatkan maklumat sulit tetapi tidak termasuk perbezaan pendapat mengenai perkara dasar awam, (ii) penyataan palsu kepada Kongres atau penahanan sengaja dari Kongres berkaitan terbitan fakta material pembiayaan, pentadbiran, atau operasi satu aktiviti perisikan atau, (iii) tindakan yang membentuk tindakan balas atau ancaman balas sebagai tindak balas kepada pendedahan maklumat oleh pekerja mengenai kebimbangan segera. Prosedur rasmi pemberian maklumat adalah (i) seorang penerima maklumat iaitu IG yang menerima maklumat kebimbangan segera dari pekerja, dalam masa tujuh hari dari tarikh penerimaan, hendaklah melaporkan aduan tersebut kepada IG Elemen Risikan iaitu empat agensi di bawah Jabatan Pertahanan (DOD)[358], (ii) IG yang bertanggungjawab mestilah melaporkan semua aduan yang dirasakannya boleh dipercayai kepada ketua elemen risikan bersama-sama semua bahan sokongan tidak lewat dari 14 hari dari tarikh penerimaan maklumat, (iii) Dalam masa tujuh hari dari tarikh penerimaan aduan dari IG, ketua elemen risikan dikehendaki melaporkan aduan kepada Jawatankuasa Perisikan Kongres (ICC) bersama dengan apa-apa ulasan yang elemen risikan rasakan bersesuaian, (iv) Jika elemen risikan menentukan aduan menyebabkan konflik kepentingan kepadanya, individu terbabit akan mengembalikan kepada IG elemen risikan yang akan menghantarnya kepada Pengarah Risikan Kebangsaan (DNI) atau kepada empat agensi DOD, kepada Setiausaha Pertahanan untuk menghantarnya kepada ICC, (v) Jika IG tidak laporkan aduan, tidak mendapatinya boleh dipercayai, atau melapornya secara tidak tepat, pengadu mempunyai hak untuk mengemukakan aduan kepada salah satu atau kedua-dua ICC secara terus, (vi) Jika pengadu memilih

[358] *The Defense Intelligence Agency, National Geospatial-Intelligence Agency, National Reconnaissance Office, and National Security Agency* adalah agensi –agensi di bawah Jabatan Pertahanan.

untuk melaporkan terus kepada Kongres, dia mestilah menyediakan penyataan kepada ketua elemen risikan melalui IG elemen dengan memberi notis niatnya untuk menghubungi ICC secara terus. Pengadu mesti mengikuti panduan ketua elemen risikan berkenaan keselamatan dan perlindungan bahan yang dikelaskan, (vii) IG elemen risikan akan memberitahu pengadu tindakan yang diambil dalam masa tiga hari. Tiada sebarang semakan kehakiman boleh diambil ke atas tindakan yang dibuat oleh elemen risikan dalam menangani aduan mengikut peruntukan statut.

Walaupun ICWPA 1988 memberikan prosedur berkenaan pemberian maklumat tetapi ia tidak memberikan peruntukan spesifik mengenai perlindungan kepada pemberi maklumat dari tindakan balas atau hukuman yang dikenakan kepada pemberi maklumat.

IAAFY 2010 pula memasukkan peruntukan perlindungan kepada pemberi maklumat walaupun secara umum dan bergantung kepada standard pelaksanaan yang berbeza. Tiada sebarang tindakan balas atau ancaman tindakan balas yang boleh diambil oleh pekerja komuniti risikan apabila mendapat tahu aduan telah dibuat kepada IG mengenai kebimbangan segera kecuali jika aduan yang dibuat dengan pengetahuan bahawa ianya palsu atau dengan sengaja mengabaikan kebenarannya.[359] Malah ada peruntukan khas untuk perlindungan dari tindakan balas terhadap pekerja CIA.[360] Akta ini juga membuat penambahan dengan memasukkan pekerja kontraktor kepada komuniti risikan juga boleh membuat aduan kebimbangan segera kepada IG.[361]Terdapat prosedur bila mana DNI dan *Intelligence Community Inspector*

[359] Seksyen 3033(g) (3) (A)
[360] Seksyen 3517(e) (3) (A)-(B)
[361] Seksyen 3033(g) (2) (B)

General (ICIG) bercanggah pendapat, maka ICIG mempunyai kuasa dengan segera untuk memberitahu dan menghantar aduan kepada Jawatankuasa CIC.

PPD 19/2012 memperuntukkan perlindungan spesifik yang pertama kepada komuniti risikan tetapi mengecualikan angkatan tentera. Ia melarang tindakan balas yang boleh menjejaskan kelayakan pemberi maklumat untuk akses kepada maklumat rahsia atau melibatkan tindakan peribadi terhadap pekerja komuniti risikan yang membuat pendedahan yang dilindungi. Ia juga memerlukan elemen komuniti risikan untuk mengesahkan kepada DNI satu proses untuk pekerja komuniti risikan mendapatkan semakan semula tindakan kakitangan yang dipercayai oleh pekerja sebagai tindakan balas atas maklumat yang diberikan. Proses semakan semula juga mestilah mengambilkira keselamatan maklumat rahsia yang terlibat dalam pemberian maklumat tersebut. Dalam proses semakan semula juga memerlukan IG elemen komuniti risikan untuk membuat keputusan sama ada tindakan kakitangan adalah satu tindakan balas atas maklumat yang diberikan. IG akan membuat cadangan untuk tindakan pembetulan sekiranya berlaku pelanggaran terhadap kebimbangan segera. Ketua agensi akan menimbang dengan teliti penemuan dan tindakan yang dicadangkan oleh IG namun dia tidak perlu menerima cadangan IG. Agensi komuniti perisikan juga perlu memperakui kepada DNI bahawa agensi mempunyai proses semakan yang membenarkan pekerja untuk merayu bagi tindakan yang melibatkan kelayakan untuk akses kepada maklumat yang dikelaskan yang dikatakan melanggar larangan untuk membuat pendedahan yang sah. PPD 19/2012 juga membenarkan pemberi maklumat untuk memohon semakan luaran bagi panel IG yang dipengerusikan oleh ICIG juga pekerja telah gagal dalam proses semakan agensi. Jika keputusan panel memihak kepada kakitangan, agensi mesti mempertimbangkan tetapi tidak menerima cadangan

Universiti Utara Malaysia

panel untuk tindakan pembetulan. Ia juga memerlukan ICIG untuk membuat laporan tahunan kepada CIC berkenaan keputusan dan cadangan IG. Ia juga memerlukan bahagian eksekutif untuk memberi latihan kepada pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat rahsia berkenaan dengan perlindungan pemberi maklumat.

IAAFY 2014

IAAFY 2014 telah memasukkan semua peruntukan dalam dalam PPD 19/2012 untuk menjadikannya akta dan memberi perlindungan statutori kepada pemberi maklumat terhadap tindakan balas yang dibuat atas pemberian maklumat yang diberikan secara sah. Contohnya pemberi maklumat yang memberi maklumat secara sah dilindungi jika ia memberi maklumat kepada DNI atau sesiapa yang di nyatakan oleh DNI, ICIG, ketua agensi atau pekerja yang dilantik oleh ketua agensi, IG sesebuah agensi, CIC atau ahli CIC.[362] Walaubagaimanapun, akta ini tidak menyebut perlindungan kepada kontraktor yang bekerja dengan komuniti perisikan. Seksyen 602 IAAFY 2014 memperuntukkan perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat termasuklah rayuan sebagaimana yang dibincangkan dalam PPD 19/2012, ia juga membenarkan pemberi maklumat mengekalkan status pekerjaannya dalam kerajaan sementara menanti keputusan rayuan. Namun seksyen ini juga tidak membenarkan semakan kehakiman dan juga hak tindakan persendirian.

Intelligence Community Directive (ICD)-120

Dikemaskinikan pada tahun 2016, ia mengecualikan tindakan peribadi oleh angkatan tentera dan ia juga tidak menyebut berkaitan kontraktor yang bekerja di komuniti risikan. Namun untuk perlindungan khusus kepada pemberi maklumat yang

[362] Seksyen 601 IAAFY 2014

mempunyai kelayakan untuk akses kepada maklumat rahsia, maka angkatan tentera dan kontraktor juga dilindungi.

United States Code, Title 10

Angkatan tentera mengguna pakai *US Code Title* 10 untuk perlindungan kepada pemberi maklumat mereka.Seksyen 3014 memperuntukkan anggota angkatan tentera untuk berkomunikasi dengan ahli atau ahli-ahli Kongres, IG, ahli audit DOD, pemeriksaan, penyiasatan atau organisasi penguatkuasaan undang-undang, mana-mana orang atau organisasi dalam rantaian pemerintahan, prosiding Mahkamah Tentera, atau mana-mana organisasi yang ditetapkan oleh peraturan atau prosedur pentadbiran untuk pemberian maklumat, atau testimony, atau menyertai atau membantu dalam penyiasatan atau prosiding yang melibatkan Kongres atau IG.

Tindakan balas yang dimaksudkan adalah (i) ancaman untuk mengambil apa-apa tindakan yang tidak baik, (ii) penahanan atau ancaman untuk menahan apa-apa tindakan, (iii) pembuatan atau ancaman untuk membuat perubahan besar dalam tugas atau tanggungjawab anggota tentera yang tidak sepada dengan gred anggota tersebut, (iv) kegagalan orang atasan untuk mengambil tindakan terhadap tindakan balas atau gangguan (yang mana diketahui oleh orang atasan tersebut) yang diambil oleh anggota bawahannya, (v) melakukan siasatan balas terhadap ahli.[363]

[363] Seksyen 1034(b) (2) (A)

6.2.7 Akta *Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation* 2002/ Akta *No Fear* (NFA 2002)

Akta *Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation* 2002 yang dikenali juga dengan nama Akta *No Fear* (NFA 2002) pula adalah bertujuan supaya agensi-agensi Persekutuan bertanggung jawab terhadap pelanggaran undang-undang anti-diskriminasi dan perlindungan pemberi maklumat. Ia digubal sewaktu George Bush menjadi Presiden Amerika. Ia menghendaki agensi Persekutuan menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi dan tindakan balas. Agensi Persekutuan juga perlu menyediakan notis tahunan kepada pekerja, bekas pekerja, dan pemohon pekerjaan Persekutuan mengenai hak dan remedi yang terpakai kepada mereka di bawah undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat. Sekurang-kurangnya setiap dua tahun, agensi perlu memberikan latihan kepada pekerja, termasuk pengurus, mengenai hak dan remedi yang ada di bawah undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat. Pihak agensi perlu mengemukakan kepada Kongres, *Equal Employment Opportunity Commission* (EEOC), Jabatan Kehakiman, dan (*Office of Personnel Management*) OPM, suatu laporan tahunan yang memberitahu mengenai usaha agensi itu untuk meningkatkan pematuhan dengan undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat dan memperincikan status aduan yang dibawa terhadap agensi di bawah undang-undang ini. Akhirnya, agensi tersebut perlu menghantar data statistik suku tahunan mengenai aduan yang difailkan dengan agensi.[364]

[364] Laman US Equal Employment Opportunity Commission, Questions and Answers: No FEAR Act, https://www.eeoc.gov/eeoc/statistics/nofear/qanda.cfm, (diakses pada 31 Mac 2021)

6.2.8 SOX 2002

Amerika menggubal pula SOX 2002 setelah kes Enron dan WorldCom yang melibatkan penipuan besar penyata kewangan yang mana pihak pengurusan juga bersubahat dalam penipuan tersebut. Dalam kes Enron,[365] dengan menggunakan amalan perakaunan dan laporan kewangan yang dimanipulasikan, Ketua Pegawai Kewangan dan eksekutif yang lain telah berjaya menyembunyikan hutang berjumlah jutaan dolar Amerika dari projek yang gagal dan memperdayakan lembaga pengarah Enron dan jawatankuasa audit. Akta ini bertujuan melindungi pelabur daripada penipuan korporat dengan memperkukuhkan ketepatan dan kebolehpercayaan terhadap pendedahan kewangan oleh syarikat-syarikat. Peruntukan-peruntukan akta ini terpakai kepada syarikat yang sahamnya diperdagangkan di bursa saham awam dan juga syarikat milik persendirian dimana undang-undang syarikat melarangnya dari memusnahkan rekod untuk menghalang penyiasatan agensi persekutuan, contohnya dari membalas dendam terhadap pemberi maklumat. Akta ini memerlukan syarikat telus dalam mempamerkan data-datanya bagi melindungi pelabur dan bakal pelabur daripada membuat penilaian yang salah mengenai kewangan syarikat akibat daripada manipulasi orang dalam.[366] SOX 2002 menjadikan laporan maklumat suatu yang mandatori di dalam keadaan-keadaan tertentu dengan hukuman jenayah dikenakan jika pihak yang diwajibkan membuat laporan gagal melaporkan. Ini memerlukan pendaftaran dan laporan yang tepat untuk instrumen pembiayaan, seperti saham dan bon yang digunakan untuk membiayai industri swasta. Beberapa pegawai korporat dikehendaki melaporkan jika terdapat penyelewengan. Oleh itu satu badan iaitu *Public*

[365] C. William Thomas, "The Rise and Fall of Enron," Journal of Accounting,(April 2002) http://www.journalofaccountancy.com/Issues/2002/Apr/TheRiseAndFallOfEnron.htm (dakses pada 30 Oktober 2018)

[366] Josh Frulinger, The Sarbanes-Oxley Act explained: Defination, purpose and provisions, 2020, CSO Asean, https://www.csoonline.com/article/3598292/the-sarbanes-oxley-act-explained-definition-purpose-and-provisions.html, (diakses pada 31 Mac 2021)

Company Accounting Oversight Board diadakan untuk melihat audit syarikat awam adalah tertakluk kepada undang-undang sekuriti, dan perkara-perkara yang berkaitan untuk melindungi kepentingan pelabur dan kepentingan awam dalam penyediaan audit yang tepat dan bebas untuk syarikat yang mana sekuritinya dijual kepada, dipegang oleh pelabur awam.[367] Seksyen 806 SOX 2002 melindungi pemberi maklumat berikut:- (i) pekerja syarikat perdagangan awam (ii) pekerja kontraktor atau subkontraktor syarikat perdagangan awam yang membuat laporan penipuan oleh syarikat perdagangan awam. Untuk huraiannya, akta ini melindungi pekerja, pegawai dana agen syarikat perdagangan awam iaitu syarikat yang mengeluarkan sekuriti yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Pertukaran Sekuriti 1934 atau yang diminta untuk memfailkan laporan di bawah seksyen 15(d) akta yang sama; pekerja mana-mana anak syarikat atau gabungan syarikat perdagangan awam yang maklumat kewangannya termasuk dalam penyata kewangan syarikat tersebut; pekerja kontraktor atau sub-kontraktor syarikat awam termasuk peguam, dan akauntan yang menyediakan fail *Security Exchange Commission* syarikat awam dan pekerja organisasi penarafan statistik yang diiktiraf secara nasional seperti yang ditentukan dalam bahagian 3(a) Akta Pertukaran Sekuriti 1934.[368]

Di dalam kes Blanchard lwn. Exellis System Corporation,[369] Hakim Brown menyatakan bahawa ianya adalah niat Kongres untuk melindungi pekerja domestik di Amerika dan juga pekerja domestik yang di luar Amerika atau pekerja syarikat perdagangan awam asing yang memberi maklumat mengenai pekerja yang melanggar

[367] Seksyen 101 SOX 2002
[368] Jason Zuckerman, "Who is Protected under the whistleblower protection provision of the Sarbanes-Oxley Act," 31 July 2020, Zuckerman Law, https://www.zuckermanlaw.com/sp_faq/protected-whistleblower-protection-provision-sarbanes-oxley-act/, (diakses pada 31 Mac 2021)
[369] Office of Administrative law Judges, "USDOL/OALJ Reporter: ARB Decision Caselist - October 2016,"2016, https://www.dol.gov/agencies/oalj/PUBLIC/ARB/REFERENCES/CASELISTS/10_2016, (diakses pada 31 Mac 2021)

peruntukan seksyen 806 di mana salahlaku yang dituduh itu melibatkan pelanggaran domestik Amerika. Namun selepas kes Li Tao Hu lwn PTC, Inc. dan Antonio Jose Jimenez Perez lwn Citigroup, Inc. pada tahun 2019 didapati bahawa seksyen 806 SOX 2002 tidak melindungi pemberi maklumat di luar Amerika.[370]

SOX 2002 melindungi pemberi maklumat yang memberi maklumat mengenai penipuan sekuriti, penipuan pemegang saham, penipuan bank, pelanggaran peraturan dan undang-undang *Securities and Exchange Commission* (SEC), penipuan dokumen dan penipuan elektronik. Pendedahan pemberi maklumat melibatkan sekuriti dan kewangan hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa, peguam negara, atau Peguam Daerah tempatan. Pemberi maklumat tidak perlu melaporkan penipuan yang sebenar tetapi cukup dengan apa yang mereka mempercayai adanya penipuan dan tidak perlu menunggu berlakunya penipuan tetapi memadai melaporkan pelanggaran yang mereka percaya akan berlaku. Terdapat larangan tindakan balas terhadap pemberi maklumat di mana ia melarang sebarang tindakan yang memberi kesan yang buruk kepada pemberi maklumat dari sudut kerja seperti memberhentikan, menurunkan pangkat, menggantung, mengancam, mengganggu atau apa-apa cara lain yang mendiskriminasikan pemberi maklumat. Malah mendedahkan identiti pemberi maklumat juga dianggap sebagai tindakan balas. Seksyen 806 SOX 2002 menyediakan perlindungan yang mantap bagi pemberi maklumat korporat. Jika berlaku tindakan balas kepada pemberi maklumat SOX 2002, mereka boleh mendapatkan semula (i) kehilangan upah dan faedah; (ii) penempatan semula atau bayaran pendahuluan dan

[370]ARB Case No. 2017-0068 (Sept. 18, 2019) https://www.oalj.dol.gov/PUBLIC/ARB/DECISIONS/ARB_DECISIONS/SOX/17_068.SOXP_SLIP_OP.PDF , ; ARB Case No. 2017-0031 (Sept. 30, 2019). https://www.oalj.dol.gov/PUBLIC/ARB/DECISIONS/ARB_DECISIONS/SOX/17_031.SOXP_SLIP_OP.PDF (diakses pada 31 Mac 2021)

(iii) gantirugi khas yang merangkumi tekanan emosi, kemerosotan reputasi, penghinaan peribadi dan bahaya lain yang bukan ekonomi disebabkan oleh tindakan balas. Tiada had dalam ganti rugi khas di bawah SOX 2002.

6.2.9 Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 (FCPA 1977)

Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 digubal selepas skandal Watergate. Bagi urusan perdagangan korporat, ia melarang syarikat di Amerika dan syarikat antarabangsa yang lain dari memberi rasuah kepada pegawai asing dan mewajibkan penyimpanan rekod kewangan yang teratur. Dari sudut perakaunan pula, ia hendaklah mengadakan dan menyimpan buku, rekod dan akaun sehingga menggambarkan transaksi syarikat dengan tepat. Mereka dilarang dari memalsukan rekod dan mengadakan dan menjaga dengan secukupnya sistem kawalan dalaman akaun. Ia digunapakai terhadap *issuer*, anak syarikat dan kakitangan mereka serta entiti dan agen asing. *Issuer* adalah syarikat awam Amerika atau syarikat asing yang tersenarai di bursa saham Amerika atau syarikat yang diminta untuk memfailkan laporan berkala dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika.

Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 melarang pembayaran rasuah untuk mendapat keuntungan perniagaan. Antara contohnya adalah memberi rasuah untuk memenangi atau mendapatkan kontrak, mempengaruhi proses perolehan, melanggar peraturan untuk mengimport produk, mendapatkan akses kepada maklumat tender bukan awam, mendapatkan pengecualian terhadap peraturan dan mengelakkan penamatan kontrak. Ia juga melarang rasuah tidak langsung atau rasuah yang dibuat kepada mana-mana orang yang mengetahui sebahagian pembayaran akan digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk memberi rasuah kepada pegawai asing. Orang atau syarikat yang

membantu atau bersubahat dalam skim rasuah bersalah di bawah akta ini sama dengan mereka yang membayar rasuah. Bentuk rasuah pula adalah apa-apa saja yang berharga termasuklah wang tunai, peralatan komputer, kenderaan, pakaian yang mahal, bekalan perubatan dan sebagainya. [371]

Securities and Exchange Commission dan *Department of Justice* adalah penguatkuasa kepada akta ini dan mereka bekerjasama. *Securities and Exchange Commission* bertanggungjawab untuk penguatkuasaan sivil untuk memastikan berlaku keadilan antara *issuers* dan pemegang sahamnya. Ia menyiasat dan mendakwa perlanggaran Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 terhadap syarikat di bawah peraturannya. Manakala *Department of Justice* bertanggungjawab kepada penguatkuasaan sivil dan jenayah.[372]

Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 tidak mempunyai peruntukan untuk melindungi pemberi maklumat. Namun pemberi maklumat dilindungi di bawah SOX 2002 and the Akta *Dodd-Frank* 2010 jika berlaku tindakan balas yang memudaratkan. Ia juga membenarkan pemberi maklumat termasuk warganegara asing menuntut ganjaran kewangan bila melaporkan rasuah yang dilarang bawah akta ini. Pemberi maklumat mestilah secara sukarela memberi maklumat asal yang membawa kepada kejayaan penguatkuasaan berkaitan pelanggaran akta dan kutipan denda kewangan.[373] Seorang pemberi maklumat diberi ganjaran 10 peratus sehingga 30 peratus dari keseluruhan

[371] National Whistleblower Center," Foreign Corrupt Practices Act Whistleblower FAQ,"National Whistleblower Centre, https://www.whistleblowers.org/faq/foreign-corrupt-practices-act-qui-tam/, (diakses pada 31 Mac 2021)
[372] ibid
[373] Seksyen 15 U.S.C. Dodd-Frank Act mendefinisikan monetary sanction sebagai "apa saja kewangan termasuk penalty, disgorgement pemberian sesuatu atas permintaan atau atas paksaan undang-undang), dan kepentingan yang diarahkan untuk dibayar; apa saja kewangan yang dimasukkan kedalam dana disgorgement atau dana lain menurut seksyen 308 SOX 2002 sebagai hasil daripada apa-apa tindakan atau penyelesaian kepada tindakan-tindakan itu."

jumlah yang didapati kembali dari defenden jika jumlah melebihi USD 1 juta. Jika pemberi maklumat memilih untuk merahsiakan dirinya, maka peguam akan mewakili pemberi maklumat tersebut.[374]

Namun SOX 2002 tidak melindungi pemberi maklumat yang membuat aduan dalaman mengenai kemungkinan pelanggaran Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977. Di dalam kes Sanford Wadler, seorang bekas penasihat umum makmal yang telah mendakwa makmal kerana pemecatan salah. Beliau menyatakan telah dipecat dari kerja kerana membuat laporan dalaman mengenai kemungkinan pelanggaran Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 di China. Pada tahun 2017, dia telah diberi ganti rugi USD 11 juta. Bagaimanapun, pihak makmal telah membuat rayuan dengan menyatakan laporan dalaman mengenai Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 adalah berada di luar seksyen 806 SOX 2002 kerana peruntukan Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 tidak merupakan peraturan SOX 2002. Mahkamah Litar ke Sembilan membuat keputusan bahawa seksyen 806 SOX 2002 jelas merujuk kepada peraturan pentadbiran SOX 2002 dan tidak termasuk undang-undang yang digubal oleh Kongres.[375]

6.2.10 Akta *Dodd-Frank Wall Street Reform and Consumer Protection* 2010 (Akta *Dodd-Frank* 2010)

Akta *Dodd-Frank* 2010 adalah satu akta yang menambah baik kepada akta pertukaran sekuriti. Antara tujuan utamanya adalah mengurangi risiko dalam sistem kewangan dengan mengatur bank-bank besar dan institusi kewangan lain dengan lebih ketat. Ia digubal selepas krisis kewangan tahun 2008 dan membentuk Program Pemberi

[374] Supra 368
[375] Kristina Knox, "Ninth Circuit Limits Protection for FCPA Whistleblowers,"25 April 2019, The Anticorruption Blog, https://www.anticorruptionblog.com/foreign-corrupt-practices-act/ninth-circuit-limits-protections-fcpa-whistleblowers/ (diakses pada 31 Mac 2021)

Maklumat *Security Exchange Commission* (SEC) dan menawarkan ganjaran kepada sesiapa yang memberi maklumat kepada SEC yang membawa kepada pemulihan sekatan kewangan. Ia bertujuan mengekalkan integriti pasaran modal Amerika dan mempromosikan kestabilan kewangan dengan meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan. Seksyen 922 memperuntukkan pemberi maklumat boleh memberi maklumat secara sulit tanpa mendedahkan identitinya. Sesiapa yang memberikan maklumat asal berkaitan pelanggaran akta SEC yang membawa kepada tindakan penguatkuasaan yang berjaya menyebabkan sekatan kewangan sebanyak USD1000,000 berhak untuk mendapat ganjaran mandatori antara 10 peratus sehingga 30 peratus dari hasil kutipan. Ia juga memberi kuasa kepada Jawatankuasa Sekuriti Pertukaran Amerika membuat bayaran kewangan kepada pemberi maklumat jika mereka memberi informasi yang membawa kepada berjayanya pelaksanaan Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977. Akta ini terpakai walaupun pemberi maklumat adalah warganegara asing dan rasuah di bayar di luar negara Amerika. Malah ia membenarkan pendedahan maklumat secara "tanpa nama." Kerajaan Amerika telah berjaya mendakwa ramai warga asing dan syarikat asing, antaranya Siemen, syarikat Jerman yang disenaraikan di Bursa Saham New York yang terlibat dengan amalan membayar rasuah secara sistematik kepada pegawai kerajaan asing untuk mendapatkan perniagaan.[376]

Akta Dodd-Frank 2010 juga memerlukan *Commodity Futures Trading Commission* (CFTC) untuk mewujudkan Pejabat Pemberi Maklumat CFTC. CFTC adalah agensi pematuhan yang memantau perdagangan komoditi seperti emas, minyak, mata wang

[376]National Whistleblower Center, International Whistleblower Protections, http://www.whistleblowers.org/resources/international-whistleblowers, (diakses pada 31 Mac 2021)

asing dan makanan yang diatur di bawah Akta *Commodity Exchange* 1936. Seorang pemberi maklumat tanpa nama telah diberi ganjaran terbesar iaitu USD 30 juta pada tahun 2018[377] kerana memberi maklumat berkaitan manipulasi penanda aras kadar faedah *International Swaps and Derivatives Association Fix* (ISDAFIX) di seluruh industri, mekanisme penetapan harga penting yang digunakan oleh pasaran derivatif swasta bernilai USD544 trilion.[378]

Namun keputusan Mahkamah Agung di dalam kes Digital Realty Trust v. Thomas pada tahun 2018 telah mengecewakan pemberi maklumat. Sekutu kepada syarikat-syarikat perniagaan besar telah meyakinkan Mahkamah bahawa pekerja-pekerja yang melaporkan pelanggaran undang-undang sekuriti kepada penyelia atau program pematuhan korporat dan tidak kepada SEC, tidak akan dilindungi daripada tindakan balas yang diperuntukkan oleh Akta Dodd-Frank 2010. Ini bermakna pemberi maklumat dalaman tidak akan dilindungi di bawah akta ini. Walaubagaimanapun, pada Mei 2019, satu akta digubal untuk diperkenalkan di Dewan Rakyat untuk meminda definisi pemberi maklumat di bawah SEC iaitu Akta *The Whistleblower Protection Reform* untuk membenarkan pemberi maklumat dalaman juga dilindungi oleh Akta *Dodd-Frank* 2010. Pada September 2019, ia dibincangkan di Dewan Negara tetapi masih dalam proses perbincangan.[379]

Universiti Utara Malaysia

[377] Rachel McIntosh, "The CFTC Granted $45 Million in Whistleblower Rewards Last Month", 3 Ogos 2018 https://www.financemagnates.com/cryptocurrency/news/the-cftc-granted-45-million-in-whistleblower-rewards-last-month/ (diakses pada 31 Mac 2021)

[378] Whistleblower Gets Largest-Ever CFTC Award for Exposing the ISDAFIX Scandal - Garson, Segal, Steinmetz, Fladgate LLP, 6 Ogos 2018, https://markets.businessinsider.com/news/stocks/whistleblower-gets-largest-ever-cftc-award-for-exposing-the-isdafix-scandal-garson-segal-steinmetz-fladgate-llp-1027435727 (diakses pada 13 Ogos 2020)

[379] Digital Realty Trust, Inc. V. Somers (2017) https://www.supremecourt.gov/opinions/17pdf/16-1276_b0nd.pdf (diakses pada 31 Mac 2021)

Jadual 6. 1

Amerika - Pemberi maklumat dan perlindungan

Akta	**Pemberi maklumat**	**Perlindungan**
False Claims Act 1683 (FCA 1683)	-pemberi maklumat yang bukan pekerja kerajaan. -pemberi maklumat bukan warganegara	-remedi undang-undang sivil (pemecatan yang salah) - *Qui Tam* - insentif kewangan 15-30% dari hasil kutipan kerajaan berkaitan kes tersebut.
Lloyd–La Follette Act 1912 (LLFA 1912)	-penjawat awam boleh memberi maklumat kepada Kongres atau kepada jawatankuasa atau ahlinya tanpa sebarang gangguan	- perlindungan dari pemecatan tidak wajar -melarang pampasan gaji diberikan kepada pengurus yang bertindak terhadap pekerja yang melakukan pendedahan maklumat
Civil Service Reform Act 1978 (CSRA 1978) -undang-undang Persekutuan	-pegawai kerajaan persekutuan yang membuat pendedahan maklumat berkaitan fraud, sisa buangan dan pengurusan kerajaan persekutuan.	- Ia melarang sebarang tindakan balas diambil terhadap pekerja kerajaan persekutuan yang membuat pendedahan maklumat .
Ethics in Government Act 1978 -undang-undang persekutuan	-pegawai-pegawai awam serta keluarga terdekat mereka membuat pendedahan berkaitan kewangan dan sejarah pekerjaan mereka.	-
Whistleblower Protection Act 1989	-pekerja kerajaan persekutuan yang memberi maklumat tetapi tertakluk kepada syarat: orang pertama yang mendedahkan salah laku; tidak membuat pendedahan kepada rakan sekerja atau penyelia; tidak mendedahkan akibat yang berlaku dari keputusan dasar; dan tidak mendedahkan maklumat semasa menjalankan tugas	gantirugi, pampasan.
Whistleblower Protection Enhancement Act 2012	-pekerja kerajaan persekutuan yang memberi maklumat	gantirugi, pampasan, tindakan tatatertib terhadap orang yang membuat tindakan balas

Universiti Utara Malaysia

		kepada pemberi maklumat
Akta Intelligence Community Whistleblower Protection of 1998 (ICWPA 1988), Presidential Policy Directive 19 dan Akta *Intelligence Authorization for Fiscal Year 2014(IAAFY 2014)*	- Pegawai perisikan	- hanya dibenarkan membuat tuntutan dalaman kepada agensi-agensi perisikan sahaja terhadap tindakan balas yang diambil terhadap mereka. - Namun perisikan Kongres boleh campurtangan untuk memastikan pemberi maklumat dilindungi.
Notification and Federal Employee Antidiscrimination and Retaliation Act of 2002 atau Akta *No Fear.*	- Menekankan tanggung jawab agensi-agensi Persekutuan terhadap pelanggaran undang-undang anti-diskriminasi dan perlindungan pemberi maklumat. - Agensi Persekutuan perlu menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi dan tindakan balas. - Agensi Persekutuan perlu menyediakan notis tahunan kepada pekerja, bekas pekerja, dan pemohon pekerjaan Persekutuan mengenai hak dan remedi yang terpakai kepada mereka di bawah undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat. - Sekurang-kurangnya setiap dua tahun, agensi perlu memberikan latihan kepada pekerja, termasuk pengurus, mengenai hak dan remedi yang ada di bawah undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat.	

Universiti Utara Malaysia

	- mengemukakan kepada Kongres, *Equal Employment Opportunity Commission* (EEOC), Jabatan Kehakiman, dan (*Office of Personnel management)* OPM, satu laporan tahunan yang mengenai usaha agensi itu untuk meningkatkan pematuhan dengan undang-undang diskriminasi pekerjaan dan perlindungan pemberi maklumat - memperincikan status aduan yang dibawa terhadap agensi di bawah undang-undang ini. - agensi tersebut perlu menghantar data statistik suku tahunan mengenai aduan yang difailkan dengan agensi	
SOX 2002	laporan maklumat suatu yang mandatori di dalam keadaan-keadaan tertentu dengan hukuman jenayah dikenakan jika pihak yang diwajibkan membuat laporan gagal melaporkan. - Ini memerlukan pendaftaran dan laporan yang tepat untuk instrumen pembiayaan, seperti saham dan bon yang digunakan untuk membiayai industri swasta. - Beberapa pegawai korporat dikehendaki melaporkan jika terdapat penyelewengan *(irregularities*). - Pendedahan pemberi maklumat melibatkan sekuriti dan kewangan hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa, peguam negara, atau Peguam Daerah tempatan.	pembayaran balik gaji dan faedah yang hilang, pengembalian semula kerja dengan senioriti yang sepatutnya, gantirugi khas seperti gantirugi kerana menjatuhkan reputasi, gantirugi menyebabkan penghinaan pada peribadi pemberi maklumat, gantirugi penderitaan mental dan gantirugi yang berbentuk bukan ekonomi disebabkan tindakan balas yang memudaratkan dan yuran dan kos peguam
Foreign Corrupt Practices Act 1977	- Sesiapa saja termasuk warganegara asing boleh mendedahkan jika syarikat di AS dan syarikat antarabangsa yang lain memberi rasuah kepada pegawai asing untuk urusan perdagangan korporat	- ganjaran kewangan

Dodd-Frank Wall Street Reform and Consumer Protection Act 2010	Sesiapa saja	-Melarang majikan memecat, merendahkan, menggantung, mengganggu dan mendiskriminasi penggerak etika. -Membenarkan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa AS (SEC) memberi ganjaran 150-30% dari hasil kutipan kerajaan berkaitan kes tersebut.

6.2.11 Pemberi Maklumat yang Diambil Tindakan di bawah Akta *Espionage* 1917

Setiap organisasi atau sesebuah kerajaan ada maklumat-maklumat rahsia tertentu yang hanya boleh diakses oleh orang-orang yang diberi kebenaran sahaja, iaitu pekerja-pekerja yang telah dilantik untuk menjalankan kerja dalam organisasi tersebut. Maklumat-maklumat ini dianggap maklumat sulit sesebuah organisasi, maka ia tidak boleh diakses atau disebarkan kepada pekerja-pekerja yang tiada bidangkuasa, sementelah kepada orang di luar organisasi tersebut. Ini adalah satu bentuk ketaatan kepada perintah, peraturan dan arahan daripada pihak berkuasa organisasi tersebut. Ia juga boleh terjadi atas dasar perjanjian yang ditandatangani oleh pekerja dengan majikannya untuk merahsiakan maklumat tertentu sesebuah organisasi. Seseorang pekerja boleh diambil tindakan dan didakwa jika melanggar perjanjian tersebut.

Seseorang pekerja yang juga merupakan warga negara adalah tertakluk kepada Perlembagaan Negara apatah lagi jika ia seorang kakitangan awam. Namun jika seseorang pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat rahsia sesebuah organisasi dan mendapati maklumat itu bertentangan dengan undang-undang domestik atau antarabangsa atau maslahah umum, ia mungkin mewujudkan perasaan bersalah

dalam diri pekerja berkenaan jika tidak mendedahkan maklumat tersebut demi menjaga kepentingan awam. Apalagi bila maklumat rahsia tersebut adalah berkaitan sesebuah kerajaan yang menipu rakyatnya mengenai hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan atau perkara-perkara perang dan keamanan.[380]

Akta *Espionage* 1917 adalah satu akta yang diwujudkan selepas Amerika memasuki perang dunia pertama yang bertujuan untuk menghukum pengintip perang. Akta ini membataskan hak kebebasan Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika, namun ia dikatakan mengikut perlembagaan oleh Mahkamah Agung dalam kes Schenck lwn. United States[381]. Mahkamah menyatakan bila Amerika menghadapi bahaya yang jelas pada waktu itu, maka Kongres mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang bertentangan dengan perlembagaan. Pada tahun 1950, dua warga negara Amerika iaitu Julius dan Ethel Rosenberg telah didakwa di bawah Akta *Espionage* 1917 atas kesalahan menjadi pengintip kepada Rusia dan dijatuhkan hukuman mati.[382]

Universiti Utara Malaysia

Namun sejak kebelakangan ini terutamanya sewaktu pemerintahan di bawah Presiden Barack Obama, akta ini telah digunakan untuk mendakwa pemberi maklumat yang mendedahkan salah laku kerajaan terutamanya bila ia melibatkan rahsia kerajaan walaupun ia adalah bertentangan dengan kepentingan awam. Terdapat beberapa pemberi maklumat yang dikenakan tindakan di bawah Akta Espionage 1917. Kes-kes ini adalah berkaitan pemberian maklumat sulit kerajaan Amerika. Antaranya adalah kes Daniel Ellsberg, Bradley Manning, Julian Assange, Edward Snowden.

[380]Ellsberg, D. (2013) Secrecy and National Security Whistleblowing, https://www.huffingtonpost.com/daniel-ellsberg/secrecy-and-national-secu_b_2469058.html, (diakses pada 31 Mac 2021)
[381]Schenck V. United States. Baer V. Same (1919) https://www.law.cornell.edu/supremecourt/text/249/47, (diakses pada 31 Mac 2021)
[382] Robert Longley," The Espionage Act of 1917: Definition, Summary, and History," 26 November 2018, https://www.thoughtco.com/1917-espionage-act-4177012 (diakses pada 28 Februari 2021)

Daniel Elsberg adalah seorang warga Negara Amerika yang mendapat pendidikan peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran dari Universiti Harvard. Beliau bekerja sebagai penganalisa di Rand Corporation dari tahun 1959 hingga 1964 dan berkhidmat sebagai pembantu khas kepada John T. Naughton, penolong setiausaha pertahanan bagi Hal Ehwal Keselamatan Antarabangsa dari 1964 sehingga 1965. Kemudiannya dia menghabiskan dua tahun di Vietnam sebagai seorang awam yang bekerja dengan Jabatan Negara. Pada tahun 1967, beliau telah menulis laporan "Sejarah pembuatan keputusan U.S. di Vietnam 1945-1968" yang lebih dikenali sebagai Kertas Pentagon. Ia berkaitan dokumen rahsia yang menunjukkan pembabitan Amerika dalam perang Vietnam adalah lebih besar dari apa yang diakui oleh kerajaan Amerika secara terbuka. Dengan bantuan bekas rakannya yang bekerja di Rand Corporation, mereka telah menyalin dokumen tersebut dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Hubungan Luar Negeri di Senat untuk mengadakan perbincangan berkaitan laporan tersebut tetapi gagal. Oleh itu beliau memberikan laporan itu kepada Neil Sheehan, seorang wartawan New York Time untuk disiarkan. Setelah laporan itu disiarkan, Ellsberg dan rakan sekerjanya tadi telah didakwa atas alasan konspirasi, penyalahgunaan harta kerajaan, pelanggaran Akta *Espionage* 1917 dan kesalahan jenayah lain. Dalam kes berkaitan penerbitan laporan tersebut, Mahkamah Agung dalam kes New York Times Co. lwn United States[383]memutuskan perintah injunksi yang dimohon oleh pentadbiran Nixon terhadap New York Times dan surat khabar lain adalah tidak mengikut perlembagaan iaitu melanggar kebebasan akhbar yang terdapat pada Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika . Malah kerajaan Amerika juga telah membuat salah laku dalam mendapatkan

[383]Stephen Robertson, New York Times Co. V US (1971) The First Amendment Encylopedia, 2009, https://www.mtsu.edu/first-amendment/article/505/new-york-times-co-v-united-states (diakses pada 22 Julai 2019)

bukti dalam kes ini seperti pecah masuk pejabat Ellsberg, memusnahkan dokumen berkaitan dan curi dengar. Oleh itu hakim telah menolak kes ini.[384]

Bradley Edward Manning dilahirkan pada tahun 1987 di Oklahoma, Amerika adalah seorang bekas askar Amerika. Dia ditugaskan sebagai penganalisis perisikan di Iraq pada tahun 2009 dan mempunyai akses kepada pengkalan data. Beliau telah memberi maklumat rahsia dari pengkalan data tersebut kepada WikiLeaks, rakannya Adrian Lamo yang kemudiannya telah memaklumkan kepada Komando Penyiasatan Jenayah Tentera. Bradley Manning membuat pendedahan maklumat berkaitan serangan udara Granai pada tahun 2009 di Afghanistan; serangan udara di Baghdad dalam bentuk video yang menunjukkan helikopter Apache Amerika menyerang sekumpulan orang awam di Baghdad Timur pada tahun 2007(Grand, 2013); 251,287 kabel diplomatik Amerika; 482,832 laporan tentera yang dikenali sebagai "*Iraq War Logs*" (400 000 dokumen) dan "*Afghan War Diary*"(91 000 dokumen). Semua maklumat ini telah diterbitkan antara April 2010 dan April 2011 oleh WikiLeaks dan rakan medianya. Edward Manning ditangkap pada bulan Mei 2013 dan didakwa pada tahun yang sama. Beliau didakwa bersabit 22 kesalahan, termasuk melanggar peruntukan Akta *Espionage* 1917; melanggar peruntukan Akta *Computer Fraud and Abuse 1986:* mencuri harta kerajaan; pelbagai tuduhan tidak mematuhi perintah dan tuduhan yang paling serius adalah membantu musuh yang boleh menyebabkan hukuman mati. Beliau ditahan di Brig Marine Corps, Quantico di Virginia, dari Julai 2010 hingga April 2011, di bawah status *Prevention Injury* yang mana ia diasingkan daripada tahanan lain dan juga sekatan lain secara domestik dan antarabangsa. Kemudiannya

[384]Brandon R Burnette, "Daniel Ellsberg,"The First Amendment Encylopedia, 2009,https://www.mtsu.edu/first-amendment/article/1435/daniel-ellsberg (diakses pada 22 Julai 2019)

beliau dipindahkan ke *Joint Regional Correctional Facility* di Fort Leavenworth, Kansas, di mana beliau dibenarkan untuk berinteraksi dengan tahanan lain. Pada Februari 2013, beliau telah mengaku bersalah kepada 10 pertuduhan. Perbicaraan atas tuduhan baki bermula pada 3 Jun 2013. Pada 30 Julai, dia disabitkan dengan 17 pertuduhan asal dan empat pertuduhan yang dipinda, namun dibebaskan untuk tuduhan membantu musuh. Beliau dijatuhkan hukuman penjara selama 35 tahun di *Disciplinary Barracks* di Fort Leavenworth. Pada 17 Januari 2017, Presiden Barack Obama mengubah hukuman itu kepada tujuh tahun penjara daripada tarikh penangkapannya pada 27 Mei 2010.[385]

Julian Assange adalah pengasas Wikileaks iaitu halaman di internet yang memberikan ruang kepada pemberi maklumat untuk memberikan maklumat dengan selamat. Halaman ini mendedahkan rahsia kerajaan Amerika diseluruh dunia terutamanya kebocoran fail tentera dan diplomatik Amerika. Dia telah mendapat suaka politik dari Kedutaan Ecuador di Britain selama tujuh tahun. Kerajaan Amerika mendakwa beliau telah melanggar Akta *Espionage* 1917 dengan menyiarkan semua rahsia ketenteraan Amerika kepada umum. Jika disabitkan kesalahan, maka beliau boleh didenda sehingga 175 tahun penjara.[386] Kerajaan Amerika sedang membuat rayuan kepada mahkamah England yang menolak permohonan ekstradisi Assange ke Amerika. Peguam Amerika berpendapat tuduhan terhadap Assange dapat ditentang di bawah Pindaan Pertama Perlembagaan Amerika yang melindungi hak kebebasan bersuara.[387]

[385]Micheal Ray,"Chelsea Manning, United States Intelligence analysist," https://www.britannica.com/biography/Chelsea-Manning (Diakses pada 1 Disember 2020)
[386] France24, "Julian Assange: World's most-wanted whistleblower back in spotlight," 2020, https://www.france24.com/en/20200224-julian-assange-world-s-most-wanted-whistleblower-back-in-spotlight (Diakses pada 11 Januari 2021)
[387] Al Jazeera, "Julian Assange: What you need to know about the WikiLeaks founder,"2020, https://www.aljazeera.com/news/2020/12/20/julian-assange (Diakses pada 15 Mac 2021)

Edward Joseph Snowden yang dilahirkan pada tahun 1983 di Carolina Utara, Amerika adalah seorang pakar dalam bidang komputer. Beliau telah bekerja di CIA pada tahun 2006 dan meninggalkan pekerjaannya pada tahun 2009 apabila disyaki cuba mendapatkan fail sulit. Kemudiannya dia bekerja dengan kontraktor swasta Dell, sebuah firma perunding teknologi. Pada masa yang sama, beliau bekerja sebagai sub-kontraktor di pejabat *National Security Agency (*NSA) di Jepun, yang kemudiannya telah ditukarkan ke pejabat di Hawai. Dia telah berpindah ke syarikat Booz Allen Hamilton. Edward Snowden telah menyalin dokumen rahsia sulit mengenai amalan pengawasan domestik NSA. Dia kemudiannya pergi berjumpa wartawan *The Guardian* dan pembuat filem Laura Poitras. Pada tahun 2013, dokumen tersebut telah disebarkan oleh *The Guardian* dengan mendedahkan *Foreign Intelligence Surveilance Court* telah memberi arahan supaya syarikat Verizon mengeluarkan maklumat kepada NSA secara berterusan setiap hari yang diambil daripada aktiviti telefon pelanggan Amerika Syarikat mereka. Beliau juga mendedahkan satu program PRISM yang memberikan NSA, Biro Penyiasatan Persekutuan, dan Ibu Pejabat Komunikasi Kerajaan ke pelayan internet syarikat besar seperti Google, Facebook, Microsoft dan Apple. Malah beliau memberitahu *China Morning Post* bahawa NSA telah menggodam komputer di China dari tahun 2009 lagi. Beliau juga telah mendedahkan beribu dokumen NSA kepada wartawan Glenn Greenwald, Laura Poitras, and Ewen MacAskill. Berita berkaitan dokumen tersebut telah diterbitkan dalam suratkhabar *The Guardian, The Washington Post, Der Spiegel* dan *The New York Times.*[388] *Department of Justice* Amerika Syarikat mendakwa Snowden mencuri harta kerajaan dan melanggar peruntukan 793(d) dan 798(a) (3) Akta *Espionage* 1917 iaitu mendedahkan

[388]Micheal Ray, Edword Snowden, American intelligence contractor, https://www.britannica.com/biography/Edward-Snowden (diakses pada 27 Disember 2020)

maklumat pertahanan negara secara tidak sah dan komunikasi maklumat sulit kepada orang yang tidak dibenarkan. Jika disabitkan kesalahan, beliau boleh dijatuhi hukuman penjara selama 30 tahun.[389] Susulan daripada itu, *Department of State* telah membatalkan pasportnya. Beliau kemudiannya terbang ke Lapangan Terbang Sheremetyevo di Moscow, tetapi pihak berkuasa Rusia menyatakan bahawa pasport Amerika Syarikatnya telah dibatalkan. Namun akhirnya, kerajaan Rusia memberikan hak suaka untuk satu tahun dan menyambungnya secara berulang sehingga tahun 2020. Pada tahun 2014, kerajaan Amerika telah mengeluarkan kenyataan yang mereka mungkin kerugian berbilion USD untuk menukar struktur keselamatan disebabkan maklumat sulit yang didedahkan oleh Edward Snowden. Dalam satu temubual dengan NBC News, Edward Snowden menyatakan dia seorang yang patriotik. Dengan pendedahan yang dibuat, maka perlindungan terhadap data-data awam dipertingkatkan di Amerika dan negara-negara lain. Dia juga menyatakan pengintipan kerajaan pada asasnya mengubah keseimbangan kuasa antara rakyat dan negara. Pada awal 2016, beliau menjadi presiden Yayasan Kebebasan Akhbar, sebuah organisasi yang bertujuan untuk melindungi wartawan daripada penggodaman dan pengawasan kerajaan. Beliau juga bercadang meminta pengampunan daripada kerajaan Amerika. *American Civil Liberties Union, Human Rights Watch* dan *Amnesty International* telah melancarkan kempen memohon Presiden Obama untuk mengampunkan Edward Snowden. Ahli *House Intelligence Committee* telah menggesa Presiden Obama untuk tidak mengampunkan Edward Snowden kerana telah membuat pendedahan terbesar mengenai maklumat sulit kerajaan kepada orang awam yang mana mengakibatkan kemusnahan yang besar dalam sejarah Amerika. Presiden Obama telah menolak

[389]International Amnesty, "Why Edward Snowden should be pardon", 19 Oktober 2020, https://www.amnesty.org.uk/edward-snowden-nsa-whistleblower-pardon (diakses pada 27 Disember 2020)

permohonan pengampunannya. Sekarang beliau tinggal di Moscow dan mendapat taraf penduduk tetap[390].

6.3 England

Pemberi maklumat tidak dilindungi daripada tindakan tatatertib, diskriminasi kerja atau sosial atau diberhentikan oleh majikan sehinggalah Akta *Public Interest Disclosure* 1998 (PIDA 1998) digubal. Terdapat beberapa perlindungan statutori di sektor kesihatan dan keselamatan yang berkaitan hak pekerja, jantina dan diskriminasi perkauman dalam Akta *Trade Union Reform dan Employment Rights* 1993 (TURERA 1993). *Committee on Standards in Public Life (CSPL – the Noland Committee1* iaitu sebuah badan awam bebas yang menasihati kerajaan mengenai piawai etika seluruh seluruh orang awam di England) dan *Public Concern at Work* (PCaW) (iaitu pusat nasihat undang-undang yang berpangkalan di London) adalah dua kumpulan lobi dan kebajikan yang memberi tumpuan kepada isu pendedahan maklumat yang merangka PIDA 1998. PCaW telah membuat analisa berikutan deretan skandal dan bencana secara terang-terangan pada 1980an dan awal 1990 seperti Clapham Rail Crash[391] dan kejatuhan Bank of Credit and Commerce International[392]. Clapham Rail Crash adalah di mana berlakunya perlanggaran dua keretapi yang menyebabkan 35 orang meninggal dan 415 orang cedera. Pelanggaran disebabkan kegagalan isyarat kerana kerosakan pendawaian. Juruteknik isyarat tidak diberitahu amalan kerja beliau adalah salah dan

[390] Ewen MacAskill, "Snowdern, I was a perso the most powerful government in the world wanted to go away," 13 September 2019, https://www.theguardian.com/us-news/ng-interactive/2019/sep/13/edward-snowden-interview-whistleblowing-russia-ai-permanent-record (diakses pada 27 Disember 2020)

[391] Anthony Hidden QC, Investigation into the Clapham Junction Railway Accident (1989) London: The Department of Transport, http://www.weathercharts.org/railway/Clapham_Junction_Collision_1988.pdf (diakses pada 15 November 2019)

[392] Sara Fritz dan James Bates, BCCI Case May Be History's Biggest Bank Fraud Scandal : Finance: Losses from seized institution may reach $15 billion. Some Third World central banks could collapse, ,(1991), Los Angeles Times, http://articles.latimes.com/1991-07-11/news/mn-2869_1_independence-bank - Skandal penipuan bank terbesar dalam sejarah,kerugian lebih kurang USD15 billion; audit telah mendedahkan yang bank telah menyembunyikan kerugiannya yang besar dan berada diambang keruntuhan.

tidak diperiksa oleh badan bebas. Dia bekerja tujuh hari seminggu selama 13 minggu. British Rail didenda 250,000 pound kerana melanggar undang-undang kesihatan dan keselamatan. Manakala kejatuhan Bank of Credit and Commerce International pula adalah skandal penipuan bank dimana berlaku kerugian lebih kurang USD 15 bilion dan audit telah mendedahkan yang bank telah menyembunyikan kerugiannya yang besar dan berada diambang keruntuhan.

Pada masa itu, hampir setiap siasatan awam mendapati bahawa para pekerja telah menyedari bahaya tetapi sama ada terlalu takut untuk membuat pendedahan maklumat atau telah membangkitkan perkara itu dengan cara yang salah atau kepada orang yang salah. Pada tahun 1997, Sir Richard Shephard telah mencadangkan bil *Public Interest Disclosure* di *House of Common* dan ianya diluluskan serta dijadikan akta pada tahun 1988.

Ianya adalah sebahagian perundangan pekerjaan iaitu ia adalah pindaan kepada Akta *Employment Rights* 1996 (ERA 1966) yang memasukkan seksyen 43A sehingga 43L, 47B dan 103A kepada akta ini di bawah tajuk "pendedahan yang dilindungi." PIDA 1988 berkuatkuasa pada 2 Julai 1999 di England dan juga *the Public Interest Disclosure (Northern Ireland) Order* 1998. Ia melindungi pekerja daripada perbuatan yang memudaratkan atau menjadi mangsa majikan jika mereka memberi maklumat untuk kepentingan awam. Akta ini melindungi kebanyakan pekerja dalam sektor awam, swasta dan sukarela. Ia terpakai kepada kontraktor, pelatih, kakitangan agensi, pegawai polis dan setiap professional dalam Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (NHS). Walaubagaimanapun, ianya tidak terpakai untuk profesional yang bekerja sendiri (selain daripada dalam NHS), pekerja sukarela (termasuk Pemegang Amanah

amal dan sukarelawan amal) atau perkhidmatan perisikan. Seseorang pemberi maklumat di perkhidmatan perisikan dan angkatan tentera perlu mendapatkan perlindungan melalui mekanisme perundangan yang lain. Ini adalah satu kelemahan yang boleh dilihat pada PIDA 1998 iaitu ruanglingkup pemberi maklumat yang dilindungi adalah terhad kerana terdapat kategori pemberi maklumat yang tidak dilindungi seperti orang awam, pekerja sukarelawan, bekas pekerja sama ada yang berbayar atau tidak dan orang-orang terdekat yang ada hubungan dengan pemberi maklumat seperti keluarga pemberi maklumat.

PIDA 1988 menetapkan satu rangka kerja yang melindungi pekerja daripada tindakan balas kerana mereka telah mendedahkan berkenaan salah laku untuk kepentingan awam. Ruang lingkupnya adalah luas kerana tiada tempoh kelayakan atau had umur yang menyekat pemakaian perlindungan ini (seksyen 7). Ini bermakna tiada tempoh masa perkhidmatan diperlukan untuk mendapat perlindungan di bawah PIDA 1988.

Universiti Utara Malaysia

Untuk mendapat perlindungan di bawah "pendedahan yang dilindungi", seseorang pemberi maklumat haruslah membuat "pendedahan yang layak" iaitu pendedahan yang berkaitan dengan salahlaku di bawah seksyen 43B. Pemberian maklumat tersebut hendaklah dilaporkan kepada saluran-saluran di bawah seksyen 43C sehingga seksyen 43H.

"Pendedahan yang layak" menyatakan pemberian maklumat yang layak untuk dilindungi adalah berkaitan:

a) Kesalahan jenayah yang telah dilakukan, sedang dilakukan atau mungkin akan dilakukan;

b) Seseorang itu telah gagal, gagal atau mungkin tidak akan mematuhi apa-apa kewajiban undang-undang yang mana ia tertakluk.

c) Kegagalan keadilan telah berlaku, sedang berlaku atau mungkin akan berlaku;

d) Kesihatan atau keselamatan mana-mana individu yang telah, sedang atau mungkin akan terancam;

e) Alam sekitar telah, sedang atau mungkin akan rosak; atau

f) Maklumat yang cenderung menunjukkan apa-apa perkara yang termasuk dalam mana-mana satu perenggan yang terdahulu telah, sedang atau mungkin dengan sengaja akan disembunyikan.

PIDA 1988 hanya menghadkan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat untuk enam kesalahan diatas sahaja, sedangkan banyak lagi kesalahan yang memudaratkan kepentingan awam, contohnya pembaziran dana awam atau harta benda, pendedahan kewangan yang palsu oleh agensi kerajaan atau syarikat yang dikawal selia, pelanggaran hak asasi manusia dan lain-lain. Ini sangat penting untuk memastikan semua bentuk pelanggaran yang serius, membimbangkan dan mengancam kepentingan awam dilaporkan. Ini boleh menyebabkan pemberi maklumat yang memberi maklumat selain dari yang disebut di atas tidak mendapat perlindungan dari sebarang tindakan balas.

Ia juga melindungi pekerja yang membuat pendedahan berkaitan perkara yang berlaku di luar England atau di mana undang-undang di tempat tersebut terpakai kepada kegagalan di bawah seksyen 43B (2).

Universiti Utara Malaysia

PIDA 1998 mengecualikan banyak jenis kesalahan, bermaksud jika pekerja melakukan kesalahan yang tidak ada dalam senarai PIDA 1998, maka beliau tidak akan dilindungi.

Saluran untuk melaporkan "pendedahan yang layak" adalah di bawah seksyen 43C hingga 43H iaitu:

a) Seksyen 43C - pendedahan kepada majikan atau orang yang bertanggungjawab dimana ianya dibuat secara suci hati kepada majikan atau pekerja mempercayai secara munasabah bahawa seseorang selain dari majikannya yang telah membuat salah laku.

b) Seksyen 43D - pendedahan kepada penasihat undang-undang untuk mendapatkan nasihat perundangan.

c) Seksyen 43E - pendedahan kepada *Minister of the Crown* orang yang dirujuk, dimana pekerja adalah orang yang dilantik di bawah mana-mana Enakman oleh *Minister of Crown* dan pendedahan dibuat secara suci hati.

d) Seksyen 43F - pendedahan kepada orang yang dinyatakan iaitu pendedahan dibuat secara suci hati kepada yang dinyatakan atas perintah Setiausaha Negara dan pemberi maklumat mempercayai secara munasabah bahawa salah laku adalah perkara yang berkaitan dengan orang yang dinyatakan serta semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Jadual 6. 2
Senarai orang yang dinyatakan[393]

Orang yang dinyatakan	**Maklumat**

[393] Department for Business,Energy and Industrial Strategy "Whistleblowing : List of prescribed people and bodies," Gov.UK, https://www.gov.uk/government/publications/blowing-the-whistle-list-of-prescribed-people-and-bodies--2/whistleblowing-list-of-prescribed-people-and-bodies (Diakses pada 9 September 2019)

Komunikasi dan penyiaran	
The Office of Communication (Ofcom)	Penyiaran dan komunikasi
Perniagaan, kewangan atau frod	
Accounts Commission for Scotland	Perniagaan, kewangan atau frod
The Auditor General for Wales	Perniagaan awam, nilai wang, penipuan dan rasuah yang berlaku di badan awam di Wales
The Auditor General for Scotland	Perniagaan awam, nilai wang, penipuan dan rasuah berhubung dengan penyediaan perkhidmatan awam
Audit Scotland	Pengendalian perniagaan awam di Scotland termasuk nilai wang, penipuan dan rasuah badan awam
The Bank of England	*Clearing house*, sistem pembayaran, nota bank dan penyelesaian sekuriti
Commissioner for Ethical Standards in Public Life in Scotland	Pelanggaran kod tata kelakuan oleh ahli majlis atau anggota badan awam
Commissioners for Her Majesty's Revenue and Customs (HMRC)	Fungsi kastam, cukai dan insuran
The Comptroller and Auditor General	Perniagaan awam, nilai wang, penipuan dan rasuah berhubung dengan peruntukan perkhidmatan awam
The Director of the Serious Fraud Office	Penipuan yang serius atau kompleks, termasuk rasuah di England, Wales atau Ireland Utara dan pemulihan awam hasil perlakuan haram
The Financial Conduct Authority (FCA)	-Dana, pasaran, firma dan individu tertakluk kepada Akta perkhidmatan Kewangan dan Pasaran 2000 (termasuk Bank, pertubuhan bangunan, kredit pengguna dan perniagaan pelaburan atau insurans) -persaingan yang melibatkan pasaran kewangan di UK dan mengenai operasi Persatuan bersama yang

	berdaftar oleh FCA di bawah perundangan yang berkaitan -pengendalian pengeluar Wang Elektronik (bagi tujuan peraturan Wang Elektronik 2011) pengendalian penyedia perkhidmatan pembayaran (bagi tujuan peraturan Perkhidmatan pembayaran) -Operasi Pengurus dana pelaburan alternatif kecil UK -fungsi pasaran kewangan
Financial Reporting Council Limited	-Audit berkanun di UK (termasuk pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan) -pengawasan bebas daripada bidang perakaunan dan aktuari -pematuhan kepada keperluan perundangan perakaunan dan laporan -penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan yang berkaitan dengan kelakuan Akauntan dan tindakan aktuari dan tatatertib dalam kes kepentingan awam -pengawasan Audit tempatan, pemantauan Audit tempatan utama dan penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan yang berkaitan dengan pengendalian Juruaudit tempatan dalam kes kepentingan awam -pengawasan bebas daripada Ketua Audit Negara -Juruaudit negara ketiga
The Lord Advocate, Scotland	Penipuan yang serius dan kompleks di Scotland
Payment Systems Regulator	Sistem pembayaran
Prudential Regulation Authority	Perniagaan yang mengambil deposit, perniagaan insurans atau perniagaan pelaburan dan Keselamatan dan kekukuhan orang yang diberi kuasa untuk tujuan tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Public Services Ombudsman for Wales	Pelanggaran oleh ahli atau ahli yang dipilih bersama kod Tatakelakuan pihak berkuasa yang berkaitan di Wales
Revenue Scotland	Pentadbiran cukai di Scotland, cukai urus niaga tanah dan bangunan, dan cukai tapak pelupusan Scotland).
The Secretary of State for Business, Energy and Industrial Strategy	Penipuan dan salahlaku syarikat
Kebajikan	
The Charity Commission for England and Wales	Pentadbiran badan amal yang betul dan dana yang diberikan atau dipegang untuk tujuan kebajikan di England dan Wales
Office of the Scottish Charity Regulator	Pentadbiran badan amal yang betul dan dana yang diberikan atau dipegang untuk tujuan kebajikan di Scotland
Kepentingan kanak-kanak	
Children's Commissioner for England	Hak, kebajikan dan kepentingan kanak-kanak di England
Children's Commissioner for Wales	Hak, kebajikan dan kepentingan kanak-kanak di Wales
Commissioner for Children and Young People in Scotland	Menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak dan orang muda di Scotland
Her Majesty's Chief Inspector of Education, Children's Services and Skills ('the Chief Inspector')	Peraturan dan pemeriksaan penjagaan sosial kanak-kanak
The National Society for the Prevention of	Kebajikan dan perlindungan kanak-kanak.

Universiti Utara Malaysia

Cruelty to Children (NSPCC)	
Welsh ministers	-Peraturan dan pemeriksaan pertubuhan dan agensi untuk perkhidmatan penjagaan sosial -pemeriksaan Perkhidmatan Sosial pihak berkuasa tempatan Wales
Perlindungan pengguna	
Competition and Markets Authority	Jualan barangan atau pembekalan perkhidmatan yang menjejaskan kepentingan pengguna; atau mengenai persaingan yang mempengaruhi pasaran di UK
Pihak berkuasa tempatan	Pematuhan terhadap keperluan perlindungan pengguna
Perlindungan data dan kebebasan maklumat	
The Information Commissioner	Perundangan yang berkaitan dengan perlindungan data dan kebebasan maklumat
The Scottish Information Commissioner	Perundangan berkaitan kebebasan maklumat di Scotland
Perolehan Pertahanan	
Single Source Regulations Office	Akta Pembaharuan Pertahanan 2014 dan peraturan kontrak sumber tunggal, yang terpakai kepada kontrak Pertahanan sumber tunggal.
Pendidikan	
Her Majesty's Chief Inspector of Education, Children's Services and Skills ('the Chief Inspector')	Kebajikan kanak-kanak yang disediakan dengan penginapan oleh sekolah berasrama penuh, kolej dan sekolah khas kediaman
Office of Qualifications and Examinations Regulation (Ofqual)	*Office of Qualifications and Examinations Regulation* yang menjalankan fungsi di bawah the *Apprenticeships, Skills, Children and Learning Act 2009.*

Universiti Utara Malaysia

Qualifications Wales	Kelayakan yang direka, dihantar atau dianugerahkan di *Wales* di bawah *Qualifications Wales Act 2015).*
Secretary of State for Education	- Penyelenggara sekolah - pengendalian tadika -sekolah persendirian (termasuk akademi dan sekolah percuma) - penyelenggaraan sekolah khas -unit rujukan pelajar -akademi peruntukan alternatif -16-19 akademi (dan sekolah percuma) -institusi dalam sektor pendidikan lanjutan -pos khas -16 institusi
Alam Sekitar	
The Environment Agency	-Tindakan dan peninggalan yang mempunyai kesan sebenar atau berpotensi ke atas alam sekitar atau pengurusan atau peraturan alam sekitar. Ini termasuk yang berkaitan dengan pencemaran, peringkasan air, banjir, aliran sungai, perikanan darat dan migrasi salmon atau Trout
Welsh ministers	-Alam sekitar dan sumber asli seperti yang dinyatakan di dalam *Natural Resources Body for Wales (Establishment) Order 2012*
The Scottish Environment Protection Agency	-Tindakan dan peninggalan yang mempunyai kesan sebenar atau berpotensi ke atas alam sekitar atau pengurusan atau peraturan alam sekitar. Ini termasuk yang berkaitan dengan sistem amaran banjir dan sistem dan pencemaran di Scotland
Standard pemakanan	
The Food Standards Agency (FSA)	-Perkara yang mungkin membentangkan risiko kepada kesihatan mana-mana orang awam berhubung dengan pengeluaran, pembekalan atau pengambilan makanan, atau sebaliknya memberi perhatian kepada perlindungan kepentingan pengguna berhubung

Universiti Utara Malaysia

	dengan makanan di England, Wales, atau Ireland Utara
Food Standards Scotland	-Perkara yang menjejaskan kesihatan dan Keselamatan pengguna dan kesahihan pengeluaran makanan di Scotland
Pihak berkuasa tempatan	Pematuhan terhadap keperluan perundangan keselamatan makanan.
Kesihatan dan keselamatan	
The Health and Safety Executive	-Industri dan aktiviti kerja yang mana Eksekutif Kesihatan dan Keselamatan adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab di *bawah Health and Safety (Enforcing Authority) Regulations 1998* - Kesihatan dan Keselamatan individu yang bekerja, atau kesihatan dan keselamatan orang awam yang timbul daripada atau berkaitan dengan aktiviti orang di tempat kerja
Office for Nuclear Regulation	-Perkara yang boleh menjejaskan kesihatan dan Keselamatan individu pada: • tapak nuklear • tapak pertahanan yang dibenarkan • tapak bina nuklear yang baru
Office of Rail and Road	-Peruntukan dan pembekalan perkhidmatan kereta api - apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan *Office of Rail and Road.*
Pihak berkuasa tempatan	-Perkara yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan mana-mana individu di tempat kerja -Perkara yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan mana-mana orang awam yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana aktiviti orang di tempat kerja.
Penjagaan kesihatan	
-*Care Quality Commission*	-Perkara berkenaan penyediaan penjagaan kesihatan dan social

Universiti Utara Malaysia

-Healthwatch England	
National Guardian's Office	-Perkara berkaitan kebebasan untuk membuat penyediaan dan bercakap di NHS di England termasuk kes-kes yang dibangkitkan oleh pekerja mungkin tidak ditangani mengikut amalan yang baik.
General chiropractic Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General chiropractic Council*
General Dental Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General Dental Council*
General Medical Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General Medical Council* - sebarang aktiviti yang tidak di bawah bidangkuasa *Council*
General Optical Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General Optical Council*
General Osteopathic Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General Osteopathic Council*
General Pharmaceutical Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh *General Pharmaceutical Council* - aktiviti yang dikawal selia di atau dari premis farmasi yang didaftarkan oleh *Council* -apa-apa aktiviti lain berkaitan dengan *Council*.
Healthcare Improvement Scotland	-Perkara berkaitan dengan keselamatn dan kualiti penyediaan kesihatan di Scotland.
Health and Care Professions Council	-Perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan kelayakan amalan ahli profesion yang dikawal oleh

Universiti Utara Malaysia

	Health and Care Profession Council atau apa-apa aktiviti berkaitan fungsi *Council*.
Health Education England	-Perkara berkaitan dengan pendidikan dan latihan untuk pekerja penjagaan kesihatan serta memastikan pekerja penjagaan kesihatan yang mahir dan terlatih disediakan untuk perkhidmatan.
Monitor (NHS Improvement)	-Mengenai peraturan dan prestasi amanah yayasan NHS dan aktiviti lain yang berkaitan dengan fungsi *Monitor*.
National Health Service Commissioning Board (NHS)	-Perkara yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan perubatan, pergigian, mata dan farmaseutikal di England.
NHS Counter Fraud Authority	-Prestasi perkhidmatan yang bertujuan untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap penipuan, rasuah atau aktiviti haram yang lain berhubung dengan perkhidmatan kesihatan di England. -pengurusan keselamatan dalam perkhidmatan di England
NHS Trust Development Authority (NHS Improvement)	-Prestasi amanah NHS English termasuk kualiti klinikal, tadbir urus dan pengurusan risiko.
Nursing and Midwifery Council	-Pendaftaran dan kelayakan untuk mengamalkan jururawat berdaftar atau bidan di UK dan *nursing associate* di England dan apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan *Council*.
The Secretary of State for Health and Social Care	-Perkara berkaitan peruntukan perkhidmatan kesihatan awam.
Welsh Minister	-Kajian semula dan penyiasatan terhadap penyediaan penjagaan kesihatan oleh dan untuk badan-badan Welsh dan oleh penyedia penjagaan kesihatan di Wales.

Universiti Utara Malaysia

Perumahan	
Homes and Communities Agency	-Kelakuan perniagaan penyedia berdaftar perumahan sosial di England
Registers of Scotland	-Perkara berkaitan pendaftaran tanah atau harta di Scotland
Scottish Housing Regulator	-Prestasi tuan tanah sosial berkaitan aktiviti perumahan, pendaftaran tuan-tuan tanah sosial, kesejahteraan kewangan dan tadbirurusnya.
Welsh Ministers	-Peraturan pendaftaran tuan-tuan tanah sosial di England
Pihak Berkuasa Tempatan	
England -Juruaudit luaran pihak berkuasa yang berkaitan atau *Comptroller* dan *Auditor General*	- Kelakuan yang wajar dalam perniagaan awam, nilai wang, penipuan dan rasuah berhubung penyediaan perkhidmatan awam.
Scotland *-Accounts Commission for Scotland*	-Berhubung pihak berkuasa tempatan di Scotland
Wales *Auditor General for Wales*	-Kelakuan yang wajar dalam perniagaan awam, nilai wang, penipuan dan rasuah berhubung penyediaan perkhidmatan awam
Commissioners as nominated under s56 Local Government Act 1999	-Perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi tertentu pihak berkuasa yang mempunyai nilai terbaik sebagaimana yang diarahkan oleh Setiausaha Negara berhubung dengan hanya pihak berkuasa tempatan yang mereka campur tangan.
Pencen	
The Pensions Regulator	-Perlindungan manfaat ahli di bawah skim pencen berasaskan pekerjaan pentadbiran dan tadbir urus skim tersebut (termasuklah perkara yang berhubungan dengan pendaftaran automatik di bawah Pensions Act 2008)

Universiti Utara Malaysia

Polis dan keadilan	
Chief Executive of Criminal Cases Review Commission	-Berkenaan potensi berlaku kegagalan keadilan atau yang sebenar berlaku di England atau Wales.
Chief Executive of Scottish Criminal Cases Review Commission	Berkenaan potensi berlaku kegagalan keadilan atau yang sebenar berlaku di Scotland
The Director of Serious Fraud Office	-Perkara berkaitan individu atau syarikat yang rasuah yang menawarkan atau menerima rasuah untuk mendapat faedah untuk diri sendiri atau orang lain.
Independent Office for Police Conduct (IOPC)	-Perkara berkaitan seseorang yang berkhidmat dengan (i) polis, (ii)Agensi Jenayah Kebangsaan, (iii)Pesuruhjaya dan pegawai Hasil dan Kastam, (iv) bahagian-bahagian pejabat yang menjalankan kuasa penguatkuasaan yang berkaitan sempadan dan imigresen, (v) fungsi polis dan pesuruhjaya jenayah (termasuk Datuk Bandar untuk Greater Manchester), (vi) Pejabat Datuk Bandar untuk Polis dan Jenayah, (vii) Gangmasters dan Labour – salahguna kuasa (orang yang bertindak sebagai pegawai pencegahan penyalahgunaan buruh), (viii) Polis Pengangkutan British, (ix) Kementerian Pertahanan Polis dan (x) Perbendaharaan Nuklear Awam.
National Crime Agency	-Perkara berkaitan individu atau syarikat yang memberi atau menerima rasuah untuk kepentingan sendiri atau kepentingan orang lain.
Penjagaan Sosial	
Care Inspectorate	-Perkara berkaitan penyediaan perkhidmatan penjagaan.
Care Quality Commission	-Perkara berkaitan perkhidmatan penjagaan sosial dewasa di England.
Health and Care Professions Council	-Perkara berkaitan pendaftaran dan kelayakan untuk mengamalkan profesion kesihatan dan penjagaan.

Universiti Utara Malaysia

Healthcare Improvement Scotland	-Perkara berkaitan keselamatan dan kualiti penjagaan kesihatan di Scotland.
Her Majesty's Chief Inspector of Education, Children's Services and Skills (The Chief Inspector)	-Berkaitan peraturan dan pemeriksaan penjagaan sosial kanak-kanak.
Older People Commissioner	-Hak dan kesejahteraan orang tua di Wales
Scottish Social Services Council	-Pendaftaran tenaga kerja perkhidmatan sosial di Scotland
Social Care Wales	-Pendaftaran tenaga kerja perkhidmatan sosial di Wales
Welsh Ministers	-Berkaitan penyediaan penjagaan perkhidmatan sosial dan pemeriksaan terhadap perkhidmatan sosial pihak berkuasa tempatan Welsh
Cukai	
Commissioners for Her Majesty's Revenue and Customs	-Pentadbiran cukai UK -pentadbiran insuran kebangsaan dan sistem kredit cukai -kastam dan fungsi berkaitan sempadan -penyiasatan jenayah
Revenue Scotland	-Pentadbiran cukai yang telah dikeluarkan di Scotland (cukai transaksi tanah dan bangunan serta cukai tapak pelupusan)
The Welsh Revenue Authority	-Pengeluaran cukai (cukai transaksi tanah dan bangunan serta cukai tapak pelupusan)
Kesatuan Sekerja	
The Certification Officer	-Berkaitan penipuan dan penyelewengan lain hal ehwal kewangan kesatuan sekerja dan persatuan majikan.
Pengangkutan	

Universiti Utara Malaysia

Civil Aviation Authority	-Pematuhan kepada keperluan undang-undang penerbangan awam termasuk keselamatan dan sekuriti penerbangan.
Office of Rail and Road	-Peruntukan dan pembekalan perkhidmatan kereta api dan sebarang aktiviti lain berhubung dengan fungsi *Office of Rail and Road*.
The Secretary of State and Transport	-Pematuhan kepada undang-undang perkapalan saudagar, termasuk keselamatan maritim -perkhidmatan kenderaan berkaitan dengan standard pemandu dan kenderaan, pengujian dan pensijilan kenderaan beserta sistem dan komponen mereka.
Utiliti	
The Gas and Electricity Market Authority (OFGEM)	-Penjanaan, penghantaran, pengedaran dan pembekalan elektrik -pengangkutan, pembekalan dan penghantaran gas melalui paip -perkhidmatan komunikasi meter pintar dan aktiviti sampingan -penjanaan haba yang boleh diperolehi
Water Services Regulation Authority (OFWAT)	-Bekalan air dan penyediaan perkhidmatan pembetungan
The Water Industry Commission for Scotland	-Bekalan air dan penyediaan perkhidmatan pembetungan di Scotland

e) Seksyen 43G – pendedahan dalam kes-kes yang lain dimana pendedahan dibuat oleh pekerja (i)dengan suci hati (sebelum 2013); (ii)dipercayai maklumat itu adalah benar; (iii) ianya bukan untuk kepentingan peribadi; (iv)salah satu syarat dibawah

Universiti Utara Malaysia

subseksyen 43G(2) dipenuhi dan (v) dalam apa-apa situasi, maka ianya adalah menasabah untuk ia membuat pendedahan berdasarkan identiti orang yang maklumatnya didedahkan, tahap keseriusan maklumat, sama ada kegagalan yang berkaitan berterusan atau mungkin akan berlaku lagi di masa hadapan, sama ada pendedahan yang dibuat melanggar kewajipan kerahsiaan majikan terhadap pihak yang lain, jika pekerja telah membuat pendedahan kepada majikan (s43G(2)(c) atau orang yang dinyatakan (s43F) telah mengambil atau mungkin secara munasabah dijangka mengambil tindakan hasil dari pendedahan yang dibuat sebelumnya, jika pendedahan telah dibuat kepada majikan pula maka pekerja telah mematuhi prosedur yang telah disahkan oleh majikannya.

Syarat-syarat yang dinyatakan di bawah seksyen 43G(2) adalah (i) sewaktu membuat pendedahan, pekerja mempercayai secara menasabah bahawa dia akan dikenakan tindakan yang memudaratkan oleh majikannya jika dia membuat pendedahan kepada majikannya atau orang yang dinyatakan di bawah seksyen 43F; (ii) di mana tiada orang yang dinyatakan dalam seksyen 43F, maka pekerja mempercayai secara menasabah bahawa segala bukti yang berkaitan dengan salah laku akan disembunyikan atau dimusnahkan jika dia membuat pendedahan maklumat kepada majikannya; (iii) pekerja telah membuat pendedahan yang ketara terhadap maklumat yang sama kepada majikannya atau mengikut seksyen 43F.

f) Seksyen 43H - pendedahan berkaitan kegagalan yang sangat kritikal di mana syarat-syaratnya (i) pekerja membuat pendedahan maklumat dengan suci hati, (ii) pekerja mempercayai secara menasabah bahawa semua maklumat yang didedahkan dan sebarang tuduhan didalamnya adalah benar, (iii) pekerja tidak membuat

pendedahan untuk keuntungan peribadi, (iv) kegagalan yang berkaitan adalah sangat serius dan (v) dalam apa-apa situasi, ianya adalah munasabah untuk pekerja membuat pendedahan tersebut.

Pendedahan kepada badan-badan kawalselia yang ditetapkan juga perlu mempunyai niat suci hati dan berkaitan dengan bidang/tanggungjawab badan-badan tersebut. Walaubagaimanapun, pendedahan kepada penasihat undang-undang tidak memerlukan suci hati kerana pekerja dikatakan mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa pendedahan menunjukkan satu salah laku tertentu. Pendedahan kepada entiti lain seperti media memerlukan ujian yang lebih ketat. Ia mesti dilakukan dengan suci hati dan pemberi maklumat mesti mempercayai secara menasabah bahawa maklumat adalah sebahagian besarnya adalah benar, tidak untuk kepentingan peribadi dan mempercayai bahawa mereka akan menderita jika pendedahan dibuat kepada pengawal selia atau bukti keterangan akan disembunyikan atau dimusnahkan jika di dedahkan kepada majikan mereka.

Universiti Utara Malaysia

PIDA 1988 mengkhususkan kepada siapa maklumat boleh didedahkan. Pemberi maklumat hanya boleh mendedahkan maklumat kepada orang-orang yang disenaraikan di bawah *Public Interest Disclosure (Prescribed Persons) Order 2012*, antaranya seperti Eksekutif Kesihatan dan Keselamatan, Pendaftar Perlindungan Data, Pegawai Pensijilan, Agensi Alam Sekitar, Setiausaha Negeri bagi Perdagangan dan Industri dan Agensi Perlindungan Alam Sekitar Scottish. Pada 6hb. April 2014, dimasukkan juga ahli parlimen sebagai orang yang boleh dirujuk. Seorang pekerja akan dilindungi apabila dia mendedahkan maklumat dengan suci hati kepada salah seorang dari orang-orang yang disenaraikan di bawah *Public Interest Disclosure*

(Prescribed Persons) Order 2012 dan mempercayai salah laku tersebut dalam bidang kuasa orang yang dalam senarai tersebut serta maklumat adalah sebahagian besarnya benar. Dalam kes Kay v. Northumberland Healthcare NHS Trust[394], Kay yang mengendalikan wad untuk orang-orang tua telah menyatakan kerisauannya kerana kekurangan katil dan diberitahu bahawa mereka tiada sumber untuk mendapatkan katil tersebut. Keadaan bertambah teruk dan beberapa pesakit warga tua terpaksa dipindahkan ke wad ginekologi. Kay menulis surat terbuka kepada Perdana Menteri dalam satu ruangan di surat khabar dan gambarnya dimasukkan dalam akhbar tersebut dengan kebenaran NHS Trust. Apabila surat itu diterbitkan, NHS Trust memberi amaran bertulis kepada Kay kerana tidak profesional dan melakukan perkara yang tidak boleh diterima. Mahkamah memutuskan Kay dilindungi di bawah seksyen 43(g) PIDA 1988.

Klausa kerahsiaan dan perjanjian yang memudaratkan dalam kontrak pekerjaan dianggap tidak sah setakat yang bercanggah dengan PIDA 1988. Sekiranya pendedahan didapati melanggar Akta Rahsia Rasmi atau apa-apa kerahsiaan yang lain, PIDA 1988 tidak akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat jika (a) pemberi maklumat telah disabitkan dengan kesalahan itu atau (b) tribunal pekerjaan berpuashati bahawa pemberi maklumat melakukan kesalahan itu dan ia memerlukan beban pembuktian yang tinggi yang menghampiri pembuktian kes jenayah.

Perlindungan kepada pemberi maklumat itu sendiri dinyatakan pada seksyen 47B ERA 1966 di mana seorang pekerja mempunyai hak untuk tidak boleh dijejaskan oleh

[394] Public Concern at Work, "Whistleblowing Case Summaries", http://www.whistleblowing.org.uk/law-policy/legal-updates/whistleblowing-case-summaries (diakses pada 15 November 2019)

majikannya, pekerja majikannya atau agen kepada majikannya melalui apa-apa perbuatan atau ketinggalan perbuatan disebabkan pekerja tadi mendedahkan satu maklumat yang dilindungi oleh akta. Perlindungan juga diberi kepada pemberi maklumat dari dipecat atau menjadi mangsa.[395]

Maklumat sulit oleh pemberi maklumat juga dilindungi dari disebarkan kepada pihak yang tak sepatutnya kerana ia berbentuk tanggungjawab kontrak berkaitan kerahsiaan.[396]

Akta *Enterprise and Regulatory Reform* 2013 (ERRA 2013) adalah pindaan yang dibuat terhadap peruntukan pemberi maklumat di ERA 1996 dan terpakai kepada "pendedahan yang layak" yang dibuat pada atau selepas 25 Jun 2013. Antara pindaannya adalah (i) tidak perlu ada elemen 'suci hati' dalam membuat pemberian maklumat, (ii) pekerja yang memberi maklumat percaya secara munasabah bahawa pendedahan maklumat dilakukan untuk kepentingan awam, (iii) rakan sekerja atau agen majikan yang menyebabkan pemberi maklumat terjejas disebabkan pendedahan maklumat yang dilindungi terdedah kepada liabiliti peribadi untuk dan majikan pula terdedah kepada liabiliti beralih bersabitan dengan tuntutan tersebut dan (iv) kuasa tribunal pekerjaan untuk mengurangkan pampasan tuntutan yang berjaya kepada 25 peratus jika tribunal mendapati pendedahan maklumat dibuat secara tidak suci hati.[397]

[395] IBB Solicitors, 5 things You Need to Know About Whistleblowing in the Workplace, https://www.ibblaw.co.uk/insights/blog/5-things-you-need-know-about-whistleblowing-workplace (Diakses pada 21 Mac 2018)
[396] Seksyen 43J ERA 1966
[397]Lexis PSL, " Whistleblowing-Overview", https://www.lexisnexis.com/uk/lexispsl/employment/document/393758/55T3-KWP1-F18B-R3K6-00000-00/Whistleblowing_overview (diakses pada 15 November 2019)

Kepentingan awam tidak didefinisikan tetapi kes Mahkamah Rayuan dalam kes Chesterton Global & Verman v. Nurmohamed & Anor[398]membuat keputusan bahawa kepentingan awam tidak semestinya kepentingan meluas sehingga luar dari tempat kerja tetapi ada empat pertimbangan yang perlu diambil kira:

(i) Bilangan orang yang terkesan dari pemberian maklumat tersebut.

(ii) Sifat kepentingan yang terjejas

(iii) Sejauh mana kepentingan itu terjejas dan

(iv) Identiti orang yang didakwa melakukan kesalahan

Jadi apa saja perkara yang memberi kesan kepada sekumpulan orang, dalam kes di atas sekumpulan pekerja sebuah organisasi, boleh dianggap senagai kepentingan awam. Terdapat tiga jenis tuntutan boleh dibuat oleh pemberi maklumat iaitu:

(i) Mana-mana pekerja yang mendapat perlindungan dari hari pertama pekerjaan boleh membuat tuntutan terhadap pembuangan kerja secara tidak adil

(ii) Mana-mana pekerja boleh membawa tuntutan yang menjejaskan oleh majikan disebabkan pendedahan maklumat yang diberikan.

(iii) Mana-mana pekerja boleh membawa tuntutan yang menjejaskan mereka oleh rakan sekerja atau agen majikan.[399]

Majikan akan dikenakan liabiliti beralih atas tuntutan yang dibuat oleh pekerja walaupun dia tidak tahu atau tidak mengesahkan apa yang agennya atau pekerja lain telah lakukan dengan mengenakan tindakan yang menjejaskan kepada pekerja yang

[398] [2017] EWCA Civ 979, https://www.employmentcasesupdate.co.uk/site.aspx?i=ed35613, (diakses pada 15 November 2019)
[399] ibid

memberi maklumat. Namun jika majikan tersebut dapat menunjukkan yang dia telah membuat langkah–langkah yang munasabah untuk menahan agen atau pekerja yang lain dari mengambil tindakan yang menjejaskan tersebut.

Perbuatan boleh dianggap menjejaskan apabila seorang pekerja yang munasabah menganggap satu perbuatan atau peninggalan perbuatan menyebabkan kerugian kepadanya. Batasan masa asas untuk tuntutan oleh pemberi maklumat adalah tiga bulan tetapi tertakluk kepada apa-apa lanjutan masa yang diberikan.[400]

Tuntutan oleh pemberi maklumat akan gagal jika dapat ditunjukkan bahawa:

(i) Pada waktu pekerja memutuskan untuk mendedahkan maklumat, ianya adalah tidak menasabah untuk pekerja itu mempercayai bahawa ia cenderung menunjukkan salah satu dari kesalahan yang disenaraikan berdasarkan maklumat yang ada pada waktu itu.

(ii) Jika pendedahan maklumat dibuat pada atau selepas 25 Jun 2013, pekerja tidak percaya secara menasabah bahawa ianya adalah untuk kepentingan awam.

(iii) Pendedahan maklumat sebelum 25 Jun 2013 memerlukan elemen suci hati, ia tidak boleh dibuat dengan niat jahat seperti dendam dan sebagainya kecuali jika ia dibuat untuk mendapatkan nasihat undang-undang.

(iv) Pemberi maklumat adalah melakukan kesalahan dengan mendedahkan maklumat itu atau ia mendapat maklumat itu semasa mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat itu adalah maklumat terlindung.

(v) Pendedahan dibuat kepada pihak pengawalseliaan yang sangat tidak sesuai

[400] ibid

Jika seorang pekerja berjaya dalam tuntutan pemecatan yang tidak adil disebabkan tindakan balas majikan kerana membuat pendedahan yang layak, dia berhak untuk mendapatkan remedi seperti pengembalian semula, penangguhan semula, award asas, award pampasan mengikut semua prinsip yang terpakai pada tuntutan pemecatan. Jika tribunal memberi award ganti rugi, jumlahnya adalah apa yang tribunal rasakan adil dan saksama.

Seksyen 14 PIDA 1988 menyatakan remedi untuk pelanggaran hak kepada "pendedahan yang dilindungi" adalah di bawah seksyen 47B (1A) ERA 1996 yang menyatakan seseorang pekerja mempunyai hak untuk tidak dijejaskan apa-apa berikutan perbuatan atau kegagalan melakukan apa-apa tindakan dengan sengaja oleh majikannya atas alasan pekerja telah melakukan "pendedahan yang dilindungi". Malah pekerja yang melakukan "pendedahan yang dilindungi" juga mempunyai hak untuk tidak dijejaskan oleh agen majikan atau pekerja majikannya atas alasan yang sama.

Universiti Utara Malaysia

Selain dari liabiliti beralih, pemberi maklumat juga boleh mengambil tindakan secara peribadi. Mahkamah Rayuan mendapati dua perayu iaitu dua pengarah bukan eksekutif bertanggungjawab secara bersama dan berasingan atas pemberhentian secara tidak adil Osipov dan dikehendaki membayar lebih kurang dua juta pound di dalam kes Timis & Anor lwn. Osipov & Anor,[401]

Namun, bekas ahli Parlimen England Lord Touhig menyatakan menyatakan bahawa PIDA 1988 hanyalah memberi sedikit perlindungan berbanding dengan beban yang

[401] [2018] EWCA Civ 2321, **https://www.employmentcasesupdate.co.uk/site.aspx?i=ed37824,** (diakses pada 15 November 2019)

harus ditanggung oleh pemberi maklumat. Majikan telah memanfaatkan jurang undang-undang yang ada sehingga merugikan pekerja yang ingin mendapatkan remedi. Malah dikatakan undang-undang ini merbahaya kepada pemberi maklumat kerana disangkakan dapat melindungi mereka tetapi ia adalah sebaliknya.[402] Laporan tahun 2016 oleh Thomson Reuters Foundation dan *Blue Print for Free Speech* yang membuat penilaian ke atas pelaksanaan PIDA 1988 dengan mengkaji kes-kes dan keputusan yang difailkan di Tribunal Pekerjaan, laporan-laporan media, analisis-analisis penyelidikan, makalah-makalah akademik dan menemuramah peguam, pemberi maklumat dan pakar mendapati bahawa PIDA 1988 tidak lagi dapat melindungi pemberi maklumat secukupnya dan tidak dapat memenuhi tujuan asalnya melainkan memerlukan perubahan yang banyak. Apabila seseorang memberi maklumat, PIDA 1988 tiada kuasa untuk menyekat pengurus atau rakan sekerja dari mengambil tindakan balas terhadap pemberi maklumat. Ia tidak memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dari diambil tindakan balas sebelum atau semasa kejadian itu berlaku. Ia hanya bergantung kepada pampasan atau ganti rugi kepada pemberi maklumat selepas tindakan balas diambil terhadap pemberi maklumat. Pemberi maklumat boleh mengemukakan tuntutan kepada Tribunal Pekerjaan selepas mereka dipecat, diganggu atau diambil tindakan balas. Pada waktu tersebut, kerosakan pada kerjaya, emosi dan kewangan mungkin berlaku terhadap pemberi maklumat. Sistem Tribunal Pekerjaan adalah formal dan kosnya adalah tinggi untuk orang biasa, masa menunggu yang panjang, kos guaman juga tinggi untuk mendapatkan peguam

[402] Mark Worth et al., "Safe or Sorry: Whistleblower Protection Laws in Europe Deliver Mixed Results,"2018, blueprint for FREE SPEECH, m/s 7, https://static1.squarespace.com/static/5e249291de6f0056c7b1099b/t/5ea0705d3338f119bc6df460/1587572832619/BLUEPRINT-Safe-or-Sorry-Whistleblower-Protection-Laws-in-Europe-Deliver-Mixed-Results.pdf (diakses pada 15 November 2019)

yang pakar jika pemberi maklumat tidak mampu mewakili dirinya sendiri. Daripada 139 kes di Tribunal Pekerjaan pada tahun 2007 hingga 2014, purata ganti rugi yang diterima pemberi maklumat yang memenangi kes adalah 17,422 pound; purata masa penyelesaian kes adalah 20 bulan dan bayaran guaman adalah Antara 8000 hingga 25,000 pound. Hakim membenarkan majikan memeriksa rekod pekerjanya secara keseluruhan yang mana boleh membuka ruang untuk majikan mencari kesalahan sikap pekerja dan membuat tuduhan palsu bagi mengurangkan kredibiliti pemberi maklumat dimata hakim supaya kes itu ditolak atau jumlah pampasan dapat dikurangkan.[403]

PIDA 1988 tidak mengandungi hukuman sivil atau jenyah untuk menghentikan, mencegah atau tidak menggalakkan buli, gangguan atau pemangsaan. Prinsip undang-undang yang sudah usang dan tidak sesuai telah dimasukkan ke PIDA 1988 yang akhirnya membawa kepada akibat yang tidak diingini dan tafsiran yang melemahkan perlindungan dan remedi kepada pemberi maklumat. Malah pemberi maklumat yang memenangi kes Tribunal Pekerjaan dapat melihat pampasan mereka dikurangkan oleh peraturan yang samar yang ditafsirkan secara subjektif oleh hakim. Laporan ini juga menyatakan PIDA 1988 hanya mengandungi tiga puluh tujuh peratus sahaja standard antarabangsa yang dibuat oleh Council of Europe, OECD dan badan-badan bukan kerajaan yang pakar dalam polisi pemberi maklumat.[404]Malah perlindungan pemberi maklumat ini juga hanyalah berkaitan dengan pemecatan dan kerugian dalam konteks pekerjaan sahaja dan tidak memberi kekebalan dari pendakwaan jenayah jika pemberi maklumat terlibat sama dalam salah laku tersebut.[405]

[403]Ibid, 18
[404] ibid
[405] Jillian Nailor et. al., "Whistleblowers: the UK Perspective," Global Investigation Review,2020, https://www.lexology.com/library/detail.aspx?g=11b2949b-67cd-440f-a2c3-ca61493e61d9 (diakses pada 29 November 2021

Oleh itu cadangan telah dibuat untuk (i) mewujudkan satu sistem tindakbalas yang pantas bagi melindungi pemberi maklumat; (ii) menubuhkan satu agensi kerajaan yang khusus bagi melindungi pemberi maklumat; (iii) menghukum sesiapa yang mengambil tindakan balas terhadap pemberi maklumat atau melanggar PIDA 1988 dan undang-undang yang berkaitan; (iv) menetapkan standard dan kriteria baru untuk Tribunal Pekerjaan khususnya untuk kes pemberian maklumat dan keperluan pemberi maklumat; (v) agensi kerajaan dan syarikat yang besar dan sederhana perlu mengadakan prosedur pemberi maklumat dalaman; (vi) pengawal selia dan agensi penyiasatan perlu mengambil tindakan susulan terhadap pendedahan yang dibuat oleh pemberi maklumat; (vii) meletakkan beban pembuktian yang penuh ke atas majikan untuk menunjukkan tindakan yang diambil terhadap pemberi maklumat adalah tiada kaitan dengan maklumat yang diberikan;(viii) menurunkan yuran Tribunal Pekerjaan dan mempermudahkan proses perbicaraan.[406]

Universiti Utara Malaysia

Sistem perlindungan pemberi maklumat boleh dilihat pada tahun 2001 dalam kes seorang kardiologist iaitu Raj Mattu memberi amaran kepada pengurus dan kakitangan Hospital Walsgrave di Coventry mengenai penjagaan yang kurang baik terhadap pesakit, termasuklah wad jantung yang terlalu padat membawa kepada kematian dua orang pesakit, akses terhad kepada oksigen, alat penyedut, elektrik dan alat-alat kecemasan lain. Pihak hospital tidak membaiki masalah tersebut, sebaliknya membuat pelbagai tuduhan kepada Raj Mattu dan digantung kerja pada tahun 2002. Selepas pelbagai kempen gangguan dilakukan oleh beliau, akhirnya pihak hospital memecatnya pada tahun 2010. Perkhidmatan Kesihatan Nasional England

[406] Ibid,19

membelanjakan sepuluh juta pound bagi mereka dua ratus tuduhan tidak berasas terhadap Raj Mattu, mengupah penyiasat swasta untuk mengintipnya dan membayar firma perhubungan awam untuk membuat liputan media yang merosakkan reputasi Raj Mattu. Pada tahun 2014, Tribunal Pekerjaan membuat keputusan yang beliau telh dipecat secara tidak adil atas pemberian maklumat yang dilakukan. Pada Februari 2017, barulah Tribunal Pekerjaan mengarahkan supaya pampasan diberikan sebanyak 122 juta pound beserta tambahan untuk insuran dan cukai.[407] Setelah lima belas tahun barulah pemberi maklumat ini mendapat pampasannya, menunjukkan betapa lemahnya sistem perlindungan pemberi maklumat di England.

Satu pembaharuan yang dilakukan adalah semua keputusan Tribunal Pekerjaan dari bulan Februari tahun 2017 yang berkaitan dengan PIDA 1988 boleh didapati secara dalam talian. Pada bulan Oktober 2019, England telah bersetuju menggunapakai *EU Directive* yang berkaitan dengan perlindungan kepada orang yang melaporkan pelanggaran undang-undang Kesatuan Eropah (Arahan Pemberi Maklumat) secara rasmi. Antara langkah-langkah dalam arahan tersebut adalah negara penandatangan perlu mempastikan organisasi yang mempunyai lima puluh atau lebih pekerja untuk mewujudkan saluran pelaporan dalaman. Pada Julai 2019, satu laporan dari *All Party Parlimentary Group* (APPG) mencadangkan diadakan mekanisme laporan dalaman dan luaran yang mandatori bagi mereka yang gagal memenuhi syarat bagi semua sektor. Malah APPG juga mendesak supaya diharamkan perjanjian untuk tidak mendedahkan maklumat antara pekerja dan majikan dalam kes pemberian maklumat.[408]

[407] Ibid, 48
[408] Ibid

Pembuat undang-undang di England, kurang mempraktikkan pemberian ganjaran berbentuk kewangan kepada pemberi maklumat walaupun mereka menggalakkan program pemberian maklumat. Contohnya, Jaber Jabbour yang telah memberi maklumat berkaitan krisis kewangan di Goldman Sach, London.[409] Malah Financial Conduct Authority telah mengemukakan perundangan baru berkaitan pemberian maklumat kepada bank, *building societies* dan *credit union* tetapi tidak memberikan sebarang ganjaran kewangan. Begitu juga *Serious Fraud Office* yang tidak memberi ganjaran kepada pemberi maklumat berkaitan perlakuan korporat yang teruk.[410]

Pemberi Maklumat yang Diambil Tindakan

Able Seaman William McNeilly adalah seorang tentera laut di England telah menyiarkan sebanyak lapan belas halaman diinternet bertajuk "Ancaman Nuklear Rahsia" dan "Tahukh anda betapa dekatnya kita dengan bencana nuclear setiap minit?" Ini kerana keselamatan di sekitar kapal nuklear Trindent tidak mencukupi. Kapal selam itu telah melakukan rondaan dengan kerosakan hidraulik yang menghalangnya dari melakukan ujian untuk melihat sama ada boleh atau tidak melancarkan peluru berpandu. Beliau juga menyatakan sistem keselamatan sangat lemah sehinggakan lebih sukar untuk masuk ke kebanyakan kelab malam daripada masuk ke bahagian yang sensitif pangkalan dasar laut Fast Lane di Clyde. Malah semasa membuat rondaan di HMS Victoria, beliau diberitahu bahawa penggera di stesen kawalan dan pemantauan peluru berpandu kapal selam Trident telah disenyapkan supaya anak kapal tidak perlu mendengarnya. Anak kapal tersebut juga memberitahu yang pernah berlaku

[409] Ben Maclannahan, "Best way to encourage whistleblowers? Reward them," Financial Times, 2020, https://www.ft.com/content/cac4c994-3f24-11e9-9bee-efab61506f44, (diakses pada 29 November 2021)
[410]Lexology. "How much for blowing the whistle?" 2018, https://www.lexology.com/library/detail.aspx?g=087a3131-bbd3-426a-b69f-be0bc2376a6a(diakses pada 29 November 2021)

banjir di dalam kapal selam tersebut dan kebakaran ketika di pelabuhan yang boleh menyebabkan lima puluh pelau mati jika ia berlaku di laut dalam. Dikatakan HMS Vanguard berada dalam keadaan palin teruk pada masa tersebut. Semua perkara tersebut telah berulang kali dilaporkan kepada pihak atasan tetapi tiada sebarang perubahan dibuat.[411]Dia kemudiannya di tahan di lapangan terbang Edinburgh[412]dan dibuang kerja tanpa sebarang tuduhan ke atasnya dan anak kapal lain menyatakan ianya untuk menjaga imej Tentera Laut England.[413]

Universiti Utara Malaysia

[411] Adam Lusher, "Trident whistleblower William McNeilly claims it is easier to enter sensitive nuclear weapons installations than 'most nightclubs'," 18 Mei 2015, Independent, https://www.independent.co.uk/news/uk/home-news/trident-whistleblower-william-mcneilly-claims-it-easier-enter-sensitive-nuclear-weapons-installations-most-nightclubs-10256832.html (diakses pada 29 November 2021)

[412] Libby Brooks dan George Halliday,"Trindent whistleblower William Mcneilly in military custody", 19 Mei 2015,https://www.theguardian.com/uk-news/2015/may/19/trident-whistleblower-william-mcneilly-turns-himself-in-navy (diakses pada 29 November 2021)

[413]Rob Edwards, "Trindent whistleblower William Mcneilly 'discharged' from Royal Navy," 17 Jun 2015, https://www.theguardian.com/uk-news/2015/jun/17/trident-whistleblower-william-mcneilly-discharged-from-royal-navy (diakses pada 29 November 2021)

6.4 Perbandingan antara Malaysia, England dan Amerika

Jadual 6. 3

Perbandingan Perundangan Pemberi Maklumat antara Negara

	Malaysia	**England**	**Amerika**
1. Akta Spesifik	APPM 2010	PIDA 1998 (sebagai pindaan kepada ERA 1996)	WPA 1989 dan WPEA 2012
2. Peruntukan pemberian maklumat pada akta lain	Seperti di m/s 99-128	-	Seperti di m/s 234-260
3. Objektif	**APPM 2010** memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, untuk melindungi orang yang	**PIDA 1998** melindungi individu yang membuat pendedahan tertentu sesuatu informasi untuk kepentingan awam, untuk membenarkan individu tersebut membawa tuntutan atas dasar menjadi mangsa, dan untuk tujuan yang berkaitan.	**WPA 1989 & WPEA 2010** –mengukuhkan dan menambahbaik perlindungan kepada hak pekerja persekutuan dgn menjelaskan skop pendedahan yang dilindungi, mewujudkan remedi yang lebih baik untuk pekerja yang dikenakan tindakan balas, memerlukan agensi-agensi untuk mendidik pekerja tentang hak mereka.

Universiti Utara Malaysia

	membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan, untuk mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat dan diuruskan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya. **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009** menggalakkan pemberian maklumat bagi mencegah rasuah **Suruhanjaya Sekuriti 1993** melindungi identiti dan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat, **Kastam 1967** memberi perlindungan kepada nama, tempat tinggal dan		, mencegah berlakunya tindakan balas dan membantu menghapuskan kesalahan dalam kerajaan. **Akta *False Claims* 1683** mengenakan penalti kepada sesiapa yang membuat tuntutan palsu terhadap kerajaan **Amerika. Akta *Llyod-La Follette* 1912** melindungi kakitangan persekutuan dari pembuangan kerja yang sewenang-wenangnya. **Akta *Civil Service Reform* 1978** memberi fleksibiliti kepada pengurusan persekutuan bagi melindungi pekerja dari tindakan yang tidak adil atau tidak wajar. **Akta *Ethics in Government* 1978** meningkatkan tahap integriti pekerja kerajaan persekutuan bagi mencegah timbulnya konflik kepentingan.

Universiti Utara Malaysia

	maklumat yang diberi, **Akta Rahsia Rasmi 1972** memfokuskan kepada kerahsiaan nama, identiti dan maklumat pemberi maklumat. **Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001** melindungi identiti dan maklumat yang diberikan berkaitan penggubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram.		**Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection* 1988 dan Akta *Intelligence Authority For Fiscal Year* 2014** untuk komuniti perisikan Amerika. **Akta *No Fear* 2002** mempertanggungjawabkan agensi-agensi persekutuan untuk menyedarkan pekerja terhadap undang-undang anti-diskriminasi dan perlindungan pemberi maklumat. **SOX 2002** melindungi pelabur dengan pendedahan korporat yang dipercayai dan tepat dan mencegah amalan dan kewangan palsu di syarikat perdagangan awam. **Akta *Foreign Corrupt Practices 1977*** bertujuan sebagai anti rasuah dimana individu dan perniagaan dilarang dari merasuah pegawai asing untuk mendapatkan dan mengekalkan perniagaan.

Universiti Utara Malaysia

4. Pemberi maklumat	**APPM 2010** Sesiapa saja sama ada pekerja atau bukan pekerja Peruntukan-peruntukan di dalam pelbagai akta-akta lain pula, bergantung kepada objektif akta tersebut. **Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993** dan **Akta Syarikat 2016** memfokuskan kepada juruaudit sebagai pemberi maklumat **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, akta Kastam 1967, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001**	**PIDA 1988** pemberi maklumat adalah pekerja yang dinyatakan dalam akta tersebut sahaja tidak termasuk pekerja yang bekerja sendiri. Ianya pekerja dalam sektor awam, swasta dan sukarela termasuk kontraktor, pelatih, kakitangan agensi, pegawai polis dan setiap professional dalam Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (*National Health Service* - NHS). Walaubagaimanapun, ianya tidak terpakai untuk profesional yang bekerja sendiri (selain daripada dalam NHS), pekerja sukarela (termasuk Pemegang Amanah amal dan sukarelawan amal) atau perkhidmatan perisikan.	**WPA 1989 dan WPEA 2012** – pekerja persekutuan. **Akta False Claims 1683** pemberi maklumat boleh sesiapa saja sama ada individu atau organisasi bukan kerajaan menjadi pemberi maklumat dengan menfailkan saman di mahkamah *District* Amerika mewakili kerajaan Amerika. **Akta *Llyod-la Follette* 1912, Akta *Civil Service Reform* 1978** dan **Akta *No Fear* 2002** ditujukan kepada pekerja persekutuan sebagai pemberi maklumat **Akta *Ethics in Government* 1978** khusus kepada pekerja persekutuan bahagian eksekutif. **Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection 1988 dan Intelligence Authority For Fiscal* Year**

			2014 untuk pemberi maklumat dari bahagian risikan Amerika. **SOX 2002** – adalah berkaitan pemberi maklumat korporat iaitu pekerja, pegawai dana agen syarikat perdagangan awam iaitu syarikat yang mengeluarkan sekuriti yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta pertukaran Sekuriti 1934 atau yang diminta untuk memfailkan laporan di bawah seksyen 15(d) akta yang sama; pekerja mana-mana anak syarikat atau gabungan syarikat perdagangan awam yang maklumat kewangannya termasuk dalam penyata kewangan syarikat tersebut; pekerja kontraktor atau sub-kontraktor syarikat awam termasuk peguam, dan akauntan yang menyediakan fail Security Exchange Commission syarikat awam dan pekerja

Universiti Utara Malaysia

			organisasi penarafan statistic yang diiktiraf secara nasional seperti yang ditentukan dalam bahagian 3(a) Akta Pertukaran Sekuriti tahun 1934 atau kesimpulannya (i) pekerja syarikat perdagangan awam (*public traded companies*) (ii) pekerja kontraktor atau subkontraktor syarikat perdagangan awam yang membuat laporan **Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977** pemberi maklumat boleh seseorang pekerja sama ada warganegara Amerika atau bukan warganegara **Akta *Dodd-Frank* 2010** pemberi maklumat adalah individu atau lebih yang memberikan informasi berkaitan pelanggaran undang-undang sekuriti kepada *Security Exchange Commission* dengan cara yang ditetapkan

Universiti Utara Malaysia

			oleh peraturan *Security Exchange Commission.*
5. Jenis maklumat yang dilindungi	**APPM 2010** maklumat berkaitan kelakuan tak wajar yang hanya meliputi kelakuan yang melanggar undang-undang, kod tatakelakuan, kod etika atau pekeliling atau kontrak pekerjaan, mengikut mana-mana yang berkenaan. **Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Syarikat 2016** memfokuskan kepada juruaudit memberi maklumat berkaitan hal-ehwal syarikat dan sekuriti. **Akta Suruhanjaya Pencegahan**	Seksyen 43B **PIDA 1998**, *Pendedahan yang layak*: a)Kesalahan jenayah yang telah dilakukan, sedang dilakukan atau mungkin akan dilakukan diperlukan di bawah s43C; b)Seseorang itu telah gagal, gagal atau mungkin akan gagal untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang dia tertakluk; Ketidakadilan dalam pelaksanaan (miscarriage of justice) telah berlaku, sedang berlaku atau mungkin akan berlaku;	**WPA 1988 dan WPEA 1989** maklumat mengenai pembaziran dan salah urus kerajaan yang teruk, penyalahgunaan kuasa, bahaya yang spesifik dan teruk berkaitan keselamatan dan kesihatan awam atau apa-apa sahaja perlanggaran undang-undang. **Akta *False Claims* 1683** maklumat berkaitan diskriminasi, gangguan, penggantungan atau pemberhentian kerja akibat tindakan balas kerana laporan pekerja berkaitan berlakunya frod terhadap kerajaan. **Akta *Llyod-la Follette* 1912** laporan dari pekerja persekutuan mengenai apa-apa rungutan atau keanggotaan berkaitan kerja

	Rasuah 2009 adalah berkaitan pemberian maklumat rasuah, **Akta Kastam 1967** berkaitan hal kastam, **Akta Rahsia Rasmi 1972** mengenai pemberian maklumat pendedahan rahsia rasmi kerajaan **Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001** berkaitan pemberian maklumat penggubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram.	c)Kesihatan atau keselamatan mana-mana individu yang telah, sedang atau mungkin akan terancam; d) Alam sekitar telah, sedang atau mungkin akan rosak; atau e) Maklumat yang cenderung menunjukkan apa-apa perkara yang termasuk dalam mana-mana satu perenggan yang terdahulu telah, sedang atau mungkin akan sengaja disembunyikan	kepada Kongres atau jawatankuasa atau ahlinya tanpa sebarang gangguan. **Akta *Civil Service Reform* 1978** maklumat amalan yang tidak adil dan tidak wajar. **Akta *No Fear* 2002** lebih memfokuskan kepada agensi-agensi persekutuan untuk bertanggungjawab terhadap pelanggaran undang-undang anti-diskriminasi dan tindakan balas terhadap pemberi maklumat. **Akta *Ethics in Government* 1978** menjadikan mandatori bagi pekerja persekutuan bahagian eksekutif untuk mendedahkan sejarah pekerjaan dan kewangan mereka serta keluarga terdekat. **Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection 1988 dan Intelligence Authority For Fiscal Year* 2014** pemberian maklumat berkaitan bahagian risikan Amerika.

Universiti Utara Malaysia

			SOX 2002 melindungi maklumat penipuan sekuriti, frod bank, penipuan atas talian mengenai sebarang peraturan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa atau apa-apa peruntukan undang-undang persekutuan yang melibatkan penipuan terhadap pemegang saham. **Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977** mengenai maklumat berkaitan pemberian rasuah kepada pegawai asing untuk mendapat atau meneruskan perniagaan. **Akta *Dodd-Frank* 2010** berkaitan maklumat pinjaman dan gadai janji yang tidak betul oleh bank.
6. Saluran pemberian maklumat	Agensi penguatkuasaan, pihak berkuasa tempatan dan agensi di m/s	*Public Interest Disclosure (Prescribed Persons) Order* 2012 *a)* Eksekutif Kesihatan dan Keselamatan,	(i)WPA/WPEA – OSC (ii)Akta *Dodd Frank* – SEC

Universiti Utara Malaysia

		b) Pendaftar Perlindungan Data (*Data Protection Registrar*), *c)* Pegawai pensijilan, *d)* Agensi Alam Sekitar, *e)* Setiausaha Negeri bagi Perdagangan dan Industri dan *f)* Agensi Perlindungan Alam Sekitar Scottish. *g)* ahli parlimen *h)* majikan atau orang yang bertanggungjawab (s43C); (b) Minister of the Crown (s43D) (c) orang yang dirujuk (s43E) (d) pendedahan dalam kes-kes yang lain (s43H) (e) badan-badan kawalselia yang ditetapkan (f)penasihat undang-undang (g) entiti lain seperti media	

Universiti Utara Malaysia

7. Perlindungan dan remedi yang diberi kpd pemberi maklumat	**APPM 2010** **Perlindungan Seksyen 7** – (a)perlindungan maklumat sulit; *(b)* kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah; dan *(c)* perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. **Remedi** Seksyen 15 APPM 2010 - (a) ganti rugi atau pampasan; (B) injunksi; atau (C) apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah. Peruntukan-peruntukan perlindungan pemberi maklumat di pelbagai akta-akta lain adalah	Seksyen 47B ERA 1966 menyatakan seorang pekerja mempunyai hak untuk tidak boleh dijejaskan oleh majikannya, pekerja majikannya atau agen kepada majikannya melalui apa-apa perbuatan atau ketinggalan perbuatan disebabkan pekerja tadi mendedahkan satu maklumat yang dilindungi oleh akta. Perlindungan juga diberi kepada pemberi maklumat dari dipecat atau menjadi mangsa tindakan balas yang negatif seperti penamatan pekerjaan, tindakan disiplin, gagal untuk mendapat kenaikan gaji atau akses kepada kemudahan di tempat kerja. Aduan ke tribunal pekerjaan, maka penamatan kerja tadi dianggap tidak	Seksyen 2302(b)(8) **WPA 1989 -** melindungi pekerja persekutuan Amerika dari tindakan balas kerana memberi maklumat berkaitan aktiviti tidak sah yang berlaku dalam kerajaan. **Akta *False Claims* 1683** – perlindungan dari tindakan balas yang memudaratkan jika mereka diberhentikan, digantung, diancam, diganggu atau didiskriminasikan dengan cara lain dalam terma dan syarat pekerjaan dengan syarat pemberi maklumat terlibat dalam aktiviti yang dilindungi. - Pemberi maklumat boleh mendapatkan gantirugi sivil dan juga boleh membuat *qui tam.* **Akta *Llyod-La Follette* 1912** perlindungan kepada pekerja dari penindasan dan

	secara amnya melindungi identiti, alamat, maklumat yang diberikan dan kekebalan dari tindakan sivil dan jenayah.	adil dan boleh diberikan gantirugi lima tahun gaji. Namun bergantung kepada niat pemberi maklumat. **Remedi** Seksyen 14 **PIDA 1988** - hak untuk tidak dijejaskan apa-apa berikutan perbuatan atau kegagalan melakukan apa-apa tindakan dengan sengaja oleh majikannya atas alasan pekerja telah melakukan '*protected disclosure'*. Malah pekerja yang melakukan '*protected disclosure'* juga mempunyai hak untuk tidak dijejaskan oleh agen majikan atau pekerja majikannya atas alasan yang sama.	memberikan mereka hak kebebasan bersuara dan berunding dengan wakil. **Akta *Civil Service Reform* 1978** melindungi pemberi maklumat pekerja persekutuan dengan memberikan rayuan kepada Merit System Protection Board iaitu sebuah tribunal pentadbiran jika aduan awal pemberi maklumat ke mahkamah negeri atau yang lebih rendah ditolak. WPA 1989 dan WPEA 2012 pula memberi ganti rugi, pampasan dan mengenakan tindakan tatatertib terhadap orang yang mengenakan tindakan balas yang memudaratkan kepada pemberi maklumat. **Akta *No Fear* 2002** fokus kepada majikan untuk memberitahu hak pekerja mereka yang terdapat bawah undang-undang diskriminasi dan pemberian maklumat. **SOX 2002** melindungi pemberi maklumat korporat. Ia membenarkan Jabatan Buruh

		Tribunal boleh memberi pampasan bagi kerugian kewangan dan kecederaan terhadap perasaan. pengembalian semula, penangguhan semula (r*eengagement*), award asas, award pampasan mengikut semua prinsip yang terpakai pada tuntutan pemecatan.	untuk melindungi pemberi maklumat dari tindakan balas yang memudaratkan dan membenarkan Jabatan Keadilan untuk membuat dakwaan jenayah terhadap sesiapa yang membuat tindakan balas yang memudaratkan. Remedi yang boleh dituntut di bawah akta ini adalah pembayaran balik gaji dan faedah yang hilang, pengembalian semula kerja dengan senioriti yang sepatutnya, gantirugi khas seperti gantirugi kerana menjatuhkan reputasi, gantirugi menyebabkan penghinaan pada peribadi pemberi maklumat, gantirugi penderitaan mental dan gantirugi yang berbentuk bukan ekonomi disebabkan tindakan balas yang memudaratkan dan yuran dan kos peguam. **Akta *Dodd-Frank* 2010** perlindungan kepada pemberi maklumat yang diambil tindakan balas yang memudaratkan dengan

Universiti Utara Malaysia

			memberi hak kepada pemberi maklumat memfailkan aduan berkaitan tindakan balas yang memudaratkan di mahkamah persekutuan.
8. Ganjaran kewangan	Seksyen 26 APPM 2010 – ganjaran adalah berdasarkan apa yang difikirkan patut oleh agensi penguatkuasa.	Kurang memberi ganjaran kewangan	(i)**Akta *False Claims*** 1683 – ganjaran 15-30% dari hasil kutipan kerajaan yang dibawa pemberi maklumat jika mereka membantu pendakwaan penipuan berkaitan kontrak atau program kerajaan. (ii)**Akta *Dodd-Frank 2010***– ganjaran 10-30% dari hasil kutipan kerajaan yang dibawa pemberi maklumat jika mereka membantu berkaitan penipuan pendakwaan dan sekuriti (iii)Perundangan pemberi maklumat IRS – 15-30% dari hasil kutipan kerajaan yang dibawa pemberi maklumat jika mereka membantu berkaitan penipuan cukai.

Universiti Utara Malaysia

Analisa

Peruntukan undang-undang di dalam pelbagai akta dan akta spesifik

Undang-undang pemberi maklumat yang awal adalah di Amerika dimana ia memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat melalui Akta *False Claims* 1683, diikuti Akta *Llyod-La Follette* 1912, kemudiannya pada tahun 1978 digubal Akta *Civil Service Reform* 1978 dan Akta *Ethics in Government* 1978. Pada tahun 1989 barulah digubal akta pemberi maklumat yang spesifik iaitu WPA 1989 dan ditambah baik oleh WPEA 2012. Bagi pihak perisikan pula, akta pemberi maklumatnya adalah Akta *Intelligent Community Whistleblower Protection* 1998 dan diikuti oleh Akta *Intelligence Authorization for Fiscal Year* 2014. Terdapat juga peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta lain yang digunakan berkaitan pemberi maklumat iaitu Akta *Foreign Corrupt Practice* 1977, Akta *No Fear* 2002, SOX 2002 dan Akta *Dodd-Frank* 2010.

Malaysia juga mengikuti Amerika dengan pelbagai peruntukan undang-undang pemberian maklumat dalam pelbagai akta sebelum APPM 2010 digubal, contohnya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Kastam 1967, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perlindungan Saksi 2009, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan lain-lain.

England pula mempunyai akta spesifik iaitu PIDA 1988 bagi perundangan pemberian maklumat yang mana ianya sebahagian dari perundangan pekerjaan ERA 1996.

Dapat dilihat bahawa ada beberapa persamaan antara Malaysia dan Amerika yang mempunyai peruntukan pemberi maklumat di dalam pelbagai akta dan ada akta yang

spesifik. Namun akta spesifik di Amerika hanyalah terpakai kepada pekerja persekutuan manakala di Malaysia pula terpakai kepada kedua-dua sektor awam dan swasta. Manakala England pula mengkhususkan aktanya yang spesifik kepada pekerja sektor awam dan swasta juga.

Objektif

Objektif bagi perundangan pemberian maklumat di Amerika adalah pelbagai mengikut akta-akta yang ada. Akta *False Claims* 1683 adalah bertujuan mengenakan penalti kepada sesiapa yang membuat tuntutan palsu terhadap kerajaan Amerika. Akta *Llyod-La Follette* 1912 melindungi kakitangan persekutuan dari pembuangan kerja yang sewenang-wenangnya. Akta *Civil Service Reform* 1978 pula memberi kelonggaran kepada pengurusan persekutuan bagi meningkatkan operasi dan produktiviti kerajaan dan melindungi pekerja dari tindakan yang tidak adil atau tidak wajar. Akta *Ethics in Government* 1978 meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tahap integriti pekerja kerajaan persekutuan bagi memastikan mereka beretika dan mencegah timbulnya konflik kepentingan. WPA 1989 dan WPEA 1989 adalah bertujuan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat pekerja persekutuan Amerika. Akta *Intelligence Community Whistleblower Protection* 1988 dan *Intelligence Authorization for Fiscal Year* 2014 adalah digunapakai oleh komuniti perisikan Amerika. Akta *No Fear* 2002 mempertanggungjawabkan agensi-agensi persekutuan terhadap undang-undang anti-diskriminasi dan perlindungan pemberi maklumat. SOX 2002 pula melindungi pelabur dengan membuat pendedahan korporat yang dipercayai dan tepat dan mencegah amalan dan kewangan palsu di syarikat perdagangan awam. Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 bertujuan sebagai anti rasuah dimana individu

Universiti Utara Malaysia

dan perniagaan dilarang dari merasuah pegawai asing untuk mendapatkan dan mengekalkan perniagaan.

Di Malaysia pula, akta spesifik APPM 2010 yang tujuannya adalah menggalakkan pemberian maklumat di sektor awam dan swasta untuk memerangi rasuah dan salahlaku lain. Peruntukan di dalam akta-akta lain pula berbeza objektifnya mengikut akta-akta tersebut. Contohnya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 menggalakkan pemberian maklumat bagi mencegah rasuah, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 pula bagi melindungi identiti dan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat, begitu juga dengan Akta Kastam 1967 yang memberi perlindungan kepada nama, tempat tinggal dan maklumat yang diberi, Akta Rahsia Rasmi 1972 memfokuskan kepada kerahsiaan nama, identiti dan maklumat pemberi maklumat. Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 adalah bertujuan melindungi identiti dan maklumat yang diberikan berkaitan penggubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram.

PIDA 1988 pula memberi perlindungan kepada pekerja yang membuat pendedahan berkaitan kepentingan awam dan membenarkan pekerja menuntut ganti rugi apabila tindakan balas yang memudaratkan diambil terhadapnya.

Maka boleh dikatakan kesemua peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta pelbagai yang dibincangkan di atas membenarkan pemberi maklumat dilindungi mengikut objektif akta-akta masing-masing. Perbezaan antara akta-akta spesifik pula seperti APPM 2010 bertujuan untuk membanteras rasuah, manakala PIDA 1988 pula

memfokuskan untuk kepentingan umum dan WPA 1989 dan WPEA 2012 untuk melindungi pekerja persekutuan Amerika. Malaysia adalah lebih baik dari sudut mempunyai akta spesifik yang merangkumi skop yang lebih luas iaitu pemberian maklumat mengenai apa saja yang berkaitan rasuah di sektor awam dan swasta sedangkan PIDA 1988 menghadkan ruang lingkup kepada pekerja saja dan WPA 1989 dan WPEA 2012 menghadkan kepada pekerja persekutuan saja.

Pemberi maklumat

Akta *False Claims* 1683 di Amerika membenarkan sesiapa saja sama ada individu atau organisasi bukan kerajaan menjadi pemberi maklumat dengan memfailkan saman di mahkamah *District* Amerika mewakili kerajaan Amerika. Akta *Llyod-la Follette* 1912, Akta *Civil Service Reform* 1978 dan Akta *No Fear* 2002 pula ditujukan kepada pekerja persekutuan sebagai pemberi maklumat manakala Akta *Ethics in Government* 1978 lebih khusus kepada pekerja persekutuan bahagian eksekutif. Akta spesifik WPA 1988 dan WPEA 1989 juga adalah untuk pekerja persekutuan sebagai pemberi maklumat. ICWPA 1988 dan IAAFY 2014 sudah pastinya adalah untuk pemberi maklumat dari bahagian risikan Amerika. SOX 2002 adalah berkaitan pemberi maklumat korporat iaitu pekerja, pegawai dana agen syarikat perdagangan awam iaitu syarikat yang mengeluarkan sekuriti yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Pertukaran Sekuriti 1934 atau yang diminta untuk memfailkan laporan di bawah seksyen 15(d) akta yang sama; pekerja mana-mana anak syarikat atau gabungan syarikat perdagangan awam yang maklumat kewangannya termasuk dalam penyata kewangan syarikat tersebut; pekerja kontraktor atau sub-kontraktor syarikat awam termasuk peguam, dan akauntan yang menyediakan fail *Security Exchange Commission* syarikat awam dan pekerja organisasi penarafan statistic yang diiktiraf secara nasional seperti yang ditentukan

Universiti Utara Malaysia

dalam bahagian 3(a) Akta Pertukaran Sekuriti tahun 1934. Bagi Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 pula, seseorang pekerja sama ada warganegara Amerika atau bukan warganegara Amerika boleh menjadi pemberi maklumat. Akta *Dodd-Frank* 2010 pula menyatakan pemberi maklumat adalah individu atau lebih yang memberikan informasi berkaitan pelanggaran undang-undang sekuriti kepada *Security Exchange Commission* dengan cara yang ditetapkan oleh peraturan *Security Exchange Commission.*

Malaysia pula membenarkan sesiapa saja untuk memberi maklumat di bawah APPM 2010. Namun bagi peruntukan-peruntukan di dalam pelbagai akta-akta lain pula, bergantung kepada objektif akta tersebut. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Syarikat 2016 memfokuskan kepada juruaudit sebagai pemberi maklumat dan akta-akta lain seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Akta Kastam 1967, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 serta akta spesifik APPM 2010 menyatakan sesiapa sahaja boleh memberi maklumat mengikut skop dan bidangkuasa akta masing-masing.

PIDA 1988 sememangnya mengkhususkan pemberi maklumat kepada pekerja yang dinyatakan dalam akta tersebut sahaja. PIDA 1998 memberi maksud yang sempit berkaitan pemberi maklumat iaitu pekerja tetapi tidak termasuk pekerja yang bekerja sendiri dimana ia merangkumi lima belas peratus dari tenaga kerja England pada tahun 2017.[414]Malah jika seseorang seperti pesakit atau saudaranya di hospital yang

[414] Naomi Colvin, Bruno Galizzi and Veronika Nad, "Getting Whistleblower Protection Right: A Practical Guide To Transposing EU Directive," 2020, Blue Print For Free Speech, 10, https://static1.squarespace.com/static/5e249291de6f0056c7b1099b/t/5f1eddf63bfed80442edfb3d/1595858431000/BP_WHISTLEBLOWER_DIRECTIVE_REPORT_DIGITAL_PRINT_27JULY2020.pdf

menyaksikan salah laku pekerja hospital, maka mereka tidak tergolong sebagai pemberi maklumat yang dilindungi.

Peruntukan di dalam akta-akta di Amerika dan Malaysia adalah lebih luas mengenai siapa yang boleh menjadi pemberi maklumat sedangkan PIDA 1988 adalah lebih sempit. Namun ia menjadi kompleks juga kepada pemberi maklumat di Malaysia dan Amerika untuk memberi maklumat kerana mereka harus tahu saluran yang betul dan bidang kuasa organisasi dan akta-akta yang sepatutnya bagi melaporkan maklumat. Ini kerana jika tersilap saluran maka akan melambatkan proses pemberian maklumat yang boleh mengurangkan motivasi mereka untuk memberi maklumat atau mungkin menyebabkan mereka tidak dilindungi di bawah APPM 2010 kerana memberi maklumat bukan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang dibenarkan.

Jenis maklumat yang dilindungi

Kerajaan Amerika melindungi berbagai jenis maklumat mengikut akta-akta yang berbeza. Contohnya Akta *False Claims* 1683 di Amerika adalah perlindungan pemberian maklumat berkaitan diskriminasi, gangguan, penggantungan atau pemberhentian kerja akibat tindakan balas kerana laporan pekerja berkaitan berlakunya frod terhadap kerajaan. Akta *Llyod-la Follette* 1912 pula menjamin hak pekerja persekutuan untuk melaporkan apa-apa rungutan atau keanggotaan berkaitan kerja kepada Kongres atau jawatankuasa atau ahlinya tanpa sebarang gangguan. Akta *Civil Service Reform* 1978 melindungi pekerja bila melaporkan amalan yang tidak adil dan tidak wajar. Akta spesifik WPA 1988 dan WPEA 1989 pula memberi perlindungan kepada maklumat mengenai pembazira dan salah urus kerajaan yang teruk, penyalahgunaan kuasa, bahaya yang spesifik dan teruk berkaitan keselamatan

dan kesihatan awam atau apa-apa sahaja pelanggaran undang-undang. Akta *No Fear* 2002 lebih memfokuskan kepada agensi-agensi persekutuan untuk bertanggung jawab terhadap pelanggaran undang-undang anti-diskriminasi dan tindakan balas terhadap pemberi maklumat. Akta *Ethics in Government* 1978 lebih khusus kepada pekerja persekutuan bahagian eksekutif yang menjadikan mandatori bagi mereka untuk mendedahkan sejarah pekerjaan dan kewangan mereka serta keluarga terdekat. ICWPA 1988 dan IAAFY 2014 adalah untuk pemberian maklumat berkaitan bahagian risikan Amerika. SOX 2002 melindungi maklumat penipuan sekuriti, frod bank, penipuan atas talian mengenai sebarang peraturan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa atau apa-apa peruntukan undang-undang persekutuan yang melibatkan penipuan terhadap pemegang saham. Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977 pula mengenai maklumat berkaitan pemberian rasuah kepada pegawai asing untuk mendapat atau meneruskan perniagaan. Akta *Dodd-Frank* 2010 berkaitan maklumat pinjaman dan gadai janji yang tidak betul oleh bank.

Universiti Utara Malaysia

Malaysia mempunyai peruntukan-peruntukan undang-undang yang sama seperti Amerika iaitu di pelbagai akta-akta dan juga terdapat akta spesifik yang mana skop maklumatnya berbeza mengikut akta. APPM 2010 membenarkan pemberian maklumat mengenai apa saja kelakuan tak wajar iaitu apa saja kelakuan yang melanggar undang-undang jenayah dan tatatertib di sektor awam dan swasta. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Syarikat 2016 memfokuskan kepada juruaudit memberi maklumat berkaitan hal-ehwal syarikat dan sekuriti. Begitu juga akta-akta lain seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 adalah berkaitan pemberian maklumat rasuah, Akta Kastam 1967 berkaitan hal kastam, Akta Rahsia Rasmi 1972 mengenai pemberian maklumat pendedahan rahsia rasmi kerajaan dan Akta

Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 pula berkaitan pemberian maklumat penggubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram.

Skop pemberian maklumat bagi PIDA 1988 adalah berkaitan kesalahan jenayah yang telah, sedang atau akan dilakukan, seseorang yang gagal atau mungkin akan gagal mematuhi kewajiban undang-undang yang ia tertakluk, salah laksana keadilan, ancaman keselamatan dan kesihatan dan kerosakan alam sekitar.

Amerika dan Malaysia mempunyai skop maklumat yang luas kerana mereka mempunyai pelbagai akta yang masin-masing mempunyai objektif yang tersendiri. Namun akta spesifik Malaysia iaitu APPM 2010 adalah lebih luas skopnya dari Amerika kerana ia membenarkan maklumat dari kedua-dua sektor awam dan swasta. PIDA 1988 pula hanya membataskan skop pemberian maklumat kepada pekerja sahaja.

Universiti Utara Malaysia

Saluran pemberi maklumat

Amerika mempunyai satu pusat sehenti bagi memudahkan pemberian maklumat. Semua maklumat akan disalurkan ke pusat sehenti ini dimana ia kemudiannya akan disalurkan kepada agensi-agensi berkaitan yang bertanggungjawab menangani maklumat yang diberikan. Berbeza dengan Malaysia yang membenarkan maklumat hanya disalurkan kepada beberapa agensi-agensi yang dinyatakan di bawah APPM 2010. England juga membenarkan maklumat disalurkan kepada banyak tempat dengan menetapkan bahawa maklumat berkaitan apa perlu disalurkan kepada siapa.

Terdapat perbezaan antara ketiga-tiga negara ini. Amerika adalah lebih praktikal dimana semua maklumat disalurkan ke satu tempat dan diagihkan ke tempat yang sepatutnya. Ini memudahkan urusan pemberian maklumat. Manakala England pula mempunyai saluran pemberian maklumat yang banyak dan pelbagai namun telah diperincikan dengan jelas, jadi ia mungkin tidak akan mengelirukan pemberi maklumat serta pemberi maklumat mempunyai pilihan untuk menyalurkan maklumat. Malaysia hanya membenarkan saluran maklumat kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang terletak di bawah kuasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Statistik pula menunjukkan bahawa ada antara agensi-agensi tersebut adalah tidak telus dan mempunyai kadar rasuah yang tinggi. Ini boleh menyebabkan pemberi maklumat di Malaysia takut untuk memberi maklumat.

Perlindungan dan remedi yang diberikan kepada pemberi maklumat

Akta *False Claims* 1863 memberi perlindungan jika pemberi maklumat terlibat dalam aktiviti yang dilindungi dari tindakan balas jika mereka diberhentikan, digantung, diancam, diganggu atau didiskriminasikan dengan cara lain dalam terma dan syarat pekerjaan. Pemberi maklumat boleh mendapatkan gantirugi sivil dan juga boleh membuat *qui tam.* Akta *Llyod-La Follette* 1912 pula memberi perlindungan kepada pekerja dari penindasan dan memberikan mereka hak kebebasan bersuara dan berunding dengan wakil. Begitu juga dengan Akta *Civil Service Reform* 1978 yang melindungi pemberi maklumat pekerja persekutuan dengan memberikan rayuan kepada *Merit System Protection Board* iaitu sebuah tribunal pentadbiran jika aduan awal pemberi maklumat ke mahkamah negeri atau yang lebih rendah ditolak. Manakala WPA 1989 dan WPEA 2012 memberi ganti rugi, pampasan dan mengenakan tindakan tatatertib terhadap orang yang mengenakan tindakan balas yang

memudaratkan kepada pemberi maklumat. Akta *No Fear* 2002 lebih menekankan kepada majikan untuk memberitahu hak pekerja mereka yang terdapat bawah undang-undang diskriminasi dan pemberian maklumat. SOX 2002 yang melindungi pemberian maklumat korporat membenarkan Jabatan Buruh untuk melindungi pemberi maklumat dari tindakan balas yang memudaratkan dan membenarkan Jabatan Keadilan untuk membuat dakwaan jenayah terhadap sesiapa yang membuat tindakan balas yang memudaratkan. Antara remedi yang boleh dituntut oleh pemberi maklumat di bawah akta ini adalah pembayaran balik gaji dan faedah yang hilang, pengembalian semula kerja dengan senioriti yang sepatutnya, gantirugi khas seperti gantirugi kerana menjatuhkan reputasi, gantirugi menyebabkan penghinaan pada peribadi pemberi maklumat, gantirugi penderitaan mental dan gantirugi yang berbentuk bukan ekonomi disebabkan tindakan balas yang memudaratkan dan yuran dan kos peguam. Akta *Dodd-Frank* 2010 memperluas perlindungan kepada pemberi maklumat yang diambil tindakan balas yang memudaratkan dengan memberi hak kepada pemberi maklumat memfailkan aduan berkaitan tindakan balas yang memudaratkan di mahkamah persekutuan. Namun terdapat pemberi maklumat yang diambil tindakan di bawah Akta *Espionage* 1917 bila mendedahkan rahsia kerajaan yang melanggar kepentingan umum.

Perlindungan maklumat di Malaysia secara amnya melindungi identiti, alamat, maklumat yang diberikan dan kekebalan dari tindakan sivil dan jenayah.. Ini terdapat di dalam kebanyakan peruntukan-peruntukan perlindungan pemberi maklumat di pelbagai akta. Namun bagi APPM 2010, perlindungan ditambah juga kepada orang-orang yang dekat dengan pemberi maklumat dan perlindungan dari tindakan balas yang memudaratkan. Walaubagaimanapun terdapat batasan terhadap perlindungan ini

di bawah seksyen 11 yang antaranya jika pendedahan maklumat yang berkaitan merit dasar kerjaan, pendedahan maklumat yang sepatutnya dirahsiakan di bawah akta-akta lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, pendedahan maklumat untuk mengelak dari dikenakan tindakan tatatertib, pendedahan maklumat yang palsu atau remeh dan pemberi maklumat adalah orang yang menyertai kelakuan tak wajar tersebut. Antara remedi yang boleh diperolehi adalah gantirugi atau pampasan, injunksi dan relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

PIDA 1988 pula bertujuan melindungi pemberi maklumat daripada menjadi mangsa pekerjaan di tempat kerja mereka. Seorang pekerja tidak akan menanggung kesukaran dalam pekerjaannya disebabkan beliau membuat pendedahan maklumat. Tindakan balas yang negatif seperti penamatan pekerjaan, tindakan disiplin, gagal untuk mendapat kenaikan gaji atau akses kepada kemudahan di tempat kerja. Jika ini berlaku, maka pekerja dibenarkan untuk membuat aduan ke tribunal pekerjaan dan ganti rugi boleh diberikan. Jika seorang pekerja ditamatkan kerja kerana membuat pendedahan yang dilindungi, maka penamatan kerja tadi dianggap tidak adil dan jika tuntutan berjaya di mahkamah, boleh diberikan ganti rugi lima tahun gaji.

Jika dibandingkan ketiga-tiga negara, maka Amerika mempunyai banyak perlindungan dan remedi walaupun mengikut akta-akta yang berbeza. Malah konsep *qui tam* telah banyak memotivasikan pemberian maklumat. Malaysia pun mempunyai perlindungan dan remedi yang baik tetapi terdapat banyak pula limitasi di dalam akta yang sama. England yang mengkhususkan kepada pemberi maklumat pekerja juga memberi perlindungan dan remedi dari sudut gantirugi.

Universiti Utara Malaysia

Ganjaran kewangan

Amerika mengadakan konsep *qui tam* dengan memberikan ganjaran yang banyak dan berdasarkan peratusan yang ditetapkan kepada pemberi maklumat di bawah Akta *False Claims* 1683. Ini memberikan motivasi kepada pemberi maklumat. Malaysia juga mempunyai peruntukan berkaitan ganjaran kewangan di dalam APPM 2010 mengikut budi bicara namun tidak pernah ada lagi pemberi maklumat diberi ganjaran di bawah akta ini tetapi *informer* diberi ganjaran mengikut perintah tetap setiap agensi-agensi penguatkuasaan. Di England juga, PIDA 1988 tidak menyatakan berkaitan ganjaran kepada pemberi maklumat tetapi mungkin ganjaran ini diberi mengikut *common law*.

6.5 Kesimpulan

Amerika dan Malaysia mempunyai persamaan dari sudut mempunyai akta spesifik dan peruntukan dalam pelbagai akta-akta lain. Bezanya Amerika mempunyai akta spesifik yang dikhaskan untuk pekerja persekutuan dan akta-akta lain bagi sektor-sektor tertentu seperti kewangan, risikan dan sektor swasta lain. Di England, PIDA 1998 adalah undang-undang pemberian maklumat yang ditambah kepada ERA 1966 iaitu undang-undang pekerjaan yang memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat kepada sektor awam dan swasta dan merangkumi pemberian maklumat berkaitan skop salah laku yang luas. Malaysia mempunyai peruntukan berkaitan pemberian maklumat dalam berbagai akta-akta yang ada sehinggalah digubal APPM 2010, satu akta yang spesifik berkaitan pemberian maklumat untuk sektor awam dan swasta.

Di Amerika pula, perundangan pemberi maklumat terdapat dari berbagai sumber iaitu undang-undang persekutuan, undang-undang negeri, statut dan *common law*. Amerika

masih kekal dengan undang-undang pemberian maklumat yang kompleks kerana ianya berbeza mengikut sektor-sektor yang berbeza. Malaysia pula mempunyai APPM 2010, iaitu undang-undang yang berkaitan pemberi malumat yang spesifik, namun terdapat juga pertindihan dengan peruntukan-peruntukan dalam pelbagai akta-akta lain berkaitan pemberian maklumat yang boleh dipilih oleh agensi-agensi penguatkuasaan dalam membuat keputusan. PIDA 1988 pula hanya mengkhususkan kepada pekerja dan tidak kepada selainnya.

Universiti Utara Malaysia

BAB TUJUH

KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.1 Pengenalan

Rasuah dan salah laku yang menjadi pandemik pada masyarakat dunia sekarang ini, terutamanya bila melibatkan parti politik boleh mengancam keutuhan sesebuah negara malah dunia. Ianya seperti api dalam sekam yang membakar secara senyap dan bila meletus akan mengakibatkan kesan yang sangat dahsyat. Namun ia boleh dikawal jika maklumat mengenainya dapat dikesan awal. Adalah sesuatu yang sukar untuk penguatkuasa mengesan semua aktiviti rasuah dan salah laku dengan kekangan yang mungkin ada pada agensi penguatkuashua tersebut seperti kekurangan sumber kewangan dan kakitangan. Maka pemberi maklumat memainkan peranan yang sangat penting dengan mendedahkan maklumat berkaitan rasuah atau salah laku yang ada pada sesebuah organisasi.

Konsep pemberian maklumat timbul bila timbul kesedaran pada individu untuk melaporkan salah laku yang mungkin akan berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku dalam sesebuah organisasi di mana boleh mengakibatkan kerosakan pada organisasi tersebut atau masyarakat amnya. Salah laku mungkin terjadi kerana terlalu luas kuasa budi bicara diberikan kepada seseorang untuk membuat sesuatu keputusan di dalam sesebuah organisasi. Pemberian maklumat ini perlu melibatkan penyertaan masyarakat yang mempunyai kesedaran berkenaan budaya etika organisasi yang perlu ada untuk

Universiti Utara Malaysia

mewujudkan keharmonian di organisasi tersebut dan dalam masyarakat. Malah ianya diiktiraf di dunia melalui hak asasi untuk bersuara. Malaysia menandatangani beberapa perjanjian antarabangsa seperti UNCAC 2003, Konvensyen ILO 1982, Konvensyen OECD 1960 berkaitan pemberian maklumat ini.

Malaysia telah menggubal akta spesifik berkaitan pemberian maklumat iaitu APPM 2010 berdasarkan perjanjian di atas walaupun mempunyai beberapa peruntukan pemberian maklumat yang bertaburan di dalam beberapa akta-akata tertentu. Namun, APPM 2010 lebih menyeluruh dan memberi perlindungan yang lebih baik dari peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta lain yang sedia ada. APPM 2010 diambil dari peruntukan akta pemberian maklumat di Amerika dan England, oleh itu perbandingan juga dibuat dengan sebahagian peruntukan akta pemberian maklumat di Amerika dan England di mana Amerika mempunyai banyak peruntukan di dalam akta-akta yang berlainan dan juga terdapat akta yang spesifik dan England pula memasukkan PIDA 1998 sebagai pindaan kepada akta ERA 1996 iaitu akta berkaitan pekerjaan.

Walau bagaimana pun, dari perbandingan yang dibuat dengan negara-negara tersebut, penyelidikan terhadap peruntukan-peruntukan APPM 2010 dan temu bual yang dijalankan ke atas tujuh agensi-agensi yang di pantau oleh BHEUU, penyelidik masih mendapati banyak kekurangan terhadap akta ini antaranya berkaitan definisi pemberi maklumat, skop kelakuan tak wajar, saluran pemberian maklumat, elemen suci hati,

sistem ganjaran, pemberian maklumat berkaitan dasar kerajaan dan organisasi yang memantau perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat.

Kekurangan ini boleh dilihat apabila SPRM menyatakan hanya sekitar 0.01 peratus daripada 1.6 juta penjawat awam di Malaysia yang berani mendedahkan laporan rasuah di jabatan dan agensi masing-masing. Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam menyatakan masih wujud ketakutan dikalangan pegawai peringkat rendah untuk melaporkan kejadian rasuah terutamanya bila melibatkan pegawai atasan.[415]

7.2 Kesimpulan Spesifik

7.2.1 Objektif Satu

Objektif satu iaitu berkaitan dengan mengenalpasti perlindungan pemberi maklumat yg wujud di Malaysia telah dapat dicapai melalui Bab Tiga dimana beberapa peruntukan berkaitan pemberi maklumat di dalam beberapa akta terutamanya akta-akta yang berkaitan dengan tujuh agensi-agensi penguatkuasaan yang dipantau oleh BHEUU. Perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat adalah berbeza mengikut akta-akta yang berbeza. Contohnya untuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang berada dalam bidang syarikat dan sekuriti, perlindungan ini lebih diberi kepada juruaudit yang menjalankan tugas-tugas mereka. Malah mereka juga diwajibkan untuk mendedahkan apa-apa salah laku yang berlaku dari dokumen-dokumen yang diaudit dan melaporkan kepada pihak-pihak yang ditentukan oleh akta. Namun, bagi agensi-agensi penguatkuasaan lain, perlindungan pemberi maklumat yang dinyatakan dalam akta lebih kepada memberi perlindungan untuk tidak mendedahkan identiti dan alamat pemberi maklumat.

[415] Mazwin Nik Anis, "Whistleblowers are protected,"14 December 2020, The Star, https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/12/14/whistleblowers-are-protected (diakses pada 31 Disember 2021)

APPM 2010 memberi lebih perlindungan kepada pemberi maklumat berbanding peruntukan dalam akta-akta lain. Oleh itu dicadangkan supaya semua peruntukan pemberian maklumat yang bukan untuk tugas hakiki seperti juruaudit hendaklah dibatalkan dan semua agensi penguatkuasaan perlu mengguna pakai APPM 2010 bila timbul isu berkaitan pemberian maklumat. Ini bertujuan supaya semua agensi penguatkuasaan berlaku adil kepada pemberi maklumat dengan memakai akta yang sama dan perlindungan yang lebih baik daripada yang ada pada peruntukan akta-akta lain. Namun APPM 2010 ini perlulah melalui penambahbaikan seperti yang dinyatakan di objektif dua.

7.2.2 Objektif Dua

Topik Dua yang menceritakan sejarah dan konsep perundangan pemberi maklumat serta beberapa perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh Malaysia menyumbang kepada wujudnya APPM 2010. Malah Bab Empat yang menganalisa dan menghuraikan berkaitan peruntukan-peruntukan dalam APPM 2010 telah menjawab objektif dua bagi mengenal pasti potensi dan kesukaran yang ada pada akta ini. Daripada analisa yang dibuat, didapati APPM 2010 mempunyai potensi dari sudut ianya adalah akta spesifik yang terperinci berkaitan perlindungan pemberi maklumat untuk kedua-dua sektor awam dan swasta, perlindungan daripada tindakan sivil dan jenayah serta tindakan yang memudaratkan dan memperuntukkan remedi yang boleh dituntut.

Untuk memberi motivasi kepada pemberian maklumat, seksyen 26 akta yang sama yang berkaitan dengan ganjaran boleh dipinda dengan memberikan beberapa peratus seperti lima belas peratus dari wang yang kerajaan dapat balik hasil daripada

membawa kes berkaitan maklumat yang diberikan ke mahkamah. Jika tiada sebarang hasil yang didapati dari mahkamah, maka ditetapkan julat hadiah yang akan diberikan kepada pemberi maklumat. *Qui tam* yang diperkenalkan oleh kerajaan Amerika memberi lima belas hingga dua puluh lima peratus hasil kemenangan di mahkamah kepada pemberi maklumat apabila kerajaan mendapat balik wang yang disalah guna atau ganti rugi yang harus dibayar oleh syarikat-syarikat yang membuat salah laku. Pada tahun 2012, seorang pemberi maklumat telah mendapat ganjaran yang besar iaitu USD2 bilion atas pemberian maklumat terhadap syarikat GlaxoSmithKline.[416] Jumlah sebegini akan memotivasikan pemberian maklumat berpadanan dengan risiko yang mereka ambil untuk memberi maklumat.

Kesukaran yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat pula adalah berkaitan beberapa peruntukan, antaranya saluran pemberian maklumat yang diberikan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seksyen enam sahaja. Oleh itu dicadangkan supaya diadakan satu saluran khas yang bertindak seperti pusat sehenti atau Ombudsman dimana semua maklumat disalurkan di sini dan maklumat tersebut kemudiannya akan disalurkan pula kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk dibuat siasatan. Ini untuk mengelakkan kekeliruan yang timbul kerana terlalu banyak tempat yang harus dipilih untuk memberi maklumat atau pemberi maklumat meragui ketelusan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut. Ini dapat disaksikan dalam kes Rokiah Mhd Noor lwn Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll, Dr Milton Siew Wah lwn Majlis Perubatan Malaysia, Mohd Rafizi Ramli lwn PP dan kes-kes lain. Di England, terdapat sembilan puluh enam tempat untuk

[416] HESCH Firm, Top 25 Largest Whistleblower Rewards paid under the False Claim Act and Qui Tam Reward Program, (n.d) https://www.howtoreportfraud.com/top-25-largest-whistleblower-rewards-paid-under-the-false-claims-act-and-qui-tam-whistleblower-reward-program/ (diakses pada 31 Disember 2021)

menyalurkan maklumat yang dibahagikan mengikut dua puluh sektor iaitu (i)komunikasi dan penyiaran, (ii)perniagaan, kewangan dan frod, (iii)kebajikan, (iv) kepentingan kanak-kanak, (v)perlindungan pengguna, (vi)perlindungan data dan kebebasan maklumat, (vii)perolehan pertahanan, (viii)pendidikan, (ix)alam sekitar, (x)standard pemakanan, (xi) kesihatan dan keselamatan, (xii)penjagaan kesihatan, (xiii)perumahan, (xiv)pihak berkuasa tempatan, (xv)pencen, (xvi) polis dan keadilan, (xvii)penjagaan sosial, (xviii)cukai, (xix)kesatuan sekerja dan (xx)utiliti. Malaysia sepatutnya mencontohi England dimana tempat menyalurkan maklumat adalah lebih banyak dan mengikut sektor-sektor yang tertentu supaya memudahkan pemberian maklumat.

Seksyen 6 akta yang sama juga mengecualikan perlindungan apabila maklumat yang diberi dihalang pendedahannya oleh akta-akta lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan akta-akta lain. Oleh itu dicadangkan supaya fasal ini dibatalkan kerana ia secara tidak langsung menghalang pemberian maklumat walaupun akibatnya boleh membawa kesan yang tidak baik kepada masyarakat seperti kes 1MDB dimana berbilion-bilion wang negara telah disalahgunakan.

Terdapat juga banyak pengecualian terhadap perlindungan pemberian maklumat dinyatakan di bawah seksyen 11(a) hingga (f), APPM 2010. Antaranya, pendedahan maklumat dibuat untuk mengelakkan dari dikenakan tindakan tatatertib, pendedahan maklumat yang remeh, pemberi maklumat juga menyertai tindakan tidak wajar, maklumat yang melibatkan merit atau dasar kerajaan. Dicadangkan supaya semuanya dibatalkan iaitu perlindungan maklumat masih diberikan bila berlaku perkara-perkara tersebut kecuali 11(b) yang mengecualikan perlindungan kepada pemberi maklumat

yang sengaja membuat suatu pernyataan pendedahan kelakuan tidak wajar yang dia tahu atau percaya ianya tidak benar. Perbuatan seperti ini akan menyusahkan pihak agensi-agensi penguatkuasaan dan melambatkan kerja-kerja mereka.

7.2.3 Objektif Tiga

Temuramah telah dibuat dengan pegawai-pegawai penguatkuasa dari agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dan hasilnya dinyatakan di Bab Lima. Dapat dilihat semua tujuh agensi mengguna pakai APPM 2010. Terdapat perbezaan pemakaian secara aktif APPM 2010, contohnya Agensi 4 menggunakannya secara aktif, Agensi 5 kurang menggunakan APPM 2010 tetapi mereka mempunyai prosedur pelaksanaan pemberian maklumat yang sistematik dan berkesan mengikut Ketetapan Am yang sedia ada. Ada agensi-agensi lain yang masih baru kepada pemakaian APPM 2010, ini mungkin kerana berlaku pertukaran pegawai yang kerap memegang sesuatu jawatan di agensi tersebut.

Universiti Utara Malaysia

Maka untuk memastikan keadilan perlindungan kepada semua pemberi maklumat, disarankan semua agensi-agensi penguatkuasaan memakai APPM 2010 dengan syarat ia telah dipinda sebagaimana dibincangkan oleh penyelidik. Semua peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta lain berkaitan pemberian maklumat dihapuskan kecuali jika ia melibatkan pemberian maklumat sebagai tugas hakiki, contohnya juruaudit. Malah yang lebih penting adalah berkaitan definisi pemberian maklumat itu sepatutnya merangkumi semua pemberi maklumat sama ada mereka *informer*, pengadu atau pemberi maklumat.

7.2.4 Objektif Empat

Objektif empat ini dicapai dari Bab Enam yang membuat perbandingan undang-undang pemberian maklumat di antara Malaysia, Amerika dan England. Dari sini dapat dilihat bagaimana APPM 2010 boleh diperbaiki dengan lebih berkesan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada. Contohnya dengan mengadakan pusat sehenti seperti di Amerika dimana semua aduan dilaporkan kepada pusat ini bagi memudahkan pemberi maklumat. Terdapat kes undang-undang menunjukkan pemberi maklumat di Malaysia masih keliru untuk melaporkan maklumat kepada siapa atau agensi yang mana yang membolehkan mereka dilindungi oleh APPM 2010.

Dicadangkan supaya satu pusat sehenti diadakan untuk sesiapa saja yang ingin memberi maklumat. Pusat sehenti ini boleh dianggotai oleh beberapa orang penjawat-penjawat dari agensi-agensi penguatkuasaan yang sedia ada. Tugas mereka hanya untuk menerima maklumat dan menyalurkan kepada pihak-pihak yang sepatutnya menyiasat maklumat tersebut. Satu ombudsman juga dilantik dari badan yang telus seperti Suhakam yang akan memantau perkembangan penyiasatan yang dibuat oleh pihak tersebut. Ini adalah lebih lebih baik untuk memudahkan dan memastikan maklumat disalurkan kepada tempat yang betul dan pemantauan juga dilakukan sebagai semakan dan imbangan.

Dari perspektif ganjaran juga boleh ditetapkan peratusan yang akan diterima oleh pemberi maklumat jika pihak kerajaan berhasil mendapat balik wang kerajaan yang disalah guna atau mendapat ganti rugi dari pihak yang terlibat. Ini adalah sebagai satu motivasi kepada pemberi maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam objektif tiga.

7.3 Cadangan

7.3.1 Definisi Pemberi Maklumat

Temubual dengan agensi-agensi penguatkuasaan mendapati pemberi maklumat boleh dibahagi kepada tiga kategori iaitu pengadu, *informer* dan pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Ini bermakna tidak semua pemberi maklumat mendapat perlindungan di bawah APPM 2010. Penyata Rasmi Parlimen menyatakan tujuan APPM 2010 diadakan adalah untuk memberi penambahbaikan kepada perlindungan yang sedia ada terhadap *informer* kerana undang-undang yang sedia ada tidak memberikan perlindungan yang sepatutnya kepada *informer*. Malah banyak agensi penguatkuasaan memberi perlindungan kepada *informer* melalui arahan amalan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut dan ianya tidak dapat diakses oleh penyelidik kerana termasuk di bawah rahsia sulit kerajaan. Setiap agensi penguatkuasaan mungkin mempunyai arahan amalan yang berbeza. Namun secara ringkasnya diberitahu bahawa *informer* mendapat perlindungan dari sudut identiti mereka dirahsiakan dan ganjaran diberikan. Namun tidak dapat diketahui apakah perlindungan yang terperinci diberikan kepada *informer* setiap agensi penguatkuasaan. Kemungkinan perlindungan lain tidak diberikan kepada *informer* kerana identiti *informer* hanya dikenali oleh segelintir pegawai-pegawai yang menangani kes-kes berkenaan sahaja.

Pada pendapat penyelidik, tujuan APPM 2010 sebagaimana di Penyata Rasmi Parlimen adalah untuk melindungi semua pemberi maklumat tanpa mengira ia seorang pengadu, *informer* atau pemberi maklumat di bawah APPM 2010. Semua pemberi maklumat harus dilindungi di bawah APPM 2010 tanpa mendiskriminasikan pengadu tidak perlu dilindungi, *informer* tertakluk kepada arahan amalan agensi penguatkuasaan dan hanya pemberi maklumat tertentu yang ingin dirinya dilindungi

di bawah APPM 2010 sahaja dilindungi. Ini juga adalah apa yang dikehendaki oleh UNCAC. Dapat dilihat bahawa berlaku percanggahan yang ketara berkaitan definisi pemberi maklumat itu sendiri. Mungkin juga perkara ini berlaku kerana pemberi maklumat adalah juga orang yang terlibat sama secara langsung atau tidak langsung dalam kelakuan tak wajar yang diadukan kerana biasanya mereka yang mempunyai maklumat berkaitan kelakuan tak wajar adalah orang yang dekat atau terlibat sama dengan mereka yang melakukan kelakuan tak wajar tersebut. Namun, jika tujuan APPM 2010 pada awalnya adalah untuk melindungi *informer* kerana kurang perlindungan yang diberikan maka ia harus terpakai kepada semua kategori pemberi maklumat. Mungkin harus dilakukan pindaan kepada seksyen 11(1)(a) APPM 2010 yang membatalkan perlindungan kepada pemberi maklumat yang melakukan kelakuan tak wajar dengan menggantikan jika mereka belum lagi melakukan tetapi dalam proses untuk melakukan, atau melakukan tetapi dengan izin penguatkuasa atau jika mereka telah melakukan tetapi telah mendedahkan maklumat kelakuan tak wajar atas inisiatif sendiri dengan munasabah dan bertaubat tidak akan melakukan kelakuan tak wajar lagi, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen lima Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Namun, jika pemberi maklumat mempunyai niat yang tidak baik iaitu masih belum insaf dan mungkin akan melakukan lagi kelakuan tak wajar, maka mereka tidak patut dilindungi sebagaimana 370 pemberi maklumat telah ditahan dalam Ops Benteng kerana bersubahat dalam menyeludup pendatang asing tanpa izin ke dalam negara Malaysia.[417]

[417] Bernama, "25 enforcement officers arrested for abetting in smuggling illegal immigrants," New Straits Times, 5 Ogos 2020, https://www.nst.com.my/news/nation/2020/08/614171/25-enforcement-officers-arrested-abetting-smuggling-illegal-immigrants (Diakses pada 9 Disember 2020)

7.3.2 Pemberi Maklumat Tanpa Nama

Undang-undang di Malaysia tidak mengambil kira pemberi maklumat tanpa nama atau yang tidak diketahui identitinya. Sebagaimana yang dibincangkan di atas, terdapat tiga kategori pemberi maklumat iaitu pemberi maklumat, pengadu dan *informer* yang mana semua harus mendedahkan identiti mereka kepada pihak-pihak tertentu sewaktu melaporkan sebarang maklumat. Walau bagaimanapun temu ramah yang dibuat dengan agensi-agensi penguatkuasaan menyatakan jika terdapat maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat tanpa nama, maka maklumatnya akan disiasat. Namun disebabkan tiada sebarang peruntukan undang-undang berkaitan pemberi maklumat tanpa nama yang mana boleh menjadikan seseorang pemberi maklumat yang tidak mahu identitinya diketahui, maka mereka tidak melaporkan maklumat yang diketahui kepada sebarang saluran yang dinyatakan oleh APPM 2010 tetapi menularkannya di media sosial.

Laporan dari EY dan *Association of Financial Undertakings di Poland* mengenai penipuan di sektor kewangan Poland mendedahkan 83 peratus entiti di sektor ini menggunakan kaedah pemberian maklumat tanpa nama berkaitan pelaporan penipuan dan dapat mengesan 60 peratus kes penipuan.[418] Malah kajiannya juga menunjukkan antara faktor penting meningkatkan keberkesanan pemberian maklumat adalah melalui pemberian maklumat tanpa nama.[419] ACFE juga mendapati pemberi maklumat lebih cenderung untuk memberi maklumat melalui saluran pemberian tanpa nama.[420] Maka dicadangkan juga Malaysia mengadakan saluran untuk pemberian maklumat

[418] Supra 159, 99
[419] Supra 16, 103
[420] Supra 168

tanpa nama ini kerana mungkin ada pemberi maklumat yang mempunyai maklumat yang penting tapi takut tindakan akan diambil terhadapnya jika identitinya diketahui walaupun diberi jaminan perlindungan di bawah APPM 2010. Malah England dan Amerika juga membenarkan pemberian maklumat tanpa nama.

7.3.3 Kelakuan Tidak Wajar

Definisi yang diberikan kepada kelakuan tidak wajar boleh dipertikaikan. Skop kelakuan tak wajar ini boleh dianggap sempit kerana ia hanya melibatkan perbuatan yang melanggar undang-undang, kod tatakelakuan, kod etika, pekeliling atau kontrak pekerjaan sahaja. Mungkin terdapat keadaan di mana pemberian maklumat adalah perlu tetapi pada masa yang sama ia tidak melanggar mana-mana undang-undang yang nyata, kod atau kontrak pekerjaan. Malah orang awam mungkin tidak tahu sama ada seseorang telah melanggar salah satu perkara di atas tetapi yakin bahawa kelakuan oleh seseorang itu adalah tak wajar dan menimbulkan ancaman kepada orang lain. Sesetengah perbuatan mungkin tidak melanggar perundangan atau kod yang tersurat atau jika ada pun, ia mungkin sukar untuk dikenal pasti. Jika perkara begini terjadi, agensi penguatkuasa mungkin akan teragak-agak untuk memberi perlindungan atau menyiasat perkara tersebut walaupun terdapat kelakuan tidak wajar. England menggunakan perkataan "pendedahan yang layak" di mana ianya satu bentuk yang kurang teknikal dan lebih luas pemberian maklumat dapat dilakukan yang berkaitan dengan skop-skop yang dinyatakan contohnya alam sekitar, jenayah, ketidakadilan dan sebagainya.

Namun, jika dilihat dari sudut lain pula, skop kelakuan tidak wajar ini mungkin terlalu luas dimana ia merangkumi semua kelakuan yang tidak wajar termasuklah perkara

yang remeh seperti seorang pekerja yang waktu kerjanya dari lapan pagi hingga lima petang tetapi dia hanya berada di tempat kerja beberapa jam saja boleh dianggap sebagai berkelakuan tak wajar. Perkara seperti ini boleh dikendalikan oleh badan disiplin di pejabat tersebut saja, tidak memerlukan campur tangan dari agensi penguatkuasaan. Agensi penguatkuasaan di Malaysia terutamanya SPRM menerima banyak aduan yang menyebabkan mereka terpaksa mengutamakan yang memudaratkan kepada masyarakat dahulu dan mengemudiankan perkara yang remeh. Malah seksyen 11(1) (a) APPM 2010 membatalkan perlindungan kepada pemberi maklumat jika didapati kelakuan tidak wajar itu sesuatu yang remeh.

Maka, disyorkan supaya definisi kelakuan tidak wajar ini dikaji balik. Mungkin boleh dinyatakan skop yang dimaksudkan seperti perbuatan yang boleh membawa mudarat yang besar kepada masyarakat, ekonomi, kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan sebagainya.Namun perbuatan tersebut tidak terlalu luas hingga apa saja yang melanggar perundangan dan kod etika dianggap kelakuan tidak wajar dan harus ditangani oleh semua agensi-agensi penguatkuasaan. Dalam masa yang sama, perlu juga diambil kira kelakuan tak wajar itu bukan sahaja yang melanggar perundangan dan kod etika tersurat sahaja, tetapi jika mendatang kemudaratan kepada masyarakat walaupun melanggar etika yang tidak termaktub, maka perlu juga ditangani oleh agensi penguatkuasaan.

7.3.4 Saluran Pemberi Maklumat

7.3.4.1 Pusat Sehenti

APPM 2010 hanya membenarkan pemberi maklumat membuat laporan kepada agensi-agensi penguatkuasaan di bawah kerajaan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan yang

telah ditetapkan. Sebagaimana yang dibincangkan di topik empat, beberapa agensi-agensi penguatkuasaan merasakan perlu diadakan pusat sehenti di mana semua maklumat dilaporkan di situ dan pusat inilah yang akan menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan. (i) Ini dapat menghilangkan kekeliruan kepada pemberi maklumat untuk melaporkan maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang mana satu kerana mereka mungkin orang yang tidak mahir berkenaan bidangkuasa agensi-agensi penguatkuasaan. (ii) Malah ada pemberi maklumat yang melaporkan maklumat yang sama kepada banyak agensi-agensi penguatkuasaan dan agensi-agensi lain. Perkara sebegini mungkin boleh menyebabkan pemberi maklumat tidak akan dilindungi di bawah APPM 2010 kerana mendedahkan maklumat kepada agensi di luar bidang kuasa APPM 2010. (iii) Pusat sehenti ini juga akan memudahkan kerja agensi-agensi penguatkuasaan yang tidak mempunyai cukup kakitangan untuk memfokuskan kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa mereka sahaja. Maka perlu ada mekanisme yang berkesan di kalangan awam, swasta dan organisasi untuk memastikan pendedahan maklumat ditangani oleh pihak yang betul dan perlindungan dapat diberikan kepada pemberi maklumat.

Pemberian maklumat juga harus dibenarkan melalui pelbagai cara seperti bersemuka, panggilan telefon bebas tol, faks, portal dalam talian yang selamat dan lain-lain.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan Amerika patut dicontohi dimana mereka mengadakan satu tempat untuk semua aduan dibuat dan maklumat akan disalurkan kepada bahagian yang berkaitan untuk disiasat jika didapati ada kemungkinan yang munasabah maklumat tersebut betul dan termasuk dalam skop yang telah ditetapkan. Jika dilihat kepada England pula, mereka telah menetapkan maklumat berkaitan

dengan bidang apa untuk disalurkan ke mana. Namun penyelidik berpendapat pusat sehenti seperti di Amerika lebih praktikal dan mudah kerana semua maklumat akan disalurkan kepada satu tempat dan disitulah ia akan diproses untuk disalurkan ke tempat-tempat yang bersesuaian. Pusat sehenti yang dicadangkan ini adalah seperti yang dibincangkan di bawah objektif dua.

Pusat sehenti ini harus memberi sokongan dan nasihat secara percuma kepada pemberi maklumat atau yang bercadang memberi maklumat. Ini termasuk menerangkan dengan jelas berkaitan undang-undang dan polisi pemberian maklumat, cara terbaik untuk memberi maklumat dan risiko yang terpaksa dihadapi. Sokongan ini harus diberikan sepanjang proses pemberian maklumat dilakukan. Semua ini haruslah dilakukan secara rahsia.

Antara tugas utama yang perlu dilakukan oleh pusat sehenti juga adalah untuk meningkatkan kesedaran berterusan kepada orang awam dan pegawai-pegawai institusi awam dan swasta mengenai kepentingan, dasar dan undang-undang pemberian maklumat melalui pelbagai cara seperti mengadakan program-program pendedahan dan pendidikan di sekolah, universiti, institusi pekerjaan awam dan swasta melalui beberapa siri jerayawara yang meliputi seminar, persembahan, pameran, ceramah dan lain-lain.

Bagi memastikan pentadbiran pusat sehenti ini telus, maka ia haruslah membuat laporan dan statistik secara am dengan melindungi maklumat diri pemberi maklumat dan pihak-pihak dalam kes terbabit kepada awam mengenai pemberian maklumat dan

Universiti Utara Malaysia

hasil yang diperolehi. Laporan ini hendaklah berkala dan sekurang-kurangnya dibuat sekali tahun.

7.3.4.2 Pelbagai Saluran Pemberian Maklumat

Perlu juga dibenarkan pemberi maklumat menyalurkan maklumat kepada pelbagai saluran selain dari agensi penguatkuasaan sahaja. Ini kerana kebanyakan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut mempunyai indeks persepsi rasuah yang tinggi. Ini tidak akan menggalakkan seseorang memberi maklumat kerana dikhuatiri maklumatnya tidak akan dilayan. Maka perlulah juga dipastikan ketelusan agensi-agensi penguatkuasaan tersebut supaya pemberi maklumat tidak takut untuk memberi laporan. Presiden Transparency International Malaysia, Muhammad Mohan menyatakan orang ramai takut memberi maklumat kepada SPRM atau Polis Diraja Malaysia kerana mereka tidak berasa selamat dan kemungkinan identiti mereka akan didedahkan. Ini dapat dilihat dari Ops Benteng yang dilaksanakan pada 1 Mei 2020 bagi menahan pendatang tanpa izin, di mana terdapat lapan belas pegawai polis, lima pegawai angkatan tentera dan dua pegawai imigresen ditahan kerana bersubahat membawa masuk pendatang tanpa izin ke Malaysia.[421] Dia mencadangkan supaya diperluaskan saluran pemberian maklumat untuk merangkumi SUHAKAM yang dianggap lebih mesra orang ramai dan juga menubuhkan Ombudsman Parlimen.[422] Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu, Datuk Liew Vui Keong berkata, tahap kesedaran mengenai APPM 2010 masih tidak memuaskan kerana orang yang bekerja masih takut untuk membuat laporan berkaitan salah laku ketua mereka.[423] Ini mungkin kerana ada pekerja atau

[421] Supra 287
[422] Nurul Azwa Aris, Takut hilang kerja punca pemberi maklumat tutup mulut, kata TI-M, 12 Ogos 2019, file:///C:/Users/VersaPro/Desktop/Takut%20hilang%20kerja%20punca%20pemberi%20maklumat%20tutup%20mulut,%20kata%20TI-M%20_%20Free%20Malaysia%20Today.html (diakses pada 29 November 2021)
[423] ibid

majikan yang melakukan kelakuan tak wajar dengan kerjasama pegawai berjawatan tinggi di agensi penguatkuasaan, maka pemberi maklumat tiada pilihan melainkan memberi maklumat kepada awam melalui media atau peguam kerana kebarangkalian maklumatnya tidak dilayan adalah tinggi. Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, J Solomon pula berkata pekerja yang membuat aduan terhadap ketua mereka takut berdepan dengan tindak balas, diskriminasi atau tindakan disiplin di tempat kerja. Malah ada yang dibuang kerja kerana memberi maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar kepada pegawai atasan atau kepada kesatuan sekerja. Pekerja umumnya kurang berjaya di Mahkamah Industri, oleh itu mereka berada pada kedudukan yang tertekan. Ini mendorong mereka untuk tidak bertindak terhadap majikan yang melanggar undang-undang.[424]Perkara ini juga dapat dilihat melalui seorang pemberi maklumat iaitu Asri Janggut yang telah membongkar aktiviti haram perjudian dan penjualan rokok seludup melalui mukabukunya dan membuat aduan ke balai polis. Dia mungkin tidak sedar akan adanya APPM 2010 yang membolehkan dia menyalurkan maklumat kepada agensi penguatkuasaan tertentu atau dia tidak mempercayai ketelusan yang ada pada pihak penguatkuasaan. Dia membahayakan diri, keluarga serta pekerjanya dengan mendedahkan identitinya yang mungkin diketahui oleh tauke perjudian haram.[425] Asri Janggut tidak akan dilindungi di bawah APPM 2010 kerana dia telah mendedahkan perkara tersebut melalui media kepada masyarakat walaupun pendedahan juga telah dibuat kepada Polis Diraja Malaysia dan SPRM.

[424] ibid
[425] Malaysiakini, "Polis buat 6 serbuan terhadap kegiatan perjudian di Sungai Buloh," 10 Ogos 2010.https://www.malaysiakini.com/news/537986 (Diakses pada 9 Ogos 2020)

Seorang pemberi maklumat di England boleh membuat laporan kepada majikan, penasihat undang-undang, menteri atau sesiapa yang dinyatakan di bawah arahan Setiausaha Kerajaan. Malah saluran pemberian maklumat di England adalah banyak merangkumi berbagai bidang.[426] England dan Amerika juga membenarkan pemberi maklumat mendedahkan maklumat kepada akhbar tetapi dengan mengambilkira syarat-syarat tertentu. Ini mungkin resolusi terakhir di mana pemberi maklumat mendapati sudah tiada ketelusan atau boleh memburukkan keadaan jika melaporkan juga maklumat kepada orang yang berhak menerima maklumat. Oleh itu Malaysia patut mencontohi negara-negara ini juga di mana orang yang menerima pemberian maklumat tidaklah dihadkan kepada sektor kerajaan sahaja tetapi harus dipelbagaikan supaya terdapat ketelusan dan memberi keselesaan kepada pemberi maklumat untuk melaporkan maklumat yang mungkin boleh memudaratkan masyarakat. Malah ada kajian menunjukkan faktor penting untuk meningkatkan keberkesanan pemberian maklumat adalah dengan menyediakan beberapa saluran untuk pelaporan maklumat.[427]Malah ia juga memudahkan tugas agensi-agensi penguatkuasaan yang harus menangani banyak aduan yang diterima setiap hari.

Universiti Utara Malaysia

7.3.4.3 Pemberian Maklumat Dalaman

Tidak semua orang yang ada kesedaran mengenai APPM 2010, ada pekerja yang melaporkan salah laku kepada ketua atau majikannya, maka mereka tidak akan mendapat perlindungan di bawah APPM 2010 jika berlaku sebarang tindakan balas diambil terhadapnya. Ianya sangat penting untuk APPM 2010 membenarkan pekerja untuk memberi maklumat kepada penyelia atau majikannya kerana hubungan antara mereka lebih dekat dan ini dapat membetulkan salah laku yang berlaku secara

[426] Seperti di Jadual 6.2
[427] Supra 364

dalaman, tanpa diketahui oleh pihak luaran. Ini dapat dilihat dari kes Dr Milton Lam Siew Wah lwn Majlis Perubatan Malaysia[428], Rokiah Mhd Noor lwn Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepentingan Pengguna Malaysia & Dll.[429] Datuk Dr Hj Abdul Hamid Sultan Abu Backer lwn Pengerusi Jawatankuasa Etika Hakim-hakim & Anor,[430] Vigneswaran Jayakody lwn Safeguards G4S Sdn Bhd[431] di mana mereka menyalurkan aduan kepada institusi di tempat mereka bekerja dahulu bagi membetulkan keadaan dalaman tanpa penglibatan pihak luar, namun akibatnya mereka tidak dilindungi oleh APPM 2010.

Pemberian maklumat adalah satu cara untuk memperbaiki budaya dalaman sesebuah organisasi awam atau swasta dan untuk menyekat atau mendedahkan kesilapan atau kesalahan yang berlaku dalam organisasi. Ini akan meningkatkan keberkesanan pentadbiran dalam sesebuah organisasi. Boleh dikatakan pemberi maklumat adalah mata dan telinga sesebuah dan memainkan peranan penting dalam melaporkan salah laku di sesebuah organisasi.

Universiti Utara Malaysia

Pemberian maklumat dalaman mempunyai banyak kebaikan kepada sesebuah syarikat. Ia boleh mengelakkan pihak luar dari campur tangan dalam pengurusan syarikat, segala kelakuan tak wajar boleh di rahsiakan untuk warga syarikat sahaja tanpa diketahui oleh pihak luar yang mana rentetannya boleh menjaga nama baik syarikat dari diketahui oleh pihak luar. Bila nama syarikat bersih dari kelakuan tak wajar, ini akan membuka peluang yang luas kepada syarikat dari segi pelaburan.

[428] Supra 34
[429] Supra 81
[430] Supra 83
[431] (2020) 2LNS 0837

Namun untuk menjadikan sesuatu pemberian maklumat dalaman itu berkesan, maka perlulah ada saluran pelaporan yang jelas yang diketahui oleh semua, saluran ini senang untuk diakses oleh semua pekerja, ia hendaklah sesuai mengikut budaya kerja di syarikat itu, perlu ada kerahsiaan jika ia dikehendaki oleh pemberi maklumat, pelaporan kepada pihak ketiga atau seterusnya adalah tersedia dan perlindungan dari tindakan balas yang memudaratkan.

7.3.5 Elemen Suci Hati

Tiada elemen suci hati disebutkan dalam APPM 2010 sebagai keperluan kepada pemberian maklumat. Namun perlindungan kepada pemberi maklumat akan dibatalkan jika pemberi maklumat turut serta dalam kelakuan tidak wajar yang didedahkan[432] atau pendedahan maklumat dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya bertujuan mengelak dari dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain[433]. Secara tidak langsung menunjukkan niat suci hati perlu ada dalam pemberian maklumat. England telah menghapuskan keperluan elemen suci hati pada tahun 2013 dan diganti dengan elemen untuk kepentingan awam. Namun ia memotong 25 peratus dari ganti rugi kepada pemberi maklumat yang menang dalam tuntutan tetapi tiada elemen suci hati. Penyelidik berpendapat pindaan yang dibuat oleh England adalah baik dan perlu diikuti oleh Malaysia kerana ramai pemberi maklumat biasanya adalah dari mereka yang rapat dengan orang yang melakukan tindakan tidak wajar dan adakalanya terlibat sama dengan tindakan tersebut. Tujuan pemberian maklumat adalah untuk membanteras kelakuan tak wajar yang telah, sedang atau akan berlaku di mana ia merbahayakan kepentingan awam. Jika elemen suci hati masih diperlukan, ditakuti ia akan mengurangkan pemberian maklumat kerana pemberi maklumat yang

[432] Seksyen 11(1) (a) APPM 2010
[433] Seksyen 11(1) (e) APPM 2010

telah terlibat dengan kelakuan tidak wajar tidak akan dilindungi, maka mereka mungkin takut untuk memberi maklumat. Malah dari temuduga yang dibuat dengan tujuh agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia mendapati ada tiga kategori pemberi maklumat dan salah satunya adalah *informer* yang tidak dilindungi oleh APPM 2010 tetapi dilindungi di bawah amalan pentadbiran. Penyelidik berpendapat mungkin mereka tidak dapat dilindungi di bawah APPM 2010 atas sebab-sebab tertentu terutamanya bila ia melibatkan elemen suci hati. Ianya adalah satu kesalahan jika melindungi orang yang terlibat sama melakukan kelakuan tak wajar, malah boleh menggalakkan lagi mereka untuk melakukan perkara tersebut. Namun APPM 2010 boleh mengambilkira seksyen lima di dalam Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Aktiviti daripada Hasil Haram 2001 yang membenarkan seseorang yang berniat untuk terlibat dalam kelakuan tidak wajar tetapi masih belum melakukan kelakuan tersebut tetapi dilindungi akta bila melaporkan kelakuan tidak wajar. Bagi sesiapa yang telah melakukan kelakuan tidak wajar tetapi atas keizinan agensi penguatkuasaan atau atas inisiatifnya sendiri melaporkan kelakuan tidak wajar seberapa segera yang munasabah. Ini untuk menggalakkan lebih ramai memberi maklumat walau mereka mungkin akan terlibat atau telah terlibat dengan kelakuan tidak wajar tersebut. Mereka mungkin telah bertaubat dan ingin menghentikan kelakuan tidak wajar segera sebelum ia bertambah teruk.

7.3.6 Pemberian Maklumat yang Dilarang Secara Khusus oleh Undang-undang Bertulis Lain

Pemberian maklumat tidak dapat dilakukan jika ianya dilarang secara khusus di bawah undang-undang lain yang ada di Malaysia walaupun untuk kepentingan awam. Contohnya kes Mohd Rafizi Ramli lwn PP, dimana beliau didakwa kerana mendedahkan maklumat akaun seorang pelanggan yang dituduhnya melakukan rasuah

dan menyalahgunakan duit rakyat. Beliau didakwa di bawah Akta Bank Dan Institusi Kewangan 1989 yang secara khusus mempunyai peruntukan berkaitan kerahsiaan bank. Dalam kes yang lain pula, beliau didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 kerana mendedahkan satu halaman dokumen audit berkaitan IMDB untuk membuktikan berlaku penyalahgunaan wang negara. Malah terdapat banyak akta-akta lain yang mempunyai peruntukan khusus berkaitan kerahsiaan di bawah akta tersebut seperti Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan sebagainya.

Ini seolah-olah menunjukkan pemberian maklumat tidak digalakkan bila ia berkaitan dengan kerahsiaan yang jelas diperuntukkan di dalam akta-akta tertentu walaupun untuk kepentingan awam dan negara. Ini bertentangan dengan cadangan yang diberikan oleh Transparency International di dalam panduan praktis terbaik untuk perundangan pemberi maklumat yang menyuruh supaya perlindungan maklumat juga diberikan terhadap pemberi maklumat yang memberi maklumat berkaitan sekuriti neagara dan rahsia kerajaan melalui sebuah badan bebas.[434]

Sepatutnya jika prinsip kerahsiaan itu amat penting untuk dijaga tetapi harus ada pengecualian tertentu dalam keadaan-keadaan yang tertentu terutamanya bila ia melibatkan kepentingan awam dan kepentingan negara. Jika pengecualian ini tidak wujud, maka dibimbangi tiada siapa yang berani memberikan maklumat walaupun masyarakat awam atau negara berada dalam keadaan yang bahaya.

[434] Marrie Terracol, "A Best Practise Guide For Whistleblowing Legislation," 2018, Transparency International, https://transparency.eu/wp-content/uploads/2018/03/2018_GuideForWhistleblowingLegislation_EN.pdf(diakses pada 29 November 2021)

7.3.7 Pemberian Maklumat Berkaitan Dasar atau Merit Kerajaan

Seksyen 11(1)(d) APPM 2010 membatalkan perlindungan kepada pemberi maklumat yang memberikan maklumat yang mempersoalkan dasar atau merit kerajaan, terutamanya dasar badan awam. Banyak kerajaan yang mempunyai kekebalan dari undang-undang di mana dasar atau meritnya tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat walaupun ianya melanggar kepentingan awam dan pemberi maklumat dikenakan tindakan balas. Ini dapat dilihat dari kes Edward Snowden, Julian Assange, Mohd Rafizi Ramli dan lain-lain. Malah mereka dikenakan tindakan di bawah akta-akta yang lain.

Oleh itu disarankan supaya pemberi maklumat yang memberikan maklumat berkaitan dasar atau merit kerajaan juga dilindungi jika ia melibatkan kemaslahatan awam.

7.3.8 Politik Mempengaruhi Pemberian Maklumat

Undang-undang pemberi maklumat hanya boleh berfungsi dalam masyarakat demokratik yang menyokong ketelusan, pendedahan dan akauntabiliti. Prasyarat undang-undang pemberi maklumat adalah kedaulatan undang-undang termasuk perundangan yang bebas dan badan kehakiman yang bebas.[435] Sejarah telah menunjukkan banyak berlaku di mana seorang pemberi maklumat yang mendedahkan salah laku atau rasuah yang dilakukan oleh pegawai tinggi kerajaan tidak akan dilindungi, malah mungkin akan dikenakan tindakan balas. Kes terkini yang memberi impak besar kepada dunia mengenai seorang pemberi maklumat, doktor Li Wen Liang yang memberi maklumat berkaitan corona virus pada bulan Disember 2019, telah dipanggil oleh pihak polis Wuhan dan disuruh menandatangani dokumen yang

[435] Paul Latimer dan A J Brown, "Whistleblower Laws: International Best Practice,"UNSW Journal vol. 31(3), (2008) 769

menyatakan dia telah menyebarkan khabar angin di dalam talian yang mana mengganggu ketenteraman awam. Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran Wuhan kemudian mengeluarkan kenyataan bahawa penyakit tersebut tidak berpindah dari manusia ke manusia yang menyebabkan penduduk Wuhan menjalani kehidupan seperti biasa.[436] Akibatnya wabak ini telah membunuh 4000 orang dan menyebab 24324 jangkitan di China sahaja.[437] Begitu juga dengan pemberi maklumat lain di Amerika seperti Edward Snowden, John Parson, Peter Van Buren dan lain-lain[438]; di England seperti Keith Osmund Smith[439] dan di Malaysia seperti Mohd Rafizi.

7.3.9 Sistem Ganjaran Terhadap Pemberian Maklumat.

Pemberian ganjaran untuk pemberi maklumat perlu dipertimbangkan. Ia mungkin akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk menjadi pemberi maklumat. Kajian yang dilakukan oleh ACFE mendapati walaupun pemberian maklumat memberi hasil yang tinggi untuk mengesan penipuan, namun hadiah yang diberikan kepada pemberi maklumat adalah pada kadar terendah.[440] Amerika adalah antara negara yang menawarkan ganjaran yang tinggi kepada pemberi maklumat dan memaktubkannya di dalam akta mereka. Ini adalah kerana perlindungan kepada pemberi maklumat sahaja tidak banyak membantu kepada pemberian maklumat. Kerajaan Amerika mengambil pendekatan membenarkan pekerja yang mengalami

[436]CNN,Feb 2020, Whistleblower doctor who tried to warn of coronavirus becomes infected. https://www.kron4.com/health/coronavirus/whistleblower-doctor-who-tried-to-warn-of-coronavirus-becomes-infected/(diakses pada 29 November 2021)
[437]The New York Times, Feb 2020, Coronavirus Live Updates: As Death Toll Rises, More Americans Are Heading Home, https://www.nytimes.com/2020/02/04/world/asia/coronavirus-china.html, (diakses pada 29 November 2021)
[438]info@whistleblower.org, A Timeline of US Whistleblowers, https://whistleblower.org/timeline-us-whistleblowers/(diakses pada 29 November 2021)
[439] Abe Hawken and Alex Green, 2018, Whistleblowers who raised fears over one of Britain's worst child abuse scandals that affected nearly 1,000 victims were forced out or ignored, MailOnline, https://www.dailymail.co.uk/news/article-5489911/Telford-whistleblowers-raised-fears-scandal-silenced.html (diakses pada Januari 2019)
[440] Supra 159

tindakan balas untuk menuntut ganti rugi dan membenarkan pemberi maklumat menyaman bagi pihak kerajaan sekiranya wang yang diterima adalah hasil rasuah atau penipuan. Jika saman itu berjaya,[441] maka pemberi maklumat boleh menerima berapa peratus dari wang tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh akta.

Akta *Dodd-Fran*k 2010 memberi kuasa kepada Jawatankuasa Sekuriti Pertukaran Amerika membuat bayaran kewangan kepada pemberi maklumat jika mereka memberi informasi yang membawa kepada berjayanya pelaksanaan Akta *Foreign Corrupt Practices* 1977. Akta ini terpakai walaupun pemberi maklumat adalah warganegara asing dan rasuah dibayar di luar negara Amerika. Malah ia membenarkan pendedahan maklumat secara "tanpa nama" iaitu tanpa mengetahui identiti sebenar pemberi maklumat. Kerajaan Amerika telah berjaya mendakwa ramai warga asing dan syarikat asing, antaranya Siemen. Siemen adalah syarikat Jerman yang disenaraikan di Bursa Saham New York yang terlibat dengan amalan membayar rasuah kepada pegawai kerajaan asing untuk mendapatkan perniagaan. Ramai responden yang ditemu bual merasakan pemberian ganjaran ini adalah penting, malah semua *informer* agensi-penguatkuasaan diberi ganjaran mengikut dasar dalaman agensi penguatkuasaan masing-masing.

Di Malaysia, peruntukan ganjaran dinyatakan dalam APPM 2010 tetapi atas budi bicara pihak kerajaan. Namun, dari temubual dengan beberapa agensi penguatkuasaan, *informer* mendapat ganjaran yang banyak dari pihak kerajaan. Contohnya, pembanterasan barang penyeludupan khususnya arak dan rokok telah dilakukan di

[441] Terry Morehead Dworkin dan Cindy A. Schipani, "Using rewards to stop wrongdoing: a comparative perspective," *Company Law*, Vol 41 issue 3, (2020),71.

Sabah oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah dan pengarahnya menyatakan ganjaran kepada pemberi maklumat ada yang mencecah sehingga RM500,000.[442] Malah perbuatan melengah-lengahkan pemberian ganjaran oleh pegawai kastam kepada pemberi maklumat sehingga empat hingga lima tahun dikatakan punca berkurangnya pemberian maklumat yang mengakibatkan sindiket penyeludupan arak dan rokok makin berleluasa. Ini kerana pegawai terbabit telah mendapat rasuah dari sindiket penyeludupan barang dan melindungi kegiatan haram tersebut. Ini menjadi punca pemberi maklumat menghentikan pemberian maklumat kerana takut dengan keselamatan dan juga menghadapi masalah perbelanjaan akibat ganjaran yang lambat diberikan. Kadang-kadang ganjaran yang diberikan dipotong separuh dari nilai sebenar.[443]

7.3.10 Organisasi yang Memantau Perlindungan yang Diberikan Kepada Pemberi Maklumat

Biasanya terdapat empat halangan kepada institusi yang mengawal selia pemberian maklumat iaitu institusi kawal selia selalunya kekurangan kakitangan dan tidak mempunyai sumber secukupnya untuk memproses kes pemberi maklumat, keduanya kakitangan yang tidak berpengalaman dan memahami kepentingan pemberian maklumat, ketiganya pengawal selia berada di bawah tekanan ahli politik yang melantik mereka dan meminta mereka mengabaikan maklumat berkaitan dan keempatnya terdapat risiko yang tinggi kepada pemberi maklumat yang memberi maklumat kepada institusi kawal selia.[444]Setakat ini, tiada sebarang organisasi yang

[442] BH Online, "Pemberi maklumat bantu kastam untuk banteras kegiatan penyeludupan di Sabah,"29 Julai 2015, https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2015/07/70825/pemberi-maklumat-bantu-kastam-banteras-kegiatan-penyeludupan-di-sabah (Diakses pada 10 Disember 2018)
[443] Pegawai kanan kastam lengahkan ganjaran kepada pemberi maklumat, 2014, https://mforum.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=829409(diakses pada 29 November 2021)
[444] Richard P. Nielsen, Lakshmi Balachandra and Anna L. Nielsen, "Whistle-Blowing Methods for Navigating Within and Helping Reform Regulatory Institutions," Journal of Business Ethics, Vol. 112, No. 3 (February 2013), 386

memantau atau mengawasi perlindungan yang diberikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan kepada pemberi maklumat di Malaysia. Maka dicadangkan penubuhan Suruhanjaya Perlindungan Pemberi Maklumat sebagai pusat sehenti di mana maklumat dilaporkan dan memantau agensi-agensi penguatkuasaan dalam menjalankan tugas dan fungsi tertentu yang berkaitan pemberi maklumat. Ia perlu memantau maklumat yang diberikan itu disiasat dan remedi yang diperlukan telah dibuat serta sebarang tindakan pembetulan, jika perlu, harus dilaksanakan. Organisasi ini juga harus mempastikan bahawa semua institusi awam atau swasta yang disenaraikan oleh undang-undang untuk mengadakan sistem pemberian maklumat berbuat demikian. Malah pentadbiran organisasi tersebut perlu mempunyai undang-undang dan polisi pemberian maklumat yang telus dan bertanggungjawab.

Malaysia boleh mempelajari berkenaan pusat sehenti ini dari *Office of the Special Counsel* di Amerika. Ianya adalah satu badan yang menerima maklumat dari pemberi maklumat, menyalurkan kepada agensi-agensi yang berkaitan, memantau penyiasatan dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat sebagaimana yang dibincangkan dalam objektif dua.

7.3.11 Unit Pemberian Maklumat di Semua Institusi Awam dan Institusi Swasta Tertentu

Terdapat kajian menunjukkan harus ada kepercayaan yang kukuh antara pemberi maklumat dengan institusi yang menerima maklumat. Kakitangan di agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia memberi maklumat secara dalaman kepada institusi masing-masing kerana kepercayaan kepada ketua di institusi-institusi berkaitan.[445]

[445] Wan Najwa Arifah Wan Ahmad and Fais Ahmad, "Impact of Organizational Trust on Whistle-Blowing Intentions at Malaysian Enforcement Agency" International Journal of Business Studies and Management Volume 4, Issue 1 (January 2017), 4

Dicadangkan semua institusi awam dan institusi swasta yang tertentu (mengikut saiz atau peringkat) harus melaksanakan sistem pemberian maklumat dalaman dan luaran. Perlu diwujudkan satu unit yang mengurus dan menangani sistem pemberian maklumat ini. Unit ini hendaklah menerima semua saluran pemberian maklumat dari dalam dalaman iaitu dari pekerja syarikat dan maklumat dari pemberi maklumat luaran. Malah mereka juga perlu menerima maklumat dari pemberi maklumat tanpa nama. Unit ini perlu sentiasa memberi informasi berkaitan pemberian maklumat dan menyiasat semua maklumat yang diberikan termasuk maklumat berkaitan tindakan balas yang diambil terhadap pekerja.

7.3.12 Latihan

Bila penggubahan wang haram dianggap sesuatu yang sangat penting sehingga setiap institusi perbankan dikehendaki oleh undang-undang untuk mengadakan jawatan pegawai pematuhan bagi memastikan bank tersebut mengikut undang-undang berkaitan penggubahan wang haram, maka pemberian maklumat juga adalah sangat penting bagi menyekat rasuah dan penggubahan wang haram perlulah diadakan pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang tersebut. Semua pegawai yang berperanan dalam mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang dan polisi pemberi maklumat dari institusi awam dan swasta harus menjalani latihan sepenuhnya dari semua aspek sistem tersebut. Latihan ini hendaklah berterusan dan mengikut perkembangan undang-undang dan polisi pemberian maklumat dari masa ke masa. Sebagaimana yang dibincangkan dalam topik enam berkaitan Akta *No Fear* 2002 di Amerika untuk persekitaran kerja yang bebas daripada diskriminasi dan tindakan

Universiti Utara Malaysia

balas, maka agensi perlu memberikan latihan setiap dua tahun kepada pekerja dan pengurus mengenai hak dan remedi dibawah undang-undang perlindungan pemberi maklumat. Malaysia juga boleh melakukan perkara sedemikian dengan mewajibkan organisasi swasta atau awam mempunyai seorang pegawai yang khas untuk tujuan ini sebagaimana yang setiap institusi kewangan dikehendaki mempunyai pegawai pematuhan yang menjaga berkaitan penggubahan wang haram.

7.3.13 Tindakan Drastik Terhadap Orang yang Melakukan Tindakan Balas

APPM 2010 juga boleh memasukkan beberapa tindakan drastik yang boleh diambil terhadap orang yang melakukan tindakan balas terhadap pemberi maklumat bagi menakutkan mereka yang ingin berbuat demikian. Seksyen 18 APPM 2010 memberikan remedi berbentuk ganti rugi atau pampasan, injunksi dan relief lain yang mahkamah fikirkan patut seperti membenarkan pemberi maklumat yang diberhentikan kembali bekerja, mengembalikan jawatan kepada pemberi maklumat, menghentikan sebarang tindakan tatatertib dan sebagainya seperti yang dinyatakan dalam Bab Empat. Namun setakat ini hanya ada satu kes di bawah APPM 2010 iaitu Syed Omar Syed Agil lwn Institut Profesional Baitulmal Sdn Bhd[446] dimana mahkamah mengarahkan majikannya membatalkan notis penyiasatan dalaman terhadapnya. Di Amerika pula, terdapat beberapa undang-undang persekutuan dan negeri seperti Akta SOX 2002, Akta *Dodd-Frank* 2010, WPEA 2012 dan lain-lain yang memberikan remedi seperti bayaran balik kehilangan gaji dan faedah, ganti rugi tekanan emosi, ganti rugi kemudaratan pada reputasi, penempatan semula, kehilangan pendapatan masa depan dan ganti rugi punitif. Begitu juga dengan England yang menyediakan remedi berbentuk pelepasan sementara, pampasan atau ganti rugi dan penempatan semula.

[446] Supra 258

Ketiga-tiga negara memberi remedi yang luas kepada pemberi maklumat namun tidak dinyatakan dengan jelas tindakan yang dikenakan terhadap orang yang melakukan tindakan balas. Secara tidak langsung boleh dikatakan mereka akan diperintah oleh mahkamah untuk membayar ganti rugi atau pampasan kepada pemberi maklumat. Antara cadangan yang boleh dikemukakan adalah tindakan yang boleh diambil terhadap institusi swasta yang pegawainya melakukan tindakan balas adalah tidak membenarkan institusi tersebut mendapatkan kontrak dari institusi awam untuk beberapa jangkamasa.

7.4 Kesimpulan

Dunia sekarang ini adalah kompleks dan keputusan dibuat setiap hari yang akan memberi kesan kepada kesihatan, keselamatan ekonomi dan hak asasi penduduk sesebuah negara. Keputusan ini kadang-kadang dibuat oleh seseorang perasuah, pemalas atau seseorang yang tidak berkeupayaan untuk membuat keputusan. Perkara yang berlaku ini mungkin diketahui oleh seseorang pekerja atu sesiapa saja yang kemudiannya tidak melaporkan perkara tersebut kerana takut dikenakan tindakan balas oleh pembuat keputusan tadi yang merupakan seseorang yang berkuasa untuk berbuat demikian.

Kajian mendapati bahawa perkara yang paling penting untuk menjadikan mekanisme pemberian maklumat berkesan adalah tahap perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat, diikuti dengan liputan sektor-sektor yang dilindungi, pemberian maklumat tanpa pendedahan identiti dan agensi yang menyelia aduan-aduan dari pemberi

Universiti Utara Malaysia

maklumat. Ciri-ciri ini berbeza diantara negara dengan Amerika adalah negara yang terbaik, diikuti oleh Australia, Afrika Selatan, India, China dan Indonesia.[447]

Di dalam *blue print* untuk kebebasan bersuara mengenai undang-undang pemberi maklumat di negara-negara EU, didapati peruntukan yang bertaburan dalam banyak akta untuk melindungi pemberi maklumat adalah tidak efektif, di mana ia akan membawa kepada banyak kekeliruan. Satu akta yang spesifik merangkumi semua berkaitan pemberi maklumat adalah lebih baik.[448]Maka Malaysia telah mencapai satu kejayaan dengan tergubalnya APPM 2010. APPM 2010 memberi perlindungan yang baik kepada pemberi maklumat supaya pemberi maklumat merasa tidak ragu dan bermotivasi untuk memberi maklumat. Namun terdapat beberapa kekurangan di dalam akta itu yang perlu dibaiki bagi menambahkan keberkesannya dan tidak menghalang seseorang mendedahkan kelakuan tak wajar.

Oleh itu cadangan yang diberikan oleh Transparency International serta saranan oleh BHEUU dan agensi-agensi penguatkuasaan adalah sangat penting untuk diambilkira bagi memastikan keberkesanan APPM 2010. Begitu juga dengan kebaikan yang ada pada sistem pemberian maklumat yang ada di Amerika dan England perlu diberi perhatian bagi memantapkan lagi APPM 2010.

[447] J.P Sharma, Sunaina Kanojia dan Shikha Sachdeva,(2018)Comparison of Whistle-blower Mechanism of Select Countries, Indian Journal of Corporate Governance 11(1) 45–68

[448] Mark Worth, Suelette Dreyfus and Garreth Hanley, "Gaps in the System: Whistleblower Laws in the EU,"Blue Print Report Series, file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/BLUEPRINT-Gaps-in-the-System-Whistleblowers-Laws-in-the-EU.pdf, (diakses pada 23 Mac 2021)

RUJUKAN

Buku

Bird, F.B., (1996), *The muted conscience: moral silence and the practice of ethics in business*. Westport Connecticut, United States of America: Greenwood Publishing Group

Cohen, L.L.M & Keith, M., (2011), *Research methods in education*. London: Routledge Taylor & Francis Group

Colvin, N., Galizzi, B., and Nad, V., (2020), *Getting whistleblower protection right: a practical guide to transposing EU directive*, Germany: Blue Print For Free Speech

Craig, P, (1994), *Administrative law*. London: Sweet & Maxwell

Divine, E. M., (2019), *Intelligence Community Whistleblower Protection, US*. Congressional Research Service,

European Convention on Human Rights, France: European Council of Human Rights, https://www.echr.coe.int/documents/convention_eng.pdf, (Diakses pada 7 Disember 2018)

International Covenant on Civil and Political Rights, https://www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/ProfessionalInterest/ccpr.pdf, (Diakses pada 20 Disember 2018)

Jain, M.P., (1989), *Administrative law in Malaysia and Singapore*. Singapore: Malayan Law Journal Pte Ltd,

Kenny, K., Vandekerckhove, W., dan Fotaki, M., (2019), *The whistleblowing guide: speak-up arrangements, challenges and best practices.* Wiley Finance Series, (buku audio)

Lewis, J., QC, J.B., Fodder, M., and Mitchell, J., (2012), *Whistleblowing: law and practice*. London: Oxford University Press,

Merican, S., (2005), *Membentuk suasana kerja positif: aspek hubungan manusia dan persekitaran sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Miceli, M.P. dan Near, J.P., (1992), *Blowing the whistle: the organizational and legal implications for companies and employees*. New York: Lexington Books.

Office Of The High Commissioner For Human Rights United Nations Staff College Project, *Human Rights: A Basic Handbook for UN Staff.* Geneva: United Nations

Pelan Halatuju Transformasi, Kerajaan (2010), Unit Pengurusan Prestasi & Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, PNMB Kuala Lumpur

Universiti Utara Malaysia

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 2010

Pointon, L.D. dan Phuoc, J.C., (2012), *Whistleblower protection law, cases and commentary*. Malaysia: Dolphin Press Sdn Bhd,

Universal Declaration of Human Rights, New York, United Nations, 2015

UNCAC, New York: United Nations, 2004.

Rodrigues, C., (2015) *Civil society publication, public accountability and the un convention against corruption.* Berlin,Germany: Transparency International,

Sakaran, U., (2003), *Research methods for business: a skill building approach.* United States of America: John Wiley & Sons, Inc.

Shaik Mohd Noor Alam, H., and Bidin, A., (2018), *Whistleblowing: jurisprudential philosophies, ethics and policies.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Shaik Mohd Noor Alam, H., and Hasani M.A, (2018*), Corporate governance with reference to the role of whistleblowing in Malaysia.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Silverman, D., (2000), *Doing qualitative research, A Practical Handbook*. London: Sage Publications

Yaqin, A. (2007), *Legal research and writing*. Malaysia: Lexis Nexis

Yin, R.K., (2003), *Case study research, design and method*. United States of America: Sage Publications Ltd,

Zahraa, M., (1998), *Research methods for law postgraduate overseas students*. Kuala Lumpur: Stilglow Sdn. Bhd,

Jurnal

Ahmad, S.A., Smith, M and Ismail, Z. (2013). Internal whistleblowing intentions by internal auditors: a prosocial behaviour perspective. *Malaysian Accounting Review*, 12(1), 1145-181.

Ali, S. (1999). Research methodology: data analysis, 1999. Dimuat turun dari *ABAC Journal* http://www.journal.au.edu/abac_journal/jan99/article4_f.html

Alm, K. dan Rendtorff, J.D. (2016). Whistleblowing as employee's freedom of speech Gunther Wallraff's authorship as an illustrative case. *Iceland E-Journal of Nordic and Mediterranean Studies.* doi:11. 10.33112/nm.11.3.6.

Avakian, S. dan Roberts, J. (2011). Whistleblowers in Organisations: Prophets at Work? *Journal of Business Ethics*, 110(1), 71-84.

Barendt, E. (2009). Freedom of expression in the United Kingdom under the Human Rights Act 1998. *Indiana Law Journal*. 84(3), 851-866.

Bari, A.A. (2004). Kuasa-kuasa budi bicara teori dan pemakaiannnya dalam undang-undang perlembagaan dan undang-undang pentadbiran" *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 8, 39-57.

Dasgupta, S. dan Kesharwani, A. (2010). Whistleblowing: a survey of literature. *The IUP Journal of Corporate Governance,* IX(4), 1-14.

Dworkin, T.M. dan Baucus, M.S. (1998). Internal v. external whistlebowers: a comparison of whistleblowing processes. *Journal of Business Ethics* 17, 1281 - 1298.

Dworkin, T.M. dan Schipani, C.A. (2020). Using rewards to stop wrongdoing: a comparative perspective. *Company Law*, 41(3), 71-76.

Farooqi, S., Abid, G. dan Ahmed, A. (2017). How bad it is to be good: impact of organizational ethical culture on whistleblowing (the ethical partners). *Arab Economic and Business Journal,* 12, 69 – 80.

George, J. & Punch, M. (2000). Whistleblowers, the Public Interest and the Public Disclosure Act 1998. *The Modern Law Review*, 63(1), 25-54.

Jahmani, Y. & Dowling, W.A. (2008). The impact of Sarbanes-Oxley Act. *Journal of Business & Economics Research,* 6(10), 57-66.

Jubb, P.B. (1999). Whistleblowing: a restrictive definition and interpretation. *Journal of Business Ethics 21*, 77-94.

Kaptein, M. (2008). Developing and testing a measure for the ethical culture of organizations: the corporate ethical virtues model. *Journal of Organizational Behaviour,* 29, 923-947.

Khan, M.A. (2009). Auditors and the law. *Journal of Business and Accounting*, 12-14.

Kipnis, D. (1972). Does power corrupt? *Journal of Personality and Social Psychology*, 24(1), 33-41.

Knudsen, S., Jakus, L., dan Metz, M. (1979). The Civil Service Reform Act of 1978. *Public Personal Management*, 8(3), 170-181.

Latimer. P and Brown, A.J. (2008). Whistleblower laws: international best practice. *University of South Wales Law Journal*, 31(3), 766-794.

Mansbach, A dan Bachner, Y. J. (2010). Internal or external whistleblowing: nurses' willingness to report wrongdoing. *Sage*, 17(4) 483 – 490.

McCrudden. C. (2006). Legal research and the social sciences. 122 *Law Q Rev,* 632-650.

Universiti Utara Malaysia

Meng, T.P. and Fook, O.S (2011). Adequacy of employee whistle blower protection (EWP) in Malaysia. *International Conference on Human Science and Humanity, IPEDR* 5(2), 29-33.

Meng, T.P. and Fook, O.S. (2011). comparative analysis of whistleblower protection legislations in England, USA and Malaysia. *African Journal of Business Management,* 5(27), 11246-11255.

Micele, M.P. and Near, J.P. (1984). The Relationships Among Beliefs, Organizational Position and Whistle-Blowing Status: A Discriminant Analysis. *The Academy of Management Journal,* 27(4), 687-705.

Near, J.P. & Miceli, M.P. (1985). Organizational Dissidence: the Case of Whistle-blowing. *Journal of Business Ethics* 4(1), 1-16.

Near, J.P. dan Miceli, M.P. (2008). Wrongdoing, whistle-blowing, and retaliation in the U.S. government what have researchers learned from the Merit Systems Protection Board (MSPB) survey results? *Review of Public Personnel Administration*, 28(3), 263-281.

Nielsen, R.P., Balachandra, L. and Nielsen, A. (2013). Whistle-blowing method for navigating and helping reform regulatory institutions. *Journal of Business Ethics*, 112 (3), 385-395.

Read W J & Rama D.V. (2003). Whistle-blowing to internal auditors. *Managerial Auditing Journal*, 18(5) 354-362.

Said, J et al. (2017). Does job satisfaction, fair treatment and cooperativeness influence the whistleblowing practice in Malaysian government linked companies? *Asia-Pacific Journal of Business Administration.* 9(3) 220-231.

Shaik Md Noor Alam, H. (2010). Public interest paradigm: quo vadis? Whistleblower Protection Act 2010. 6 *MLJ*: xlii

Sharma, J.P, Kanojia, S. dan Sachdeva, S. (2018). Comparison of whistle-blower mechanism of select countries. *Indian Journal of Corporate Governance*, 11(1), 45–68.

Thomas, C.W. (2002). The rise and fall of Enron," *Journal of Accounting*, Dimuat turun dari http://www.journalofaccountancy.com/Issues/2002/Apr/TheRiseAndFallOfEnron.htm

Tworek, A.S. (2020). Whistleblowing as a mechanism of fraud risk management in economic practice. *Financial Internet Quarterly*, 96-105.

Vandekerckhove, W. dan M.S. Ronald Commers. (2004). Whistle blowing and rational loyalty. *Journal of Business Ethics* 53, 82-83

Wan Ahmad, W.N.A. and Ahmad, F. (2017). Impact of organizational trust on whistle-blowing intentions at Malaysian enforcement agency. *International Journal of Business Studies and Management*, 4(1), 1-6.

Wiseman, J. (2021). Reasonable but wrong: reckless disregard and deliberate ignorance in the False Claim Act after Hixson,", *Columbia Law Review*, 117(2) Dimuat turun dari https://columbialawreview.org/content/reasonable-but-wrong-reckless-disregard-and-deliberate-ignorance-in-the-false-claims-act-after-hixson/,

Kertas Kerja Persidangan

Ahmad., R. and Mohd Shariff, R. (2009). Protection and freedom of speech: finding respect at the workplace. Kertas kerja dari International Conference on Corporate Law (ICCL).

Tesis

Ahmad, S.A. (2011). Internal auditors and internal whistle-blowing intentions: a study of organisational, individual, situational and demographic factors (Tesis Phd). Edith Cowan University, Australia.

Billingsley, R.E., Roger Eric Billingsley. (2001). An examination of relationship between informers and their handlers within the police service in England (Tesis Sarjana). Loborough University, UK.

Shaik Md Noor Alam, H. (2016). The Paradigm in Acheiving Effective Corporate Governance in Malaysia (Tesis PhD). University Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

Surat Khabar Elektronik

Abdul Jalil, N.A. (31 Julai 2019). Sujud syukur bapa Zulfarhan. Metro, , Dimuat turun daripada https://www.hmetro.com.my/utama/2019/07/481194/sujud-syukur-bapa-zulfarhan-metrotv

Abdul Mutalib, Z. (2021) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 akan dipinda, Berita Harian Online, Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/887993/akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2020-akan-dipinda

Abdul Patah, F.M. (4 Februari 2021). Hakim Datuk Dr Hamid Sultan Abu Backer digantung tugas, Berita Harian Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/783123/hakim-datuk-dr-hamid-sultan-abu-backer-digantung-tugas

Abdul Patah, F.M. (18 September 2020). Timbalan Pengarah EMGS tertuduh pertama Seksyen 10(3)(b) Akta 711. BH Online, Dimuat turun daripada

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/732657/timbalan-pengarah-emgs-tertuduh-pertama-seksyen-103b-akta-711s

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat tidak melindungi trumpetblower. (31 Oktober 2012). Utusan Online. Dimuat turun daripada , http://www.utusan.com.my/utusan/Parlimen/20121031/pa_03/Akta-Perlindungan-Pemberi-Maklumat-tidak-melindungi-trumpetblower

Ahmad, A. (24 September 2020). Pemberi maklumat wajar dilindungi, bukan dihukum. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/09/734578/pemberi-maklumat-wajar-dilindungi-bukan-dihukum

Amarudin, S.K. (2020). Sebahagian rakaman audio diserah kepada polis – Latheefa. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/645324/sebahagian-rakaman-audio-diserah-kepada-polis-latheefa

Anbalagan, V. (2015). NFCorp Chairman Salleh freed of RM49.7 CBT charges. The Edge Markets. Dimuat turun daripada http://www.theedgemarkets.com/article/nfcorp-chairman-salleh-freed-rm497m-cbt-charges

Anbalagan, V. (Mei 2013). PKR's Rafizi to stand trial for Bafia charge. New Straits Times Online. Dimuat turun daripada http://www.nst.com.my/latest/pkr-s-rafizi-to-stand-trial-for-bafia-charge-1.284897

Aziz, I.H. (10 Ogos 2020). SPRM siasat pegawai, anggota penguat kuasa disyaki terima rasuah. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/719635/sprm-siasat-pegawai-anggota-penguat-kuasa-disyaki-terima-rasuah

Azmi S.N. (2017). Hukuman penjara 18 bulan Rafizi kekal. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/08/316335/hukuman-penjara-18-bulan-rafizi-kekal

Bernama, (5 Ogos 2020). 25 enforcement officers arrested for abetting in smuggling illegal immmigrants. New Straits Times. Dimuat turun daripada https://www.nst.com.my/news/nation/2020/08/614171/25-enforcement-officers-arrested-abetting-smuggling-illegal-immigrants

Coronavirus live updates: as death toll rises, more Americans are heading home. (Feb 2020). The New York Times. Dimuat turun daripada , https://www.nytimes.com/2020/02/04/world/asia/coronavirus-china.html

Court of Appeal lifts Rafizi's jail sentence for exposing 1MDB report. (1 June 2018). New Straits Times, Dimuat turun daripada https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/06/375390/court-appeal-lifts-rafizis-jail-sentence-exposing-1mdb-report,

Driver in Bangi road rage case charged with murder. (22 Ogos 2019). Malay Mail. Dimuat turun daripada https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/08/22/driver-in-bangi-road-rage-case-charged-with-murder/1783017

Greenwld, G. (Jun 2013). Edward Snowden: the whistleblower behind the NSA surveillance revelations., The Guardian. Dimuat turun daripada https://www.theguardian.com/world/2013/jun/09/edward-snowden-nsa-whistleblower-surveillance

Hamdan, N. (7 Feb 2018). Rafizi gets 30 month's jail for exposing NFC banking details. The Star. Dimuat turun daripada https://thestar.com.my/news/nation/2018/02/07/rafizi-gets-30-months-jail/

Ikhsan M.H. (13 Ogos 2020). Pencetus kluster PUI Sivagangga dipenjara lima bulan, denda RM12,000. BH Online. Dimuat turun daripada , https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/720825/pencetus-kluster-pui-sivagangga-dipenjara-lima-bulan-denda-rm12000,

Ikhsan, M.H. (10 Ogos 2020). Kedah tak benar Nasi Kandar Salleh kembali beroperasi, BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/719773/kedah-tak-benar-nasi-kandar-salleh-kembali-beroperasi,

Ismail, H. (2 Disember 2014). Jabatan Imigresen catat indeks rasuah tertinggi. Utusan, Dimuat turun daripada http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jabatan-imigresen-catat-indeks-rasuah-tertinggi-1.31690

Johan, S. (2016). Freedom of speech in a democracy. The Star Online. Dimuat turun daripada http://www.thestar.com.my/opinion/online-exclusive/a-humble-submission/2016/10/17/freedom-of-speech-in-a-democracy/

Khairulrijal, R. (20 Mei 2022). Former EMGS deputy director freed from charge of causing a whistleblower to be sacked. New Straits Time. Dimuat turun daripada https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/05/797768/former-emgs-deputy-director-freed-charge-causing-whistleblower-bevhttps://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/05/797768/former-emgs-deputy-director-freed-charge-causing-whistleblower-be

Koya, Z. et all. (16 Februari 2019). Loud calls for RCI probe. The Star. Dimuat turun daripada https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/02/16/loud-calls-for-rci-probe-we-will-study-requests-for-investigation-on-judiciary-scam-says-dr-m

Maclannahan, B. (2020). Best way to encourage whistleblowers? Reward them. Financial Times, Dimuat turun daripada https://www.ft.com/content/cac4c994-3f24-11e9-9bee-efab61506f44,

Mageswari, M. (2016). Rafizi Dihukum Penjara 18 Bulan. Star, Dimuat turun daripada http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2016/11/14/rafizi-dipenjara-18- bulan/

Mamat, A. (6 Oktober 2020). Covid 19: Lelaki pakai gelang merah jambu ditahan di pasaraya. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/738944/covid-19-lelaki-pakai-gelang-merah-jambu-ditahan-di-pasar-raya,

Milman,O. (17 Sept 2017). The silenced: meet the climate whistleblowers muzzled by Trump. The Guardian. Dimuat turun daripada https://www.theguardian.com/environment/2019/sep/17/whistleblowers-scientists-climate-crisis-trump-administration,

Mohd Ali, A.J. (28 Julai 2020). Najib dihukum penjara 12 tahun, denda 210 juta,", BH Online, Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715776/najib-hdihukum-penjara-12-tahun-denda-rm210-juta, (diakses pada 10 Ogos 2021)

Mokhtar, N. (5 Oktober 2020). Lagi individu bergelang pink ditahan. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/738608/lagi-individu-bergelang-pink-ditahan,

Nazlina. (2018). M., Rafizi says sorry to Rahman Dahlan, ordered to pay RM20,000 in defamation suit. The Star. Dimuat turun daripada https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/09/03/rafizi-says-sorry-to-rahmandahlan-ordered-to-pay-rm20000-in-defamation-suit/,

Netizens praise govt auditor who recorded 1MDB meeting, kept original audit report. (22 November 2019). The Edge Markets. Dimuat turun daripada https://www.theedgemarkets.com/article/netizens-praise-govt-auditor-who-recorded-1mdb-meeting-kept-original-audit-report

Nik Anis, M. (14 Disember 2020). Whistleblowers are protected. The Star. Dimuat turun daripada https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/12/14/whistleblowers-are-protected

Pemberi maklumat bantu kastam banteras kegiatan penyeludupan di Sabah (29 Julai 2015). BH Online, https://www.bharian.com.my/node/70825

Raja Rahim, R.N. (10 Ogos 2020). Asri Janggut dah jumpa KPN. Harian Metro. Dimuat turun daripada https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/608827/asri-janggut-dah-jumpa-kpn

Sagar, L.K. (n.d.). Auditor General's report highlights five general weaknesses, The Star Online. Dimuat turun daripada http://www.thestar.com.my/News/Nation/2013/10/01/Auditors-General-Report.aspx/

Sidhu, BK. (17 Januari 2014). Corruption, fraud and scandals are common in Malaysian business these days. The Star Online. Dimuat turun daripada

http://www.thestar.com.my/Business/Business-News/2014/01/17/Corruption-fraud-and-scandals-are-common-these-days/

Singh, S. (21 November, 2019). Gutsy officer's audio recording becomes highlight of 1MDB audit report trial. New Sraits Times, Dimuat turun daripada https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2019/11/540823/gutsy-officers-audio-recording-becomes-highlight-1mdb-audit-report,

Singh, S., Karim, K.N. and Khairulrijal, R.. (28 Julai 2020). Najib sentenced to 12 years' jail, RM210 million fine. New Straits Times, Dimuat turun daripada https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2020/07/612343/najib-sentenced-12-years-jail-rm210-million-fine

Wan Alias, W.N. (11 September 2020). Majikan pecat pekerja salur maklumat rasuah boleh didakwa. BH Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/361986/majikan-pecat-pekerja-salur-maklumat-rasuah-boleh-didakwa

Wan Omar, M. (2018). LTAT Tarik balik saman terhadap Rafizi Ramli. Berita Harian. Dimuat turun daripada https://wwwbharian.com.my/berita/kes/2018/05/427238/ltat-tarik-balik-saman-terhadap-rafizi-ramli

Wan Omar, M. (2018). Rafizi terselamat hukuman penjara. Berita Harian. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/432721/rafizi-terselamat-hukuman-penjara

Zahari, B.J. (14 Ogos 2020). Air mata "makcik gelang pink. Berita Harian Online. Dimuat turun daripada https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/08/721218/air-mata-makcik-gelang-pink,

Internet

A brief history of human rights (n.d.). Dimuat turun daripada http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/brief-history/cyrus-cylinder.html

Ab Hamid, M.B., *Taklimat APPM 2010*. (n.d.). Dimuat turun daripada http://www.mot.gov.my/en/Explosition/Akta%20Perlindungan%20Pemberi%20Maklumat%202010.pdf

Abdul Rashid, H.R. (4 November 2020). *Senior judge files legal challenge against Judges Ethics Committee's quorum.* Dimuat turun daripada https://malaysia.news.yahoo.com/senior-judge-files-legal-challenge-034500881.html?guccounter=1&guce_referrer=aHR0cHM6Ly93d3cuZ29vZ2xlLmNvbS8&guce_referrer_sig=AQAAALkEzkdR2kG-JhfCK2_9Y2jyHzI2WLrfihS-hFViyaWBNT7iuMGfsSkPoDWeBlclSh0IjsEMi1XHxpzh1WRuC9u-

rFkaka4g4z2rGRos3dt9eLg8kgdTjQYPaka3NZw7zFzX8KFhCm5g3FogF0Rlc3-0Mx8cuxceXqtqVb_PPEKC

About G20. B20 Coalition website. Dimuat turun daripada http://www.b20coalition.org/about-g20.php

Abu Bakar, A. (25 September 2018). *Keputusan Rafizi fitnah Tabung Haji*. Dimuat turun daripada https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/28/keputusan-kes-rafizi-fitnah-tabung-haji-25-september/

ACFE. (2020). *Report to the Nation*. Dimuat turun daripada https://www.acfe.com/report-to-the-nations/2020/

Al Jazeera. (2020). *Julian Assange: what you need to know about the WikiLeaks founder*. Dimuat turun daripada https://www.aljazeera.com/news/2020/12/20/julian-assange

American Civil Liberties UnionFaq: the Covenant On Civil & Political Rights (ICCPR). (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.aclu.org/faq-covenant-civil-political-rights-iccpr

An introduction to content analysis. (n.d.). Dimuat turun daripada http://depts.washington.edu/uwmcnair/chapter11.content.analysis.pdf

Anti-Corruption Research Centre. (n.d.) *The UN Convention Against corruption and the Role of civil society*. Dimuat turun daripada https://www.transparency.org/files/content/corruptionqas/UNCAC_and_civil_society_2016.pdf,

Anderson, W. (19 Ogos 2013). *What do "no wrong door" and "warm hand-off really mean".* Children and Youth services Network, Dimuat turun daripada http://www.hpechildrenandyouth.ca/2013/08/what-does-no-wrong-door-and-warm-hand-off-really-mean/

Article 19. (6 November 2015). *Record breaker on trial who is Zunar*. Dimuat turun daripada https://www.article19.org/resources/record-breaker-on-trial-who-is-zunar/

Astro Awani. (7 Februari 2020). *Dr Li Wenliang, doktor yang beri amaran tentang korona virus meninggal dunia*. Dimuat turun daripada https://www.astroawani.com/berita-dunia/dr-li-wenliang-doktor-yang-beri-amaran-tentang-koronavirus-meninggal-dunia-230080

Astro Awani. (31 Januari 2021). *Indeks rasuah negara jatuh! Bantuan anda ditagih, jadilah 'Rasuah Busters'*. Dimuat turun daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-rasuah-negara-jatuh-bantuan-anda-ditagih-jadilah-rasuahbusters-280592

Astro Awani. (16 Februari 2019). *Kes buli murid Tahun Enam, lapan Individu dipanggil polis.* Dimuat turun daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-buli-murid-tahun-enam-lapan-individu-dipanggil-polis-198688,

Universiti Utara Malaysia

Astro Awani. (n.d.) *Lindungi premis haram: Empat penguatkuasa MBSA direman tujuh hari.* Dimuat turun daripada http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lindungi-premis-haram-empat-penguat-kuasa-mbsa-direman-tujuh-hari254884?utm_source=insider&utm_medium=web_push&utm_campaign=12082020-lindungi_premis_haram%3A

Astro Awani. (28 Jun 2018). *Saksi dedah tulis dua surat laying bahawa Zulfarhan Osman didera*, Dimuat turun daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/saksi-dedah-tulis-dua-surat-layang-beritahu-zulfarhan-osman-didera-179053

Azmi, K. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Researchgate, Dimuat turun daripada file:///C:/Users/LenovoV14/Downloads/3MetodologiPenyelidikanKualitatitif.pdf

Bernama. (2018). *Tabung Haji depositors withdrew millions after Rafizi's posting on FB.* Dimuat turun daripada https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/03/12/tabung-haji-depositorswithdrew-millions-after-rafizis-posting-on-fb/

Bernama. (Oktober 2020). *Kes rasuah ketirisan perolehan kerajaan semakin kritikal - Azam Baki.* Dimuat turun daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rasuah-ketirisan-perolehan-kerajaan-semakin-kritikal-azam-baki-261641?utm_source=insider&utm_medium=web_push&utm_campaign=01102020-kes_rasuah_ketirisan_perolehan_&webPushId=ODMyMQ

Berthelson, J. (31 Julai 2018). *New Malaysia government drops sedition charges against cartoonist.* AsiaSentinel. Dimuat turun daripada g20.phphttps://www.asiasentinel.com/politics/malaysia-drops-sedition-charges-zunar/

Brooks, L dan Halliday, G. (19 Mei 2015). *Trindent whistleblower William Mcneilly in military custody.* Dimuat turun daripada https://www.theguardian.com/uk-news/2015/may/19/trident-whistleblower-william-mcneilly-turns-himself-in-navy

Burnette, B.R. (2009). *Daniel Ellsberg.* The First Amendment Encylopedia. Dimuat turun daripada https://www.mtsu.edu/first-amendment/article/1435/daniel-ellsberg

Byellin, J. (24 Ogos 2012). *Today In 1912: The Lloyd-La Follette Act was enacted.* Legal Solutions Blog. Dimuat turun daripada https://blog.legalsolutions.thomsonreuters.com/legal-research/today-in-1912-the-lloyd-la-follette-act-was- enacted/

Channel News Asia. (2018) *Najib, Rosmah to pay RM20,000 costs after dropping defamation suit against Rafizi.* News Portal. Dimuat turun daripada

https://www.channelnewsasia.com/news/asia/najib-rosmah-to-pay-rm20-000-costs-after-dropping-defamation-10470816

CNN. *Whistleblower doctor who tried to warn of corona virus becomes infected*. (Feb 2020). Dimuat turun daripada https://www.kron4.com/health/coronavirus/whistleblower-doctor-who-tried-to-warn-of-coronavirus-becomes-infected/

Colvin, N., Galizzi, B. and Nad, V. (2020). *Getting whistleblower protection right: A practical guide to transposing EU Directive*. Blue Print For Free Speech. Dimuat turun daripada https://static1.squarespace.com/static/5e249291de6f0056c7b1099b/t/5f1eddf63bfed80442edfb3d/1595858431000/BP_WHISTLEBLOWER_DIRECTIVE_REPORT_DIGITAL_PRINT_27JULY2020.pdf

Compliance Line. (n.d.). *3 Reasons why whistleblowing is important for public and private companies*. Dimuat turun daripada https://complianceline.com/3-reasons-whistleblowing/

Cornell University Law School. (n.d.). *Prior restraint.* Legal Information Institute, Dimuat turun daripada https://www.law.cornell.edu/wex/prior_restraint

Department for Business, Energy and Industrial Strategy. (n.d.). *Whistleblowing : List of prescribed people and bodies*. Gov.UK, Dimuat turun daripada https://www.gov.uk/government/publications/blowing-the-whistle-list-of-prescribed-people-and-bodies--2/whistleblowing-list-of-prescribed-people-and-bodies

Digital Realty Trust, Inc. V. Somers (2017) https://www.supremecourt.gov/opinions/17pdf/16-1276_b0nd.pdf

Doman, M. (12 Oktober 2014). *Why risk it? The Motivations of a whistleblower*. The Compliance and Ethics Blog. Dimuat turun daripada http://complianceandethics.org/risk-motivations-whistleblower/

Donovon, D. O. (2016). *Social legal methodology: contractual underpinnings, justifications and practical pitfalls*. ResearchGate. Dimuat turun daripada file:///C:/Users/LenovoV14/Downloads/Socio-Legal_Methodology_Conceptual_Under.pdf

Edwards, R. (17 Jun 2015). *Trindent whistleblower William Mcneilly 'discharged' from Royal Navy*. Dimuat turun daripada https://www.theguardian.com/uk-news/2015/jun/17/trident-whistleblower-william-mcneilly-discharged-from-royal-navy

Ellsberg, D. (2013). *Secrecy and national security whistleblowing*. Dimuat turun daripada https://www.huffingtonpost.com/daniel-ellsberg/secrecy-and-national-secu_b_2469058.html

Esq., J.P.M. (2016). *How does The Civil Service Reform Act protect whistleblowers?*

Dimuat turun daripada https://www.attorneymahoney.com/blog/2016/october/how-does-the-civil-service-reform-act-protect-wh/

Fadzil, F. (Februari 2016) *Court acquits Azmi Shahrom of sedition charge*. The Malaysian Bar. Dimuat turun daripada http://www.malaysianbar.org.my/legal/general_news/court_acquits_azmi_sharom_of_sedition_charge.html

Find Law. (n.d.) *Whistleblower Protection Act: An overview*. Dimuat turun daripada https://employment.findlaw.com/whistleblowers/whistleblower-protection-act-an-overview.html

Flamming, S. (9 Disember 2019). *Corruption costs developing countries $1.26 trillion every year - yet half of EMEA thinks it's acceptable*. World Economic Forum. Dimuat turun daripada https://www.weforum.org/agenda/2019/12/corruption-global-problem-statistics-cost/

Ford, S. (17 Oktober 2011) *Whistleblowing mid staffs nurse too scared to walk to car after shift.* Nursing Times. Dimuat turun daripada https://www.nursingtimes.net/clinical-archive/accident-and-emergency/whistleblowing-mid-staffs-nurse-too-scared-to-walk-to-car-after-shift-17-10-2011/

France24. (2020). *Julian Assange: World's most-wanted whistleblower back in spotlight.* Dimuat turun daripada https://www.france24.com/en/20200224-julian-assange-world-s-most-wanted-whistleblower-back-in-spotlight

Frulinger, J. (2020). *The Sarbanes-Oxley Act explained: Defination, purpose and provisions.* CSO Asean. Dimuat turun daripada https://www.csoonline.com/article/3598292/the-sarbanes-oxley-act-explained-definition-purpose-and-provisions.html,

G20 Anti-Corruption Action Plan Protection of Whistleblowers. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.oecd.org/g20/topics/anti-corruption/48972967.pdf

G20 Anti-Corruption Implementation Plan, 2015-16. (n.d.). Dimuat turun daripada http://star.worldbank.org/star/sites/star/files/g20_acwg_2015-16_anti-corruption_implementation_plan_australia_2014.pdf

Garson, Segal, Steinmetz, Fladgate LLP. (6 Ogos 2018). *Whistleblower Gets Largest-Ever CFTC Award for Exposing the ISDAFIX Scandal*. Dimuat turun daripada https://markets.businessinsider.com/news/stocks/whistleblower-gets-largest-ever-cftc-award-for-exposing-the-isdafix-scandal-garson-segal-steinmetz-fladgate-llp-1027435727

Government Accountability Project (GAP). (n.d.). Whistleblower Protection Enhancement Act (WPEA). Dimuat turun daripada https://www.whistleblower.org/whistleblower-protection-enhancement-act-wpea?gclid=CjwKCAjwk9HWBRApEiwA6mKWaSqlT-

2JwY9j4kcl_E_ES6DgvWjftnd5EfyslCLzGYvA-TQ-0KnrOBoCfUAQAvD_BwE

Government Transformation Programme Report 2013. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/NTP-Report-2013/GTP_2013_ENG_Report.pdf

Gunter, C. (17 April 2019). *MSPB seek more money to handle massive backlog*. FWC. Dimuat turun daripada https://fcw.com/articles/2019/04/17/mspb-backlog-bypass-gunter.aspx

Hawken, A. and Green, A. (2018). *Whistleblowers who raised fears over one of Britain's worst child abuse scandals that affected nearly 1,000 victims were forced out or ignored.* MailOnline, Dimuat turun daripada https://www.dailymail.co.uk/news/article-5489911/Telford-whistleblowers-raised-fears-scandal-silenced.html

Henderson, S. (n.d.). *When did freedom of speech start*? Dimuat turun daripada http://classroom.synonym.com/did-freedom-speech-start-13646.html

HESCH Firm. (n.d). *Top 25 Largest Whistleblower Rewards paid under the False Claim Act and Qui Tam Reward Program*, Dimuat turun daripada https://www.howtoreportfraud.com/top-25-largest-whistleblower-rewards-paid-under-the-false-claims-act-and-qui-tam-whistleblower-reward-program/

HG.org Legal Resources. (n.d.) *The Effect of Government Intervention on a Whistleblower Award*. Dimuat turun daripada https://www.hg.org/legal-articles/the-effect-of-government-intervention-on-a-whistleblower-award-30310

History. (2021). *Watergate Scandal*. Dimuat turun daripada https://www.history.com/topics/1970s/watergate,

Human Rights Violations. (n.d.). Dimuat turun daripada http://www.humanrights.com/what-are-human-rights/violations-of-human-rights/expression.html

Hurley, C. (1983). *Civil Service Reform An Annotated Bibliography*. Dimuat turun daripada https://www.gao.gov/assets/ols-83-02.pdf

IBB Solicitors,. (n.d.). *5 things you need to know about whistleblowing in the workplace*. Dimuat turun daripada https://www.ibblaw.co.uk/insights/blog/5-things-you-need-know-about-whistleblowing-workplace

Ideas (22 Februari 2017). *Akta Pemberi Maklumat tak lindungi sumber sepenuhnya*. FMT news. Dimuat turun daripada https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/02/22/ideas-akta-pemberi-maklumat-tak-lindungi-sumber-sepenuhnya/

ILO website. (n.d.). Dimuat turun daripada http://www.ilo.org/global/about-the-ilo/lang--en/index.htm

Universiti Utara Malaysia

International Amnesty. (19 Oktober 2020). *Why Edward Snowden should be pardon*. Dimuat turun daripada https://www.amnesty.org.uk/edward-snowden-nsa-whistleblower-pardon

International Defence & Security Programme Malaysia. (n.d.). *Malaysia 2015 country summary*. Dimuat turun daripada http://government.defenceindex.org/sites/default/files/documents/GI-assessment-Malaysia.pdf

Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (n.d.). *Pelan Integriti Jabatan 2015-2019*, Dimuat turun daripada http://www.customs.gov.my/ms/Muat%20Turun/PELAN%20INTEGRITI%20JABATAN%202015-2019.pdf

Knox, K. (25 April 2019). *Ninth Circuit limits protection for FCPA whistleblowers*,", The Anticorruption Blog. Dimuat turun daripada https://www.anticorruptionblog.com/foreign-corrupt-practices-act/ninth-circuit-limits-protections-fcpa-whistleblowers/

Laman US Equal Employment Opportunity Commission. (n.d.). *Questions and answers: No FEAR Act*, Dimuat turun daripada https://www.eeoc.gov/eeoc/statistics/nofear/qanda.cfm

Laman web Amnesty International. (n.d.). *Freedom of expression.* Dimuat turun daripada https://www.amnesty.org/en/what-we-do/freedom-of-expression/

Laman web BHEUU. (n.d.). *Statistik.* Dimuat turun daripada http://www.bheuu.gov.my/index.php/statistik/statistik-perlaksanaan-akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2010-akta711

Laman web Jabatan Imigresen Malaysia. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.imi.gov.my/portal2017/index.php/ms/sejarah-jabatan-imigresen.html314- ibd

Laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (n.d.). *History*. Dimuat turun daripada http://www.customs.gov.my/en/ci/Pages/ci_hist.aspx

Laman web Jabatan Pengangkutan Jalan. (n.d.). *Sejarah JPJ Malaysia*. Dimuat turun daripada https://www.jpj.gov.my/web/main-site/sejarah-jpj-malaysia318- ibid

Laman web Polis Diraja Malaysia. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/visi

Laman web SPRM, Organisasi SPRM.(n.d.) Dimuat turun daripada https://www.sprm.gov.my/index.php/korporat/mengenai-sprm/maklumat-organisasi/organisasi

Lexis PSL. (n.d.). *Whistleblowing-overview*. Dimuat turun daripada https://www.lexisnexis.com/uk/lexispsl/employment/document/393758/55T3-KWP1-F18B-R3K6-00000-00/Whistleblowing_overview

Lexology. (2018). *How much for blowing the whistle?* Dimuat turun daripada https://www.lexology.com/library/detail.aspx?g=087a3131-bbd3-426a-b69f-be0bc2376a6a

Longley, R. (26 November 2018). *The Espionage Act of 1917: Definition, summary, and history*. Dimuat turun daripada https://www.thoughtco.com/1917-espionage-act-4177012

Lusher, A. (18 Mei 2015). *Trident whistleblower William McNeilly claims it is easier to enter sensitive nuclear weapons installations than 'most nightclubs'*. Independent. Dimuat turun daripada https://www.independent.co.uk/news/uk/home-news/trident-whistleblower-william-mcneilly-claims-it-easier-enter-sensitive-nuclear-weapons-installations-most-nightclubs-10256832.html

Malaysiakini. (4 Ogos 2020). *Gelang pink kedai haiwan disangka gelang kuarantin*, . Dimuat turun daripada https://www.malaysiakini.com/news/537305,

Malaysiakini. (10 Ogos 2010). *Polis buat 6 serbuan terhadap kegiatan perjudian di Sungai Buloh.* Dimuat turun daripada https://www.malaysiakini.com/news/537986

MacAskill, E. (13 September 2019). Snowdern, I was a perso the most powerful government in the world wanted to go away. Dimuat turun daripada https://www.theguardian.com/us-news/ng-interactive/2019/sep/13/edward-snowden-interview-whistleblowing-russia-ai-permanent-record

McIntosh, R. (3 Ogos 2018). *The CFTC granted $45 million in whistleblower rewards last month.* Dimuat turun daripada https://www.financemagnates.com/cryptocurrency/news/the-cftc-granted-45-million-in-whistleblower-rewards-last-month/

Mcloud,D. (2 Oktober 2019). Feds fine Hyundai $47 million for violating emissions regs for construction equipment. Equipment World. . Dimuat turun daripada https://www.equipmentworld.com/equipment/article/14971611/feds-fine-hyundai-47-million-for-violating-emissions-regs-for-construction-equipment

McNicoll, T. (23 September 2019). *Mammoth French trial begins for drugmaker, regulator in Mediator scandal.* Dimuat turun daripada https://www.france24.com/en/20190923-france-pharmaceutical-mediator-mammoth-trial-drugmaker-servier-regulator-scandal

Mohd Shahrizal. (n.d.). *Konsep Pendedahan Maklumat*. Dimuat turun daripada http://www.scribd.com/doc/60182970/Konsep-Pendedahan maklumat

Moore, J.T. (17 Mac 2020). *Recent APPS case shows importance of whistleblowers, Captain.* Dimuat turun daripada https://gcaptain.com/recent-apps-case-shows-importance-of-whistleblowers/

Myers, A. (n.d.). *Whistleblowing: Civil society's challenge*. Expert Coordinator, Whistleblowing International Network (WIN). Dimuat turun daripada

https://whistlenetwork.files.wordpress.com/2014/01/myers-article-website-version-jan14.pdf

Nailor, J., et. al. (2020). *Whistleblowers: the UK perspective*. Global Investigation Review. Dimuat turun daripada https://www.lexology.com/library/detail.aspx?g=11b2949b-67cd-440f-a2c3-ca61493e61d9

National Whistleblower Center. (n.d.). *Foreign Corrupt Practices Act Whistleblower FAQ*. National Whistleblower Centre. Dimuat turun daripada https://www.whistleblowers.org/faq/foreign-corrupt-practices-act-qui-tam/

National Whistleblower Center. (n.d.). *International whistleblower protections*. Dimuat turun daripada http://www.whistleblowers.org/resources/international-whistleblowers,

National Whistleblower Centre. (n.d.). *The False Claims Act*, Dimuat turun daripada https://www.whistleblowers.org/protect-the-false-claims-act/

National Whistleblower Centre. (n.d.). *False Claim Act/ Qui Tam FAX*. Dimuat turun daripada https://www.whistleblowers.org/faq/false-claims-act-qui-tam/

National Whistleblower Centre, *Support court access for federal employee whistleblowers*, (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.whistleblowers.org/support-federal-employee-whistleblowers/

OECD. (2017). *The role of whistleblowers and whistleblower protection*, Dimuat turun daripada https://www.oecd.org/corruption/anti-bribery/OECD-The-Role-of-Whistleblowers-in-the-Detection-of-Foreign-Bribery.pdf

Office of Administrative Law Judges. (2016). *USDOL/OALJ Reporter: ARB Decision Caselist - October 2016*,", Dimuat turun daripada https://www.dol.gov/agencies/oalj/PUBLIC/ARB/REFERENCES/CASELISTS/10_2016

Ogrysko, N. (2018). *Stars aligned for civil service reform in 1978; will they again in 2018?* Dimuat turun daripada https://federalnewsnetwork.com/workforce/2018/08/stars-aligned-for-civil-service-reform-in-1978-will-they-again-in-2018/

O'Neal, M.J. (23Sept 2019). *Lloyd–La Follette Act 1912*.j ENCYCLOpedia.com. Dimuat turun daripada https://www.encyclopedia.com/history/encyclopedias-almanacs-transcripts-and-maps/lloyd-la-follette-act

Online Library of Liberty. (1887). *Lord Acton:"Power tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely.* Dimuat turun daripada https://oll.libertyfund.org/quotes/214

Petronas Whistleblowing. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.petronas.com/whistleblowing

Phillips & Cohen. (n.d.). *False Claims Act*. Dimuat turun daripada https://www.phillipsandcohen.com/false-claims-act-history/

Polisi Pemberian Maklumat TNB. Dimuat turun daripada https://www.tnb.com.my/assets/files/TCIMS-004_POLISI_PEMBERIAN_MAKLUMAT.pdf

Public Concern at Work. (n.d.) *Whistleblowing case summaries*. Dimuat turun daripada http://www.whistleblowing.org.uk/law-policy/legal-updates/whistleblowing-case-summaries

QC, A. H. (1989). *Investigation into the Clapham Junction Railway Accident*. London: The Department of Transport. Dimuat turun daripada http://www.weathercharts.org/railway/Clapham_Junction_Collision_1988.pdf

Ramli, F.N. (2016). *Mahkamah Malaysia tolak cabaran Akta Hasutan kartunis Zunar,"* Berita Benar, , Dimuat turun daripada https://www.benarnews.org/malay/berita/my-zunar-kes-160414-04142016173221.html

Ray, M. (n.d.). *Edword Snowden, American intelligence contractor*. Dimuat turun daripada https://www.britannica.com/biography/Edward-Snowden

Ray, M. (n.d.). *Chelsea Manning, United States intelligence analysist*. Dimuat turun daripada https://www.britannica.com/biography/Chelsea-Manning

Recommendation of the OECD Council on Improving Ethical Conduct in the Public Service, Including Principles for Managing Ethics in the Public Service. (2022). Dimuat turun daripada https://legalinstruments.oecd.org/public/doc/129/129.en.pdf

Record breaker on trial: Who is Zunar. (6 November 2015). Dimuat turun daripada https://www.article19.org/resources/record-breaker-on-trial-who-is-zunar/

Report of Ethics Officer. (2016). ILO. Dimuat turun daripada https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/---webdev/documents/publication/wcms_713665.pdf,

Robertson, S. (2009). *New York Times Co. V US (1971)*. The First Amendment Encylopedia, Dimuat turun daripada https://www.mtsu.edu/first-amendment/article/505/new-york-times-co-v-united-states

Rosmah's solar trial: D-day for Rosmah as corruption verdict due on thursday, (Ogos 2022). EdgeInvest, Dimuat turun daripada https://klse.i3investor.com/web/blog/detail/ceomorningbrief/2022-08-31-story-h1628847750-Rosmah_39_s_Solar_Trial_D_day_for_Rosmah_as_Corruption_Verdict_Due_on_T

Universiti Utara Malaysia

Rouse, M. (Julai 2018). *Whistleblower Protection Act*. Dimuat turun daripada https://searchcompliance.techtarget.com/definition/Whistleblower-Protection-Act, (Diakses pada 11 September 2019)

Schenck V. United States. Baer V. Same (1919). Dimuat turun daripada https://www.law.cornell.edu/supremecourt/text/249/47

Scott, T.J. (n.d.). *The comparative method of legal research*, Dimuat turun daripada https://web.up.ac.za/sitefiles/file/47/J%20Scott%20-%20Comparative%20research%20perspectives%20_Private%20law_.pdf

Speech by YB Datuk Liew Vui Keong, Minister In The Prime Minister's Department (Law) Launching Of The Workshop: Towards Better Whistle Blower Protection In Malaysia (1 Ogos 2019). Dimuat turun daripada https://www.bheuu.gov.my/pdf/ucapan/TEKS%20UCAPAN%20YBM/Talking%20points%20WBA%20Workshop%20010819.pdf

Steensma, D.P. (2016). *The Farid Fata medicare fraud case and misplaced incentives in oncology care*. American Society of Clinical Oncology. Dimuat turun daripada https://ascopubs.org/doi/full/10.1200/jop.2015.008557

Sukumaran, T. (2019). *Key 1MDB witness Nor Salwani Muhammad praised by Malaysians for 'pencil case' recording.* This Week in Asia. Dimuat turun daripada https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/3038991/key-1mdb-witness-nor-salwani-muhammad-praised-malaysians-pencil

Swissinfo.ch. (14 Februari 2019). *1MDB whistleblower under investigation in Switzerland*. Dimuat turun daripada https://www.swissinfo.ch/eng/corruption_1mdb-whistleblower-under-investigation-in-switzerland/44756374

Terracol,M. (2018). *A best practise guide for whistleblowing legislation*. Transparency International. Dimuat turun daripada https://transparency.eu/wp-content/uploads/2018/03/2018_GuideForWhistleblowingLegislation_EN.pdf

Terry, M. (7 Oktober 2020). *Whistleblower and former BARDA director Rick Bright resigns from government.* Dimuat turun daripada https://www.biospace.com/article/rick-bright-trump-admin-vaccine-expert-and-whistleblower-resigns/

The Edge owner gifts RM8.2 million to 1MDB whistleblower Xavier Justo. (1 Februari 2019). Channel News Asia. Dimuat turun daripada https://www.channelnewsasia.com/news/asia/the-edge-gifts-rm8-2-million-1mdb-whistleblower-xavier-justo-11193290

The Employment Law Group. (n.d.). *Civil Service Reform Act of 1978*. Dimuat turun daripada https://www.employmentlawgroup.com/resources/statutes/civil-service-reform-act-of-1978/

The Phrase Finder. (n.d.) https://www.phrases.org.uk/meanings/absolute-power-corrupts-absolutely.html

Tracinski, R. (2018) *Lord Acton's Most Famous Maxim Explains The Catholic Church Scandal*. Dimuat turun daripada https://thefederalist.com/2018/09/26/lord-actons-famous-maxim-explains-catholic-church-scandal/

Transparency International. (n.d.) *Corruption Perceptions Index 2014: Results*. Dimuat turun daripada https://www.transparency.org/cpi2014/results

Transparency International. (n.d.). *Corruption preceptions Index 2017*. Dimuat turun daripada https://www.transparency.org/news/feature/corruption_perceptions_index_2017

Transparency International Malaysia. (n.d.). *Perceptions of corruption and incidences of bribery, one year after GE 13- Transparency International–Malaysian launches the 2014 Malaysian Corruption Barometer Results*. Dimuat turun daripada http://transparency.org.my/what-we-do/indexes/global-corruption-barometer/ti-m-2014-malaysia-corruption-barometer-mcb-results

Transparency International. (n.d.). *Standards of public participation*. Dimuat turun daripada https://www.transparency.org/files/content/corruptionqas/Standards_of_public_participation_2015.pdf

Transparency International. (n.d.). *Whistle blowing is an effective tool in combating corruption.* Dimuat turun daripada http://cism.my/cismv2/uploads/articles/article/201106151722010.TI_PolicyPosition_Pendedahan maklumat_17_Nov_2010.pdf

Transparency International, *Whistleblower Protection and the UN Convention Against Corruption. (2013*). Dimuat turun daripada file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/2013_WhistleblowerProtectionUNCAC_EN.pdf

Transparensy International. (2010). *Whistleblowing: the effective tool in the fight against corruption.* Dimuat turun daripada https://www.transparency.ie/sites/default/files/TIPendedahan maklumat.pdf

Tworek, A. S. (2020). *Whistleblowing as a mechanism of fraud risk management in economic practice.* Financial Internet Quarterly 98, Dimuat turun daripada file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/[1734039X%20-%20Financial%20Internet%20Quarterly]%20Whistleblowing%20as%20a%20Mechanism%20of%20Fraud%20Risk%20Management%20in%20Economic%20Practice.pdf

US Government Accountability Office (1980). *Civil Service Reform – where it stands today.* Dimuat turun daripada https://www.gao.gov/products/fpcd-80-38

United States Consumer Product Safety Commission. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.cpsc.gov/About-CPSC/Inspector-General/Whistleblower-Protection-Act-WPA

US Consumer Product Safety Commission. (n.d.). *Whistleblower Protection Act (WPA*) Dimuat turun daripada https://www.cpsc.gov/About-CPSC/Inspector-General/Whistleblower-Protection-Act-WPA

US Merit System Protection Board. (2011). *Blowing the whistle: barriers to federal employees making disclosures.* Dimuat turun daripada https://www.nsf.gov/oig/_pdf/MSPB%20-%20Blowing%20the%20Whistle%20-%20Barriers%20to%20Federal%20Employees%20Making%20Disclosures.pdf

Well known expression. (n.d.). Dimuat turun daripada https://www.bookbrowse.com/expressions/detail/index.cfm/expression_number/118/power-corrupts-absolute-power-corrupts-absolutely

Whistleblower Protection and the UN Convention Against Corruption. (2013). Dimuat turun daripada file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/2013_WhistleblowerProtectionUNCAC_EN.pdf

Worth, M. (11 Disember 2020). *Malaysian company executive criminally charged with whistleblower retaliation*. Whistleblower Network News**.** Dimuat turun daripada https://whistleblowersblog.org/2020/12/articles/global-whistleblowers/malaysian-company-executive-criminally-charged-with-whistleblower-retaliation/

1

Worth, M., et al. (2018). *Safe or Sorry: Whistleblower Protection Laws in Europe Deliver Mixed Results*. Blueprint for Free Speech. Dimuat turun daripada https://static1.squarespace.com/static/5e249291de6f0056c7b1099b/t/5ea0705d3338f119bc6df460/1587572832619/BLUEPRINT-Safe-or-Sorry-Whistleblower-Protection-Laws-in-Europe-Deliver-Mixed-Results.pdf

Worth, M., Dreyfus, S. and Hanley, G. (n.d.). *Gaps in the System: Whistleblower Laws in the EU.* Blue Print Report Series. Dimuat turun daripada file:///C:/Users/StafUUM_PC/Downloads/BLUEPRINT-Gaps-in-the-System-Whistleblowers-Laws-in-the-EU.pdf

Jason Zuckerman. (2019). *SOX Corporate Whistleblower Protection Attorneys*. Dimuat turun daripada https://www.zuckermanlaw.com/sarbanes-oxley-sox-whistleblower-law/

Yatim, H. (16 Januari 2020). *Najib's defence spends 45 minutes discrediting Nor Salwani's 3-hour long recording*. The Edge Markets. Dimuat turun daripada https://www.theedgemarkets.com/article/najibs-defence-spends-45-minutes-discrediting-nor-salwanis-3hour-long-recording

Zuckerman, J. (31 Julai 2020). *Who is Protected under the whistleblower protection provision of the Sarbanes-Oxley Act*. Zuckerman Law. Dimuat turun daripada https://www.zuckermanlaw.com/sp_faq/protected-whistleblower-protection-provision-sarbanes-oxley-act/